

**Marilah Berkenalan Dengan**

*Ahl al-Sunnah wa al-*

*Jama'ah*

**Hafiz Firdaus Abdullah**

**Judul:**

Marilah Berkenalan Dengan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*

**Penulis:**

Hafiz Firdaus Abdullah  
019-3848467  
hafizf@tm.net.my

© Hafiz Firdaus Abdullah.

Dianjurkan membuat salinan untuk tujuan pengajian ilmu. Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menyalin dengan apa cara jua untuk tujuan komersil tanpa keizinan bertulis daripada penulis.

Cetakan Kedua: 2007

**Penerbit:**

Perniagaan Jahabersa  
15, Jalan Dataran 3/3, Taman Kempas,  
81200 Johor Bahru,  
Johor Darul Takzim,  
Malaysia.

Tel: 07-235 1602, 07-235 1605.

Fax: 07-235 1603

<http://www.jahabersa.com.my>

[jahabers@tm.net.my](mailto:jahabers@tm.net.my)

[jahabers@starhub.net.sg](mailto:jahabers@starhub.net.sg)

**Pencetak:**

Bin Halabi Press  
12/21 Mo.1 Talubo MOUNG Pattani, Thailand 94000  
Tel: 66-73-310296, 310339  
Fax: 66-73-334863

## **Kandungan**

---

<b>Pendahuluan</b>	<b>5</b>
<b>Berkenalan Dengan Ciri-Ciri <i>Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah</i> Dalam:</b>	
• <b>Mengambil Sumber Agama</b>	<b>15</b>
• <b>Aqidah</b>	<b>69</b>
• <b>Fiqh</b>	<b>157</b>
• <b>Akhlak</b>	<b>169</b>
• <b><i>Amar Ma'ruf dan Nahi Mungkar</i></b>	<b>209</b>
• <b>Politik</b>	<b>259</b>
• <b>Berinteraksi Dengan Kaum Bukan Islam</b>	<b>319</b>
<b>Penutup</b>	<b>327</b>



إن الحمد لله نحمده ونستعينه ونستغفره, ونعوذ بالله من  
شرور أنفسنا ومن سيئات أعمالنا, من يهده الله فلا مضل  
له ومن يضلل فلا هادي له. ونشهد أن لا إله إلا الله وحده  
لا شريك له ونشهد أن محمدا عبده ورسوله.

Segala puji bagi Allah, kami memuji-Nya dan kami memohon  
pertolongan-Nya dan kami memohon keampunan-Nya, dan kami  
berlindung kepada Allah dari keburukan diri kami dan dari  
keburukan perbuatan kami. Sesiapa yang diberi petunjuk oleh Allah  
maka tiadalah kesesatan baginya dan sesiapa yang disesatkan oleh  
Allah maka tiadalah petunjuk baginya. Kami bersaksi bahawa tiada  
tuhan kecuali Allah yang Maha Esa, tiada sekutu bagi-Nya dan  
kami bersaksi bahawa Muhammad adalah hamba-Nya dan Rasul-  
Nya.

### **Kenapa subjek *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*?**

Agaknya itulah persoalan pertama yang timbul di fikiran  
para pembaca sekalian terhadap buku saya ini. Persoalan ini sesuatu  
yang saya jangkakan kerana jika diteliti buku-buku di pasaran, akan  
ditemui sejumlah yang memberi tumpuan kepada subjek *Ahl al-  
Sunnah wa al-Jama'ah*. Ada yang tebal, ada yang nipis. Ada yang  
ringan, ada yang ilmiah. Justeru mengapa saya turut memberi  
tumpuan kepada subjek ini? Bukankah lebih baik jika diberikan  
tumpuan kepada subjek yang masih minimum diperbincangkannya?

Sebenarnya terdapat beberapa sebab mengapa saya memilih  
untuk turut memberi tumpuan kepada subjek *Ahl al-Sunnah wa al-  
Jama'ah*. Sebabnya boleh dibahagi kepada dua.

#### **Pertama:**

Apabila kita meneliti secara mendalam buku-buku yang ada di pasaran dalam subjek *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, akan ditemui bahawa ia hanya memberi tumpuan kepada beberapa aspek:

1. **Maksud** *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dari sudut bahasa, iaitu orang-orang Islam yang pakar tentang sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan berjamaah dalam mengikutinya.
2. **Siapakah** *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, dimana masing-masing individu, aliran dan kelompok mendakwa merekalah *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* manakala yang lain bukan. Namun apabila ditanya apakah yang dimaksudkan dengan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, mereka gagal menerangkan ciri-cirinya. Kegagalan ini menyebabkan pelbagai teori serta amalan yang aneh membentuk ciri-ciri pemikiran serta perbuatan mereka. Lebih memberatkan, semua yang aneh tersebut mereka anggap berada dalam ruang lingkup *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.
3. **Sejarah** *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, dimana ciri-ciri *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dikupas dengan cara memandang ke belakang pada zaman generasi awal umat Islam. Jarang-jarang ciri-ciri ini dikupas dengan metod yang berpijak pada realiti masa kini dengan pandangan ke arah masa depan. Hasilnya umat Islam hanya mengetahui ciri-ciri *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dan aliran-aliran yang menyimpang pada zaman awal Islam. Mereka tidak mengetahui bagaimana mempraktikkan ciri-ciri tersebut pada masa kini, juga bagaimana menangani aliran-aliran yang menyimpang pada masa kini.
4. **Aqidah** *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, dimana tumpuan

hanya diberi kepada subjek aqidah, khasnya berkenaan nama-nama dan sifat-sifat Allah. Ini memberi gambaran seolah-olah *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* hanya menyentuh isu aqidah dan tidak selainnya.

Empat sebab di atas menyebabkan saya merasa perlu menyusun sebuah buku yang memberi pengenalan tentang ciri-ciri *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dalam aspek yang lebih luas, iaitu:

1. Menerangkan **apakah** dan bukan **siapakah** *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Dengan menerangkan apakah ciri-ciri *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, **kita** sama-sama dapat menjadi *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* berdasarkan dalil, hujah dan kefahaman, bukan dakwaan semata-mata.
2. Berdasarkan **dalil**, **hujah** dan **kefahaman**, kita dengan sendirinya dapat membasmi dan menangkis apa-apa pemikiran, ucapan dan perbuatan yang tidak menepati ciri-ciri *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Kita tidak lagi perlu mengikut secara membuta kepada sekian-sekian individu yang cenderung kepada mencipta pemikiran, ucapan dan perbuatan yang tersendiri lalu cuba menjustifikasikannya di atas nama *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.
3. Mengupas ciri-ciri *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* berdasarkan **realiti masa kini** dengan **pandangan ke hadapan**, agar para pembaca mengetahui cara berpegang dan mempraktikannya. Oleh itu perbincangan tentang aliran Khawarij, Murji'ah dan sebagainya tidak akan disertakan. Metod ini bukanlah bererti menafikan kepentingan sejarah zaman awal umat Islam, tetapi lebih kepada membawa manhaj generasi awal umat Islam, iaitu generasi *al-Salaf al-Shalih*, kepada realiti masa kini. Seolah-olah, jika generasi *al-Salaf al-Shalih* hidup pada

zaman kita, apa dan bagaimanakah sikap mereka dalam membela Islam yang tulen dan membawa umatnya ke arah kejayaan yang diredhai oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

4. Pengenalan kepada ciri-ciri *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* **tidak dihadkan kepada aqidah** sahaja, tetapi diluaskan kepada fiqh, akhlak, politik dan sebagainya.

#### **Kedua:**

Dalam kerjaya saya sebagai seorang juruterbang, ada sesuatu yang digelar *Standard Operating Procedures*. Ia adalah beberapa buah buku yang memuatkan ciri-ciri bagaimana untuk “memandu” kapalterbang dengan selamat, sama ada dalam suasana kebiasaan atau kecemasan. Saya yakin para pembaca sekalian, dalam bidang kerjaya masing-masing sama ada doktor, jurutera, peguam, guru dan sebagainya, juga memiliki sesuatu seumpama yang disediakan oleh pihak majikan. *Standard Operating Procedures* ini membolehkan semua kakitangan dalam sesebuah firma atau jurusan bekerja dengan cara yang teratur dan terarah untuk mencapai matlamat.

Tidak ketinggalan adalah para pelajar dimana masing-masing memiliki silibus bagi jurusan pengajian masing-masing. Silibus ini menentukan ciri-ciri yang perlu dipelajari dalam jurusan tersebut untuk melengkapkan kursus pengajian. Silibus ini tidak jauh berbeza dengan *Standard Operating Procedures* yang saya sebut di perenggan sebelumnya.

Maka saya terfikir, apakah mungkin dibuat satu *Standard Operating Procedures* atau silibus bagi umat Islam? Tentu mungkin dan tentu patut. Sebenarnya sesuatu yang mirip kepada *Standard Operating Procedures* atau silibus sudah ada di kalangan umat Islam. *Standard Operating Procedures* atau silibus ini dikenali

dengan nama *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Ia memuatkan ciri-ciri yang sepatutnya diketahui dan dipraktikkan oleh umat Islam dalam beragama.

Secara lebih terperinci, sejarah kelahiran *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dapat diringkaskan seperti berikut. Beberapa dekad selepas kewafatan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, sebahagian umat Islam berpecah daripada aliran yang utama (*mainstream*) dan membentuk beberapa aliran, setiapnya memiliki beberapa ciri baru yang tersendiri. Ciri-ciri tersebut ada yang mereka ambil daripada agama lain atau pemikiran luar dan ada yang mereka cipta sendiri. Setiap aliran menonjolkan ciri-ciri yang tersendiri dan mereka menggelar diri mereka dengan nama-nama tertentu seperti Syi'ah, Khawarij, Jahmiyah dan sebagainya.

Kelahiran aliran-aliran ini menyebabkan umat Islam, khasnya para sahabat, merasa perlu untuk membuat satu nama untuk diri mereka sendiri, agar kedudukan mereka sebagai aliran yang benar lagi utama (*mainstream*) dapat dibezakan daripada aliran yang berpecah tersebut. Nama yang mereka pilih adalah *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Di sebalik nama tersebut terdapat sejumlah ciri yang perlu dipegang dan dipraktikkan oleh umat Islam agar mereka tetap berada di atas jalan kebenaran, jalan yang dibawa oleh al-Qur'an dan al-Sunnah. Ringkasnya, *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* adalah *Standard Operating Procedures* atau silibus bagi umat Islam.

*Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* tidak memilih nama Islam untuk diri mereka sendiri kerana mereka tidak menghukum aliran-aliran yang berpecah itu sebagai kafir atau telah keluar dari Islam. *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* sangat berhati-hati dalam menghukum sesuatu aliran. Mereka sekadar menghukum aliran-aliran tersebut sebagai aliran bid'ah atau puak yang berpecah

(*firqah*) tanpa berlebih-lebihan sehingga menghukum mereka sebagai keluar dari Islam.

Seterusnya dengan nama tersebut, *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* berusaha keras untuk membetulkan aliran-aliran yang berpecah, menerangkan kesalahan-kesalahan mereka dan memperingatkan umat Islam daripada kesalahan tersebut. Justeru akan didapati salah satu ciri utama *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* ialah melaksanakan *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar*, dimana apa yang *ma'ruf* adalah sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* manakala apa yang *mungkar* adalah bid'ah yang meyelisih sunnah tersebut. Maka *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* di sepanjang zaman dapat dikenali sebagai mereka yang sentiasa menyuruh ke arah sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan melarang daripada bid'ah. Sebaliknya jika ditemui mereka yang membela bid'ah dan membenci sunnah, maka ketahuilah bahawa itu bukan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Penjelasan yang lengkap dalam persoalan ini boleh dirujuk dalam buku *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah: Ma'alim al-Intilaqat al-Kubra* oleh Muhammad 'Abd al-Hadi al-Misri yang telah diterjemah oleh Baharuddin Ayudin atas judul *Mercu-Mercu Kegemilangan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*; diterbitkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, 1998). Ini adalah sebuah buku yang amat bermanfaat dan telah menjadi rujukan utama oleh para pengkaji, penulis, pensyarah dan penceramah dalam subjek *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.

Wujud salah faham di kalangan ramai, termasuk para ilmuan, kononnya *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* diasaskan oleh Abu al-Hasan al-Asya'ari *rahimahullah* (324H). Ini adalah satu kesalahan. Yang benar, Abu al-Hasan al-Asya'ari adalah salah seorang tokoh yang mewarisi ciri-ciri *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang telah wujud sejak zaman para sahabat *radhiallahu 'anhum*. Beliau meneruskan perjuangan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dalam menjelaskan apa yang sunnah dan apa yang bid'ah kepada masyarakat pada zamannya. al-Baihaqi *rahimahullah* (458H) menjelaskan hakikat ini:

Maka atas dasar ini, saya berusaha untuk menyusun sebuah buku yang dapat menjadi *Standard Operating Procedures* atau silibus bagi umat Islam. Penulisan ini saya tuju kepada:

1. Diri saya sendiri. Sebagai seorang yang masih belajar tentang Islam, saya ingin mengetahui apakah ciri-ciri yang membentuk *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, sekali gus menjadi *Standard Operating Procedures* atau silibus bagi diri saya. Maka tiada cara terbaik untuk mengetahui dengan mendalam sesuatu perkara melainkan dengan menulis buku. Ini kerana menulis akan memaksa penulisnya untuk mengkaji subjek yang bakal ditulisnya secara mendalam. Maka *alhamdulillah*, sejak saya mula menulis subjek ini

---

Syaikh kami, Abu al-Hasan al-Asya'ari *rahimahullah* tidaklah mencipta di dalam agama Allah ini sesuatu yang baru dan tidaklah dia mendatangkan padanya sesuatu bid'ah. Sebaliknya beliau mengambil doktrin para sahabat dan para tabi'in dan daripada (orang-orang) sesudah mereka daripada kalangan para imam dalam prinsip agama. Kemudian beliau mempertahankannya dengan memberi syarahan tambahan dan penjelasan. Dan (beliau membuktikan) bahawa apa yang diperkatakan tentang persoalan prinsip (agama) dan apa yang datang tentangnya dari pembuat syari'at (Allah) adalah benar di sisi akal yang sahih, berbeza dengan apa yang didakwa oleh para pengikut hawa nafsu bahawa sebahagian daripada prinsip tersebut tidak selari dengan pandangan akal.

Maka penjelasan beliau merupakan penguat kepada apa yang (sebelum itu) tidak dibuktikan ke atasnya oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dan pertahanan kepada doktrin para imam sebelumnya seperti Abu Hanifah dan Suyfan al-Tsauri daripada kalangan ahli Kufah, al-Auza'i dan selainnya daripada kalangan ahli Syam, Malik dan al-Syafi'e daripada kalangan ahli Haramain dan sebagainya daripada kalangan Semenanjung Arab dan baki yang seterusnya daripada lain-lain negeri, dan seperti Ahmad bin Hanbal dan selainnya daripada kalangan Ahl al-Hadits. [Diriwayatkan oleh Ibn 'Asakir dalam *Tabyin Kazb al-Muftari fi Ma Nusiba ila al-Imam Abu al-Hasan al-Asya'ari* (*tahqiq*: Zahir al-Kautsari; Dar al-Fikr, Damsyik), ms. 103.]

pada bulan Mei 2006, puluhan buku berkenaan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* telah saya kaji, daripada yang ditulis oleh para tokoh pada zaman awal sehinggalah ke zaman mutakhir.<sup>2</sup>

2. Umat Islam yang ingin kembali kepada Islam yang tulen. *Alhamdulillah* pada masa kini terdapat satu keinginan yang kuat di kalangan umat Islam untuk kembali kepada Islam yang tulen, iaitu Islam yang berlandaskan al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih. Mereka ingin mempelajari ciri-ciri *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* berdasarkan manhaj *al-Salaf al-Shalih*, iaitu sikap generasi awal umat Islam dalam beragama. Jika ciri dan manhaj ini dapat dipegang dengan betul, nescaya umat Islam pada zaman kini akan dapat meraih kemuliaan sebagaimana yang diraih oleh generasi

---

<sup>2</sup> Dari cetakan pertama, saya menerima maklumbalas dari para pembaca yang bertanya mengapa saya tidak memberi rujukan kepada ciri-ciri yang dikemukakan di bahagian notakaki serta mengapa tidak disenaraikan sumber-sumber rujukan di akhir buku.

Saya menjelaskan bahawa ciri-ciri yang saya kemukakan dalam buku ini boleh ditemui dalam sumber-sumber rujukan para tokoh *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dari zaman *al-Salaf al-Shalih* hingga zaman kini. Saya tidak menyenaraikannya kerana ia akan mengambil ruang yang banyak. Rujukan saya bukan sekadar empat atau lima buku, tetapi empat puluh hingga lima puluh buah buku, bahkan lebih. *Alhamdulillah*.

Dalam cetakan kedua ini, saya terfikir untuk menyenaraikan sumber rujukan. Akan tetapi kemudiannya saya terfikir pula: Apa kata saya bukakan hal ini kepada para pembaca sekalian?

Jadikan buku ini sebagai sumber kajian, iaitu para pembaca menganalisisnya serta membandingkannya dengan rujukan-rujukan muktabar *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Dengan cara ini para pembaca dapat meluaskan kajian. Pada waktu yang sama para pembaca juga dapat membetulkan saya seandainya penjelasan saya dalam buku ini ada yang silap atau tidak tepat.

Dipersilakan.

*al-Salaf al-Shalih*. Semua ini menyebabkan saya merasa perlu diusahakan sebuah buku yang dapat menjadi *Standard Operating Procedures* atau silibus bagi memenuhi keinginan tersebut.

3. Umat Islam yang sudah mengenali ciri-ciri *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Mereka adalah umat Islam yang bersungguh-sungguh untuk berpegang kepada ciri-ciri *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* lagi beristiqamah di atasnya. Akan tetapi dalam beberapa ciri tertentu, sikap mereka perlu diperkemas, perlu diperindahkan. Salah satu sikap yang dimaksudkan adalah gopoh menuduh orang lain sebagai *Ahl al-Bid'ah*. Padahal *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* sangat berhati-hati dalam menghukum seseorang sama ada sebagai ahli maksiat atau *Ahl al-Bid'ah*. Sebaliknya sikap gopoh menghukum adalah ciri *Ahl al-Bid'ah* yang sebenar.

Justeru buku ini juga *insya-Allah* diharapkan dapat menjadi *Standard Operating Procedures* atau silibus kepada mereka yang sudah mengenali *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* tetapi masih memiliki sifat rendah diri lagi terbuka untuk mengkajinya secara lebih mendalam.

#### **Metod penulisan.**

Untuk mencapai objektif di atas, saya membahagikan buku ini kepada beberapa bab, setiapnya menjelaskan secara terperinci ciri-ciri *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dalam bab tertentu seperti aqidah, fiqh, akhlak dan sebagainya. Bagi setiap bab, ciri-ciri *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* saya jelaskan dengan teks hitam dan besar manakala penjelasan kepada ciri tersebut saya berikan dengan saiz teks yang biasa.

Dalam mengemukakan penjelasan ini, saya memilih metod yang dinamik antara yang panjang, sederhana dan ringkas, bergantung kepada kepentingan atau pengetahuan tentang sesuatu ciri itu di kalangan masyarakat. Disamping itu, sebahagian penjelasan akan saya arah kepada buku-buku rujukan lain agar para pembaca sekalian dapat memperoleh perincian yang lebih mendalam di sana. Dimana boleh, saya akan kemukakan buku rujukan dalam bahasa Malaysia, Indonesia dan Inggeris bagi memudahkan para pembaca yang tidak mahir dalam bahasa Arab untuk mengkajinya.

Saya berdoa kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* agar usaha kecil ini dapat memenuhi tujuan penulisan yang saya sebutkan di atas. Ribuan terima kasih diucapkan kepada rakan-rakan yang membantu penulisan ini, sama ada dalam bentuk memberi cadangan atau membuat pembedulan. Kesempurnaan hanyalah milik Allah, maka dengan itu saya tidak nafikan mungkin wujud kesilapan atau kekurangan dalam penulisan ini. Pembedulan dan cadangan daripada para pembaca sekalian amat dialu-alukan.

Hafiz Firdaus bin Abdullah

31 March 2007 (Cetakan Pertama)

11 Ogos 2007 (Cetakan Kedua)

## **Berkenalan Dengan Ciri-Ciri**

# ***Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*** **Dalam Mengambil Sumber** **Agama.**

## **Pengenalan:**

Ciri-ciri dalam mengambil sumber agama juga disebut sebagai *Manhaj Talaqqi*. Ia membentuk asas yang amat penting dalam perbincangan berkenaan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Banyak individu mahupun kumpulan sejak dari zaman awal Islam sehinggalah ke masa-masa yang akan datang, tersasar dari jalan yang lurus kerana tidak memiliki ciri-ciri yang benar dalam mengambil sumber agama. Ciri-ciri ini bukanlah sesuatu yang baru, ia lazim disebut-sebut oleh kita sebagai “Berpegang teguh kepada al-Qur’an dan al-Sunnah”. Namun bagaimana ciri-ciri kita berpegang kepada al-Qur’an dan al-Sunnah, itulah yang menjadi tumpuan dalam bab yang pertama ini.

**A: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* meletakkan al-Qur’an dan al-Sunnah di tangga yang teratas. Tidak ada petunjuk mahu pun hujah yang dapat mendahului petunjuk dan hujah al-Qur’an dan al-Sunnah. Justeru *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* tidak berfikir, berucap atau berbuat sesuatu melainkan ia**

**berasal daripada al-Qur'an dan al-Sunnah manakala hasil daripada pemikiran, ucapan dan perbuatan tersebut juga selari dengan al-Qur'an dan al-Sunnah.**

**Penjelasan:**

Ciri ini berdasarkan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

***Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mendahului (melakukan sesuatu perkara) sebelum (mendapat hukum atau kebenaran daripada) Allah dan RasulNya; dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.*** [al-Hujurat 49:01]

Ciri ini membetulkan manhaj sebahagian orang yang mendahului Allah dan Rasul-Nya dalam mencipta dan melakukan sesuatu pemikiran, ucapan atau amalan. Kemudian apabila ditanya apakah dalilnya daripada al-Qur'an dan al-Sunnah, barulah mereka mencari-cari ayat dan hadis yang dapat disesuaikan dengan pemikiran, ucapan dan amalan tersebut. Apabila ternyata tidak ada yang dapat dijadikan dalil, mereka beralih kepada strategi menggunakan ayat dan hadis yang umum, mentakwilkan maksudnya dengan takwilan yang batil<sup>3</sup>, menggunakan hadis yang tertolak sanadnya, atau – yang paling masyhur – memberi alasan: “Memang tidak ada dalam al-Qur'an dan al-Sunnah, tetapi Allah dan Rasul-Nya tidak melarangnya”.

Strategi di atas ditolak oleh ayat pertama surah al-Hujurat di atas. Dalam urusan agama, sesuatu pemikiran, ucapan dan

---

<sup>3</sup> Takwil adalah mengalih sesuatu ayat atau hadis daripada maksud zahir kepada maksud lain.

perbuatan hendaklah mengikuti al-Qur'an dan al-Sunnah, bukannya mendahului al-Qur'an dan al-Sunnah.

Tidak termasuk dalam perbincangan di atas adalah sarana yang digunakan untuk mencapai sesuatu hasil. Sarana boleh, bahkan patut, dipelbagaikan asalkan hasilnya tidak mendahului Allah dan Rasul-Nya. Penulisan yang menarik, penyampaian yang kreatif, perumpamaan yang membangkitkan minda, internet, persembahan *Power Point* dan sebagainya adalah sarana-sarana yang tidak termasuk dalam larangan mendahului Allah dan Rasul-Nya.

**B: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* mengunggulkan al-Qur'an dan al-Sunnah di tangga yang teratas secara zahir dan batin.**

**Penjelasan:**

Ditekankan faktor **zahir** dan **batin** kerana sebahagian orang menyebut-nyebut bahawa mereka mengunggulkan al-Qur'an

dan al-Sunnah, tetapi hakikatnya mereka hanya mengunggulkan secara zahir manakala batinnya mengunggulkan sesuatu selain al-Qur'an dan al-Sunnah, seperti pendapat tuan guru, amalan masyarakat serta faktor-faktor keduniaan seperti ego dan maruah.

Seandainya terbukti pemikiran, ucapan dan perbuatan mereka selari dengan al-Qur'an dan al-Sunnah, pasti mereka akan bergembira dan menonjol-nonjolkan keselarian tersebut. Namun apabila terbukti berbeza dengan al-Qur'an dan al-Sunnah, batin (dada) mereka terasa amat sempit lagi gusar, lalu mereka berpaling daripada al-Qur'an dan al-Sunnah atau cuba menjustifikasikan pemikiran, ucapan dan perbuatan tersebut dengan strategi yang seumpama mereka yang tidak mendahulukan al-Qur'an dan al-Sunnah.

Faktor zahir dan batin amatlah penting kerana ia merupakan ciri-ciri orang yang benar imannya:

*Demi sesungguhnya, Kami telah menurunkan ayat-ayat yang menerangkan (hakikat kebenaran dengan berbagai dalil dan bukti); dan Allah memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya ke jalan yang lurus.*

*Dan (di antara orang-orang yang tidak dikehendaki-Nya ke jalan yang lurus ialah) mereka yang berkata: “Kami beriman kepada Allah dan kepada Rasul-Nya serta kami taat”; kemudian sepuak dari mereka berpaling (membelakangkan perintah Allah dan Rasul) sesudah pengakuan itu, dan (kerana berpalingnya) tidaklah mereka itu menjadi orang-orang yang sebenarnya beriman.*

*Dan (bukti berpalingnya mereka ialah) apabila mereka*

*diajak kepada Kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya supaya menjadi hakim memutuskan sesuatu di antara mereka, maka dengan serta-merta sepuak dari mereka berpaling ingkar (menolak ajakan itu jika keputusan tidak menguntungkan mereka).*

*Dan (sebaliknya) jika keputusan itu memberi hak kepada mereka, mereka segera datang kepadanya dengan tunduk taat (menerima hukumnya).*

*(Mengapa mereka bersikap demikian), adakah kerana hati mereka mengandungi penyakit atau kerana mereka ragu-ragu, atau pun kerana mereka takut bahawa Allah dan Rasul-Nya akan berlaku zalim kepada mereka? (Allah dan Rasul-Nya tidak sekali-kali akan berlaku zalim) bahkan merekalah sendiri orang-orang yang zalim (disebabkan tindakan mereka itu).*

*Sesungguhnya perkataan yang diucapkan oleh orang-orang yang beriman ketika mereka diajak ke pada Kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya, supaya menjadi hakim memutuskan sesuatu di antara mereka, hanyalah mereka berkata: “Kami dengar dan kami taat”, dan mereka itulah orang-orang yang beroleh kejayaan. [al-Nur 24: 46-51]*

**C: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah* berinteraksi**

dengan al-Qur'an dan al-Sunnah melalui tiga syarat berikut:

1. al-Sunnah tersebut terbukti sahih sebagaimana yang dinilai oleh para mujtahid atau ahli hadis yang muktabar.
2. al-Qur'an dan al-Sunnah dirujuk secara keseluruhannya. Ini kerana keseluruhan al-Qur'an dan al-Sunnah, sama ada antara ayat dengan ayat, antara hadis dengan hadis dan antara ayat dengan hadis, ia saling melengkap, menjelas dan memperinci antara satu sama lain.
3. al-Qur'an dan al-Sunnah difahami berdasarkan kefahaman generasi *al-Salaf al-Shalih*.

**Penjelasan:**

Ketiga-tiga syarat di atas ditekankan kerana jika dikaji sejarah pelbagai aliran dan kelompok yang tersasar dari dulu hingga kini, bahkan pada masa-masa akan datang, akan didapati mereka juga berinteraksi dengan al-Qur'an dan al-Sunnah. Akan tetapi:

1. Mereka tidak membezakan darjat al-Sunnah yang dirujuk. Malah kebanyakan hadis yang mereka dakwa sebagai al-Sunnah memiliki darjat yang amat lemah (*dha'if jiddan*),

palsu (*maudhu'*) atau yang tidak memiliki asal usulnya.

2. Mereka tidak merujuk kepada al-Qur'an dan al-Sunnah secara keseluruhannya. Mereka hanya mengambil sebahagian al-Qur'an dan/atau sebahagian al-Sunnah, sekadar apa yang selari dengan kehendak mereka.
3. Mereka tidak memahami al-Qur'an dan al-Sunnah berdasarkan kefahaman para sahabat. Mereka memahami atau melakukan takwil yang amat pelik terhadap al-Qur'an dan al-Sunnah sehingga akhirnya melahirkan pemikiran, ucapan dan perbuatan yang berbeza dengan *al-Salaf al-Shalih*.

Para pembaca sekalian boleh mengkaji buku saya yang menjawab golongan anti hadis (*20 Hujah Golongan Anti Hadis dan Jawapannya*) dan yang menjawab golongan Syi'ah (*Jawapan Ahl al-Sunnah Kepada Syi'ah Rafidhah Dalam Persoalan Khalifah*) untuk melihat bagaimana golongan-golongan ini memiliki dalil daripada al-Qur'an dan al-Sunnah untuk mendokong kefahaman mereka. Namun cara mereka berinteraksi dengan al-Qur'an dan al-Sunnah tidak menepati tiga syarat di atas sehingga akhirnya menyebabkan mereka tersasar dari jalan yang benar. Semoga Allah *Subhanahu wa Ta'ala* membimbing kita dan mereka ke jalan yang benar.

Pemahaman generasi *al-Salaf* menjadi hujah berdasarkan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

***Dan sesiapa yang menentang (ajaran) Rasulullah sesudah terang nyata kepadanya kebenaran petunjuk (yang dibawanya), dan dia pula mengikut jalan yang lain dari jalan***

***orang-orang yang beriman, Kami akan memberikannya kuasa untuk melakukan (kesesatan) yang dipilihnya, dan (pada Hari Akhirat kelak) Kami akan memasukkannya ke dalam neraka jahanam; dan neraka jahanam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali.*** [al-Nisa' 4:115]

Yang dimaksudkan dengan ***orang-orang yang beriman*** ialah generasi yang pertama sekali menerima risalah Islam daripada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, iaitu para sahabat, kemudian diikuti oleh generasi selepas mereka, iaitu para tabiin, diikuti dengan generasi selepas mereka, iaitu tabi-tabiin. Maka ***jalan*** mereka ialah kefahaman mereka tentang al-Qur'an dan al-Sunnah yang mereka terima daripada Rasulullah. Orang-orang selepas mereka hendaklah mengikuti jalan yang sama, iaitu kefahaman yang sama. Ayat di atas memberi ancaman keras bagi sesiapa yang mengikuti jalan atau kefahaman yang berbeza dengan kefahaman generasi awal, iaitu generasi *al-Salaf*.

Namun tidak semua individu daripada kalangan generasi *al-Salaf* yang dapat digunakan kefahaman mereka sebagai hujah kerana ada di kalangan mereka yang tidak mengikuti jalan atau kefahaman para sahabat. Oleh kerana itu perkataan *al-Salaf* dilengkapi dengan perkataan *al-Shalih* iaitu, mereka yang mengikuti apa yang baik lagi benar daripada jalan atau kefahaman para sahabat. Ini berdasarkan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

***Dan orang-orang yang terdahulu - yang mula-mula (berhijrah dan memberi bantuan) dari orang-orang Muhajirin dan Ansar, dan orang-orang yang menurut (jejak langkah) mereka dengan kebaikan, Allah redha akan mereka dan mereka pula redha akan Dia, serta Dia menyediakan untuk mereka***

*syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya; itulah kemenangan yang besar.* [al-Taubah 9:100]

**D:** *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* tidak membezakan al-Sunnah antara *mutawatir* atau *ahad* untuk dijadikan sumber rujukan. Selagi mana ia adalah sahih, *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* menerima *Hadis Ahad* sebagai sumber ilmu yang meyakinkan sehingga dapat dijadikan dalil dalam semua persoalan seperti aqidah, fiqh, hukum faraid, hukum hudud dan akhlak.

**Penjelasan:**

Demikian kedudukan pertengahan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* antara (1) mereka yang menolak al-Sunnah secara mutlak, (2) mereka yang menerima al-Sunnah secara mutlak tanpa membezakan darjat hadisnya dan (3) mereka yang menerima sebahagian al-Sunnah, iaitu yang bersifat *mutawatir* dan menolak sebahagian al-Sunnah, iaitu yang bersifat *ahad*.

Membezakan antara *mutawatir* dan *ahad* hanya berlaku mulai kurun pertengahan, tidak pada zaman *al-Salaf al-Shalih*. Hadis *mutawatir* adalah hadis yang diriwayatkan oleh sekian banyak orang dalam setiap peringkat sanadnya sehingga mustahil berlaku kesilapan. Hadis *ahad* adalah hadis yang diriwayatkan oleh seorang, dua atau tiga orang sahaja dalam setiap peringkat sanadnya sehingga mungkin berlaku kesilapan.<sup>4</sup> Berkata Ibn al-Qayyim *rahimahullah* (751H) berkenaan penerimaan hadis *ahad* pada zaman *al-Salaf al-Shalih*:

Termasuk hal ini (kedudukan hadis *ahad*) ialah penghabaran sebahagian sahabat kepada sebahagian yang lain kerana mereka sesungguhnya berpegang teguh kepada hadis yang disampaikan oleh salah seorang dari mereka daripada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Tidak ada seorang pun daripada mereka yang berkata kepada orang yang menyampaikan hadis daripada Rasulullah bahawa hadis kamu adalah hadis *ahad* yang tidak memberi faedah ilmu sehinggalah

---

<sup>4</sup> Lebih lanjut, sila rujuk mana-mana buku ilmu hadis. Antara yang saya syorkan adalah *Mabhats fi 'Ulum al-Hadits* oleh Manna' al-Qaththan yang sudah diterjemahkan oleh Mifdhol Abdurrahman atas judul *Pengantar Studi Ilmu Hadits* (Pustaka al-Kautsar, Jakarta, 2005).

(ia bersifat) *mutawatir*.<sup>5</sup>

Ada pun pembezaan antara hadis *mutawatir* dan *ahad* oleh para ahli usul mulai kurun-kurun pertengahan, pembezaan tersebut hanya ditumpukan jika hadis *ahad* berdiri dengan sendirinya. Hadis *ahad* dalam bentuk sebegini, menurut para ahli usul tersebut, tidak dapat membawa ilmu yang meyakinkan. Akan tetapi jika hadis *ahad* tersebut memiliki pembuktian (*Qarinah*) daripada dalil yang lain atau sudah terkenal menjadi pemikiran dan amalan umat Islam sejak zaman awal (*al-Salaf*), maka para ahli usul berpendapat bahawa ia dapat membawa ilmu yang meyakinkan. Berkata al-Syaukani *rahimahullah* (1250H):

Ketahuiilah bahawa perbezaan pendapat yang kami sebut pada awal perbincangan ini berkenaan hadis *ahad* sama ada menghasilkan ilmu yang berupa sangkaan atau keyakinan, ia hanyalah berlaku apabila hadis *ahad* tersebut tidak disertai dengan pembuktian yang menguatkannya. Ada pun jika ia disertai dengan pembuktian yang menguatkannya atau ia sudah masyhur atau dikenali secara terperinci, maka perbezaan tersebut tidak berlaku.<sup>6</sup>

Pada hakikatnya hadis-hadis *ahad* tidak ada yang berdiri dengan sendiri melainkan ia memiliki pembuktian dari dalil yang lain dan/atau diamalkan oleh umat Islam sejak zaman awal. Justeru yang benar pembezaan antara hadis *mutawatir* dan *ahad* di

---

<sup>5</sup> *Mukhtasar al-Shawa'iq al-Mursalah (tahqiq: Ridhwan Jami'* Ridhwan; Dar al-Fikr, Beirut, 1997), ms. 712.

<sup>6</sup> *Irsyad al-Fuhul ila Tahqiq al-Haq min 'Ilm al-Usul (tahqiq: Muhammad Hasan bin Muhammad; Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut, 1999), jld. 1, ms. 203-204.*

kalangan para ahli usul hanyalah perbincangan teori manakala secara praktikalnya mereka tetap menerima hadis *ahad* sebagai dalil yang dapat membawa ilmu yang meyakinkan.

Para pembaca sekalian perlu menguasai perbezaan ini secara mendalam kerana pada masa kini ada sebahagian individu dan aliran yang menolak hadis *ahad* dengan alasan palsu konon para ahli usul juga menolak hadis *ahad*. Individu dan aliran ini sebenarnya berhajat untuk menolak hadis secara keseluruhan, lalu mereka memperalatkan perbincangan teori di kalangan para ahli usul untuk menjustifikasikan hajat mereka secara praktikal. Dengan menolak penggunaan hadis *ahad*, mereka sebenarnya menolak penggunaan hadis secara keseluruhan kerana jumlah hadis yang mencapai taraf *mutawatir* tidak sampai jumlah satu peratus dari keseluruhan hadis Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* yang dibukukan.

Selain itu perlu juga diketahui bahawa hanya seorang “Ahli Hadis” yang mampu membezakan sesuatu hadis sama ada ia adalah *ahad* atau *mutawatir*. Tidak boleh menerima dakwaan “Ini adalah hadis *ahad*” dari sebarang orang sekali pun dia masyhur di mata masyarakat sebagai seorang agamawan. Contoh yang lazim disebut-sebut adalah dalam bab azab kubur dan penurunan Nabi Isa pada akhir zaman. Saya telah membuktikan taraf *mutawatir* hadis-hadis dalam kedua-dua bab tersebut dalam artikel yang boleh dirujuk dalam buku *Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah (Buku 1)* terbitan Jahabersa, Johor Bahru.

**E: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* mengiktiraf, bahawa dalam kes-kes yang amat terpencil, wujud perbezaan dalam menilai darjat hadis di kalangan para ahli hadis. Ini kerana menilai darjat hadis adalah sebuah ijtihad yang tetap memungkinkan lahirnya perbezaan dalam hasil penilaian. Oleh itu:**

- 1. Jika berlaku perbezaan antara dua atau lebih tokoh, hendaklah diambil penilaian daripada tokoh yang memiliki hujah yang lebih kuat dan jelas.**
- 2. Jika berlaku perbezaan antara dua atau lebih tokoh, dimana kedua-duanya memiliki penilaian yang sama-sama kuat dan jelas, maka ia terbuka kepada kecenderungan masing-masing. Pada waktu yang sama masing-masing pihak hendaklah menghormati kecenderungan pihak yang berbeza dengannya.**
- 3. Jika berlaku perbezaan pada satu tokoh yang sama, hendaklah diambil penilaiannya yang terakhir.**
- 4. Jika tidak mampu membezakan antara dua penilaian yang berbeza, maka hendaklah menanggungkannya atau merujuk perbezaan tersebut kepada ilmuan yang mampu menghalusinya.**

**F: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* mengiktiraf wujudnya perbezaan pendapat dalam menerima hadis yang lemah (*dha'if*) dalam persoalan yang menerangkan keutamaan sesuatu amal (*Fadha'il 'Amal*), anjuran dan ancaman (*al-Tarhib wa al-Tarhib*) serta dalam persoalan yang didiamkan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah.**

Terhadap persoalan-persoalan di atas, sebahagian tokoh *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* mencukupkan diri dengan hadis-hadis yang *sahih* dan *hasan* manakala sebahagian tokoh *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang lain menerima hadis *dha'if*. Walaubagaimana pun penerimaan hadis *dha'if* dalam persoalan di atas hanya dibolehkan jika ia menepati empat syarat berikut:

- 1. Hadis tersebut dipastikan memiliki kelemahan yang ringan. Hadis yang berat kelemahannya (*Dha'if jiddan*), palsu (*maudhu'*) dan tidak diketahui asal-usulnya tidak diterima.**
- 2. Hadis tersebut termasuk dalam asas-asas agama.**
- 3. Hadis tersebut disampaikan dalam bentuk yang menunjukkan kelemahannya atau**

**disampaikan sambil menerangkan kelemahannya. Tidak boleh menyampaikannya dalam bentuk yang pasti kerana ia akan memberi sangkaan kepada masyarakat bahawa ia adalah sahih.**

- 4. Hadis tersebut digunakan dalam suasana yang terpencil. Tidak boleh menggunakannya secara meluas atau dengan kekerapan yang tinggi kerana ia akan memberi sangkaan kepada masyarakat bahawa ia adalah sahih.**

***Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* tidak menerima hadis *dha'if* yang tidak memenuhi syarat-syarat di atas, atau yang diragui sama ada memenuhi syarat-syarat di atas.**

**Penjelasan:**

Tiga syarat di atas terdapat dalam semua kitab ilmu hadis<sup>7</sup> manakala syarat yang keempat ini dikemukakan oleh Ibn Hajar al-‘Asqalani *rahimahullah* (852H) dimana beliau berkata:

Sedia dikenali bahawa para ahli ilmu mempermudah penerimaan hadis dalam bab keutamaan (*al-Fadha'il*) sekali pun

---

<sup>7</sup> Antara terawal yang mengemukakannya ialah al-Sakhawi *rahimahullah* (906H) dalam *al-Qaul al-Badi' fi Fadhli Shalat 'ala al-Habib al-Syafi'* (*tahqiq*: Muhammad 'Awwamah; Muassasah al-Rayan, Beirut, 2002), ms. 472-473.

di dalamnya memiliki kelemahan selagi mana ia bukan hadis *maudhu'*. Namun disyaratkan bagi orang yang mengamalkannya bahawa dia yakin hadis tersebut adalah *dha'if* dan dia tidak memasyhurnya kerana dibimbangi orang lain akan beramal dengan hadis yang *dha'if* tersebut (tanpa mengetahui ia adalah *dha'if*) sehingga mensyariatkan apa yang tidak disyariatkan atau dia meriwayatkannya kepada sebahagian orang yang jahil sehingga disangkakan ia adalah sunnah yang sahih.<sup>8</sup>

Pada asalnya jumbuh ulama' membolehkan penggunaan hadis *dha'if*, selagi mana ia menepati syarat-syaratnya. Apabila para ulama' tersebut mengamalkan hadis-hadis *dha'if*, mereka benar-benar memerhatikan syarat-syaratnya. Namun dengan berlalunya masa, ramai yang menggunakan hadis *dha'if* tanpa memerhatikan syarat-syaratnya. Maka meluaslah hadis-hadis yang amat lemah, palsu dan yang tiada asal usulnya.

Maka atas sebab ini serta beberapa sebab yang lain, beberapa ilmuan pada masa kini berpendapat melarang menggunakan hadis yang *dha'if* agar orang ramai tidak lagi terdedah kepada penggunaan hadis *dha'if* oleh mereka yang tidak bertanggungjawab terhadap syarat-syaratnya. Dengan pelarangan ini, orang ramai tidak lagi mengenal apa-apa hadis melainkan yang

---

<sup>8</sup> *Tabyin al-'Ujab bi ma warada fi Fadhli Rejab*, ms. 3-4; dinukil daripada *Tamam al-Minnah fi al-Ta'liq 'ala Fiqh al-Sunnah* oleh al-Albani (Dar al-Rayah, Riyadh, 1409H), jld. 1, ms. 36.

Keempat-empat syarat di atas beserta beberapa pemerhatian yang lain telah saya jelaskan dalam artikel *Hadis Dha'if: Hukum dan Syarat Pengamalannya* yang saya himpun dalam buku *Menelan Air Liur Tidak Membatalkan Puasa* terbitan Jahabersa, Johor Bahru.

sahih dan hasan sahaja.<sup>9</sup>

---

<sup>9</sup> Antara tokoh yang dimaksudkan adalah al-Albani sebagaimana yang beliau jelaskan di bahagian *Muqaddimah* bagi kitabnya *Shahih al-Tarhib wa al-Tarhib* (Maktabah al-Ma'arif, Riyadh, 2000) dan Yusuf al-Qaradhawi sebagaimana yang beliau jelaskan di bahagian *Muqaddimah* bagi kitabnya *al-Muntaqa min Kitab al-Tarhib wa al-Tarhib li al-Munziri* (Dar al-Wafa', Mesir, 1993).

Sahabat saya, Adlan Abd Aziz – semoga Allah menambah dan memberkati ilmunya, dalam artikelnya *Hukum Beramal Dengan Hadis Dhaif* menerangkan bahawa antara yang turut melarang adalah beberapa ahli hadis masa kini seperti Muhammad Ajjaj al-Khatib, 'Abd al-Qadir al-Arna'uth dan Syu'aib al-Arna'uth. [*Majalah i* (Kumpulan Karangraf, Shah Alam), edisi Mei 2006, ms. 73]

**G: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, dalam rangka meletakkan al-Qur'an dan al-Sunnah pada tangga yang teratas, berwaspada kepada unsur-unsur yang akan mengalih kedudukan tersebut kepada tangga yang ke bawah. Unsur yang dimaksudkan adalah bid'ah, kerana bid'ah bersifat menggantikan firman Allah dan sabda Rasul-Nya serta menenggelamkan al-Qur'an dan al-Sunnah sehingga akhirnya kedua-dua sumber tersebut terhapus daripada menjadi pegangan umat Islam.**

**Penjelasan:**

Berkata Hasan bin 'Athiyah:

Tidaklah satu kaum mencipta satu bid'ah dalam agama mereka melainkan Allah mencabut daripada sunnah (Nabi) mereka sesuatu yang semisalnya, kemudian tidaklah ia dikembalikan kepada mereka sehinggalah pada hari Kiamat.<sup>10</sup>

Perkara ini adalah sesuatu yang benar-benar berlaku pada masa kini dimana terdapat sebahagian amalan bid'ah yang sudah sebegitu masyhur di sisi masyarakat sehingga mereka menganggap ia adalah sebahagian daripada Islam. Malah apa yang sunnah menjadi bid'ah dan apa yang bid'ah menjadi sunnah. Apabila ditegur kepada mereka untuk kembali mengikuti Islam yang tulen,

---

<sup>10</sup> Dikeluarkan oleh al-Darimi dan sanadnya dinilai sahih oleh Husain Salim Asad dalam semakannya ke atas *Musnad al-Darimi*, hadis no: 99.

yang ditegur pula akan dilabel sebagai ahli bid'ah. Mereka akan berkata: "Lihatlah ahli bid'ah ini, mereka menyuruh kami meninggalkan ajaran Islam!"

Disebabkan kemampuan bid'ah untuk menghapuskan al-Qur'an dan al-Sunnah, para ilmuan berusaha membanteras bid'ah sekali pun ia berada pada tahap yang amat kecil. Ini kerana setiap bid'ah akan bermula secara kecil-kecilan lalu kemudian membesar secara bertahap-tahap sehingga akhirnya membumi di kalangan masyarakat serta dianggap sebagai Islam atau sunnah. al-Barbahari *rahimahullah* (329H) berpesan:

Jauhilah setiap perkara bid'ah sekecil mana pun kerana bid'ah yang kecil lambat laun akan membesar. Demikianlah dengan (setiap) bid'ah yang terjadi pada umat ini, ia berasal dari perkara kecil dan remeh yang mirip dengan kebenaran sehingga banyak orang terperdaya dan terkecoh, lalu mengikat hati mereka sehingga susah untuk keluar dari jeratannya. Akhirnya ia menjadi darah daging yang diyakini sebagai agama. Tanpa disedari, perlahan-lahan mereka menyelisih jalan yang lurus dan keluar dari Islam.<sup>11</sup>

Selain dua faktor di atas, terdapat banyak faktor lain yang menjadikan bid'ah salah satu dasar yang terpenting dalam Islam untuk dikawal dan dibasmikan. Ia bukanlah perkara "cabang" atau "ranting" yang boleh diremehkan. Berikut dikemukakan duabelas

---

<sup>11</sup> *Syarh al-Sunnah* (edisi terjemahan oleh Zaenal Abidin dengan judul yang sama; Pustaka Imam adz-Dzahabi, Jakarta, 2006), usul no: 07 dengan beberapa suntingan bahasa. Terdapat beberapa edisi terjemahan kitab *Syarh al-Sunnah*. Edisi terbitan Pustaka Imam adz-Dzahabi disyorkan kerana ia memuatkan sama matan arab asal dan catatan *pentahqiq* kitab, Kholid bin Qasim al-Roddadiy, di bahagian notakaki.

faktor tambahan:

- **Pencipta dan pengamal bid'ah menyekutukan Allah.**

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

***Adakah mereka mempunyai sembah-sembahan selain Allah yang mensyari'atkan untuk mereka agama yang tidak diizinkan oleh Allah?*** [al-Syura 42:21]

Agama Islam adalah kepunyaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sehingga Allah sahaja yang berhak untuk mensyari'atkan apa yang dikehendaki-Nya. Apabila manusia mencipta bid'ah di dalam Islam, bererti dia meletakkan dirinya pada kedudukan Allah sehingga layak mensyari'atkan sesuatu yang baru dalam agama. Apabila manusia mengikut sesuatu bid'ah, bererti dia mempunyai sembah, iaitu tuhan selain Allah, yang mensyari'atkan agama baru bagi dirinya untuk diikutinya. Oleh kerana itulah Allah bertanya dalam bentuk pengingkaran (*istifham ingkari*), apakah mereka “***...mempunyai sembah-sembahan selain Allah...***” sehingga layak dijadikan sumber pensyari'atan agama.

Yang dimaksudkan sebagai “***...sembahan-sembahan selain Allah...***” boleh terdiri daripada tokoh-tokoh kaum musyrikin yang mencipta syari'at tersendiri, lalu dijadikan agama yang berbeza daripada agama Islam. Ia juga boleh terdiri daripada tokoh-tokoh agama Islam yang mencipta syari'at tersendiri dalam bentuk pemikiran atau amalan, lalu menganggap ia adalah bahagian daripada agama Islam padahal ia berbeza daripada syari'at Islam tulen yang diturunkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Maka berdasarkan ayat 21 surah al-Syura di atas,

ketahuilah bahawa mencipta dan mengamalkan bid'ah dalam agama Islam adalah satu kesalahan yang amat berat kerana ia boleh membawa kepada dosa syirik.

- **Pencipta dan pengamal bid'ah menganggap Islam tidak sesuai untuk manusia.**

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

*Maka hadapkanlah wajahmu ke arah agama yang jauh dari kesesatan; (turutlah terus) agama Allah, iaitu agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya - fitrah) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada agama ciptaan Allah itu; itulah agama yang betul lurus tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.*  
[al-Rum 30:30]

Dalam ayat di atas, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* memerintah kita untuk "...*menghadapkan wajahmu...*", yakni merendahkan diri ke arah mengikut sepenuhnya agama Allah, iaitu agama Islam. Sebabnya, lanjut Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, adalah kerana agama Islam tersebut Allah ciptakan sesuai dengan fitrah manusia sehingga antara Islam yang tulen dan manusia yang sihat tidak mungkin ada pertentangan dan ketidak-sesuaian. Atas dasar kesesuaian ini, Allah melarang manusia daripada mencipta sebarang perubahan pada agama-Nya kerana ia sudah cukup betul lagi lurus.

Malang sekali kebanyakan manusia tidak mengetahui hakikat ini, lalu mereka mencipta dan mengamalkan perubahan pada agama Islam yang asal agar ia lebih sesuai, lebih baik dan

lebih molek dengan kehendak mereka.

Firman Allah yang bermaksud: “...*tidaklah patut ada sebarang perubahan pada agama ciptaan Allah...*” merupakan dalil jelas yang melarang bid‘ah. Ini kerana bid‘ah bersifat mengubah agama Allah yang sudah sedia sesuai di atas fitrah manusia. Selain itu mengubah agama Allah, yakni mencipta dan mengamalkan bid‘ah, bererti menganggap agama Islam yang pada asalnya diciptakan oleh Allah adalah tidak sesuai dengan fitrah manusia sehingga tidak lagi merupakan agama yang betul dan lurus. Maka atas anggapan ini, orang yang lazim mencipta dan mengamalkan bid‘ah akan “*memalingkan wajahnya*” kepada sesuatu yang lain daripada firman Allah (al-Qur’an) dan sabda Rasul-Nya (al-Sunnah).

Maka berdasarkan ayat 30 surah al-Rum di atas, ketahuilah bahawa mencipta dan mengamalkan bid‘ah dalam agama bererti menganggap Allah “tersilap” dalam mencipta agama Islam ini sehingga ia tidak sesuai dengan fitrah manusia. Maha suci Allah daripada anggapan sedemikian.

- **Pencipta dan pengamal bid‘ah menganggap Islam belum sempurna.**

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

*Pada hari ini Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepada kamu, dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agama untuk kamu.* [al-Maidah 5:03]

Dalam ayat yang masyhur di atas, Allah *Subhanahu wa*

*Ta'ala* mengiktiraf tiga perkara tentang agama Islam, iaitu:

1. Islam telah disempurnakan oleh Allah untuk kita.
2. Islam adalah satu nikmat yang telah Allah cukupkan untuk kita.
3. Islam telah Allah redhai sebagai agama untuk kita.

Apabila seseorang itu mencipta dan mengamalkan bid'ah, dia menafikan ketiga-tiga perkara di atas. Secara lebih terperinci:

1. Dia menganggap Islam masih belum sempurna sehingga masih perlu dikurang atau ditambah.
2. Dia menganggap kenikmatan Islam masih belum mencukupi sehingga masih perlu dikurang atau ditambah.
3. Dia menganggap Allah masih tidak meredhai Islam sehingga masih perlu dikurang atau ditambah.

Justeru apabila mencipta dan mengamalkan bid'ah, seseorang itu menganggap Allah “masih belum matang” dalam mengiktiraf kesempurnaan, kenikmatan dan keredhaan-Nya terhadap Islam sehingga masih perlu untuk dilakukan pengurangan atau penambahan. Maha suci Allah daripada anggapan sedemikian.

- **Pencipta dan pengamal bid'ah menganggap Rasulullah tidak sempurna dalam melaksanakan tugasnya.**

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

*Wahai Rasul (Allah)! Sampaikanlah apa yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu; dan jika engkau tidak melakukannya (dengan menyampaikan semuanya), maka bermakna tiadalah engkau menyampaikan perutusan-Nya. [al-*

Maidah 5:67]

Selanjutnya Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

***Tidak tertinggal sesuatu apa jua yang menghampirkan (kalian) kepada syurga dan menjauhkan (kalian) daripada neraka melainkan sungguh, telah dijelaskan kepada kalian.***<sup>12</sup>

Dalam hadisnya di atas, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menerangkan bahawa baginda telah pun menyampaikan segala yang “*diturunkan kepadamu dari Tuhanmu*”. Tidak sekadar itu, apa yang baginda sampaikan sudah mencapai kesempurnaan untuk menghampirkan umat Islam ke syurga dan menjauhkan umat Islam dari neraka.

Tidaklah seseorang itu mencipta dan mengamalkan bid‘ah melainkan dia menganggap Rasulullah “belum sempurna” dalam melaksanakan tugas baginda. Anggapan seperti ini adalah satu sindiran dan ejekan kepada baginda. Ini adalah satu kesalahan yang amat berat berdasarkan firman Allah:

***Katakanlah: “Patutkah terhadap Allah dan ayat-ayat-Nya***

---

<sup>12</sup> **Sanad Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Thabarani dalam *al-Mu‘jam al-Kabir*, jld. 2, hadis no: 1647 (*Min Ghara‘ib Musnad Abi Zar*). Dikemukakan oleh al-Haitsami dalam *Majma al-Zawa‘id* dan beliau berkata: “Para perawi al-Thabarani adalah para perawi yang sahih kecuali Muhammad bin ‘Abd Allah bin Yazid al-Maqri dimana beliau adalah *thiqat*.” Rujuk *Bughyah al-Ra‘id fi Tahqiq Majma’ al-Zawa‘id wa Manba’ al-Fawa‘id*, hadis no: 13971. Ali Hasan Ali ‘Abd al-Hamid al-Halabi mensahihkan sanadnya dalam *al-Itman li al-Takhrij Ahadits al-Musnad al-Imam*, hadis no: 21399, sebagaimana yang beliau sebut dalam bukunya *‘Ilm Ushul al-Fiqh al-Bida’* (edisi terjemahan oleh Asmuni Solihan atas judul *Membedah Akar Bid‘ah*; Pustaka al-Kautsar, Jakarta, 2000), ms. 5.

*serta Rasul-Nya kamu memperolok-olok dan mengejek?”  
Janganlah kamu berdalih (dengan alasan-alasan yang dusta),  
kerana sesungguhnya kamu telah kufur sesudah kamu beriman.  
[al-Taubah 9:65-66]*

- **Pencipta dan pengamal bid‘ah memisahkan diri daripada Rasulullah.**

Suatu ketika pernah beberapa orang bertanya kepada isteri Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* berkenaan amalan baginda. Lalu kerana ingin beribadah melebihi baginda, sebahagian daripada mereka berazam untuk tidak bernikah, sebahagian lagi enggan memakan daging dan sebahagian lagi enggan menyentuh tilam. Mendengar azam sedemikian, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* keluar, memuji Allah dan bersabda, maksudnya:

*Apa terjadi, kenapa orang-orang ini berkata sedemikian dan sedemikian? Padahal aku bersolat dan juga tidur, aku berpuasa dan juga berbuka dan aku juga mengahwini wanita. Maka sesiapa yang berpaling daripada sunnahku maka dia bukan daripada aku.*<sup>13</sup>

Orang yang mencipta dan mengamalkan bid‘ah lazim memberi alasan: “Apa salahnya, Nabi tak buat tetapi Nabi tak larang.” Hadis di atas membatalkan alasan ini. Orang-orang yang bertanya kepada isteri Rasulullah juga ingin menambah amal dan mereka menganggap ia tiada salahnya kerana Nabi tidak pernah melarangnya. Keinginan mereka kemudian dilarang oleh baginda, bahkan dikategorikan oleh baginda sebagai “...yang berpaling

---

<sup>13</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 1401 (*Kitab al-Nikah. Bab disunatkan bernikah bagi...*).

*daripada sunnahku...”.*

Hadis di atas juga menunjukkan bahawa sikap yang benar dalam mengikuti sunnah Rasulullah ialah melakukan apa yang dilakukan oleh baginda (*sunnah fi'iliyyah*) dan meninggalkan apa yang ditinggalkan oleh baginda (*sunnah tarkiyah*).

Selain itu hadis di atas dan penjelasan yang mengikutinya membatalkan kaedah yang dibuat-buat oleh para pencinta bid'ah, kononnya: “Apa yang didiamkan oleh Rasulullah tidak bererti dilarang”. Kaedah yang benar adalah: “Setiap ibadah adalah dilarang melainkan terdapat petunjuk daripada al-Qur'an dan al-Sunnah yang membolehkannya, manakala setiap urusan dunia adalah dibolehkan melainkan terdapat petunjuk daripada al-Qur'an dan al-Sunnah yang melarangnya”.

- **Bid'ah menjauhkan umat Islam daripada kejayaan.**

Dalam suasana kemunduran umat Islam masa kini, ramai yang mencari jalan untuk kembali menempuh kejayaan. Sayang sekali, jalan yang mereka tempuh ialah mencipta dan mengamalkan bid'ah seperti mengambil pemikiran bukan Islam dan mengislamisasikannya serta menambah atau mengurangkan amalan tertentu. Mereka menganggap Islam yang tulen tidak mampu untuk memandu umat ke arah kejayaan sehingga perlu dicipta dan diamalkan bid'ah.

Ini adalah jalan yang salah. Jalan yang benar adalah kembali kepada Islam yang tulen, iaitu firman Allah (al-Qur'an) dan sabda Rasul-Nya (al-Sunnah). Hanya dengan pemikiran dan amalan yang menepati petunjuk Allah dan Rasul-Nya, umat Islam

akan kembali menempuh kejayaan. Firman Allah:

*Dan (ingatlah) sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya dia telah berjaya mencapai sebesar-besar kejayaan. [al-Ahzab 33:71]*

*Sesungguhnya perkataan yang diucapkan oleh orang-orang yang beriman ketika mereka diajak kepada Kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya, supaya menjadi hakim memutuskan sesuatu di antara mereka, hanyalah mereka berkata: “Kami dengar dan kami taat”, dan mereka itulah orang-orang yang beroleh kejayaan. [al-Nur 24:51]*

- **Bid‘ah menceraikan-beraikan umat Islam.**

Satu fakta yang tidak tersembunyi sejak zaman awal Islam sehingga ke hari ini adalah umat Islam telah bercerai-berai kepada pelbagai aliran dan jamaah. Tidaklah aliran atau jamaah ini bercerai melainkan mereka terlebih dahulu mencipta dan mengamalkan bid‘ah, sama ada dalam bentuk pemikiran atau amalan, lalu mereka bercerai dan mengunggulkan diri sendiri dengan bid‘ah tersebut. Bid‘ah-bid‘ah tersebut menjadi ciri-ciri yang membezakan antara satu aliran dengan aliran yang lain, antara satu jamaah dengan jamaah yang lain. Bahkan ia membezakan aliran-aliran dan jamaah-jamaah tersebut dengan sunnah Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam*. Ini kerana sunnah lawannya adalah bid‘ah dan sunnah hanya satu manakala bid‘ah tidak terbatas jumlahnya.

Oleh kerana itulah Allah *Subhanahu wa Ta’ala* berfirman:

*Bahawasanya orang-orang yang menceraikan-beraikan agama mereka dan mereka menjadi berpuak-puak, tiadalah*

*engkau (wahai Muhammad) memiliki kaitan sedikit pun dalam (perbuatan) mereka. Sesungguhnya perkara mereka hanya terserah kepada Allah. Kemudian Dia akan menerangkan kepada mereka (pada Hari Kiamat kelak) apa yang telah mereka lakukan (dan membalasnya).* [al-An'aam 6:159]

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dibebaskan daripada memiliki apa-apa kaitan dengan aliran-aliran yang bercerai-berai kerana hakikatnya dalam mereka bercerai, mereka berpaling dan memisahkan diri mereka daripada sunnah baginda dan berpegang kepada bid'ah yang tidak berasal daripada baginda.

Sikap mencipta dan mengamalkan bid'ah, kemudian bercerai kepada pelbagai aliran dan jamaah dengan masing-masing mengunggulkan aliran dan jamaah tersendiri adalah sikap orang-orang musyrik yang Allah melarang kita daripada mengikutinya. Bahkan ia adalah salah satu keyakinan atau perbuatan yang mencemari kemurniaan tauhid seorang muslim. Firman Allah:

*Dan janganlah kamu termasuk orang-orang yang menyekutukan Allah, iaitu orang-orang yang memecah-belahkan agama mereka dan mereka menjadi beberapa golongan. Tiap-tiap golongan merasa bangga dengan apa yang ada pada golongan mereka.* [al-Rum 30:31-32]

- **Pencipta dan pengamal bid'ah tidak mendapat apa-apa ganjaran, malah terhapus ganjaran amalan-amalannya yang lain.**

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

*Sesiapa yang mencipta dalam urusan kami ini apa yang*

*tidak berasal daripadanya maka ia tertolak.*

*Dalam riwayat yang kedua, (Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda): Sesiapa yang beramal dengan amalan yang tidak berada atas urusan kami maka ia tertolak.<sup>14</sup>*

Berkata al-Nawawi *rahimahullah* (676H) ketika mensyarahkan hadis di atas sebagai:

Berkata pakar bahasa Arab, perkataan (الرد) dalam hadis ini memiliki makna tertolak, iaitu ia adalah batil tanpa sebarang keraguan terhadapnya. Dan hadis ini merupakan asas yang agung daripada asas-asas agama Islam. Ia merupakan salah satu daripada sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang padat tetapi memiliki makna yang amat luas. Sesungguhnya ia amat jelas dalam menolak setiap bid'ah dan orang-orang yang suka mencipta bid'ah.

Dalam riwayat yang kedua terdapat tambahan yang menjadi bantahan kepada sebahagian orang yang beramal dengan bid'ah yang tercipta sebelumnya, sehingga apabila diperhujahkan ke atasnya berdasarkan riwayat yang pertama, dia berkata: "Saya tidak mencipta apa-apa bid'ah". Maka diperhujahkan ke atasnya riwayat yang kedua dimana ia secara jelas menolak setiap jenis bid'ah sama ada pengamal tersebut mencipta bid'ah itu atau (sekadar mengamalkan) bid'ah yang sudah tercipta sebelumnya.

...dan hadis ini di antara yang patut dihafal dan

---

<sup>14</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 1718 (*Kitab al-Aqdiyah, Bab mengkritik hukum yang batil dan menolak urusan bid'ah*).

digunakan untuk membatalkan perbuatan-perbuatan mungkar (iaitu bid'ah) dan disampaikan sebagai dalil (bagi membatalkan perbuatan bid'ah).<sup>15</sup>

Tidaklah seseorang itu mencipta atau mengamalkan sesuatu bid'ah melainkan dia memiliki sikap angkuh bahawa apa yang dilakukan itu adalah lebih baik, lebih sempurna, lebih molek daripada sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Ini sebenarnya membatalkan seluruh amal seseorang itu sekalipun di antara amal tersebut ada yang benar-benar mengikuti sunnah baginda. Ini kerana sikap angkuh tersebut sinonim dengan sikap meninggikan suara di atas suara Rasulullah sebagaimana yang disentuh oleh ayat berikut:

*Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengangkat suara kamu melebihi suara Nabi, dan janganlah kamu menyaringkan suara (dengan lantang) semasa bercakap dengannya sebagaimana setengah kamu menyaringkan suaranya semasa bercakap dengan setengah yang lain. (Larangan yang demikian) supaya amal-amal kamu tidak hapus pahalanya, sedang kamu tidak menyedarinya. [al-Hujerat 49:02]*

- **Bid'ah mencemari ketulenan Islam.**

Termasuk kesan bid'ah adalah ia mencemari ketulenan Islam. Islam adalah agama terakhir yang diturunkan melalui Rasul Allah yang terakhir, Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam*. Jika bid'ah tidak dilarang, agama Islam akan mengalami perubahan

---

<sup>15</sup> *Syarh Shahih Muslim bi al-Nawawi (tahqiq: 'Irfan Haswanah; Dar Ihya' al-Turats al-'Arabi, Beirut, tp.thn), jld. 6, ms. 295.*

yang pelbagai sehingga dalam masa yang tidak seberapa, Islam yang tulen tidak lagi diketahui ramai dan diamalkan.

Tanpa larangan daripada melakukan bid'ah, Islam akan menjadi seperti agama-agama lain yang mengalami pelbagai perubahan. Tidak sekadar itu, Islam akan menjadi umpama sebuah drama yang boleh diubah-suai mengikut citarasa pengarah dan penontonnya. Dalam perkataan lain, Islam akan berubah-ubah mengikut citarasa para tokoh dan umatnya, bukan lagi Allah dan Rasul-Nya.

- **Pencipta dan pengamal bid'ah mengalami kerugian jangka masa panjang.**

Berdasarkan poin-poin di atas, dapat diketahui bahawa bid'ah memiliki implikasi yang amat besar kepada agama dan umat Islam. Pencipta dan pengamalnya akan mengalami kerugian yang amat besar di dunia dan akhirat.

Kerugian akan menjadi berlipat kali ganda apabila seorang pencipta bid'ah mengajar ciptaannya itu kepada orang ramai. Dia akan mendapat dosa selagi mana bid'ahnya itu diamalkan oleh mereka dan generasi-generasi seterusnya. Demikian juga bagi para pengamal bid'ah, sekali pun dia tidak mengajarnya, amalan tersebut tentu akan dicontohi oleh orang-orang terdekat seperti ahli keluarga, saudara-mara dan sahabat handai. Sekali lagi, dia akan mendapat dosa selagi mana bid'ahnya itu dicontohi oleh mereka dan generasi-generasi seterusnya. Inilah yang dimaksudkan sebagai "Pencipta dan pengamal bid'ah akan mengalami kerugian untuk jangka masa panjang".

Berbeza jika seseorang itu beristiqamah dengan amalan yang sahah berasal daripada al-Qur'an dan al-Sunnah, maka ajarannya atau amalannya, apabila diikuti oleh orang ramai, akan menghasilkan pahala kepadanya selagi mana ia diamalkan oleh mereka dan generasi-generasi seterusnya. Semua ini berdasarkan sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

***Sesiapa yang menyeru kepada petunjuk maka baginya pahala sepertimana pahala orang-orang yang mengikutinya tanpa dikurangi sedikit jua pahala mereka. Sesiapa yang menyeru kepada kesesatan maka ke atasnya dosa sepertimana dosa orang-orang yang mengikutinya tanpa dikurangi sedikit jua dosa mereka.***<sup>16</sup>

Bahkan apabila seseorang itu berusaha untuk menghentikan amalan bid'ah, sama ada yang turun-temurun dalam keluarganya atau masyarakatnya, dia tidak boleh dikatakan bersikap tidak sopan kepada orang-orang terdahulu dan merosakkan tradisi masyarakat. Yang benar dia berjasa besar kepada orang-orang yang terdahulu dan masyarakat. Ini kerana tindakannya menghentikan amalan bid'ah tersebut akan menghentikan kerugian daripada terus menimpa orang terdahulu yang mencipta dan mengamalkannya. Seterusnya jika diikuti dengan doa keampunan, pasti Allah, dengan sifat-Nya yang Maha Pengasih lagi Pengampun, akan mengampunkan dosa-dosa mereka yang terdahulu.

---

<sup>16</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 2674 (*Kitab al-'Ilm, Bab sesiapa yang membuat sunnah yang baik...*).

- **Pencipta dan pengamal bid'ah akan ditimpa bala bencana dan azab.**

Terdapat sekian banyak ayat al-Qur'an yang mewajibkan umat Islam untuk mentaati perintah larangan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Salah satu daripadanya adalah perintah mengikuti sunnah baginda dan larangan daripada membuat bid'ah, sebagaimana hadis baginda yang masyhur:

*Sesungguhnya sesiapa yang hidup selepasku akan melihat perselisihan yang banyak. Maka hendaklah kalian berpegang kepada sunnahku dan sunnah al-Khulafa al-Mahdiyyin al-Rasyidin (mendapat petunjuk). Berpeganglah dengannya dan gigitlah ia dengan geraham. Jauhilah kamu perkara-perkara yang diada-adakan (dalam agama) kerana setiap yang diada-adakan itu adalah bid'ah dan setiap bid'ah adalah sesat.*<sup>17</sup>

Sesiapa yang sengaja menjauhi sunnah dan mendekati bid'ah, maka dia termasuk orang yang mengingkari Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Dia termasuk dalam perbincangan ayat:

*Oleh itu, hendaklah mereka yang mengingkari perintahnya, beringat serta berjaga-jaga jangan mereka ditimpa bala bencana, atau ditimpa azab seksa yang tidak terperi sakitnya.* [al-Nur 24:63]

---

<sup>17</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Abu Daud dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud*, hadis no: 4609 (*Kitab al-Sunnah, Bab berkenaan mengikuti sunnah*).

- **Pencipta dan pengamal bid'ah sukar untuk bertaubat.**

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

***Sesungguhnya Allah menutupi tabir taubat dari setiap pencipta dan pengamal bid'ah.***<sup>18</sup>

Terdapat dua sebab mengapa pencipta dan pengamal bid'ah sukar untuk bertaubat:

**Pertama:** Pencipta dan pengamal bid'ah pada asalnya adalah mereka yang berpaling daripada al-Qur'an dan al-Sunnah. Mereka mengurangi, menambah dan mengubah suai daripada apa yang tulen daripada Allah dan Rasul-Nya. Sikap pencipta dan pengamal bid'ah yang berpaling daripada al-Qur'an dan al-Sunnah menyebabkan Allah memalingkan hati mereka dari kebenaran. Pemalingan ini menyebabkan mereka tidak tahu bahawa mereka berada di atas kesalahan, lalu tidak bertaubat darinya. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

***Maka ketika mereka berpaling (dari kebenaran yang mereka sedia mengetahuinya), Allah palingkan hati mereka (dari mendapat petunjuk); dan sememangnya Allah tidak memberi petunjuk kepada kaum yang fasiq.*** [al-Saff 61:05]

**Kedua:** Pencipta dan pengamal bid'ah berada di atas satu halunasi bahawa mereka sedang berada di atas kebenaran. Maka

---

<sup>18</sup> **Sanad Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Thabarani dalam *al-Mu'jam al-Ausath*, hadis no: 4202 (*Bab al-'Ain, Orang yang bernama 'Ali*). Dikemukakan oleh al-Haitsami dalam *Majma al-Zawa'id* dan beliau berkata: "Riwayat al-Thabarani dalam *al-Mu'jam al-Ausath*, para perawinya adalah sahih kecuali Harun bin Musa al-Farawi dimana beliau adalah *thiqat*." Rujuk *Bughyah al-Ra'id fi Tahqiq Majma' al-Zawa'id wa Manba' al-Fawa'id*, hadis no: 17457. Sanadnya dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Silsilah al-Ahadits al-Shahihah*, hadis no: 1602.

halunasi ini menyebabkan mereka merasakan tidak perlu bertaubat kerana taubat hanya untuk orang yang berada di atas kesesatan. Ibn Taimiyyah *rahimahullah* (728H) menjelaskan:

Oleh sebab itu para ilmuan Islam seperti Sufyan al-Tsauri dan selainnya berpendapat, sesungguhnya bid'ah lebih dicintai oleh iblis daripada maksiat.<sup>19</sup> Sebabnya, bid'ah tidak mempunyai harapan untuk bertaubat daripadanya manakala maksiat mempunyai harapan untuk bertaubat daripadanya. Maksud "bid'ah tidak mempunyai harapan untuk bertaubat daripadanya" ialah kerana pelaku bid'ah mengambil untuk agamanya apa yang tidak disyariatkan Allah, tidak juga Rasul-Nya, lalu menjadilah indah amalan yang sebenarnya buruk, sehingga dipandanginya sebagai baik.

Selagi mana dia memandangnya baik, maka tidak mungkin dia bertaubat. Ini kerana langkah pertama untuk bertaubat ialah seseorang itu menyedari perbuatannya adalah buruk lalu bertaubat daripadanya, atau dia merasa telah meninggalkan perintah, baik yang bersifat wajib atau sunat lalu bertaubat dan kembali mengamalkannya. Justeru selagi mana dia (pencipta dan pengamal bid'ah) menganggap baik satu perbuatan padahal yang benar ia buruk, maka selagi itulah dia

---

<sup>19</sup> Apakah perbezaan antara maksiat dan bid'ah? Maksiat adalah perbuatan orang yang mengakui perintah larangan Allah dan Rasul-Nya, tetapi tidak mentaati perintah larangan tersebut kerana nafsunya. Bid'ah adalah perbuatan sengaja berpaling atau mengubah perintah larangan Allah kepada apa yang difikirkannya lebih baik. Justeru pelaku maksiat sentiasa merasai bahawa kemaksiatan yang dilakukannya adalah salah, berbeza dengan pelaku bid'ah dimana dia sentiasa merasai bahawa bid'ah yang sedang dilakukannya adalah betul.

tidak bertaubat.<sup>20</sup>

Walaupun bagaimanapun semua ini bukanlah bermakna Allah *Subhanahu wa Ta'ala* tidak akan menerima taubat seandainya pencipta dan pengamal bid'ah ingin bertaubat kepada-Nya. Penjelasan Ibn Taimiyyah sekali lagi menjadi tumpuan:

Oleh kerana itu para ilmuan menyatakan: "Allah menutup pintu taubat bagi pencipta dan pengamal bid'ah", ertinya mereka (pencipta dan pengamal bid'ah) tidak mahu bertaubat kerana menyangka sedang berada di atas petunjuk. Seandainya mereka bertaubat, maka Allah akan menerima taubat mereka sebagaimana (Allah) menerima taubat orang kafir. Sesiapa yang mengatakan bahawa taubat pencipta dan pengamal bid'ah tidak diterima secara mutlak, maka dia telah salah dengan satu kesalahan yang amat dahsyat.<sup>21</sup>

Oleh itu *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* bukan sahaja meninggalkan bid'ah tetapi mereka menjauhkan diri dari sekecil-kecil bid'ah atau sesuatu yang masih samar-samar hukumnya sama ada bid'ah atau tidak. Ini kerana jika sebelah langkah telah termasuk dalam wilayah bid'ah, amat sukar untuk keluar daripadanya. Hakikat ini boleh diperhatikan pada suasana sebahagian individu atau masyarakat yang terjebak dalam bid'ah. Amat sukar untuk menarik mereka keluar ke arah sunnah. Bahkan hari demi hari ciptaan dan amalan bid'ah mereka bertambah kerana mereka menyangka sedang berada di atas hidayah yang bertambah-tambah.

---

<sup>20</sup>

*Majmu' al-Fatawa* (Dar al-Wafa', Kaherah 2002), jld. 10, ms. 09.

<sup>21</sup>

*Majmu' al-Fatawa*, jld. 11, ms. 684.

Duabelas faktor di atas adalah sebahagian daripada sekian banyak faktor kenapa *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* sangat berwaspada terhadap bid'ah, berusaha untuk membanterasnya dan mengingatkan umat Islam daripadanya. Ada pun maksud bid'ah, maka ia akan dijelaskan dalam bab aqidah *insya-Allah*.

**H: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* menerima kesepakatan *al-Salaf al-Shalih*, khasnya kesepakatan para sahabat, sebagai rujukan agama. Pada waktu yang sama *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* mengiktiraf bahawa dalam beberapa persoalan tertentu, wujud perbezaan pendapat di antara *al-Salaf al-Shalih*. Maka di antara perbezaan tersebut, *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* merujuk kepada pendapat yang paling mendekati al-Qur'an dan al-Sunnah.**

**Penjelasan:**

Ini merupakan kedudukan pertengahan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* antara (1) mereka yang menolak pendapat para sahabat secara mutlak dengan (2) mereka yang menerima pendapat para sahabat secara mutlak tanpa membezakan sama ada ia disepakati

atau diperselisihkan.

Pendapat generasi *al-Salaf al-Shalih* terbahagi kepada dua kategori:

- **Pertama:** Pendapat yang tidak duduk dalam wilayah ijthad, seperti dalam perkara aqidah dan ibadah. Pendapat kategori pertama ini menjadi rujukan selagi mana tidak ada pendapat lain daripada kalangan tokoh generasi *al-Salaf al-Shalih* yang menentanginya. Ini kerana sedia dikenali bahawa *al-Salaf al-Shalih* adalah satu generasi yang amat berhati-hati daripada mencipta sesuatu bid'ah dalam perkara aqidah dan ibadah. Justeru jika mereka menyatakan sesuatu pendapat dalam perkara aqidah atau melakukan sesuatu ibadah, ia dalam beberapa sudut tertentu memiliki asal usul daripada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sekali pun mereka tidak secara jelas menyandarkannya kepada baginda.
- **Kedua:** Pendapat yang duduk dalam wilayah ijthad, seperti dalam perkara fatwa, muamalat, strategi kepimpinan dan sebagainya. Pendapat kategori kedua ini dijadikan sumber perbandingan bagi para mujtahid masa kini dalam memberi sesuatu pendapat. Ini kerana sebagaimana tokoh generasi *al-Salaf al-Shalih* boleh berijthad, maka tokoh generasi kemudian juga boleh berijthad. Ijthad pada zaman *al-Salaf al-Shalih* mungkin tepat dan mungkin tidak tepat untuk dirujuk kepada isu zaman kini.

**I: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* menerima *al-Qiyas* sebagai sumber dalil agama, selagi mana ia dilaksanakan berdasarkan syarat-syarat yang digariskan oleh para ulama' *Ushul al-Fiqh* dan hasilnya tidak bertentangan dengan al-Qur'an, al-Sunnah dan kefahaman *al-Salaf al-Shalih*.**

**Penjelasan:**

*al-Qiyas* adalah memberi hukum kepada satu persoalan baru dengan menghubungkannya kepada persoalan yang sudah sedia ada hukumnya daripada al-Qur'an dan al-Sunnah berdasarkan kesamaan '*illat* (sebab) antara kedua-dua persoalan tersebut. *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* berada di pertengahan antara (1) mereka yang menolak *al-Qiyas* secara mutlak dengan (2) mereka yang mengamalkan *al-Qiyas* tanpa memerhatikan syarat-syaratnya.

Terdapat dua syarat yang jarang-jarang diperhatikan ketika

menggunakan *al-Qiyas*:

1. *al-Qiyas* tidak boleh digunakan untuk membuat ibadah yang baru. Ini kerana tidak boleh ada ibadah yang boleh menjadi “persoalan baru” dalam Islam. Pengecualian adalah dalam faktor yang menghalang kesempurnaan ibadah, dimana *al-Qiyas* boleh digunakan kerana penghalang tersebut boleh wujud dalam bentuk “persoalan baru” selari dengan peredaran zaman dan tempat. Contoh, hukum solat di atas kenderaan moden boleh diqiyaskan kepada hukum solat di atas unta kerana ia tidak melibatkan ibadah yang baru, cuma faktor penghalang yang baru. Kedua-duanya memiliki ‘*illat* yang sama, iaitu kesukaran untuk melaksanakan solat secara berdiri.
2. *al-Qiyas* tidak boleh digunakan untuk memberi hukum kepada persoalan yang sudah sedia wujud pada zaman Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam*. *al-Qiyas* hanya digunakan untuk “persoalan baru”, iaitu isu-isu yang wujud selepas terhentinya wahyu al-Qur’an dan wafatnya Rasulullah. Oleh itu sebagai contoh, tidak boleh mengqiyaskan hukum anjing dengan hukum khinzir kerana anjing sudah sedia wujud pada zaman Rasulullah dan baginda tidak menyatakan daging anjing adalah najis sebagaimana daging khinzir.

**J: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* mengiktiraf wujudnya perbezaan pendapat dalam menjadikan beberapa kaedah *Ushul al-Fiqh* sebagai dalil agama seperti *al-Istihsan*, *al-Maslahah al-Mursalah*, *al-'Uruf*, *Sadd al-Zar'ie* dan lain-lain. Maka penggunaan kaedah-kaedah tersebut diserahkan kepada kecenderungan masing-masing pihak asalkan ia dilaksanakan berdasarkan syarat-syarat yang digariskan dalam para ulama' *Ushul al-Fiqh*.<sup>22</sup>**

---

<sup>22</sup> Maksud kaedah-kaedah ini, cara mempraktikkannya dan perbezaan pendapat berkenaan telah disebut dalam hampir semua kitab *Ushul al-Fiqh*. Para pembaca boleh merujuk ke sana, antara yang disyorkan adalah karya H. Nasrun Haroen yang berjudul *Ushul Fiqh* terbitan Logos Wacana Ilmu, Jakarta, 1997.

**K:** *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* menerima peranan akal selagi mana ia digunakan untuk memahami al-Qur'an dan al-Sunnah, menggariskan kaedah penerapan dan pengamalan al-Qur'an dan al-Sunnah serta berijtihad dalam isu yang tidak disebut secara khusus oleh al-Qur'an dan al-Sunnah. *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* tidak mengunggulkan akal di atas al-Qur'an dan al-Sunnah sehingga menafi atau menakwilkan al-Qur'an dan al-Sunnah jika mendapati ia bertentangan dengan logik akal.

Seandainya wujud pertentangan antara akal dan al-Qur'an serta al-Sunnah, maka ia disebabkan oleh kekurangan akal itu sendiri untuk mencerna al-Qur'an dan al-Sunnah. Ini kerana akal yang sihat tidak akan bertentangan dengan al-Qur'an dan al-Sunnah.

**Penjelasan:**

Demikian kedudukan pertengahan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* antara (1) mereka yang menolak peranan akal secara mutlak dalam urusan agama dengan (2) mereka yang meletakkan kedudukan akal di tangga yang tertinggi dalam urusan agama.

Asal usul perselisihan dalam peranan akal berlaku apabila sebahagian umat Islam mula mempelajari ilmu logik yang dikupas

oleh para tokoh Yunani lama. Bagi mereka, logik bukan sekadar ilmu, tetapi alat yang menentukan sama ada sesuatu ilmu adalah benar atau batil. Maka ilmu logik duduk di atas segala ilmu yang lain kerana peranannya untuk menentukan sama ada sesuatu ilmu yang lain adalah benar atau tidak. Perkara ini masih berlaku sehingga masa kini dimana sebahagian orang suka menilai sama ada sesuatu ilmu yang baru diterimanya, adakah ia logik atau tidak. Jika logik, ia dianggap benar, jika tidak logik maka ia dianggap batil.

Antara yang turut diukur oleh ilmu logik ialah ajaran Islam. Perkara-perkara seperti azab kubur, Hari Akhirat dan sebagainya dari perkara ghaib ditolak kerana dianggap tidak logik. Di antara tokoh-tokoh Islam ada yang mendalami ilmu logik dengan alasan mereka ingin berdakwah dengan kaum atheis yang banyak menggunakan logik untuk menolak konsep ketuhanan. Maka untuk berdialog dengan mereka, para pendakwah Islam memerlukan ilmu logik untuk menjawab “logik” orang yang sedang mereka dakwahkan.

Tujuan ini ada kebenaran di sebaliknya. Akan tetapi jika ia digunakan untuk membahas persoalan ketuhanan, yang menang tidak semestinya umat Islam tetapi adalah orang yang lebih pandai berhujah dengan logik. Oleh kerana itulah apabila al-Qur’an mengajak manusia untuk mengenal Allah, ia tidak menggunakan ilmu logik. Sebaliknya ia menyuruh manusia merenungi ciptaan bumi, alam sekitar dan angkasa, yang dengan itu pasti manusia akan mengetahui ada Pencipta di sebaliknya.

Dalam mempelajari ilmu logik, ada segelintir tokoh Islam yang ekstrim sehingga menjadikannya kayu ukur bagi menentukan

kebenaran ajaran Islam, khasnya dalam perkara-perkara ghaib. Mereka menganggapnya sebagai ilmu yang paling mulia, paling prestij dan tidak mampu dicapai melainkan oleh sebilangan orang yang “terpilih”. Pengaruh ilmu logik dapat dilihat di pelbagai belahan dunia Islam masa kini, dimana terdapat beberapa institusi yang didirikan atas nama Pusat Pemikiran Islam atau *Islamic Thought*.

Ringkasnya, golongan ini telah meletakkan logik, atau dalam ertikata lain, telah meletakkan akal di tangga yang tertinggi dalam urusan agama. Sikap inilah yang kemudiannya melahirkan aliran ekstrim yang lain, yang menolak peranan akal secara mutlak dalam urusan agama.

Kemuliaan berada pada *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang berada di pertengahan di antara dua aliran ekstrim tersebut. *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah* menekankan bahawa apabila ditemui seseorang yang lazim membahas tentang apa-apa isu agama berdasarkan logik, maka janganlah ikut berbahas dengannya. Para tokoh *al-Salaf al-Shalih* telah berpesan agar tidak duduk berbahas dengan orang yang bermain logik. Ini kerana kebenaran tidak akan tercapai melainkan oleh siapa yang paling bijak bermain logik. Padahal agama yang diturunkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bukanlah berdasarkan logik, tetapi berdasarkan “Firman Allah” dan “Sabda Rasulullah.”

**L: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* menerima khazanah para ulama' seperti kitab-kitab aqidah, tafsir, syarah, fiqh dan sebagainya sebagai jambatan yang menghubungkan kepada al-Qur'an dan al-Sunnah. Setiap orang hendaklah memanfaatkan khazanah tersebut sesuai dengan tahap mereka.**

**Dalam memanfaatkan khazanah para ulama', *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* tidak menobatkan sifat maksum kepada mereka. Ini kerana sifat maksum hanya dimiliki oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Sekali pun tidak menobatkan sifat maksum kepada para ulama', *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* menahan diri daripada terburu-buru menuduh mereka sebagai melakukan kesilapan seandainya ditemui penjelasan mereka yang berbeza dengan keterangan al-Qur'an, al-Sunnah serta kefahaman *al-Salaf al-Shalih*. Ini kerana perbezaan tersebut mungkin berlaku kerana:**

- 1. Berlaku salah faham dalam mengkaji khazanah tersebut. Apa yang dibicara oleh ulama' tersebut berbeza dengan apa yang difahami oleh orang yang mengkajinya.**
- 2. Berlaku perbezaan tahap ilmu antara yang**

mengkaji dengan yang dikaji, dimana yang mengkaji tidak mampu mencerna apa yang sedang dikaji.

Oleh itu seandainya wujud perbezaan antara ulama' dengan keterangan al-Qur'an dan al-Sunnah serta kefahaman *al-Salaf al-Shalih, Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* menahan diri daripada terburu-buru dalam mengatakan ulama' tersebut telah melakukan kesilapan. Sebaliknya *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* akan menanggungkan perbezaan tersebut sehingga dapat dirujuk kepada ilmuan yang benar-benar mampu menghalusi perbezaan itu dan menjelaskan faktor-faktor di sebaliknya.

Seandainya jelas bahawa di antara perbezaan tersebut yang lebih kuat adalah keterangan al-Qur'an, al-Sunnah serta kefahaman *al-Salaf al-Shalih*, maka *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* akan meninggalkan pendapat ulama' tersebut dengan tetap menghormatinya, tanpa mengurangi hak-haknya sebagai seorang ilmuan mahu pun seorang Muslim.

*Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* mengecam segelintir individu yang mencela dan mengkritik para

**ulama' semata-mata kerana berlaku perbezaan sepertimana yang disebutkan di atas. Satu kesilapan di sisi seorang ulama' tidak boleh digunakan sebagai hujah untuk menghapuskan pelbagai kebenaran dan kebajikannya yang lain, sama ada dari sudut dirinya sebagai seorang ilnuan mahu pun sebagai seorang Muslim.**

**Penjelasan:**

Demikian kedudukan pertengahan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* antara (1) mereka yang menobatkan sikap maksum kepada kepada para ulama' dan menjadikan mereka sebagai pengganti kepada al-Qur'an dan al-Sunnah dengan (2) mereka yang merendah-rendahkan para ulama' dan menafikan sebarang peranan mereka dalam berinteraksi dengan al-Qur'an dan al-Sunnah. Berkata Sa'id bin 'Ali bin Wahf al-Qahthani:

*Ahl al-Sunnah* (yakni *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*) berada di tengah-tengah dalam berinteraksi dengan para ulama', *Ahl al-Sunnah* mencintai ulama'nya, berbudi luhur kepadanya, membela kehormatannya, menyebarkan nama baiknya dan menimba ilmu dengan dalil daripada mereka. *Ahl al-Sunnah* juga berpendapat ulama' adalah manusia biasa dan tidak maksum, kecuali apabila terjadi kesalahan, kelalaian atau hawa nafsu, maka hal ini tidak mengurangi kedudukan mereka. Ini kerana mereka adalah pewaris para Nabi sedangkan Nabi tidak mewariskan dinar mahu pun dirham, akan tetapi mewariskan

ilmu. Maka sesiapa yang mendapatkannya (ilmu daripada para ulama'), bererti dia mendapat bahagian yang cukup banyak.

Oleh kerana itu, tidak boleh mencaci dan membuka kekurangan mereka, mencari-cari kesalahan mereka lalu menyebarkannya di kalangan orang ramai. Ini kerana yang sedemikian itu akan menimbulkan kerosakan yang amat berat. Ibn 'Asakir berkata:

"Ketahuilah wahai saudaraku, mudah-mudahan Allah selalu membimbingku dan kamu untuk mendapatkan redha-Nya dan menjadikan kita tergolong dari kalangan orang-orang yang bertaqwa dengan sebenar-benar taqwa, bahawa daging para ulama' itu berbisa dan kemurkaan Allah adalah sedia maklum terhadap orang-orang yang membuka aib dan kekurangan mereka."

Dan barangsiapa yang memanjangkan lisannya dengan celaan dan kritikan terhadap ulama', maka Allah akan memberikan satu cubaan dan malapetaka baginya, iaitu hatinya menjadi mati sebelum jasadnya.<sup>23</sup>

---

<sup>23</sup> *Penjelasan Aqidah Ahlus Sunnah Wal Jamaah dan Kewajipan Untuk Mengikutinya* (edisi terjemahan oleh Farid Bathothi & Imam Mudzakkir; Pustaka as-Sunnah, Surabaya, 2003), ms. 67-68. Ada pun berkenaan hak ilmuan tersebut sebagai seorang muslim, rujuk buku *Huquq al-Ikhwah* oleh Shalih bin 'Abd al-Aziz Alu al-Syaikh yang telah diterjemahkan oleh Muhsin ibnu 'Abidin atas judul *Hak-Hak Persaudaraan Islam*, diterbitkan oleh Media Tarbiyah, Bogor, 2006.



# **Berkenalan Dengan Ciri-Ciri *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* Dalam Aqidah.**

## **Pengenalan:**

Subjek aqidah memiliki kedudukan yang amat penting dalam Islam. Terlebih penting di Malaysia kerana kita selama ini lebih didedahkan kepada subjek fiqh berbanding aqidah. Buku-buku dalam subjek Fardhu Ain yang membincang hukum-hukum fiqh sangat banyak di pasaran dan ia amat laris berbanding buku dalam subjek aqidah. Kebanyakan kuliah dan ceramah juga tidak ketinggalan untuk memberi fokus kepada subjek fiqh.

Sebenarnya antara fiqh dan aqidah, aqidah menduduki tangga di atas dari segi prioriti. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* memulai tugas dakwahnya dengan aqidah. Hanya 13 tahun kemudian, setelah berhijrah ke Madinah, baginda memberi tumpuan kepada fiqh.

Jika di satu sudut umat Islam di Malaysia banyak memberi tumpuan kepada fiqh, di sudut yang lain timbul pula sekumpulan lain yang hanya memberi tumpuan kepada aqidah. Malah mereka memandang serong kepada orang yang membicarakan fiqh. Ini merupakan satu kelaziman sifat manusia. Jika wujud sifat ekstrim di satu sudut, akan muncul pula sifat ekstrim ke sudut lain yang menyelisihinya sudut pertama. Yang benar setiap subjek dalam Islam seperti aqidah, fiqh, akhlak, jual-beli, ekonomi, politik, peperangan

dan sebagainya perlu dibincang dengan adil. Hanya jika hendak diukur dari sudut prioriti, maka subjek aqidah menduduki tangga yang pertama.

Dalam menyenaraikan ciri-ciri aqidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, saya tidak akan menyertakan ciri yang sudah diketahui ramai seperti Rukun Iman enam perkara atau perkara yang sudah tidak lagi dibincang oleh orang ramai pada masa kini seperti al-Qur'an adalah kalam Allah dan bukan makhluk.<sup>24</sup> Sebaliknya tumpuan akan diberi kepada ciri yang diperselisihkan oleh aliran lain dan ciri yang tidak diketahui oleh orang ramai.

---

<sup>24</sup> Perbincangan tentang al-Qur'an adalah Kalam Allah dan bukan makhluk boleh dirujuk dalam buku saya *Pembongkaran Jenayah Ilmiah Buku Salafiyah Wahabiyah* (Jahabersa, Johor Bahru, 2003), ms. 331 dan seterusnya.

**A:** *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* memiliki manhaj yang sah lagi jelas dalam persoalan aqidah kerana aqidah yang tercemar akan membatalkan semua amalan seseorang, malah boleh mengakibatkan dosa syirik yang tidak diampunkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Oleh itu jika terdapat sesuatu persoalan aqidah yang diperselisihkan atau samar-samar, *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* akan meninggalkannya dan mencukupkan diri dengan sesuatu yang sah lagi jelas.

**Penjelasan:**

Ini adalah satu manhaj yang amat penting kerana tersilap dalam aqidah sehingga mencemari kemurnian tauhid boleh membatalkan segala amalan seseorang, berdasarkan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

*Dan sesungguhnya telah diwahyukan kepadamu (wahai Muhammad) dan kepada Nabi-nabi yang terdahulu daripadamu: "Demi sesungguhnya! Jika engkau mempersekutukan (sesuatu yang lain dengan Allah) tentulah akan gugur amalan kamu, dan engkau akan tetap menjadi dari orang-orang yang rugi." [al-Zumar 39:65]*

Bahkan boleh menyebabkan dosa syirik yang tidak diampuni oleh Allah:

*Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa*

*syirik mempersekutukan-Nya (dengan sesuatu apa jua) dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut aturan syariat-Nya). Dan sesiapa yang mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), maka sesungguhnya dia telah melakukan dosa yang besar. [al-Nisa' 4:48]*

Oleh kerana itu *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* menjauhi sesuatu perkara aqidah yang diperselisihkan atau samar-samar hukumnya, seperti bertawasul dengan orang shalih yang telah meninggal dunia, mengambil berkat daripada orang atau tempat tertentu, berjumpa dengan bomoh yang tidak diketahui maksud bacaan jampinya dan sebagainya. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

الْحَالَالُ بَيِّنٌ وَالْحَرَامُ بَيِّنٌ وَبَيْنَهُمَا مُشَبَّهَاتٌ لَا يَعْلَمُهَا  
كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ. فَمَنْ اتَّقَى الْمُشَبَّهَاتِ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ  
وَعَرْضِهِ وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ كَرَّاعٍ يَرَعَى حَوْلَ الْحِمَى  
يُوشِكُ أَنْ يُوَاقِعَهُ أَلَا وَإِنَّ لِكُلِّ مَلِكٍ حِمَى أَلَا إِنَّ حِمَى اللَّهِ  
فِي أَرْضِهِ مَحَارِمُهُ.

*Perkara yang halal adalah jelas dan perkara yang haram adalah jelas. Di antara kedua-duanya terdapat perkara yang samar-samar yang tidak diketahui (hukumnya) oleh kebanyakan manusia.*

*Sesiapa yang mengelak perkara yang samar-samar maka dia memelihara agama dan kehormatannya. Dan sesiapa yang jatuh dalam perkara samar-samar maka dia seperti seorang pengembala yang membawa ternakannya sekitar padang yang*

*dilarang, nescaya ia memasukinya.*

*Ketahuilah bahawa bagi setiap raja ada kawasan larangannya. Ketahuilah sesungguhnya kawasan larangan bagi Allah di bumi ini ialah perkara-perkara yang diharamkan-Nya.<sup>25</sup>*

Perkara “*samar-samar*” apakah yang lebih patut ditinggalkan melainkan sesuatu yang melibatkan aqidah seseorang?

**B:** *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* menetapkan bahawa tidak ada sesiapa atau sesuatu yang mampu melakukan kerja ketuhanan kecuali Allah, sebagai merealisasikan syahadah *La ila ha illaLlah*.

**Penjelasan:**

Ramai yang memahami *La ila ha illaLlah* bermaksud tiada

---

<sup>25</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 52 (*Kitab al-Iman, Bab keutamaan orang yang memelihara agamanya*).

tuhan yang berhak disembah melainkan Allah. Ini adalah benar, namun ruang lingkup tauhid tidaklah terhad dalam konteks sembah sahaja. Ia adalah lebih luas meliputi apa yang dapat dikatakan sebagai “tiada yang dapat dianggap melakukan kerja-kerja tuhan melainkan Allah” atau “tiada yang mampu berperanan sebagai tuhan melainkan Allah”.

Dimaksudkan dengan “kerja-kerja atau peranan tuhan” ialah sesuatu yang dinilai oleh manusia sebagai kononnya mampu mencipta dari tiada kepada ada, mengurus alam, mengetahui hal ghaib, menetapkan sesuatu kebaikan atau keburukan, memakbulkan doa, memberi pertolongan, menggubal syari‘at dan sebagainya.

Oleh itu apabila kita bersaksi dengan kalimah tauhid “*La ila ha illaLlah*”, kita sebenarnya bersaksi bahawa tiada Tuhan atau apa-apa jua kecuali Allah yang mencipta dari tiada kepada ada, mengurus alam, mengetahui hal ghaib, menetapkan sesuatu kebaikan atau keburukan, memakbulkan doa, memberi pertolongan, menggubal syari‘at dan sebagainya.

Sebenarnya terdapat banyak keyakinan atau amalan yang boleh mencemari kemurnian kalimah tauhid “*La ila ha illaLlah*” yang lazim kita ucapkan. Oleh kerana itulah apabila Allah melarang kita daripada menyekutukan-Nya, Allah tidak membataskan persekutuan tersebut kepada beberapa keyakinan atau amalan sahaja. Sebaliknya Allah berfirman:

***Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua.*** [al-Nisa’ 4:36]

Namun ramai di kalangan kita orang-orang yang beriman,

di samping mentauhidkan Allah, tetap mempersekutukan-Nya dengan sesuatu yang lain. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menerangkan hakikat ini:

***Dan (orang-orang yang beriman kepada Allah), kebanyakan mereka tidak beriman kepada Allah melainkan mereka mempersekutukan-Nya juga dengan yang lain.*** [Yusuf 12:106]

Tindakan seperti inilah yang dimaksudkan sebagai pencemaran kemurnian tauhid, yaitu mencampur adukkan keimanan kepada tauhid yang murni dengan syirik. Firman Allah:

***Orang-orang yang beriman dan tidak mencampur adukkan iman mereka dengan kezaliman (syirik), mereka itulah orang-orang yang mendapat keamanan dan merekalah orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.*** [al-An'aam 6:82]

“Kezaliman” yang dimaksudkan dalam ayat 82 surah al-An'aam di atas adalah syirik, sepertimana yang dijelaskan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* melalui lisan Luqman:

***Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa dia memberi nasihat kepadanya: “Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar.”*** [Luqman 31:13]

Antara keyakinan atau amalan yang mencemari kemurnian tauhid ialah keyakinan alam ini terjadi dengan sendirinya, makhluk-makhluk berevolusi dari satu sel, kesatuan wujud antara Allah dan makhluk, amalan berjumpa dengan bomoh, mempercayai tukang

tilik nasib dan sebagainya.<sup>26</sup>

**C: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* beriman kepada semua perkara-perkara ghaib yang dikhabarkan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah berdasarkan kefahaman *al-Salaf al-Shalih* tanpa menafikannya atau mentakwilkannya.**

**Penjelasan:**

Beriman kepada perkara-perkara ghaib merupakan salah satu aqidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* berdasarkan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

*Alif, Laam, Miim. Kitab Al-Quran itu, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang kesempurnaannya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa, iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) solat serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka. [al-Baqarah 2:1-3]*

Di antara sekian banyak perkara ghaib yang wajib diimani, empat daripadanya lazim diperselisihkan oleh umat Islam masa kini

---

<sup>26</sup> Keyakinan dan amalan ini dan selainnya telah saya senaraikan secara terperinci dalam buku *11 Perkara Yang Mencemari Kemurnian Tauhid*, terbitan Jahabersa, Johor Bahru. Juga artikel *Perkara Ke-12 Yang Mencemari Kemurnian Tauhid: Menjadikan Jamaah Sendiri Sebagai Agama* yang dimuatkan dalam buku *Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah (Buku 5)* terbitan Jahabersa, Johor Bahru.

dengan cara menafikannya atau mentakwilkannya. Empat perkara tersebut adalah:

**Pertama:** Beriman kepada *Qadha'* dan *Qadar*, bahawa ianya telah ditulis sejak awal:

*Dan tiadalah sesuatupun dari makhluk-makhluk yang bergerak di bumi melainkan Allah jualah yang menanggung rezekinya dan mengetahui tempat kediamannya dan tempat ia disimpan. Semuanya itu tersurat di dalam Kitab (Lauh Mahfuz) yang nyata.* [Hud 11:06]

**Kedua:** Beriman kepada kewujudan makhluk ghaib seperti malaikat, jin dan syaitan.

Kewujudan makhluk-makhluk tersebut diterangkan dalam pelbagai ayat al-Qur'an dan hadis-hadis yang sahih. Antaranya:

*Sesiapa memusuhi Allah dan memusuhi malaikat-malaikat-Nya dan rasul-rasul-Nya, khasnya malaikat Jibril dan Mikail, (maka ia akan disiksa oleh Allah) kerana sesungguhnya Allah adalah musuh bagi orang-orang kafir.* [al-Baqarah 2:98]

*Dan mereka menjadikan jin sekutu bagi Allah, padahal Allah jualah yang mencipta jin-jin itu.* [al-An'aam 6:100]

*Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu menurut jejak langkah Syaitan; dan sesiapa yang menurut jejak langkah Syaitan, maka sesungguhnya Syaitan itu sentiasa menyuruh (pengikut-pengikutnya) melakukan perkara yang keji dan perbuatan yang mungkar.* [al-Nur 24:21]

**Ketiga:** Beriman kepada khabar-khabar akhir zaman.

Terdapat banyak hadis sahih yang menerangkan tentang khabar-khabar akhir zaman seperti Penurunan Nabi 'Isa, kedatangan Dajjal, Imam Mahdi, Yakjuj dan Makjuj serta lain-lain.<sup>27</sup> Khabar-khabar ini diimani tanpa dinafi atau ditakwilkan. Ini adalah kedudukan pertengahan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* antara (1) mereka yang menafikan khabar-khabar akhir zaman dan (2) mereka yang mentakwilkan khabar-khabar tersebut.

Kelompok pertama menafikan khabar-khabar akhir zaman dengan alasan mustahil Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dapat meramalkan apa yang bakal berlaku. Kemudian, ia juga dinafikan kerana kebanyakan khabar tersebut, sebagaimana yang difahami oleh kelompok ini, bersifat meramalkan sesuatu yang negatif kepada umat. Ini menyebabkan umat Islam hanya duduk dan menunggu apa yang diramalkan dengan sikap berputus asa.

Alasan kelompok pertama dijawab, bahawa Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sememangnya tidak mengetahui apa yang akan berlaku pada masa hadapan. Apa yang baginda khabarkan sebenarnya adalah perkara-perkara ghaib yang diwahyukan kepada baginda oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, sebagaimana firman-Nya:

***Tuhanlah sahaja yang mengetahui segala yang ghaib,***

---

<sup>27</sup> Hadis-hadis tersebut beserta penjelasannya telah dikemukakan oleh 'Umar Sulaiman al-Asyqar dalam bukunya yang berjudul *al-Yaum al-Akhir: al-Qiyamah al-Shughra wa 'Alamat al-Qiyamah al-Kubra* yang sudah diterjemahkan oleh Irfan Salim atas judul *Hari Akhir: Kiamat Kecil dan Tanda-Tanda Kiamat Besar* terbitan Serambi Ilmu, Jakarta, 2000.

*maka Dia tidak memberitahu perkara ghaib yang diketahui-Nya itu kepada sesiapa pun, melainkan kepada mana-mana Rasul yang direndah-Nya (untuk mengetahui sebahagian dari perkara ghaib yang berkaitan dengan tugasnya. Apabila Tuhan hendak melakukan yang demikian) maka Dia mengadakan di hadapan dan di belakang Rasul itu malaikat-malaikat yang menjaga dan mengawasnya (sehingga perkara ghaib itu selamat sampai kepada yang berkenaan). [al-Jin 72:26-27]*

Ada pun alasan kedua, negatif atau positif sesuatu khabar bergantung kepada orang yang mentafsirkannya, sama ada dia memiliki minda yang negatif atau positif. Sebagai contoh, apabila dikatakan pasaran saham akan mengalami kejatuhan, orang yang berminda negatif akan meninggalkan sebarang urusan niaga pelaburan. Namun orang yang berminda positif akan meneruskan urusan niaga pelaburan, hanya dia lebih berhati-hati dan berwaspada.

Justeru apabila Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menerangkan sebahagian perkara yang bakal terjadi, ia bukan untuk menyuruh umat Islam menjadi malas dan putus asa. Sebaliknya untuk menyuruh umat Islam lebih berhati-hati dan berwaspada dalam beragama kerana banyaknya ujian dan cabaran pada akhir zaman.

Kemudian wujud pula kelompok kedua yang mentakwilkan khabar-khabar akhir zaman. Mereka mendakwa khabar-khabar tersebut hanyalah satu kiasan, tidak untuk difahami secara zahir. Oleh itu, sebagai contoh, kita lazim mendengar kelompok kedua ini berkata yang dimaksudkan dengan Dajjal adalah presiden negara tertentu manakala Imam Mahdi adalah presiden sebuah negara lain yang berani melawan presiden “Dajjal” tersebut.

Penakwilan seperti ini ditolak kerana tujuan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* mengkhabarkan perkara-perkara akhir zaman adalah untuk kita berhati-hati terhadapnya dan menggiatkan usaha untuk menanganinya. Jika dikatakan khabar-khabar tersebut hanya satu kiasan, masing-masing pihak akan memiliki takwilan tersendiri sehingga akhirnya tiada siapa tahu apa dan siapa yang dimaksudkan oleh Rasulullah. Akhirnya khabar-khabar akhir zaman tersebut menjadi sesuatu yang sia-sia kerana gagal mencapai objektifnya. Mustahil Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* melakukan sesuatu yang sia-sia untuk umat baginda.

Sesungguhnya kemuliaan dan kebenaran berada pada *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang berada di pertengahan antara dua kelompok di atas.

**Keempat:** Beriman kepada khabar-khabar selepas kematian seperti soal jawab kubur, nikmat dan azab kubur, kebangkitan semula, suasana di Padang Mahsyar, telaga Haudh, melihat Allah, pemberian syafaat oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, titian Sirat, syurga, neraka dan sebagainya.<sup>28</sup>

---

<sup>28</sup> Ayat-ayat al-Qur'an dan hadis-hadis sahih dalam bab ini telah dihimpun oleh 'Umar Sulaiman al-Asyqar dalam bukunya yang berjudul *al-Yaum al-Akhir: al-Qiyamah al-Kubra* yang sudah diterjemahkan oleh Hilman Subagyo atas judul *Hari Akhir: Kiamat Besar* terbitan Serambi Ilmu, Jakarta, 2000. 'Umar Sulaiman al-Asyqar juga memiliki buku lain yang telah diterjemahkan atas berjudul *Hari Akhir: Syurga dan Neraka* (Serambi Ilmu, Jakarta, 2001). Akan tetapi ia diterjemahkan oleh Hilman Subagyo daripada edisi terjemahan bahasa Inggeris berjudul *The Final Day: Paradise and Hell*.

Sebelum itu al-Qurtubi *rahimahullah* (671H) telah menyusun sebuah kitab yang besar dalam bab ini berjudul *al-Tazkirah bi Ahwali al-Mauta wa Umur al-Akhirat* yang sudah diterjemahkan oleh Abdur Rosyad

**D: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* menetapkan bahawa iman dibenarkan dengan hati, diucapkan dengan lisan dan diamalkan dengan perbuatan. Ia bertambah dengan amal shalih dan berkurang dengan kemungkaran.<sup>29</sup>**

**Penjelasan:**

Demikian kedudukan pertengahan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* antara (1) mereka yang berkata iman dan amal shalih terikat secara tetap sehingga sesiapa yang tidak melaksanakan amal shalih, atau melakukan kemungkaran, bererti telah sifar iman dari dirinya serta keluarlah dia dari Islam (kafir) dengan (2) mereka yang berkata iman tidak terikat dengan amal shalih sehingga sesiapa boleh melakukan apa jua kemungkaran yang dikehendakinya.

Dalam banyak ayat al-Qur'an, iman sering kali dikaitkan dengan amal shalih (perbuatan), umpama firman Allah:

***Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang beriman dan beramal shalih, sesungguhnya mereka beroleh syurga... [al-Baqarah 2:25]***

---

Shiddiq atas judul *Rahasia Kematian, Alam Akhirat dan Kiamat* terbitan Akbar Media, Jakarta, 2003.

<sup>29</sup> Dalam kebanyakan kitab *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, istilah yang digunakan adalah kemaksiatan. Akan tetapi bagi menyeragamkan istilah dalam buku ini dan mengelakkan kekeliruan, saya memilih istilah kemungkaran kerana ia adalah lebih umum, meliputi kemaksiatan, kefasiqan, kezaliman, bid'ah dan lain-lain.

Ayat-ayat seperti ini menunjukkan iman berkait rapat dengan amal shalih sehingga orang yang tinggi imannya, akan bertambahlah kualiti dan kuantiti amal shalihnya. Manakala orang yang rendah imannya, akan berkuranglah kualiti dan kuantiti amal shalihnya. Amal shalih itu sendiri memiliki beberapa peringkat daripada yang tinggi kepada yang rendah. Turun ke medan perang (*Jihad fi Sabilillah*) adalah tanda iman yang tinggi manakala bersolat fardhu di rumah tanpa uzur adalah tanda iman yang rendah. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

***Kemudian Kami jadikan al-Quran itu diwarisi oleh orang-orang yang Kami pilih dari kalangan hamba-hamba Kami; maka di antara mereka ada yang berlaku zalim kepada dirinya sendiri (dengan melakukan kemungkaran), dan di antaranya ada yang bersikap sederhana, dan di antaranya pula ada yang mendahului (orang lain) dalam berbuat kebaikan dengan izin Allah. Yang demikian itu ialah limpah kurnia yang besar (dari Allah semata-mata). [Fatir 35:32]***

Di sini timbul persoalan, bagaimana dengan orang yang melakukan kemungkaran? Dijawab, bahawa sebagaimana amal shalih itu memiliki peringkat-peringkatnya, demikianlah juga kemungkaran. Di antara kemungkaran ada yang ringan atau sederhana peringkatnya, seperti minum arak dan berzina. Pelakunya berdosa tetapi tidak terkeluar dari Islam. Kedua-dua kemungkaran ini pernah berlaku pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Baginda tidak menghukum mereka sebagai telah keluar dari Islam, sebaliknya sekadar mengenakan hukuman hudud ke atas mereka.

Di antara amal maksiat ada yang berat seperti mencela al-

Qur'an dan menghina Rasulullah. Kemungkaran seperti ini mengeluarkan pelakunya dari Islam. Pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* terdapat orang yang memperolok dan mengejek Allah, al-Qur'an dan Rasulullah. Terhadap orang seperti ini Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menyatakan bahawa mereka telah kafir sesudah beriman:

***Katakanlah: "Patutkah terhadap Allah dan ayat-ayat-Nya serta Rasul-Nya kamu memperolok-olok dan mengejek?" Janganlah kamu berdalih (dengan alasan-alasan yang dusta), kerana sesungguhnya kamu telah kufur sesudah kamu beriman. [al-Taubah 9:65-66]***

Bagi orang yang minimum amal shalihnya, atau melakukan kemungkaran yang tidak ke peringkat yang berat, *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* menyatakan bahawa imannya tetap wujud, hanya ia amat rendah atau cacat. Sebutan yang lebih tepat bagi orang sedemikian ialah "Muslim" dan bukannya "Mukmin". Ini sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

***Orang-orang Arab Badwi berkata: "Kami telah beriman (mukmin)". Katakanlah (wahai Muhammad): Kamu belum beriman, (oleh itu janganlah berkata demikian), tetapi sementara iman belum lagi meresap masuk ke dalam hati kamu maka berkatalah sahaja: "Kami telah Islam (muslim)". Dan (ingatlah), jika kamu taat kepada Allah dan Rasul-Nya (zahir dan batin), Allah tidak akan mengurangkan sedikitpun dari pahala amal-amal kamu, kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.***

***Sesungguhnya orang-orang yang sebenar-benarnya beriman (mukmin) hanyalah orang-orang yang percaya kepada***

***Allah dan Rasul-Nya, kemudian mereka (terus percaya dengan) tidak ragu-ragu lagi, serta mereka berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah; mereka itulah orang-orang yang benar (pengakuan imannya). [al-Hujurat 49:14-15]***

Ciri-ciri *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* berkenaan iman perlu difahami secara jelas kerana akhir-akhir ini timbul segolongan orang yang gemar mengkafirkan saudara seislamnya, iaitu mengeluarkannya dari Islam, semata-mata kerana sesuatu kemungkaran yang dilakukan oleh orang tersebut. Ini adalah sikap yang menyelisih *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dan merupakan sikap aliran bid'ah.

Iman adalah sesuatu yang berubah-ubah tahapnya, ia bertambah dan berkurang sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

***Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu ialah mereka yang apabila disebut nama Allah gemetarlah hati mereka; dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya, menjadikan mereka bertambah iman, dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah. [al-Anfal 8:04]***

***Dan apabila diturunkan sesuatu surah (dari al-Quran) maka di antara mereka (yang munafik) ada yang bertanya (secara mengejek): "Siapakah di antara kamu yang imannya bertambah disebabkan oleh surah ini?" Adapun orang-orang yang beriman, maka surah itu menambahkan iman mereka, sedang mereka bergembira (dengan turunnya). [al-Taubah 9:124]***

**E: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, dalam menghadapi sesuatu kemungkaran membezakan antara perbuatan dan pembuat. Diterangkan bahawa perbuatan tersebut adalah salah supaya pembuatnya berhenti dan ia tidak diikuti oleh orang ramai.**

**Ada pun terhadap pembuatnya, *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* menangguhkan sebarang hukuman sehingga diperhatikan tiga syarat berikut:**

- 1. Ditegakkan hujah kepadanya, iaitu mengemukakan dalil dan hujah bahawa apa yang dilakukan adalah satu kemungkaran.**
- 2. Dibersihkan salah fahamnya, iaitu dalil dan hujah tersebut diberi dalam bentuk penerangan yang jelas bagi membersihkan apa-apa kekeliruan yang mungkin dihadapi olehnya apabila melakukan kemungkaran tersebut.**
- 3. Mempertimbangkan sama ada dia melakukan kemungkaran tersebut dalam suasana sedar dan rela, atau dalam suasana terpaksa, tersilap atau tidak mampu untuk mengelaknya.**

**Penjelasan:**

Demikian sikap hati-hati *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dalam membezakan antara perbuatan dan pembuat. Ramai orang yang tersalah faham, apabila mereka membaca riwayat-riwayat berkenaan tindakan generasi *al-Salaf al-Shalih* yang menghukum orang lain sebagai kafir, syirik dan bid'ah. Dianggap dengan menjatuhkan hukum kafir, syirik dan bid'ah, yang dimaksudkan ialah seseorang itu telah keluar dari Islam dan layak menjadi ahli neraka.

Sebenarnya apabila generasi *al-Salaf al-Shalih* menghukum orang lain sebagai kafir, syirik dan bid'ah, mereka hanya merujuk kepada perbuatan orang tersebut kerana ia menyerupai amalan orang kafir, orang musyrik atau *Ahl al-Bid'ah*. Mereka tidak mengeluarkan orang tersebut daripada Islam kerana terdapat faktor-faktor lain yang diperhatikan, seperti ditegakkan hujah kepadanya, dibersihkan kekeliruannya dan diperhatikan sama ada dia melakukan perbuatan tersebut secara rela atau tidak. Abu 'Ubaid al-Qasim bin Salam berkata:

Ada pun tentang beberapa atsar dan riwayat yang menyebut label kafir atau syirik terhadap beberapa perbuatan maksiat, maka menurut kami, atsar atau riwayat tersebut tidak bermaksud untuk menetapkan bahawa pembuatnya telah melakukan perbuatan kafir atau syirik yang menghapuskan keimanan orang itu. Akan tetapi bermaksud untuk mengatakan bahawa perbuatan maksiat itu adalah akhlak dan kebiasaan

yang dilakukan oleh orang kafir dan orang musyrik.<sup>30</sup>

Dalil membezakan antara perbuatan dan pembuat adalah dua hadis berikut:

**Hadis Pertama (perbuatan):**

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

*Allah melaknat khamar, peminumnya, penuangnya, penjualnya, pembelinya, pemerahnya, alat pemerahnya, pembawanya dan orang yang dibawakan kepadanya.*<sup>31</sup>

**Hadis Kedua (pembuat):**

‘Umar al-Khaththab *radhiallahu 'anh* menerangkan bahawa pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* terdapat seorang lelaki yang bernama ‘Abd Allah, manakala nama gelarnya pula adalah “Keldai”. Dia lazim (berjenaka) sehingga membuat Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tertawa. Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah merotannya (sebagai hukum hudud) kerana kesalahan minum arak.

Pada satu hari dia dibawa menghadap baginda atas kesalahan yang sama, lalu dikenakan hukuman rotan. Melihat yang

---

<sup>30</sup> Diriwatkan oleh Ibn al-Qayyim dalam *Kitab al-Sholat*, ms. 53-54, dikemukakan oleh Yusuf al-Qaradhawi dalam *Kaifa Nata‘amal Ma‘a al-Turath wa al-Tamazhub wa al-Ikhtilaf* (edisi terjemahan oleh Ahrul Tsani & rakan-rakan atas judul *Bagaimana Berinteraksi Dengan Peninggalan Ulama Salaf*; Pustaka al-Kautsar, Jakarta, 2003), ms. 346

<sup>31</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Abu Daud dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud*, hadis no: 3674 (*Kitab al-Asyrubah, Bab memerap anggur untuk dibuat arak*).

sedemikian berkata seorang lelaki: “Ya Allah! Laknatlah dia! Betapa banyak kali dia telah dibawa menghadap Rasulullah atas kesalahan yang sama!” Namun Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* menjawab:

لَا تَلْعَنُوهُ فَوَاللَّهِ مَا عَلِمْتُ إِنَّهُ يُحِبُّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ.

***Jangan melaknatnya! Demi Allah! Aku tidak tahu bila ternyata dia mengasihi Allah dan Rasul-Nya.***<sup>32</sup>

Dalam hadis yang pertama, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menerangkan bahawa apa jua perbuatan yang berkaitan dengan arak adalah dilaknat oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Akan tetapi dalam hadis yang kedua, Rasulullah melarang seseorang daripada mendoakan laknat Allah kepada orang yang lazim minum arak. Berdasarkan dua hadis yang mulia ini, *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* merumuskan dua kaedah yang agung:

1. Dibezakan antara perbuatan dan pembuat.
2. Hukuman, kritikan dan celaan ditujukan kepada perbuatan. Ada pun individu yang membuatnya, dia tidak dihukum, dikritik dan dicela secara khusus melainkan diperhatikan beberapa faktor terlebih dahulu.

Faktor pertama yang diperhatikan adalah sama ada pembuatnya mengetahui atau tidak bahawa apa yang dilakukannya itu adalah satu kemungkaran. Maka ditegakkan kepada pembuat tersebut apa yang benar berdasarkan dalil dan hujah. *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* tidak terus menghukum pembuat kemungkaran

---

<sup>32</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 6780 (*Kitab al-Hudud, Bab berkenaan membenci laknat kepada orang yang minum...*).

sebelum diterangkan dalil dan hujah berdasarkan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

***Dan tiadalah Kami mengazabkan sesiapaupun sebelum Kami mengutuskan seorang Rasul (untuk menerangkan yang benar dan yang salah). [al-Isra' 17:15]***

Seterusnya *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* memerhatikan sama ada pembuat kemungkaran tersebut masih memiliki apa-apa kekeliruan dan kesamaran. Maka diusahakan agar dalil dan hujah disampaikan dalam bentuk penerangan yang jelas dalam bahasa yang difahaminya, berdasarkan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

***Dan Allah tidak sekali-kali menjadikan sesuatu kaum itu sesat sesudah Dia memberi hidayah kepada mereka, sehingga Dia menerangkan kepada mereka apa yang mereka wajib memelihara dan melindungi diri daripadanya; sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu. [al-Taubah 9:115]***

***Dan Kami tidak mengutuskan seseorang Rasul melainkan dengan bahasa kaumnya supaya dia menjelaskan (hukum-hukum Allah) kepada mereka. [Ibrahim 14:04]***

Terakhir, *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* memerhatikan sama ada pembuat kemungkaran tersebut melakukannya dalam suasana sedar dan rela, atau dalam suasana terpaksa, tersilap atau tidak mampu. Orang yang terpaksa dimaafkan, sebagaimana ayat berikut berkenaan orang yang dipaksa untuk melakukan sesuatu yang membawa kepada hukum kafir (keluar dari Islam):

***Sesiapa yang kufur kepada Allah sesudah dia beriman (maka baginya kemurkaan dan azab dari Allah), kecuali orang yang dipaksa (melakukan kufur) sedang hatinya tenang tenteram***

***dengan iman; akan tetapi sesiapa yang terbuka hatinya menerima kufur maka atas mereka tertimpa kemurkaan dari Allah, dan mereka pula beroleh azab yang besar. [al-Nahl 16:106]***

Orang yang tersilap dan tidak sengaja dimaafkan, sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

***Dan kamu pula tidak dikira berdosa dalam perkara yang kamu tersilap melakukannya, tetapi (yang dikira berdosa itu ialah perbuatan) yang disengajakan oleh hati kamu melakukannya. Dan (ingatlah Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. [al-Ahzab 33:05]***

Orang yang tersilap perlu diberi perhatian khusus kerana banyak bid'ah yang terjadi, sama ada dalam bentuk pemikiran atau amalan, adalah hasil daripada kesilapan takwil. Ibn Taimiyyah menerangkan:

Orang yang salah takwil yang bermaksud untuk mengikuti Rasulullah, tidak boleh dianggap kafir atau fasiq apabila dia berjihad lalu salah. Ini adalah sesuatu yang masyhur berlaku di kalangan orang ramai dalam masalah amalan. Ada pun dalam masalah pemikiran (iqtikad), ramai yang mengkafirkan orang yang salah takwil. Padahal sikap sedemikian tidak dikenal dari seorang pun dari kalangan para sahabat, tabi'in dan orang-orang yang mengikuti mereka dalam kebaikan serta para imam umat Islam. Bahkan sedemikian adalah sikap asal *Ahl al-Bid'ah* yang mudah membid'ah dan mengkafir sesiapa yang berselisih dengan mereka, seperti aliran Khawarij,

Muktazilah dan Jahmiyyah.<sup>33</sup>

Oleh itu hendaklah tumpuan diberi kepada membetulkan perbuatan bid'ah tanpa mencela atau mengkritik pembuatnya. Tindakan gopoh mencela dan mengkritik pembuatnya adalah sikap *Ahl al-Bid'ah* yang menyelisih sikap asli *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.

Orang yang tidak mampu mengelak sesuatu kemungkaran juga dimaafkan, sebagaimana Allah memaafkan sebahagian umat Islam yang tidak mampu untuk berhijrah:

***Kecuali orang-orang yang lemah dari kaum lelaki dan perempuan serta kanak-kanak, yang tidak berupaya mencari helah (untuk melepaskan diri) dan tidak pula mengetahui sesuatu jalan (untuk berhijrah). Maka mereka (yang demikian sifatnya), mudah-mudahan Allah maafkan mereka. Dan (ingatlah), Allah Maha Pemaaf, lagi Maha Pengampun. [al-Nisa' 4:98-99]***<sup>34</sup>

Oleh itu, sebagai contoh, apabila menemui seorang yang sedang tawaf di sekeliling kubur syaikh si-fulan, dia dihukum sebagai melakukan bid'ah. Akan tetapi orang itu sendiri tidak dihukum sebagai *Ahl al-Bid'ah* kerana mungkin dia melakukan amalan tersebut kerana tidak tahu bahawa tawaf hanya disyari'atkan di Ka'bah, di Masjid al-Haram, Mekah.

---

<sup>33</sup> *Minhaj al-Sunnah al-Nabawiyyah fi Naqd Kalam al-Syi'ah wa al-Qadariyyah (tahqiq: M. Rasyad Salim; Muassasah Qurtubiyyah, 1986), jld. 5, ms. 239-240.*

<sup>34</sup> Penjelasan lanjut tentang maksud ayat-ayat di atas dalam suasana terpaksa, tersilap dan tidak mampu telah saya jelaskan dalam risalah *Tuhan Islam Kejam?* yang dimuatkan dalam buku *Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah (Buku 3)* terbitan Jahabersa, Johor Bahru.

**F: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* menjauhi bid'ah, iaitu apa-apa urusan agama ciptaan manusia selepas zaman *al-Salaf al-Shalih* yang mencemari ketulenan agama dan menyelisih tujuannya.**

**Penjelasan:**

Ada yang menganggap subjek bid'ah adalah perkara remeh yang merupakan cabang (*furu'*) agama. Ini adalah anggapan yang salah. Subjek bid'ah sebenarnya duduk dalam bab aqidah dan ia merupakan salah satu dasar agama yang amat penting. Sesiapa yang memiliki aqidah yang sejahtera lagi murni tidak akan berani mencipta sesuatu yang baru dalam agama. Dia mengetahui bahawa agama Islam adalah kepunyaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sehingga Allah sahaja yang berhak untuk mensyari'atkan apa yang dikehendaki-Nya. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

***Adakah mereka mempunyai sembahhan-sembahhan selain Allah yang mensyari'atkan untuk mereka agama yang tidak diizinkan oleh Allah?* [al-Syura 42:21]**

Jika dikaji keseluruhan perbincangan dan penjelasan para ilmunan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* berkenaan bid'ah, dapat dirumuskan bahawa bid'ah adalah “Apa-apa urusan agama ciptaan manusia selepas zaman *al-Salaf al-Shalih* yang mencemari ketulenan agama dan menyelisih tujuannya.” Definisi ini dapat diperluaskan sebagai berikut:

- “**Apa-apa**” bermaksud semua jenis bid'ah, dimana ia dapat dibahagikan kepada dua kategori:

1. Bid'ah dalam pemikiran, yaitu apa yang melibatkan pendapat, doktrin dan iktiqad. Adakalanya bid'ah dalam pemikiran mendorong kepada berlakunya bid'ah dalam perbuatan. Orang yang lazimnya terlibat dalam bid'ah pemikiran adalah mereka yang bijak dan banyak berfikir, hanya sayang sekali kebijaksanaan mereka tidak diletakkan pada tempatnya yang sesuai.
2. Bid'ah dalam perbuatan, yaitu apa yang melibatkan masa, tempat dan tatacara dalam beribadah. Adakalanya bid'ah dalam perbuatan mendorong kepada berlakunya bid'ah dalam pemikiran. Orang yang lazimnya terlibat dalam bid'ah perbuatan adalah mereka yang bersungguh-sungguh dalam beribadah, hanya sayang sekali kesungguhan mereka tidak diletakkan pada tempatnya yang sesuai.

Ibn Taimiyyah menjelaskan dua bentuk bid'ah ini:

Bid'ah itu ada dua jenis, yang pertama berkaitan dengan perkataan (pendapat) dan iktiqad, (yang kedua) berkaitan dengan perbuatan dan ibadah. Bid'ah jenis yang kedua mencakupi jenis yang pertama sebagaimana bid'ah jenis pertama akan mendorong kepada terjadinya jenis yang kedua.

Orang-orang yang berilmu, pemikir dan orang-orang seumpama yang mengikuti mereka, dikhuatiri jika mereka tidak berpegang teguh kepada al-Qur'an dan al-Sunnah akan terjerumus ke dalam bid'ah jenis yang pertama. Sedangkan orang yang rajin beribadah, pemikir, berkemahuan keras dan orang-orang seumpama yang mengikuti mereka, dikhuatiri jika mereka tidak berpegang teguh kepada al-Qur'an dan al-Sunnah akan terjerumus ke dalam bid'ah jenis kedua.

.....Maka sedia diketahui bahawa bid'ah (jenis pertama - perkataan dan iktikad) kerosakannya adalah lebih kuat dan para pembuatnya adalah lebih 'berakal' sedangkan bid'ah (jenis kedua - perbuatan dan ibadah) para pembuatnya adalah lebih jahil dan mereka berada jauh daripada mengikuti (sunnah) Rasulullah *shallallahu 'alaihi wassalam*.<sup>35</sup>

Contoh bid'ah pemikiran yang wujud pada masa kini ialah aliran Islam Liberal, aliran yang menolak penggunaan hadis ahad dalam bab aqidah, ahli tareqat yang mendakwa syaikhnya mendapat syari'at baru dari tuhan dan aliran yang mendakwa prioriti pertama umat Islam ialah menegakkan khalifah.

- Bid'ah hanya menyangkut “**urusan agama**”, maka tidak masuk dalam perbincangan bid'ah urusan manusia seperti pakaian, makanan, kenderaan, komputer dan sebagainya. Akan tetapi sesuatu urusan manusia boleh berubah menjadi urusan agama apabila diikat sesuatu nilai agama kepadanya.

Sebagai contoh, makanan asalnya adalah urusan manusia. Islam hanya menetapkan beberapa syarat seperti sembelihan yang halal, gizi yang baik (*al-Thoiyyibah*), tidak melampaui batas dan bukan daging khinzir. Akan tetapi apabila seseorang itu enggan memakan daging lembu atas keyakinan ia akan mengeraskan hati sehingga tidak dapat berzikir kepada Allah, maka keyakinannya itu telah membawanya memasuki urusan agama. Seterusnya keyakinan ini apabila dibandingkan dengan ayat berikut, ternyata ia adalah satu bid'ah:

---

<sup>35</sup> *Majmu' al-Fatawa*, jld. 22, ms. 306-307 & jld. 19, ms. 275.

*Katakanlah: “Siapakah yang (berani) mengharamkan perhiasan Allah yang telah dikeluarkan-Nya untuk hamba-hamba-Nya, dan demikian juga benda-benda yang baik lagi halal dari rezeki yang dikurniakan-Nya?” Katakanlah: “Semuanya itu ialah (nikmat-nikmat) untuk orang-orang yang beriman (dan juga yang tidak beriman) dalam kehidupan dunia; (nikmat-nikmat itu pula) hanya tertentu (bagi orang-orang yang beriman sahaja) pada hari kiamat.” Demikianlah Kami jelaskan ayat-ayat keterangan Kami satu persatu bagi orang-orang yang (mahu) mengetahui. [al-A’raaf 7:32]*

- Ada pun “**ciptaan manusia**”, maka ia boleh jadi sesuatu yang 100% dicipta baru atau sesuatu yang pada asalnya memiliki dalil daripada al-Qur’an dan al-Sunnah, lalu kemudiannya dikurang, ditambah atau diubahsuai.
- Sesuatu ciptaan hanya dikira sebagai bid‘ah apabila ia dicipta “**selepas zaman al-Salaf al-Shalih**”. Ada pun sebelum itu, maka ia dibahagikan kepada dua jenis:
  1. Sesuatu yang dicipta pada zaman Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam*, ketika wahyu masih diturunkan. Adakalanya para sahabat mencadangkan sesuatu yang baru atau melakukan sesuatu yang sebelumnya tidak disyari‘atkan. Sebahagian daripadanya ada yang ditolak oleh Allah dan Rasul-Nya manakala sebahagian lain ada yang diiktiraf oleh Allah dan Rasul-Nya untuk dimasukkan

dalam syari'at Islam. Pengiktirafan seperti ini tidak dipanggil bid'ah dan ia tidak boleh dijadikan hujah untuk mencipta bid'ah pada zaman terkemudian.

Satu contoh, 'Umar bin al-Khaththab pernah mencadangkan kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* andaikata *maqam* Ibrahim di sisi Ka'bah dijadikan tempat solat. Cadangan "baru" ini diiktiraf oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sehingga turun ayat yang bermaksud: "***Dan jadikanlah sebahagian Maqam Ibrahim sebagai tempat solat.***" [al-Baqarah: 2:125]<sup>36</sup>

2. Sesuatu yang pada zahirnya kelihatan dicipta pada zaman para sahabat dan tabi'in sesudah wafatnya Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Dalam sebahagian riwayat ada diterangkan bahawa tokoh-tokoh generasi *al-Salaf al-Shalih* melakukan sesuatu amalan tanpa mereka menyandarkannya kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Jika riwayat ini adalah sahih, tindakan mereka yang tidak menyandarkan amalan tersebut kepada Rasulullah tidaklah bererti ia adalah satu bid'ah kerana generasi *al-Salaf al-Shalih* dikenali sangat berhati-hati daripada melakukan apa jua bid'ah. Justeru ia adalah amalan yang memiliki asal usul daripada Rasulullah yang mereka sampaikan kepada kita dalam bentuk perbuatan, tidak lisan sepertimana kebiasaan.

Abu al-Hasanat Muhammad 'Abd al-Hay al-Luknawi al-

---

<sup>36</sup> Ringkasan daripada hadis yang dikeluarkan oleh al-Bukhari di dalam *Shahihnya*, hadis no: 4483 (*Kitab Tafsir al-Qur'an, Bab mengambil maqam Ibrahim...*).

Hindi *rahimahullah* (1304H) berkata:

Apa yang diamalkan (atau dilakukan) oleh para sahabat, tabi'in dan pengikut mereka serta apa yang berlaku pada zaman mereka tanpa wujud pengingkaran daripada sesama mereka, maka ia bukanlah bid'ah yang dilarang oleh syari'at.<sup>37</sup>

Maka sesuatu pemikiran atau amalan generasi *al-Salaf al-Shalih* yang tidak mereka sandarkan kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* terbahagi kepada dua jenis:

**Pertama** adalah apa yang diterima oleh para tokoh mereka, maka ia adalah sunnah dan bukannya bid'ah. Contohnya adalah bacaan takbir Hari Raya yang diamalkan oleh 'Abd Allah ibn Mas'ud *radhiallahu 'anh*:

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

**Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, dan Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, dan segala puji hanya bagi Allah.**<sup>38</sup>

---

<sup>37</sup> *Iqamat al-Hujjah 'ala anna Aktsaru fi al-Ta'abbud Laisa Bid'ah* (*tahqiq*: 'Abd al-Fattah Abu Ghudah; Maktabah al-Mathbu'ah al-Islamiyyah & Dar al-Basya'ir al-Islamiyyah, Beirut, 1998), ms. 16.

<sup>38</sup> **Sanad Sahih:** Dikeluarkan oleh Ibn Abi Syaibah dalam *Musannafnya*, hadis no: 5649 (*Kitab al-Shalawat, Bab bagaimana takbir pada Hari Arafah*) dan sanadnya dinilai sahih oleh 'Ali Hasan bin 'Ali al-Halabi dalam *Ahkam al-'Idain fi al-Sunnah al-Muthahharah* (edisi terjemahan oleh Abdul Ghoftar atas judul *Meneladani Rasulullah s.a.w. Dalam Berhari Raya*; Pustaka Imam asy-Syafi'i, Jakarta, 2005), ms. 35.

‘Abd Allah ibn Mas‘ud tidak menyandarkan bacaan takbir di atas kepada Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam*. Beliau mengamalkannya di Padang Arafah dan sesudah solat pada Hari Raya Haji. Memandangkan ia diterima oleh orang ramai dan tidak ada sesiapa yang mengingkarinya, bererti ia adalah sesuatu yang berasal daripada Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* dan bukannya bid‘ah yang dicipta oleh Ibn Mas‘ud.

**Kedua** adalah apa yang diingkari oleh para tokoh mereka, maka ia adalah bid‘ah dan bukannya sunnah. Yang dimaksudkan dengan para tokoh ialah para sahabat dan para imam umat Islam dari kalangan *al-Salaf al-Shalih*. Contohnya adalah hadis berikut:

*Daripada Nafi’ (beliau menerangkan): Ada seorang lelaki bersin (ketika berada) di tepi Ibn ‘Umar. Lalu dia berdoa: “Alhamdulillah, wassalamu ‘ala Rasulullah (Segala puji bagi Allah dan salam ke atas Rasulullah).”*

*Berkata Ibn ‘Umar: “Alhamdulillah, wassalamu ‘ala Rasulullah (Segala puji bagi Allah dan salam ke atas Rasulullah)? Bukan begitu yang diajarkan kepada kami oleh Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam. Baginda mengajar kami berdoa: “Alhamdulillah ‘ala kulli hal (Segala puji bagi Allah dalam segala sesuatu).”<sup>39</sup>*

Lazim diketahui bahawa doa selepas bersin hanya puji-pujian kepada Allah. Dalam hadis di atas, orang yang

---

<sup>39</sup> **Hasan:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dan dinilai hasan oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi*, hadis no: 2738 (*Kitab al-Adab ‘an Rasulullah, Bab apa yang diucapkan oleh orang yang bersin...*).

bersin menambah sesuatu yang dipandang baik olehnya, iaitu beliau berselawat kepada Rasulullah. Tambahan tersebut, sekali pun baik dan sedikit, serta merta diingkari dan diperbetulkan oleh 'Abd Allah ibn 'Umar *radhiallahu 'anhuma*. Ini kerana tambahan tersebut adalah satu bid'ah, ia berbeza dengan apa yang asalnya diajar oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*.

- Sesuatu ciptaan manusia dalam urusan agama hanya masuk dalam kategori bid'ah yang dilarang jika ia **“mencemari ketulenan agama”**. Jika ciptaan tersebut adalah demi memelihara ketulenan agama, maka ia bukan bid'ah yang dilarang. Contohnya adalah tindakan 'Umar bin al-Khaththab untuk menghimpunkan al-Qur'an dalam satu mushaf pada zaman kepimpinan Abu Bakar al-Shiddiq *radhiallahu 'anhuma*. Ini adalah satu urusan agama yang tidak dilakukan pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Akan tetapi memandangkan ia penting untuk memelihara al-Qur'an daripada hilang bersama gugurnya para penghafalnya, tindakan menghimpun dan menulisnya dalam satu mushaf tidak termasuk dalam kategori bid'ah yang dilarang.

Contoh pada masa kini adalah pengklasifikasian ilmu-ilmu agama kepada jurusan-jurusan tertentu seperti hadis, tafsir, fiqh, perbankan Islam, bahasa Arab dan sebagainya. Pengklasifikasian seperti ini tidak berlaku pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan *al-Salaf al-Shalih radhiallahu 'anhum*. Akan tetapi ia adalah penting demi menjaga ketulenan agama. Jika tidak dilakukan, ilmu-ilmu agama akan hilang dan

ketulenan agama akan dicemari oleh pelbagai unsur lain.

- Sesuatu ciptaan manusia dalam urusan agama hanya masuk dalam kategori bid'ah yang dilarang jika ia **“menyelisihi tujuannya.”** Jika ciptaan tersebut adalah demi mencapai tujuan agama, maka ia bukan bid'ah yang dilarang. Contohnya adalah tindakan 'Utsman ibn 'Affan *radhiallahu 'anh* pada zaman kepimpinannya untuk membuat dua azan sempena solat Jumaat. Azan pertama dilaungkan lebih awal agar orang ramai yang sibuk mengurus niaga dapat berhenti dan bersiap sedia ke masjid. Azan kedua adalah pada saat masuknya waktu solat Jumaat. Ini adalah satu urusan agama yang tidak dilakukan pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Akan tetapi demi mencapai perintah Allah:

*Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan (bang) untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan solat Jumaat) dan tinggalkanlah berjual-beli (pada saat itu); yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya).* [al-Jumu'ah 62:09], maka ia bukanlah satu bid'ah yang dilarang.

Contoh pada masa kini adalah syarat yang dikenakan oleh pihak jabatan agama kepada pasangan yang ingin bernikah agar mereka menghadiri kursus kekeluargaan terlebih dahulu. Syarat ini memang tidak wujud pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan *al-Salaf al-Shalih radhiallahu 'anhum*. Akan tetapi syarat ini bukanlah satu bid'ah yang dilarang kerana ia dilakukan demi kebaikan pasangan itu sendiri agar

mereka dapat hidup sepertimana firman Allah:

*Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmat-Nya, bahawa Dia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikan-Nya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir. [al-Rum 30:21]*

Demikian penjelasan terperinci, satu per satu, akan definisi bid'ah: "Apa-apa urusan agama ciptaan manusia selepas zaman *al-Salaf al-Shalih* yang mencemari ketulenan agama dan menyelisih tujuannya." Definisi bukan sahaja menjelaskan maksud bid'ah, tetapi menjadi kayu pengukur bagi menentukan sama ada sesuatu ciptaan manusia termasuk dalam kategori bid'ah atau tidak. Terdapat beberapa perkara yang perlu diketahui berkenaan bid'ah:

**Pertama: Bid'ah boleh menerima perbezaan pendapat.**

Para ilmuan Islam sepakat tentang bahaya bid'ah dan kepentingan untuk menjauhinya serta mengingatkan umat tentangnya. Akan tetapi adakalanya mereka berbeza pendapat dalam menentukan sesuatu pemikiran atau amalan yang baru, apakah ia bid'ah yang dilarang atau tidak. Oleh kerana itu dalam sebahagian persoalan, kita lazim mendengar satu pihak berpendapat ia adalah bid'ah yang dilarang manakala pihak yang lain

berpendapat ia bukan bid'ah. Perbezaan ini berlaku kerana beberapa sebab, sepertimana jelas Ibn Taimiyah:

Banyak mujtahid dari kalangan *Salaf* (yang terdahulu) dan *Khalaf* (yang terkemudian) mengatakan atau melakukan perkara yang sebenarnya bid'ah, namun mereka tidak mengetahui bahawa perkara tersebut adalah bid'ah. (Hal ini berlaku) sama ada kerana hadis-hadis dha'if yang mereka sangka sahih atau kerana ayat-ayat (al-Qur'an) yang mereka fahami dengan pemahaman yang tidak dimaksudkan oleh ayat tersebut atau kerana mereka berpendapat dengan suatu pendapat padahal dalam masalah tersebut sudah ada nas-nas yang tidak sampai kepada mereka.<sup>40</sup>

Selain itu berlaku juga perbezaan dalam tahap ketegasan seseorang ilmuan dalam mengkategorikan sesuatu ciptaan yang baru. Ia dapat diperincikan sebagai berikut:

1. Sebahagian ilmuan Islam ada yang bersikap **ketat** sehingga mengkategorikan hampir semua ciptaan yang baru sebagai bid'ah yang dilarang.
2. Sebahagian ilmuan Islam ada yang bersikap **bermudah-mudahan** sehingga enggan mengkategorikan sesuatu ciptaan yang baru sebagai bid'ah yang dilarang melainkan jelas kebid'ahannya.
3. Sebahagian ilmuan duduk **dipertengahan** antara yang pertama dan kedua, iaitu dipertengahan antara yang ketat dan bermudah-mudahan.

Maka sikap kita dalam menghadapi perbezaan pendapat

---

<sup>40</sup> *Majmu' al-Fatawa*, jld. 19, ms. 191.

seperti ini adalah:

1. Berpegang kepada apa yang jelas dan tinggalkan apa yang samar-samar. Jika berlaku perselisihan sama ada sesuatu pemikiran atau amalan adalah sunnah atau bid'ah, maka tinggalkan ia. Sunnah yang jelas lagi disepakati adalah lebih dari mencukupi, maka tidak perlu menceburi sesuatu yang samar-samar dan diperselisihkan. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* telah berpesan kepada kita, sebagaimana hadis yang dikemukakan di awal bab ini (*Shahih al-Bukhari*, hadis no: 52) untuk meninggalkan sesuatu yang samar-samar hukumnya.
2. Tidak gopoh menuduh pemikiran atau amalan yang diperselisihkan tersebut sebagai bid'ah. Sebaliknya berkata: “Memadailah saya berpegang dengan sunnah yang jelas” atau “Saya tidak mengetahui sama ada itu menepati sunnah atau tidak, maka saya meninggalkannya”. *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* sangat berhati-hati dalam menuduh sesuatu pemikiran atau amalan sebagai bid'ah. Sikap gopoh menuduh bid'ah adalah ciri aliran-aliran yang menyelisih *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.
3. Tidak dianjurkan untuk mendengar, membaca dan berbincang berkenaan apa-apa subjek yang diperselisihkan statusnya, sama ada ia adalah sunnah atau bid'ah. Ini kerana dibimbangi orang yang mendengar, membaca dan berbincang tidak memiliki ilmu yang cukup untuk membezakan sama ada subjek

tersebut adalah sunnah atau bid'ah, lalu akhirnya terjerumus dalam suatu bid'ah yang disangkanya sunnah. Sebaliknya hendaklah dia membawa subjek tersebut kepada tokoh yang amanah, adil lagi luas ilmunya, yang mampu memperincikan subjek tersebut sama ada ia adalah sunnah atau bid'ah.<sup>41</sup>

4. Pengecualian adalah kepada orang yang luas ilmunya lagi mampu mendalami sesuatu persoalan secara terperinci. Maka dibolehkan baginya untuk mendengar, membaca dan berbincang berkenaan sesuatu subjek yang diperselisihkan sama ada ia adalah sunnah atau bid'ah.

#### **Kedua: Bid'ah berbeza-beza tahapnya.**

Tidak semua bid'ah berada pada tahap yang sama. Di antaranya ada yang merupakan kesalahan ringan, ada yang merupakan kesalahan berat dan ada yang boleh membatalkan keislaman seseorang. Maka tahap bid'ah diukur pada kadarnya dalam mencemari ketulenan agama dan menyelisihi tujuan agama.

Oleh itu tidaklah sama antara bid'ah amalan mengkhususkan malam Jumaat untuk membaca surah Yasin dengan bid'ah pemikiran menafikan *Qadha'* dan *Qadar* dari Islam. Bid'ah pertama adalah sesuatu yang ringan kerana membaca Yasin adalah sunnah, hanya mengkhususkannya kepada malam Jumaat adalah

---

<sup>41</sup> Perselisihan pendapat berkenaan sunnah atau bid'ah berbeza keadaannya dengan perselisihan berkenaan hukum-hukum fiqh. Perselisihan pertama tidak digalakkan untuk saling berbincang manakala perselisihan kedua digalakkan untuk saling berbincang.

bid'ah. Bid'ah kedua adalah sesuatu yang dapat membatalkan keislamannya jika orang yang berfikiran demikian sudah diberi tunjuk ajar dan kefahaman, kerana *Qadha'* dan *Qadar* adalah sebahagian dari rukun Iman. Tidaklah seseorang itu membatalkannya melainkan terbatallah juga imannya.

Oleh itu dalam rangka melaksanakan *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar*, hendaklah dibezakan tahap-tahap bid'ah yang sedang dihadapi. Tidak boleh menganggap semua bid'ah berada pada satu tahap. Sebaliknya hendaklah diletakkan setiap bid'ah pada tempatnya yang benar sehingga usaha membenterasnya dapat dilakukan berdasarkan kadar dan prioriti.

Jika dikaji sejarah *al-Salaf al-Shalih*, mereka bersikap tegas kepada *Ahl al-Bid'ah*. Akan tetapi *Ahl al-Bid'ah* yang mereka maksudkan adalah orang-orang yang melakukan bid'ah pada tahap yang amat berat dan boleh membatalkan keislaman. Sikap keras tidak ditujukan kepada orang yang melakukan bid'ah yang ringan. Merupakan satu fitnah dan kesongsangan ke atas manhaj *al-Salaf al-Shalih* apabila ada segelintir orang pada masa kini yang bersikap keras kepada semua perbuatan bid'ah dan pembuatnya tanpa membezakan tahap bid'ah tersebut.

### **Ketiga: Berlaku perbezaan dalam penggunaan istilah.**

Para ilmuan Islam dari dahulu hingga kini, semoga Allah merahmati mereka semua, berbeza pendapat dalam meletakkan istilah yang tepat kepada sesuatu urusan agama yang dicipta demi memelihara ketulenan agama dan mencapai tujuannya. Para ilmuan Islam terbahagi kepada tiga kelompok dalam hal ini:

- **Kelompok Pertama:** Mereka berpendapat sesuatu urusan agama yang dicipta demi memelihara ketulenan agama dan mencapai tujuannya disebut sebagai *Bid'ah Hasanah* (bid'ah yang baik) atau *Bid'ah Mahmudah* (bid'ah yang terpuji). Ada pun sesuatu urusan agama yang dicipta hingga mencemari ketulenan agama dan menyelisihi tujuannya, ia disebut sebagai *Bid'ah Dholalah* (bid'ah yang sesat), *Bid'ah Saiyyiah* (bid'ah yang buruk) atau *Bid'ah Mazmumah* (bid'ah yang dicela).
- **Kelompok Kedua:** Mereka berpendapat sesuatu urusan agama yang dicipta demi memelihara ketulenan agama dan mencapai tujuannya disebut sebagai *Bid'ah Sunat* dan *Bid'ah Wajib*. Ada pun sesuatu urusan agama yang dicipta hingga mencemari ketulenan agama dan menyelisihi tujuannya, ia disebut sebagai *Bid'ah Makruh* dan *Bid'ah Haram*.
- **Kelompok Ketiga:** Mereka berpendapat sesuatu urusan agama yang dicipta demi memelihara ketulenan agama dan mencapai tujuannya disebut sebagai *Maslahah al-Mursalah* (kemaslahatan awam). Ada pun sesuatu urusan agama yang dicipta hingga mencemari ketulenan agama dan menyelisihi tujuannya, ia disebut sebagai *Bid'ah Dholalah* (bid'ah yang sesat).

Jika diperhatikan secara saksama antara tiga kelompok di atas, mereka hanya berbeza dari sudut penggunaan istilah, bukan maksud yang dibawa oleh istilah tersebut. Ringkasnya mereka berbeza dari sudut nama tetapi sepakat dari sudut intinya. Masing-masing kelompok memiliki hujah mengapa mereka cenderung

kepada istilah tertentu dan tidak cenderung kepada istilah lain. Ia tidak lebih seumpama tiga orang rakan yang mendengar azan lalu masing-masing mengajak rakannya ke masjid. Rakan yang pertama berkata: “Ayuh kita sembahyang Zohor”. Rakan yang kedua berkata: “Jom kita solat Zuhur”. Rakan yang ketiga berkata: “Let’s go for the afternoon prayer”.

#### **Keempat: Bid‘ah dan *Ahl al-Bid‘ah*.**

*Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* membezakan antara perbuatan dan pembuat. Seseorang yang melakukan bid‘ah tidak semestinya adalah *Ahl al-Bid‘ah*. Para ilmuan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* telah meletakkan empat syarat dan kesemua empat perlu dipenuhi sebelum seseorang itu digelar sebagai *Ahl al-Bid‘ah*. Ini selari dengan sikap *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang sangat berhati-hati sebelum menghukum seseorang pembuat kemungkaran. Syarat tersebut adalah:

- **Syarat Pertama: Pakar dalam mencipta bid‘ah.**

Sebagaimana nama *Ahl al-Sunnah* merujuk kepada orang yang pakar dalam mengikuti sunnah, maka nama *Ahl al-Bid‘ah* juga merujuk kepada orang yang pakar dalam mencipta bid‘ah. Jika dikaji pemikiran dan amalan yang dicipta oleh *Ahl al-Bid‘ah*, akan ditemui satu atau lebih dari ciri-ciri berikut melatarbelakangi kepakaran mereka:

1. Menggunakan nas-nas (ayat al-Qur’an atau hadis) yang bersifat umum untuk mencipta sesuatu yang bersifat khusus.
2. Menggunakan sebahagian nas dan meninggalkan

sebahagian yang lain.

3. Menggunakan hadis-hadis yang *dha'if, maudhu'* dan yang tidak diketahui asal-usulnya.
4. Memahami nas-nas dengan takwilan yang jauh berbeza dari pemahaman *al-Salaf al-Shalih*.
5. Menggunakan kaedah *al-Qiyas, al-Istihsan, al-Maslahah al-Mursalah, al-'Uruf, Sadd al-Zar'ie* dengan cara yang salah, jauh berbeza dari cara yang digariskan oleh para ilmunan *Ushul al-Fiqh*.
6. Menggunakan alasan: “Apa salahnya? Memang Nabi tak buat tetapi Nabi tak kata jangan buat.”
7. Meniru pemikiran atau amalan agama lain, lalu diislamkan.

Seorang ilmunan yang dikenali jujur, amanah, benar dan adil dalam berinteraksi dengan nas, lagi dikenali bersungguh-sungguh membela kebenaran dan diiktiraf sesama ilmunan, dia tidak digelar sebagai *Ahl al-Bid'ah* sekali pun pandangannya ada yang masuk dalam kategori bid'ah.

- **Syarat Kedua: Lazim mengamalkan bid'ah.**

Seseorang itu diukur berdasarkan cirinya yang lazim. Seseorang yang lazim melakukan amal shalih dikenali sebagai seorang yang shalih sekali pun beberapa kali dia terjebak dalam sesuatu yang dilarang. Seorang yang lazim membela, menegak dan mengikuti sunnah dikenali sebagai *Ahl al-Sunnah* sekali pun sekali sekala dia mengamalkan bid'ah. Maka *Ahl al-Bid'ah* adalah seseorang yang lazim mengamalkan bid'ah sehingga dia dikenali dengan ciri tersebut, sekali pun adakalanya dia mengikuti sunnah. al-Albani *rahimahullah* (1420H) menjelaskan:

Yang dimaksudkan dengan *Ahl al-Bid'ah* adalah orang yang kebiasaannya melakukan bid'ah dalam agama. Bukanlah termasuk *Ahl al-Bid'ah* orang yang melakukan satu bid'ah meski pun pada kenyataannya dia melakukan bid'ah tersebut bukan kerana lupa tetapi kerana nafsu. Sekali pun demikian yang seperti ini tidaklah dinamakan *Ahl al-Bid'ah*. Contoh yang paling dekat dengan hal ini adalah seorang hakim yang (lazim dikenali bersifat) zalim adakalanya memutuskan secara adil pada beberapa kes, namun dia tidak dapat dikatakan sebagai seorang hakim yang adil. Sebagaimana halnya seorang yang hakim yang (lazim dikenali bersifat) adil, adakalanya memutuskan secara zalim pada beberapa kes, namun dia tidak dapat dikatakan sebagai seorang hakim yang zalim. Hal ini menguatkan kaedah fiqh Islam bahawa "Seseorang itu dihukum berdasarkan perkara yang menonjol padanya, baik berupa kebaikan mahu pun keburukan".<sup>42</sup>

- **Syarat Ketiga: Menzahirkan bid'ahnya.**

Untuk menepati syarat kedua di atas, *Ahl al-Bid'ah* adalah orang yang menzahirkan bid'ahnya kepada masyarakat sehingga dikenali sebagai orang yang lazim mencipta dan mengamalkan bid'ah. Penzahiran tersebut boleh jadi dalam bentuk tulisan, ucapan atau perbuatan. Orang yang menyembunyikan bid'ahnya tidak disebut sebagai *Ahl al-Bid'ah*.

Sikap membezakan antara orang yang menzahirkan

---

<sup>42</sup> Kaset *Silsilah al-Huda wa al-Nur*, no: 785, dinukil dengan beberapa suntingan bahasa dari buku Firanda Ibnu 'Abidin berjudul *Lerai Pertikaian, Sudahi Pemusuhan: Menyikapi Fenomena Hajr di Indonesia* (Pustaka Cahaya Islam, Bogor, 2006), ms. 111-112.

bid'ahnya dan yang menyembunyikan bid'ahnya merupakan sikap para imam *al-Salaf al-Shalih*, berdasarkan sikap Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang membezakan antara orang munafiq yang menzahirkan kemunafiqannya dan yang menyembunyikannya. Baginda hanya menghukum orang yang menzahirkan kemunafiqan dan menyerahkan kepada Allah orang yang menyembunyikan kemunafiqan. Maka demikian juga, para imam *al-Salaf al-Shalih* menghukum orang yang menzahirkan bid'ahnya sebagai *Ahl al-Bid'ah* agar masyarakat dapat berwaspada terhadap pemikiran dan amalan mereka.

Ibn Taimiyyah menjelaskan perbezaan ini:

Oleh kerana itu mereka (para imam Salaf) membezakan antara orang yang menyeru (kepada bid'ahnya) dan orang yang tidak menyeru (kepada bid'ahnya). Sebab, orang yang menyeru (kepada bid'ahnya) menampakkan kemungkarannya, maka dia berhak mendapatkan hukuman. Berbeza dengan orang yang menyembunyikan kemungkaran yang dilakukannya kerana dia tidak lebih buruk dibandingkan orang-orang munafik yang Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* terima kezahiran yang mereka nampakkan dan Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* menyerahkan hal-hal yang tidak nampak dari mereka kepada Allah, padahal baginda mengetahui keadaan (hal ehwal) kebanyakan mereka.<sup>43</sup>

- **Syarat Keempat: Bid'ah yang diciptanya dikenali sesama ilmuwan sebagai bid'ah.**

Ilmu-ilmu agama dapat dibahagikan kepada tiga tahap:

---

<sup>43</sup> *Majmu' al-Fatwa*, jld. 28, ms. 205.

1. Tahap Pertama: Ilmu yang amat asas sehingga diketahui oleh kebanyakan orang, tanpa dibezakan orang awam atau para ilmuan. Contohnya adalah kewajipan solat lima kali sehari dan larangan berzina.
2. Tahap Kedua: Ilmu yang agak sukar sehingga diketahui oleh para ilmuan dan tidak diketahui oleh kebanyakan orang awam. Contohnya adalah dalil-dalil yang melatarbelakangi sesuatu perintah dan larangan agama.
3. Tahap Ketiga: Ilmu yang amat sukar lagi rumit sehingga tidak diketahui oleh para ilmuan kecuali amat sedikit di kalangan mereka. Contohnya adalah dalam permasalahan terperinci berkenaan *Qadha'* dan *Qadar*, *Tauhid al-Asma' wa al-Sifat*, rukun-rukun *Jihad fi Sabilillah* dan politik Islam.

Seseorang itu hanya digelar sebagai *Ahl al-Bid'ah* jika bid'ah pemikiran dan amalan yang diciptanya duduk dalam kategori ilmu tahap pertama dan kedua. Ia adalah suatu ciptaan yang mudah dikenali di kalangan para ilmuan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* sebagai satu bid'ah. Ada pun jika ia duduk dalam ilmu tahap ketiga, maka dia tidak secara terus dihukum *Ahl al-Bid'ah* kerana mungkin tersilap disebabkan kesukaran dan kerumitan yang dihadapinya.

Ibn Taimiyyah berkata: Bid'ah yang membuatkan seseorang itu dikatakan *Ahl al-Ahwa'* adalah apabila bid'ah tersebut masyhur dikenali oleh para ilmuan yang pakar dalam sunnah (*Ahl al-Sunnah wa al-*

*Jama'ah*) sebagai menyelisihi al-Qur'an dan al-Sunnah.<sup>44</sup>

**Kelima: Pembuat bid'ah tidak semestinya diazab oleh Allah.**

Antara keistimewaan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* adalah kita tidak menentukan seseorang pembuat kemungkaran bakal diazab oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Termasuk dalam kategori kemungkaran adalah orang yang membuat atau mengamalkan bid'ah. Dia tidak semestinya diazab oleh Allah jika dia ikhlas lagi bersungguh-sungguh mencari kebenaran tetapi tidak mampu menemuinya.

Seperti orang-orang yang berpuasa sunat pada bulan Rejab, mereka melakukan satu bid'ah kerana hadis-hadis yang menerangkan tentang puasa bulan Rejab tiada yang sahih.<sup>45</sup> Orang yang melaksanakannya terbahagi kepada dua kategori:

1. Mereka yang tidak mengetahui bahawa hadis-hadis tersebut tiada yang sahih. Seperti orang-orang kampung dan mereka yang telah mendahului kita, mereka ikhlas pergi belajar agama dan mereka diajar tentang keutamaan berpuasa pada bulan Rejab tanpa diterangkan darjat hadis-hadis tersebut. Atau mereka yang sudah diterangkan tetapi tidak dapat menangkap kenapa hadis itu berbeza-beza darjatnya. Atau

---

<sup>44</sup> *Majmu' al-Fatawa*, jld. 35, ms. 414. *Ahl al-Ahwa'* adalah orang-orang yang mengikuti nafsunya dan ia adalah satu gelaran lain bagi *Ahl al-Bid'ah*.

<sup>45</sup> Lebih lanjut tentang Puasa Sunat Bulan Rejab dan Sya'ban serta amalan-amalan lain yang berkaitan dengan dua bulan tersebut, rujuk buku saya *Menelan Air Liur Tidak Membatalkan Puasa* terbitan Jahabersa, Johor Bahru.

mereka yang keliru tentang hukum mengamalkan hadis yang tidak sahih. Orang-orang seperti ini sekali pun mengamalkan bid'ah, mereka *insya-Allah* tidak akan diazab oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Bahkan mungkin amalan puasa mereka itu diberi pahala Allah kerana ia secara umumnya termasuk dalam salah satu ibadah Islam.

2. Mereka yang mengetahui bahawa hadis-hadis tersebut tiada yang sahih. Mereka mengetahui mengapa ia tidak sahih dan hukum beramal dengannya. Namun mereka tetap berpuasa pada bulan Rejab atas sebab-sebab penyakit hati. Amalan puasa Rejab tersebut adalah bid'ah dan hukum ke atas pengamalannya diserahkan kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Contoh lain adalah orang yang membuat binaan di atas kubur. Ini adalah tindakan yang dilarang berdasarkan hadis berikut dimana berkata Jabir bin 'Abd Allah *radhiallahu 'anh*:

***Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam melarang daripada mengkapurkan kubur, duduk di atas dan membuat binaan di atasnya.***<sup>46</sup>

Bahkan baginda pernah memerintahkan 'Ali bin Abi Thalib *radhiallahu 'anh* untuk meratakan mana-mana kubur yang ditemuinya ada binaan. Baginda berpesan kepada beliau:

***Jangan tinggalkan apa-apa patung berhala melainkan anda mengubahnya dan jangan tinggalkan mana-mana kubur***

---

<sup>46</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 970 (*Kitab al-Janaiz, Bab larangan mengkapurkan kubur ...*).

*yang ditinggikan melainkan anda meratakannya.*<sup>47</sup>

Berdasarkan hadis-hadis di atas, para ilmuan Islam melarang membuat binaan di atas kubur. Jika bagi menandakan itu adalah kawasan perkuburan, sebahagian ulama membolehkan meninggikan timbunan tanah sekadar satu jengkal. Ada yang membolehkan binaan sekadar untuk menahan tanah dari dihakis oleh air. Namun jika yang dibuat adalah satu binaan yang berlebihan, maka ia dilarang. al-Nawawi berkata:

Al-Syafi'e dalam kitabnya *al-Umm* telah berkata: Aku telah melihat para imam di Mekah memerintahkan untuk menghancurkan bangunan yang ada di atas kubur. Riwayat yang memperkuat tindakan tersebut adalah sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* "Hendaklah kamu tidak membiarkan kuburan yang ada timbunan kecuali kamu ratakan".<sup>48</sup>

Walaupun pada masa sekarang, disebabkan jauhnya umat dari hadis-hadis dan kurangnya ulama' yang berani membuat teguran, ramai yang membuat binaan secara berlebih di atas kubur dengan batu marmar, ukiran emas dan sebagainya. Ini adalah satu bid'ah. Akan tetapi memandangkan mereka tidak mengetahui ia adalah satu bid'ah, maka mereka *insya-Allah* tidak berdosa dan tidak akan diazab oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Pada waktu yang sama amalan membuat binaan tersebut tidak diberi ganjaran oleh Allah kerana ia secara umumnya termasuk

---

<sup>47</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 969 (*Kitab al-Janaiz, Bab perintah meratakan kubur*).

<sup>48</sup> *Syarh Sahih Muslim* (edisi terjemahan oleh Wawan Djunaedi atas judul yang sama; Mustaqim, Jakarta, 2006), jld. 4, ms. 99 (syarah kepada hadis no: 970).

amalan yang dilarang oleh Islam.

Ringkasnya, orang yang mengerjakan satu bid'ah padahal dia secara ikhlas lagi jujur tidak mengetahui itu adalah bid'ah, maka dia tidak akan diazab oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Jika bid'ah yang dilakukannya termasuk dalam sesuatu yang secara umumnya diperintah oleh agama, maka dia mendapat pahala. Sebaliknya jika bid'ah yang dilakukannya termasuk sesuatu yang dilarang oleh agama, maka dia tidak mendapat dosa dan tidak mendapat pahala. Ibn Taimiyyah menerangkan hakikat ini:

Setiap orang yang melakukan suatu ibadah yang dilarang tetapi dia tidak mengetahui larangan tersebut dan perbuatan itu jenis perbuatan yang diperintahkan, seperti orang yang melaksanakan solat (sunat) pada waktu-waktu yang dilarang dan dia mengetahui perintah solat secara umum tetapi tidak mengetahui larangan solat pada waktu tertentu, atau orang yang berpegang kepada sesuatu dalil padahal ia cacat seperti riwayat generasi Salaf yang bersolat Jumaat dua rakaat sesudah Asar kerana beranggapan Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah melakukannya, atau solat yang didasarkan kepada hadis yang dha'if dan *maudhu'* (palsu) seperti solat pada malam Nisfu Sya'ban dan awal bulan Rejab, ..... maka kesalahan seperti itu dimaafkan dan mendapat pahala kerana (ibadah-ibadah tersebut) termasuk dalam jenis yang disyariatkan. Demikian juga bagi orang yang berpuasa pada Hari Raya disebabkan dia tidak tahu akan larangannya.

Berbeza dengan perbuatan dari jenis yang tidak disyariatkan seperti syirik kepada Allah, maka pembuatnya tidak memberi pahala kepadanya. Namun Allah juga tidak akan

mengazab pembuatnya sehinggalah dia mengetahui larangan tersebut. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman: *Dan tiadalah Kami mengazabkan sesiapaupun sebelum Kami mengutuskan seorang Rasul (untuk menerangkan yang benar dan yang salah). [al-Isra' 17:15].* Pembuatnya tidak akan diazab sebagaimana dia juga tidak mendapat pahala.<sup>49</sup>

Oleh itu *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* hanya memberi tumpuan kepada menjauhkan bid'ah dan memperingatkan umat Islam tentang bahaya bid'ah. Jika bid'ah tersebut disebar luaskan, maka *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* mengambil tindakan ke atas orang yang menyebarkannya demi menjaga kemaslahatan agama dan umat. Namun yang penting, *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* tidak menghukum seseorang pencipta dan pengamal bid'ah sebagai bakal diazab oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

---

<sup>49</sup> *Majmu al-Fatawa*, jld. 20, ms. 31-32.

**G: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* tidak menentukan bahawa seseorang pembuat kemungkarannya bakal diazab dalam neraka. Ini kerana penentuan azab neraka adalah hak Allah semata-mata.**

**Selain itu terdapat beberapa faktor yang boleh menyelamatkan seorang pembuat kemungkarannya daripada diazab dalam neraka.**

**Penjelasan:**

Abu Hurairah *radhiallahu 'anh* berkata, dia mendengar Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

*Terdapat dua orang bersaudara dari kalangan Bani Israil, salah seorang daripadanya lazim berbuat dosa manakala yang lain bersungguh-sungguh dalam beribadah. Saudara yang bersungguh-sungguh dalam ibadah sering memandang saudaranya yang lain berbuat dosa, lalu dia berkata: "Berhentilah!"*

*Pada satu hari dia mendapati saudaranya masih melakukan dosa lalu dia berkata: "Berhentilah!" Namun saudaranya menjawab: "Biarkan aku! Demi Tuhanku! Apakah engkau diutus untuk mengawasi aku?" Lalu saudara (yang bersungguh-sungguh dalam ibadah) berkata: "Demi Allah! Allah tidak akan mengampunkan engkau atau Allah tidak akan memasukkan engkau ke dalam syurga."*

*Maka (beberapa ketika kemudian) ruh kedua-duanya*

*dicabut dan mereka dihadapkan kepada (Allah) Tuhan sekalian alam. Lalu (Allah) bertanya kepada saudara yang bersungguh-sungguh dalam ibadah: “Apakah engkau mengetahui tentang Aku atau apakah engkau berkuasa atas apa yang berada di tangan-Ku?”*

*Dan (Allah) berkata kepada saudara yang lazim berbuat dosa: “Pergilah masuk ke surga dengan Rahmat-Ku.” Dan (Allah) berkata kepada (saudara yang bersungguh-sungguh dalam ibadah): “Bawalah orang ini ke neraka.”*

*Berkata Abu Hurairah: “Demi jiwaku yang berada di Tangan-Nya, sungguh orang tersebut (saudara yang bersungguh-sungguh dalam ibadah) telah mengucapkan kata-kata yang membinasakan dunia dan akhiratnya.”<sup>50</sup>*

Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah juga tidak menafikan keampunan atau rahmat Allah Subhanahu wa Ta'ala dari seseorang pembuat kemungkar. Hadis berikut menjadi dalilnya:

*Seorang lelaki berkata: “Demi Allah! Allah tentu tidak akan mengampunkan si-fulan!” Lalu Allah Ta'ala berfirman: “Siapakah yang telah menentukan bahawa Aku tidak akan mengampunkan si-fulan? Sesungguhnya aku telah mengampunkan si-fulan dan menghapuskan amalan kebaikan engkau (orang yang berkata Allah tidak akan mengampunkan si-*

---

<sup>50</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Abu Daud dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud*, hadis no: 4901 (*Kitab al-Adab, Bab larangan dari menganiaya*).

*fulan).*”<sup>51</sup>

Ada pun faktor-faktor yang boleh menyelamatkan seorang pembuat kemungkaran daripada diazab dalam neraka, ia adalah seperti berikut:

1. Orang tersebut bertaubat daripada melakukan kemungkaran.
2. Orang tersebut meminta keampunan Allah dan Allah mengampunkannya.
3. Orang tersebut melakukan banyak amal kebajikan yang menghapuskan dosa kemungkaran yang dilakukannya.
4. Doa sesama orang Islam yang antara lain meminta keampunan Allah kepada semua umat Islam, seperti ketika menunaikan Solat Jenazah. Ini mampu menghasilkan keampunan kepada orang tersebut.
5. Amal-amal kebajikan yang dilakukan oleh ahli warisnya, seperti ilmu yang dimanfaatkan, sedekah jariah dan doa anak, semua ini mampu menghapuskan dosa kemungkarannya.
6. Orang tersebut memperoleh syafaat Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* pada Hari Akhirat.
7. Orang tersebut menerima beberapa ujian berupa kesukaran dalam kehidupan dunia yang semua itu merupakan sesuatu yang menghapuskan dosa kemungkarannya.
8. Orang tersebut menerima azab kubur yang dengan itu

---

<sup>51</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 2621 (*Kitab al-Birr wa al-Solah...*, *Bab larangan berputus asa dari rahmat Allah*).

dihapuskan dosa kemungkarannya.

9. Orang tersebut menerima kesukaran suasana Hari Kebangkitan, Padang Masyar dan sebagainya dan ini semua juga mampu menghapuskan dosa kemungkarannya.
10. Orang tersebut memperoleh Rahmat dan Keampunan daripada Allah yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang.<sup>52</sup>

Sekali lagi, ciri *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dalam perkara ini perlu dicermati secara mendalam kerana terdapat sebahagian pihak yang menyangka sesiapa yang melakukan kemungkaran, maka dia secara pasti akan memasuki neraka. Selain itu ada pula pihak yang suka menuduh, bahawa jika dikatakan sesuatu amalan adalah bid'ah, bererti menghukum pembuatnya sebagai ahli neraka. Tuduhan ini, sekali pun adakalanya disuarakan oleh orang yang berilmu, menunjukkan bahawa mereka masih jahil tentang ciri-ciri *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dalam membezakan antara perbuatan dan pembuat, serta jahil tentang ciri-ciri *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang tidak menentukan seseorang itu sebagai bakal diazab dalam neraka kerana sesuatu bid'ah (kemungkaran) yang dilakukannya.

---

<sup>52</sup> Ibn Taimiyyah telah menerangkan 10 faktor ini beserta dalil-dalilnya dalam *Majmu' al-Fatawa*, jld. 7, ms. 487-501.

**H: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* memandang bahawa bertawasul dalam doa adalah dilarang melainkan jika terdapat dalil yang sahih lagi jelas. Ini kerana bertawasul adalah upaya menghampirkan diri kepada Allah melalui sesuatu perantaraan padahal manusia tidak tahu apakah bentuk perantaraan yang mampu menghampirkan mereka kepada Allah melainkan berdasarkan dalil. Maka perantaraan yang dibolehkan berdasarkan dalil yang sahih lagi jelas ada tiga, iaitu:**

- **Bertawasul dengan nama-nama dan sifat-sifat Allah.**
- **Bertawasul dengan amal shalih.**
- **Bertawasul dengan meminta orang shalih yang hidup mendoakannya.**

**Penjelasan:**

Demikian kedudukan pertengahan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* antara (1) mereka yang melarang tawasul secara mutlak dengan (2) mereka yang membolehkan tawasul secara mutlak dengan perantaraan-perantaraan yang tidak disebut secara jelas oleh al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih. Dalil bagi bertawasul dengan nama-nama dan sifat-sifat Allah adalah:

*Dan Allah mempunyai nama-nama yang baik (yang*

*mulia), maka serulah (berdoalah) kepada-Nya dengan menyebut nama-nama itu. [al-A'raaf 7:180]*

Dalil bertawasul dengan amal shalih adalah tindakan tiga orang rakan yang terperangkap di dalam gua, lalu mereka menyebut amal shalih masing-masing dan kemudiannya berdoa:

*“(Ya Allah!) Jika Engkau mengetahui bahawa aku melakukan hal itu semata-mata kerana mencari Wajah-Mu, maka berilah kami satu bukaan untuk melihat langit (dari dalam gua tersebut).” Maka Allah memberikan bukaan pada batu tersebut sehingga mereka dapat melihat langit.<sup>53</sup>*

Dalil bertawasul dengan meminta orang shalih yang hidup mendoakannya adalah hadis berikut, dimana Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

*Aan datang kepada kalian Uwais bin ‘Amar bersama pasukan bantuan daripada Yaman. (Dia) daripada Murad, kemudian daripada Qarn. Dia dahulunya memiliki penyakit belang lalu telah sembuh daripadanya kecuali satu bahagian sebesar satu dirham. Dia memiliki seorang ibu yang dia selalu berbakti kepadanya. Seandainya dia bersumpah dengan nama Allah, nescaya Allah akan memakbulkan sumpahnya itu. Jika kamu mampu memintanya memohon ampun untuk kamu, maka lakukanlah.<sup>54</sup>*

Wujud perbezaan pendapat di kalangan ahli ilmu berkenaan orang yang berdoa kepada Allah tetapi bertawasul melalui

---

<sup>53</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya* – hadis no: 5974 (*Kitab al-Adab, Bab dimakbulkan doa...*).

<sup>54</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya* – hadis no: 2542 (*Kitab Fadha'il al-Shahabah, Bab keutamaan Uwais al-Qarni*).

kemuliaan Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* setelah baginda wafat atau kepada kemuliaan orang-orang shalih setelah mereka meninggal dunia. Seumpama doa: “Ya Allah! Aku meminta dari Engkau dengan kemuliaan Syaikh Ahmad agar Engkau membantu aku dalam masalah ini”. Muhammad bin ‘Abd al-Wahhab *rahimahullah* (1206H) menerangkan perbezaan pendapat dalam bab ini:

Kenyataannya, ada sebahagian ulama' yang membolehkan tawasul kepada orang-orang shalih manakala sebahagian lagi mengkhususkan kebolehan ini kepada Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*. Sementara itu majoriti ulama' telah melarangnya dan menganggap ia makruh. Ini adalah masalah yang termasuk dalam masalah fiqh. Justeru sekali pun yang benar menurut kami adalah pendapat jumhur, iaitu makruh, kami tetap tidak mengingkari orang yang membolehkannya. Ini kerana tidak boleh ada pengingkaran dalam masalah-masalah ijtihad. Akan tetapi pengingkaran kami adalah ke atas orang yang berdo'a (dan mengharapkan pengaruh) makhluk lebih besar berbanding pengaruh Allah (dalam memakbulkan) doa tersebut.<sup>55</sup>

Yang lebih selamat adalah tidak berdo'a melalui perantaraan kemuliaan seseorang. Ini berdasarkan salah satu ciri *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang telah dikemukakan pada awal bab ini, iaitu: “*Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* memiliki manhaj yang sah lagi

---

<sup>55</sup> *Fatawa wa Masail al-Syaikh Muhammad bin 'Abd al-Wahhab rahimahullah* daripada *Tarikh Najd li Ibn Ghanam*, dalam *Muallifat al-Syaikh Muhammad bin 'Abd al-Wahhab* (tanpa penerbit), jld. 4, bhg. 2, ms. 68

jelas dalam persoalan aqidah kerana aqidah yang tercemar akan membatalkan semua amalan seseorang, malah boleh mengakibatkan dosa syirik yang tidak diampunkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Oleh itu jika terdapat sesuatu persoalan aqidah yang diperselisihkan atau samar-samar, *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* akan meninggalkannya dan mencukupkan diri dengan sesuatu yang sah lagi jelas.”<sup>56</sup>

**I: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* memandang bahawa tidak boleh mengambil berkat daripada individu, masa atau tempat melainkan berdasarkan dalil yang sah lagi jelas. Ini kerana keberkatan itu adalah milik Allah dan Allah menghususkannya kepada siapa dan apa yang dikehendaki-Nya. Tiada jalan untuk manusia mengetahui kepada siapa dan apa Allah menghususkan keberkatan tersebut melainkan melalui petunjuk dalil yang sah lagi jelas.**

---

<sup>56</sup> Selain itu kelemahan hujah dan bahaya berdoa melalui perantaraan kemuliaan seseorang telah saya jelaskan dalam buku *11 Perkara Yang Mencemari Kemurnian Tauhid*, sila rujuk ke sana.

**Penjelasan:**

Demikian kedudukan pertengahan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* antara (1) mereka yang menafikan sebarang keberkatan secara mutlak dengan (2) mereka memberi keberkatan kepada apa jua yang mereka kehendaki, seolah-olah ia adalah urusan milik mereka.

*Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* mengetahui bahawa generasi *al-Salaf al-Shalih* ada mengambil berkat daripada beberapa peninggalan Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* sesudah kewafatan baginda. Akan tetapi pada masa kini tidak ada apa-apa peninggalan yang disandarkan kepada baginda yang dapat dibuktikan dengan keyakinan yang mengatasi keraguan bahawa ia adalah benar-benar milik baginda. Justeru *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* menahan diri daripada bertabaruk dengan apa yang didakwa sebagai peninggalan baginda pada masa kini.

**J: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* menerima kejadian di luar adat kebiasaan yang Allah kurniakan kepada hamba-hamba-Nya yang terpilih. Akan tetapi *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* membezakan sama ada kejadian tersebut adalah kurniaan Allah, pengumpanan Allah (*al-Istidraj*), permainan syaitan atau perbuatan sihir. Sesuatu kejadian di luar adat kebiasaan dapat dikatakan adalah kurniaan Allah jika ia meningkatkan lagi keimanan, ketaqwaan dan amal-amal shalih yang**

## **selari dengan al-Qur'an dan al-Sunnah bagi orang yang mengalaminya.**

### **Penjelasan:**

Demikian kedudukan pertengahan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* antara (1) mereka yang menafikan apa-apa kemungkinan berlakunya kejadian di luar adat kebiasaan dengan (2) mereka yang menerima semua kejadian tersebut tanpa membezakan sama ada ia adalah kurniaan Allah atau selainnya.

Kejadian-kejadian di luar adat kebiasaan adalah sesuatu yang dikurniakan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kepada para hamba-Nya yang layak, sepertimana firman-Nya:

***Katakanlah: “Sesungguhnya limpah kurnia itu adalah di tangan Allah, diberikan-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya; dan Allah Maha Luas limpah kurnia-Nya lagi Meliputi pengetahuan-Nya. [‘Ali Imran 3:73]***

Kejadian di luar adat kebiasaan yang dikurniakan kepada para Nabi dan Rasul disebut sebagai mukjizat. Akan tetapi kurniaan Allah tidak sahaja terhad kepada para Nabi dan Rasul, tetapi meliputi juga mana-mana hamba-Nya yang layak dan terpilih. Hanya ia tidak lagi disebut sebagai mukjizat, tetapi disebut sebagai *Karamah*. Antara contoh kejadian di luar adat kebiasaan yang dikurniakan Allah kepada selain Nabi dan Rasul adalah kurniaan-Nya kepada Maryam, ibu kepada Nabi ‘Isa *‘alahi salam*:

***Maka dia (Maryam) diterima oleh Tuhannya dengan penerimaan yang baik dan dibesarkannya dengan didikan yang baik serta diserahkan untuk dipelihara oleh Nabi Zakaria.***

***Tiap-tiap kali Nabi Zakaria masuk untuk menemui Maryam di Mihrab, dia dapati rezeki (makanan dan minuman) di sisinya. Nabi Zakaria bertanya: “Wahai Maryam! Dari mana engkau dapati (semua) ini?” Maryam menjawab: “Ini ialah dari Allah, sesungguhnya Allah memberikan rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dengan tidak terkira.” [‘Ali Imran 3:37]***

Demikian juga kisah sekumpulan belia yang Allah *Subhanahu wa Ta'ala* rakamkan kisah mereka dalam surah *al-Kahf*. Mereka menyembunyikan diri dalam sebuah gua kerana ingin menjaga keimanan mereka. Di dalam gua tersebut, Allah tidurkan mereka sehingga bertahun-tahun lamanya. Ini adalah satu kejadian di luar adat kebiasaan yang kurniakan kepada belia-belia tersebut. Allah menerangkan sikap mereka ketika terjaga dari tidur yang lama:

***Sesungguhnya mereka itu orang-orang muda yang beriman kepada Tuhan mereka, dan kami tambahi mereka dengan hidayah petunjuk. Dan Kami kuatkan hati mereka (dengan kesabaran dan keberanian), semasa mereka bangun lalu berkata:***

***“Tuhan kami ialah Tuhan yang mencipta dan mentadbirkan langit dan bumi; kami tidak sekali-kali akan menyembah Tuhan yang lain dari padanya; jika kami menyembah yang lainnya bermakna kami memperkatakan dan mengakui sesuatu yang jauh dari kebenaran.” [al-Kahf 18:13-14]***

Oleh itu *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* menerima kejadian di luar adat kebiasaan sebagai sesuatu yang boleh berlaku kepada para hamba yang terpilih. Hanya diletakkan kaedah ukuran yang ketat bagi menentukan sama ada kejadian tersebut adalah kurniaan Allah atau selainnya. Sesuatu kejadian di luar adat kebiasaan dapat

dikatakan adalah kurniaan Allah jika ia meningkatkan lagi keimanan, ketaqwaan dan amal-amal shalih yang selari dengan al-Qur'an dan al-Sunnah bagi orang yang mengalaminya.

**K:** *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* mencintai dan memuliakan para sahabat, termasuk di dalamnya para isteri dan ahli keluarga (*Ahl al-Bait*) baginda. *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* memandang bahawa seutama-utama sahabat dan khalifah yang hak adalah Abu Bakar, diikuti 'Umar al-Khaththab, diikuti 'Utsman bin 'Affan, diikuti 'Ali bin Abi Thalib *radhiallahu 'anhum*.

*Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* menahan diri daripada membicara berkenaan pertelingkahan yang berlaku di antara para sahabat *radhiallahu 'anhum* melainkan untuk membersihkan fitnah dan salah faham. Ini kerana kemuliaan para sahabat telah dipersaksikan oleh Allah dan Rasul-Nya manakala

**jasa baik para sahabat telah terbukti melalui kejayaan dakwah Islam pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan selepas itu. Apa yang jelas lagi nyata berkenaan kemuliaan dan jasa baik mereka tidak boleh diruntuhkan semata-mata oleh hikayat-hikayat yang tertulis dalam buku-buku sejarah.<sup>57</sup>**

---

<sup>57</sup> Berkenaan keutamaan para sahabat, sila rujuk buku *Jawapan Ahl al-Sunnah Kepada Syi'ah al-Rafidhah Berkenaan Keutamaan Dan Sejarah Para Sahabat* terbitan Jahabersa, Johor Bahru. Berkenaan pertelingkahan antara sahabat, sila rujuk risalah-risalah berikut yang terkandung dalam buku *Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah (Buku 4)* terbitan Jahabersa, Johor Bahru:

1. *Pendirian Aisyah Dan Para Sahabat Di Sebalik Perang Jamal.*
2. *Pendirian Muawiyah Di Sebalik Perang Siffin.*
3. *Pendirian Muawiyah Di Sebalik Perlantikan Yazid dan Pembunuhan Hasan.*
4. *Pendirian Yazid Di Sebalik Pembunuhan Husain.*
5. *Pendirian Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah Terhadap Yazid bin Muawiyah.*
6. *Panduan Memicara Sejarah Para Sahabat.*

**L: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* beriman kepada sifat-sifat yang Allah mensifati diri-Nya, sebagaimana yang Allah khabarkan melalui al-Qur'an dan lisan Rasul-Nya Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam*.**

***Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* menetapkan sifat-sifat tersebut serta memahami maknanya manakala bentuk dan cara sifat tersebut diserahkan kepada Allah dengan keyakinan bahawa ia tidak memiliki kesamaan dalam apa jua bentuk dengan makhluk.**

**Secara lebih terperinci, *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* beriman kepada sifat-sifat Allah:**

- **Tanpa *Ta'thil*, iaitu tanpa menafikannya.**
- **Tanpa *Tahrif*, iaitu tanpa mengubah atau mentakwilkannya.**
- **Tanpa *Tamsil*, iaitu tanpa menyerupakannya dengan apa-apa makhluk.**
- **Tanpa *Takyif*, iaitu tanpa bertanya atau memikirkan bentuk, cara dan ciri-ciri sifat tersebut melainkan ia diserahkan kepada Allah.**

### **Penjelasan:**

Demikian kedudukan pertengahan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* antara (1) mereka yang menafikan Allah daripada memiliki apa-apa sifat secara mutlak, (2) mereka yang beriktikad Allah sememangnya memiliki sifat seperti makhluk dan (3) mereka yang menganggap Allah telah mensifati diri-Nya dengan sifat-sifat yang menghampiri ciri-ciri makhluk, lalu perlu dilakukan pentakwilan agar dapat dibersihkan Allah daripada sifat kemakhlukan tersebut. Berkata al-Tirmizi *rahimahullah* (279H):

Dan sungguh telah berkata tidak seorang daripada *Ahl Ilmu* tentang hadis ini dan apa yang seumpamanya daripada riwayat-riwayat tentang *al-Sifat* dan (tentang) Penurunan *Rabb* (Allah) *Tabaraka wa Ta'ala* pada setiap malam ke langit dunia. Mereka berkata riwayat-riwayat seperti ini adalah benar (*thabit*) dan berimanlah kepada ia dan jangan dibayangkan (seperti apa) dan jangan ditanya bentuk, ciri-ciri dan tataranya (*kaifiat*). Inilah yang telah diriwayatkan daripada Malik (bin Anas) dan Sufyan bin 'Uyaynah dan 'Abdullah bin Mubarak, sesungguhnya mereka telah berkata tentang hadis-hadis seperti ini (yang berkaitan nas-nas *al-Sifat*): Terimalah ia (berimanlah kepadanya) tanpa mempersoalkan bentuk, ciri-ciri dan tatacara (*kaifiat*). Dan demikianlah juga pendapat ahli ilmu *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.

Manakala golongan *al-Jahmiyyah* mereka mengingkari riwayat-riwayat seperti ini (nas-nas *al-Sifat*) sambil berkata ini adalah *tasybih* (penyerupaan dengan makhluk). Sesungguhnya Allah '*Azza wa Jalla* telah menyebut hal ini tidak sekali dalam kitab-Nya (al-Qur'an) seperti Tangan dan

Pendengaran dan Penglihatan akan tetapi golongan *al-Jahmiyyah* telah *mentakwilkan* ayat-ayat ini dan menafsirkannya kepada sesuatu yang berlainan daripada tafsiran *Ahl Ilmu*. Mereka (*al-Jahmiyyah*) berkata sesungguhnya Allah tidak mencipta (Nabi) Adam (*'alaihi salam*) dengan Tangan-Nya. Mereka berkata maksud Tangan-Nya di sini adalah kekuatan-Nya.

Padahal berkata Ishaq bin Ibrahim: "Sesungguhnya yang dianggap *tasybih* (penyerupaan dengan makhluk) hanyalah apabila seseorang berkata Tangan sepertimana tangan (makhluk) atau seumpama tangan (makhluk), Pendengaran sepertimana pendengaran (makhluk) atau seumpama pendengaran (makhluk). Justeru apabila seseorang berkata Pendengaran sepertimana pendengaran (makhluk) atau seumpama pendengaran (makhluk) maka barulah ia dianggap sebagai penyerupaan.

Namun apabila seseorang berkata sebagaimana firman Allah *Ta'ala* di dalam kitab-Nya (al-Qur'an): Tangan dan Pendengaran dan Penglihatan tanpa dipersoalkan bentuk, ciri-ciri dan tatacaranya (*kaifiat*) dan tidak dikatakan seumpama pendengaran (makhluk) dan tidak juga dikatakan sepertimana pendengaran (makhluk) maka ini tidak dianggap sebagai penyerupaan. Malah ia adalah sepertimana firman Allah *Ta'ala* di dalam kitab-Nya (al-Qur'an): *Tidak ada sesuatu pun yang serupa dengan Dia dan Dia-lah Yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat*. [al-Syura 42:11]<sup>58</sup>

Banyak berlaku salah faham pada masa kini, sama ada

---

<sup>58</sup> *Sunan al-Tirmizi (tahqiq: Ahmad Syakir dan rakan-rakan; Dar al-Hadith, Kaherah 1999), jld. 3, ms. 33.*

secara sengaja atau tidak, bahawa kononnya *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* telah menyerupakan Allah dengan makhluk (*al-Musyabbihah*) dan menganggap Allah memiliki jasad (*al-Mujassimah*). Ini adalah satu fitnah yang dengan mudah dapat dibersihkan oleh sesiapa yang mahu meluangkan sedikit masa untuk memahami manhaj *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dalam berinteraksi dengan sifat-sifat Allah.

Bahkan yang sebenarnya memiliki manhaj *al-Musyabbihah* dan *al-Mujassimah* adalah mereka yang membuat fitnah atas *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Ini kerana para pembuat fitnah tersebut memiliki kefahaman bahawa kononnya apabila Allah menerangkan sifat-sifat-Nya dalam al-Qur'an dan al-Sunnah, ia adalah sifat-sifat yang menyerupai makhluk (*al-Musyabbihah*) lagi berjasad (*al-Mujassimah*). Maka atas kefahaman inilah mereka berpendapat wajib mentakwilkan sifat-sifat tersebut dan menentang orang yang enggan mentakwilkannya. Seandainya mereka tidak memiliki kefahaman *al-Musyabbihah* dan *al-Mujassimah* jauh di dalam sanubari, nescaya mereka tidak akan mewajibkan takwil ke atas sifat-sifat Allah. Maka bezakanlah, siapakah *al-Musyabbihah* dan *al-Mujassimah* yang sebenar?

**M: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* mengetahui bahawa sebahagian tokoh berbeza dalam perkara-perkara aqidah yang disebut di atas, seperti mentakwilkan sifat-sifat Allah. Maka *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* membezakan tokoh-tokoh tersebut kepada dua kategori:**

**Pertama:**

Perbezaan yang dilakukan oleh orang-orang yang masyhur dikenali sebagai menyelisihi al-Qur'an dan al-Sunnah, malah terkenal sebagai memusuhi al-Sunnah, suka mencipta bid'ah dan berusaha keras untuk berselisih dengan *al-Salaf al-Shalih*. Mereka terkenal dengan sikap dusta, memutar belitkan fakta dan melakukan takwil yang aneh. Kebanyakan hasil pemikiran, percakapan dan amalan mereka adalah bertentangan dengan kefahaman *al-Salaf al-Shalih* terhadap al-Qur'an dan al-Sunnah.

Terhadap orang kategori pertama ini, *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* tidak mengambil manfaat daripada ilmu mereka dan memberi peringatan kepada orang ramai agar turut tidak mengambil manfaat daripada ilmu mereka.

**Kedua:**

Perbezaan yang dilakukan oleh para tokoh yang masyhur dikenali berpegang kepada al-Qur'an dan al-Sunnah secara ikhlas

dan jujur. Kebanyakan hasil pemikiran, percakapan dan amalan mereka adalah selari dengan kefahaman *al-Salaf al-Shalih* terhadap al-Qur'an dan al-Sunnah. Namun dalam beberapa kes terpencil, mereka melakukan ijtihad yang hasilnya berbeza. Perbezaan tersebut berlaku bukan kerana mereka sengaja ingin menderhakai Allah dan Rasul-Nya serta menghasilkan kebatilan, tetapi disebabkan oleh faktor-faktor yang tidak mampu mereka elakkan.

Terhadap para tokoh dalam kategori kedua ini, *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* mengambil manfaat daripada ilmu mereka sambil membetulkan beberapa ijtihad mereka yang berbeza. Semua ini dilakukan dengan tetap memuliakan mereka, sama ada sebagai seorang ilmuan mahu pun sebagai seorang Muslim.

*Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* mengecam segelintir individu yang menghina dan memulau para tokoh yang berbeza pandangan dalam segelintir perkara aqidah tanpa membezakan terlebih dahulu sama ada tokoh tersebut duduk dalam kategori

**pertama atau kedua.**

**Penjelasan:**

*Ghuluw*, yakni sikap ekstrim atau melampaui batas adalah salah satu penyakit hati yang banyak menyerang umat Islam, sekali pun terhadap mereka yang berilmu. Hanya sedikit yang berjaya melepaskan diri daripadanya, iaitu mereka yang pada asalnya memiliki sikap ikhlas apabila berinteraksi dengan ilmu agama. Sikap ekstrim ini berlaku dalam pelbagai hal, antaranya ialah sikap terhadap para ilmuan Islam.

Dalam hal ini, anda akan menemui sebahagian orang yang ekstrim dalam mengkritik para tokoh yang “tidak duduk dalam kelompok mereka”, sehingga ke tahap menghina dan memulau ilmuan tersebut. Ini dilakukan semata-mata kerana beberapa pandangan atau ijthad ilmuan tersebut yang mereka nilai berbeza dengan pandangan atau ijthad “kelompok mereka”. Namun menarik untuk diperbandingkan, apabila tokoh yang “duduk dalam kelompok mereka” mengeluarkan pandangan atau ijthad yang berbeza, mereka akan bermati-mati membelanya dan menutupi perbezaan tersebut.

Antara tokoh yang masyhur menjadi mangsa ialah al-Nawawi dan Ibn Hajar al-‘Asqalani, semoga Allah merahmati mereka berdua. Kedua-dua ilmuan ini dihina dan dipulau oleh golongan yang ekstrim di atas semata-mata kerana pandangan mereka untuk mentakwil nas-nas berkenaan sifat-sifat Allah.

Sikap ekstrim ini perlu dijauhkan dengan segera. Ketahuilah bahawa para ilmuan tersebut adalah para mujtahid yang

seandainya mereka tersilap dalam berijtihad, mereka tetap akan mendapat pahala, bahkan sehingga ke tahap lima puluh kali ganda. Ibn Taimiyyah menerangkan:

Maka tatkala berlalunya zaman, apa yang jelas kepada generasi *al-Salaf* menjadi samar bagi kebanyakan manusia sementara apa yang nyata bagi generasi *al-Salaf* menjadi kebingungan bagi kebanyakan manusia. Lalu kebanyakan golongan mutakhir menyelisih al-Qur'an dan al-Sunnah terhadap apa yang tidak pernah berlaku pada generasi *al-Salaf*.

Sungguh pun begitu, mereka adalah mujtahid yang dimaafkan keuzuran mereka dan diampunkan kesalahan mereka oleh Allah dan diberi pahala atas ijtihad mereka. Bahkan mungkin bagi mereka pahala kebaikan yang menyamai pahala lima puluh orang (mujtahid) pada zaman tersebut (zaman *al-Salaf*) kerana mereka pada zaman itu (*al-Salaf*) memiliki orang yang dapat membantu (menyelesaikan) sesuatu masalah (yang perlu diijtihadkan) manakala golongan mutakhir tidak memiliki bantuan yang seumpama.<sup>59</sup>

Sekali pun kesilapan ijtihad yang dilakukan adalah dalam perkara aqidah, ia tetap dimaafkan. Dalilnya adalah hadis berikut daripada Huzaifah bin al-Yaman *radhiallahu 'anh*, dimana beliau menerangkan bahawa Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

***Ada seorang lelaki daripada kalangan sebelum kalian yang ragu-ragu tentang amalannya. Maka dia berkata kepada ahli keluarganya: “Apabila aku mati maka ambillah aku (bakarkan jasad aku) dan taburkanlah ia di lautan pada hari***

---

<sup>59</sup> *Majmu' al-Fatawa*, jld. 13, ms. 65.

*yang berangin.” Maka mereka (ahli keluarganya) melakukannya. Kemudian Allah menghimpunkannya dan berkata: “Apakah yang menyebabkan engkau melakukan perkara tersebut?” Lelaki itu menjawab: “Tidak aku melakukannya melainkan kerana takut kepada Engkau (Allah).” Maka Allah mengampunkannya.<sup>60</sup>*

Dalam hadis di atas, lelaki tersebut telah melakukan dua kesilapan aqidah:

- Pertama dia menganggap dirinya mampu melarikan diri daripada pengadilan Allah,
- Kedua dia menganggap Allah tidak mampu menghimpun makhluk yang jasadnya sudah hancur berdebu serta hanyut di lautan.

Ternyata bahawa kedua-dua anggapannya adalah salah. Namun kedua-dua kesalahan aqidah ini diampunkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta’ala* kerana lelaki tersebut melakukannya bukan kerana ingin menderhakai Allah, tetapi kerana takut akan kekuasaan dan kebesaran Allah.

Nah! Jika orang awam yang melakukan kesilapan aqidah diampunkan oleh Allah, nescaya seorang mujtahid yang melakukan kesilapan dalam aqidah akan lebih diampuni oleh Allah. Asalkan, kesilapan tersebut bukan untuk menegakkan kebatilan atau menderhakai Allah.

Berkata Ibn Taimiyyah berkenaan para tokoh Islam, termasuk mereka yang beraliran *al-‘Asya’irah*:

---

<sup>60</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 6480, juga daripada Abu Sa‘id al-Khudri *radhiallahu ‘anh*, hadis no: 6481 (*Kitab al-Riqaq, Bab takut terhadap Allah*).

Tidak ada seorang pun dari mereka, kecuali telah terbukti pembelaannya terhadap Islam. Mereka telah melakukan pelbagai usaha yang terpuji dan kebajikan. Mereka aktif dalam membendung gerakan orang-orang atheis (*Ahl al-Ihād*) dan ahli bid'ah. Pada waktu yang sama, mereka banyak membantu ahli sunnah dan agama ini (Islam). Usaha mereka terkenal dan tidak ada kesamaran di dalamnya. Khususnya bagi orang yang mengenal baik keadaan mereka dan menceritakan biografi mereka berkenaan ilmu, kejujuran, keadilan dan wawasan tinggi (yang mereka miliki).

Namun sayangnya, ketika prinsip-prinsip dasar agama yang asli menjadi kabur dan samar, yang pada awalnya diakibatkan oleh pemikiran aliran Mu'tazilah dengan tokoh-tokoh mereka dikenal sangat rasionalis (mengunggulkan akal), maka prinsip-prinsip tersebut diabaikan oleh mereka. Akibatnya, timbul banyak pemikiran yang ditolak oleh para ulama' dan tokoh agama dari kaum muslimin. Akibat lanjutnya, kaum muslimin terbahagi kepada dua kelompok: Sebahagian ada yang mengagung-agungkan mereka kerana memiliki beberapa kebaikan dan keunggulan. Sebahagian lagi ada yang mencela dan menjatuhkan mereka kerana di antara pemikiran mereka ada termasuk dalam kategori bid'ah dan batil. Padahal sebaik-baik urusan adalah di pertengahan.

Hal ini tidak hanya terjadi kepada mereka sahaja, bahkan menimpa sebahagian ahli ilmu dan agama. Namun demikian, Allah *Ta'ala* tetap akan menerima kebaikan-kebaikan dari hamba-hamba-Nya dan akan memberi maaf atas keburukan-keburukan mereka. Firman-Nya:

*"Wahai Tuhan Kami! Ampunkanlah dosa kami dan dosa saudara-saudara kami yang mendahului kami dalam iman, dan janganlah Engkau jadikan dalam hati perasaan hasad dengki dan dendam terhadap orang-orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau Amat Melimpah Belas kasihan dan RahmatMu." [al-Hasyr 59:10]*

Kita tidak perlu ragu bahawa sesiapa yang berjihad untuk mencari kebenaran dalam agama dari jalur Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, lalu kemudian dia melakukan kesilapan pada sebahagian ijtihadnya, Allah pasti akan mengampuni kesilapannya. Ini sebagai bukti penerimaan doa yang dijanji untuk diterima-Nya bagi Nabi dan orang-orang mukmin, ketika mereka berdoa: *"Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau hukum kami jika kami lupa atau silap."* [al-Baqarah 2:286]

Sesiapa yang mengikuti prasangka dan hawa nafsunya, lalu dia memburuk-burukkan orang yang berjihad tetapi tersilap, padahal yang berjihad itu memandangnya benar, maka ia (tindakan memburuk-burukkan tersebut) adalah satu bid'ah (yang jelas) menyalahi sunnah. Sepatutnya dia (orang yang memburuk-burukkan) membandingkan hal ini, sama ada terhadap kes yang lebih besar atau lebih kecil kepada seseorang yang diagung-agungkan olehnya dari kalangan kelompoknya sendiri (pasti dia akan menemui berlaku kesilapan dalam sebahagian ijtihad, namun tidak pula diburuk-burukkan mujtahid tersebut kerana berada dalam kelompok yang sama).

Ini kerana sedikit sekali para ulama' mutakhir yang selamat dari masalah-masalah sedemikian (tersilap dalam

ijtihad) disebabkan oleh banyaknya hal-hal yang samar dan jauhnya manusia dari cahaya *al-Nubuwwah* dan naungan risalah, yang dengannya dapat diperoleh kebenaran dan petunjuk. Selain itu dengan cahaya *al-Nubuwwah* pula, perasaan ragu dari hati akan hilang.<sup>61</sup>

Muhammad bin Shalih al-Utsaimin pernah ditanya tentang sikap *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* terhadap tokoh yang mentakwilkan sifat-sifat Allah. Beliau menjawab:

Ada pun sikap kita terhadap para ulama' yang melakukan takwil, kami berkata: Sesiapa yang mengenal di antara mereka sebagai memiliki niat yang baik dan kejujuran dalam urusan (ilmu) serta mengikuti al-Sunnah, maka dia *ma'dzur* (keuzuran yang dimaafkan) dengan takwilnya. Akan tetapi uzurnya tentang hal itu tidak mencegah (kita untuk) menyalahkan jalan dia yang menyelisihi pemahaman *al-Salaf al-Shalih* yang membiarkan nas-nas (berkenaan sifat-sifat Allah) tetap pada zahirnya serta menyakini apa yang ditunjukkan oleh makna zahirnya tanpa *takyif* dan tanpa *tamsil*.

Wajib membezakan antara menghukum pendapat orang yang berkata dan perbuatan orang yang berkata. Pendapat yang salah bila muncul dari ijtihad dan maksud yang baik, maka orang yang berkata tidaklah dicela. Bahkan dia mendapat satu pahala atas ijtihadnya berdasarkan sabda Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* (yang bermaksud): "*Apabila seorang hakim memutuskan perkara lalu dia berijtihad kemudian ijtihadnya benar, maka baginya dua pahala. Apabila dia memutuskan*

---

<sup>61</sup> *Dar'u Ta'arudh al-'Aqal wa al-Naqal* (tahqiq: M. Rasyad Salim; Dar al-Kunuz al-Adabiyah, Riyadh), jld. 2, ms. 102-103.

*lalu berijtihad kemudian ijtihadnya salah, maka baginya satu pahala." (Mutafaqqun 'alahi).*

Ada pun apa yang disifatkan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dengan *dhalal* (kesesatan, iaitu hadis setiap bid'ah adalah sesat), jika sifat *dhalal* tersebut adalah mutlak yang dengannya tercela dan dimurkai, maka sifat ini tidak ditujukan kepada mujtahid seperti ini yang diketahui kebaikan niatnya, mempunyai kejujuran dalam agama dan mengikuti al-Sunnah. Jika yang dimaksudkan dengan sesat adalah pendapatnya yang menyelisihi kebenaran tanpa mencela terhadap yang berkata, maka hal itu tidak mengapa kerana tindakan seperti ini tidak menyesatkan dengan maksud kesesatan secara mutlak. Ini kerana dari segi wasilah ia adalah benar, iaitu mengerahkan kemampuannya untuk mencapai kebenaran. Akan tetapi dari segi hasil adalah kesesatan, menyelisihi kebenaran.<sup>62</sup>

Pada ketika yang lain, apabila ditanya: "Apa pendapat anda tentang sebahagian orang yang menganggap al-Nawawi dan Ibn Hajar al-'Asqalani adalah *Ahl al-Bid'ah*?", Muhammad bin Shalih al-Utsaimin *rahimahullah* (1421H) menjawab:

Sesungguhnya Imam al-Nawawi dan Imam Ibn Hajar adalah dua ulama' yang benar dan berjasa besar kepada umat Islam. Jika mereka pernah melakukan kesalahan dalam mentakwilkan teks-teks, maka hal itu tidak boleh mengabaikan keunggulan-keunggulan yang ada pada kedua-duanya. Kita tidak

---

<sup>62</sup> *Majmu' Fatawa Arkanil Islam*, disusun oleh Fahad bin Nasir bin Ibrahim (edisi terjemahan oleh Furqan Syuhada dan rakan-rakan; Pustaka Arafah, Solo, 2002), Bab Aqidah, ms. 86-87.

boleh menganggap bahwa pendapat mereka tidak berdasarkan ijtihad yang serius atau dengan takwil yang sebarangan meski pun dalam pendapat keduanya terkadang ada kesalahan, semoga Allah mengampuni keduanya. Untuk itulah apa yang telah mereka berikan (berupa ilmu yang tertuang dalam hasil karya), memang terdapat kegunaan dan kita harus mengakuinya. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* (bermaksud): "*Sesungguhnya amal yang baik dapat menghilangkan amal yang jahat.*" (Hud 11:114).

Apa yang kita lihat bahwasanya mereka berdua termasuk *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, terbukti dengan cara mereka mengamalkan Sunnah Rasul serta merealisasikan apa yang ada dalam Sunnah tersebut. Akan tetapi mereka berdua berbeza dalam ayat-ayat sifat, hadis-hadisnya atau sebahagian lain tentang kebaikan *Ahl al-Sunnah*, maka kita mohon kepada Allah agar mereka tetap bermuamalah dengan keampunannya.<sup>63</sup>

al-Albani tidak ketinggalan untuk memberi nasihat:

Saya ingin menyebutkan sebuah hakikat yang tidak diperselisihkan dan saya ingin menambahkan sesuatu yang tidak difikirkan oleh para pemuda pada masa kini, iaitu sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dalam banyak hadisnya (yang bermaksud): "*Sesiapa yang mengkafirkan seorang Muslim, maka dia telah kafir.*" Ini hakikat yang tidak diragukan lagi dan diketahui rinciannya dalam hadis ini. Dalam

---

<sup>63</sup> *Kitab al-'Ilm*, disusun oleh Fahad bin Nasir bin Ibrahim (edisi terjemahan oleh Sugeng Wisnu Pratomo dengan judul *Panduan Menuntut Ilmu*; Najla Press, Jakarta, 2003), ms. 177-178.

sebahagian riwayat lain (disebut) bahawa jika orang yang dia kafirkan itu adalah seorang kafir, maka dia telah melakukan hal yang benar. Jika tidak, tuduhan itu kembali kepada dirinya (orang yang menuduh kafir itu sendiri). Ini tidak perlu untuk dibahas lagi kerana hadis ini jelas.

Akan tetapi saya ingin menjelaskan sebuah tambahan. Maka saya katakan, siapa yang menuduh seorang Muslim sebagai ahli bid'ah, boleh jadi Muslim itu ahli bid'ah. Akan tetapi jika tidak, penuduh itu sendiri yang (menjadi) ahli bid'ah. Ini adalah realiti yang saya sebutkan tadi. Sesungguhnya para pemuda kita membid'ahkan para ulama', namun mereka itulah (para pemuda) yang terjatuh dalam bid'ah. Akan tetapi mereka tidak mengetahui dan tidak berniat untuk melakukan bid'ah, hanya saja mereka terjerumus ke dalamnya.

Oleh kerana itu kami menasihati para pemuda untuk berpegang teguh dengan mengamalkan al-Qur'an dan al-Sunnah sesuai dengan pengetahuan mereka dan tidak menuduh orang lain dimana mereka tidak memiliki ilmu, kefahaman dan bahkan kemaslahatan. Seperti Imam al-Nawawi dan al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani. Kita katakan, berikanlah kami hari ini di dunia Islam orang-orang seperti mereka (sudah tentu tidak ada lagi yang seperti mereka). Tinggalkanlah Sayyid Quthb, orang ini telah dimuliakan oleh jihadnya. Akan tetapi hal ini tidak mengubah dia dari seorang penulis dan sasterawan, tapi dia bukan seorang ulama'. Maka tidak perlu hairan jika ada yang keluar dari diri beliau hal-hal yang menyalahi manhaj yang benar.

Ada pun orang-orang yang disebut bersamanya seperti

Imam al-Nawawi, Imam Ibn Hajar al-'Asqalani dan selainnya, Demi Allah! Merupakan satu kezaliman jika mengatakan mereka sebagai ahli bid'ah. Saya tahu bahawa mereka mengikut mazhab *al-'Asya'irah*, akan tetapi mereka tidak berniat menyalahi al-Qur'an dan al-Sunnah. Mereka mengikut kerana dua sebab: Pertama, bahawa (Abu al-Hasan) al-Asya'ari mengatakan hal itu, padahal dia mengatakan hal itu pada masa awalnya dan sesudah itu dia menariknya kembali. Kedua, mereka menduganya benar padahal tidak.<sup>64</sup>

Ketika ditanya “Bagaimana sikap kita terhadap para ulama’ yang mengucapkan perkataan bid’ah atau kesalahan yang batil secara jelas?”, ‘Abd Allah al-Ghunaiman menjawab:

Kesalahan sebahagian ulama’, sama seperti ketika mengkritik Imam Ibn Hajar al-'Asqalani, Imam al-Nawawi, Imam al-Baihaqi dan lainnya, juga yang lebih terdahulu daripada mereka seperti Imam al-Khatthabi; sedikit kita dapati dari kalangan ulama’ yang memiliki perjuangan dan buku-bukunya yang tersebar luas lalu tidak ditemui dalamnya kesalahan. Sebahagian mereka mengatakan lebih dari ini, bahawa mereka adalah para mujtahid yang meniatkan kebenaran, mereka tidak inginkan kebatilan dan tidak meniatkan hal itu. Akan tetapi mereka tidak tiba kepada kebenaran, maka mereka jatuh dalam kesalahan sesudah berjihad.

Tidak boleh mencela mereka kerana hal itu. Kita tidak

---

<sup>64</sup> *Muzil al-Ilbas fi al-Ahkam ‘ala al-Nas*, disusun oleh S‘id bin Shabir ‘Abd Allah (edisi terjemahan oleh Nurkholis, Griya Ilmu, Jakarta, 2005), ms. 268-269.

boleh meninggalkan buku-buku mereka dan (meninggalkan daripada) mengambil pelajaran darinya, apatah lagi menganggap mereka sesat atau kafir. Menganggap mereka sesat atau mengkafirkan mereka adalah sebuah kesesatan.

Seperti yang kami katakan sebelumnya, sesungguhnya mereka itu dimaafkan. Tidak boleh menganggap mereka sesat semata-mata kerana mereka terjatuh dalam kesalahan. Pendapat-pendapat dan buku-buku mereka tidak boleh ditinggalkan kerana sangat sedikit orang yang selamat daripada kesalahan. Terdapat perbezaan antara orang yang berjihad lalu jatuh dalam kesalahan dengan orang yang meniatkan kesalahan itu sendiri dan dia mengetahui bahawa dia terjatuh dalam kesalahan. Hukumnya berbeza dengan hukum orang yang berjihad lalu dia jatuh dalam kesalahan.<sup>65</sup>

Terhadap soalan yang sama, Muhammad ‘Id al-Abbasi berkata:

Yang berkaitan dengan mereka dan segolongannya, kita harus hukumi mereka dengan penilaian yang baik serta memisahkan antara kesalahan dan kebenaran mereka. Kita ambil yang baik dari mereka dan kita tinggalkan kesalahan mereka.

Tidak diragukan lagi bahawa kita tidak boleh menghukum mereka dengan satu hukum, misalnya Imam al-Nawawi dan al-Hafiz Ibn Hajar al-‘Asqalani dimana hukum keduanya tidak sama dengan Sayyid Qutbh, semoga Allah merahmati mereka semua. Tidak diragukan lagi bahawa al-

---

<sup>65</sup> *Muzil al-Ilbas*, ms. 252.

Hafiz Ibn Hajar dan Imam al-Nawawi adalah dua orang alim besar yang berijtihad dan merupakan imam bagi kaum muslimin, mereka memiliki banyak ilmu dan prinsip-prinsip yang benar lagi diterima. Jika terdapat kesalahan dari mereka, maka mereka dimaafkan dan mereka tidak keluar dari golongan yang selamat (*al-Firqah al-Najiyah*), *insya-Allah*.

Boleh jadi ada yang berkata: "Imam al-Nawawi dan al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani memiliki pemikiran *al-Asya'irah*." Kita jawab: Betul, pemikiran ini ditemui dalam tulisan-tulisan mereka. Kedua, bahawa manhaj *al-Salaf* lebih utama daripada *al-Asya'irah*. Akan tetapi prinsip yang mereka pegang semuanya benar secara umum. Keduanya terpengaruh dengan pemikiran pada masanya dan pemikiran-pemikiran *al-Asya'irah* dalam masalah-masalah aqidah. Akan tetapi kedua-duanya adalah imam, maka kesalahannya itu kita maafkan. Mereka adalah para ulama' pembawa petunjuk *insya-Allah*.<sup>66</sup>

Apabila ditanya: "Apakah kesalahan seorang ulama' dalam masalah-masalah aqidah mengharuskan untuk tidak mengambil faedah dari ilmu dan buku-bukunya?", 'Abd Allah al-Ghunaiman menjawab:

Tidak ada perbezaan antara kesalahan dalam aqidah mahu pun furu'. Jika seorang manusia salah sedangkan dia adalah seorang mujtahid dan niatnya baik, maka dia dimaafkan dan mendapat pahala ijtihad. Ada pun jika dia tidak berhak untuk berijtihad dan berbicara berdasarkan ketidaktahuan, maka ini tidak dimaafkan, baik dalam masalah aqidah mahu pun

---

<sup>66</sup> *Muzil al-Ilbas*, ms. 252-253.

yang lainnya. Sedangkan jika dia mengetahui kebenaran dan menyalahinya serta dia berniat untuk mengajak melakukan bid'ah-bid'ah yang besar misalnya, maka mereka itu berbeza dengan yang lain. Ada pun jika maksudnya benar namun dia tidak diberi petunjuk padanya, maka dia seorang mujtahid yang tidak berniat melakukan apa yang dia lakukan. Kedudukannya seperti yang diungkapkan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* (maksudnya): "Jika seorang hakim memutuskan perkara lalu dia berijtihad dan dia benar, maka baginya dua pahala. Jika dia salah, maka baginya satu pahala dan kesalahannya itu dimaafkan."<sup>67</sup>

Maka di sini ingin saya tegaskan, jika para pembaca sekalian menemui mana-mana orang yang menghina dan memulau para tokoh ilmuan Islam tanpa membezakan sama ada tokoh tersebut duduk dalam Kategori Pertama atau Kedua, maka janganlah dihiraukan pandangan mereka. Sebaliknya berusaha untuk membetulkan penyakit *ghuluw* yang telah bersarang dalam diri mereka.<sup>68</sup>

Pada waktu yang sama, teruskan mengambil manfaat daripada hasil karya al-Nawawi, Ibn Hajar al-'Asqalani dan sesiapa lain yang duduk dalam Kategori Kedua. Seandainya ditemui sesuatu pandangan atau ijtihad mereka yang berbeza, maka betulkanlah ia tanpa mengurangi kedudukan mereka sebagai seorang Muslim dan ilmuan.

---

<sup>67</sup> *Muzil al-Ilbas*, ms. 250.

<sup>68</sup> Para pembaca boleh merujuk dua risalah saya dalam subjek ini, iaitu *Adab-Adab Menuntut Ilmu* dan *Unsur-Unsur Yang Merosakkan Ilmu Agama* yang dimuatkan dalam buku *Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah (Buku 5)* terbitan Jahabersa, Johor Bahru.



# **Berkenalan Dengan Ciri-Ciri *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* Dalam Fiqh.**

## **Pengenalan:**

Subjek fiqh yang dimaksudkan tidak terhad kepada bab ibadah harian seperti solat dan puasa, akan tetapi meluas kepada pelbagai bab lain seperti jual-beli, ekonomi, perjanjian, hutang-piutang, pernikahan, peperangan dan sebagainya. Jika dalam subjek aqidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* memiliki ciri-ciri yang selamat lagi terkawal, bagi subjek fiqh *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* memiliki ciri-ciri yang dinamik lagi terbuka.

**A: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* memanfaatkan keempat-empat mazhab fiqh yang muktabar, iaitu mazhab al-Syafi'e, Maliki, Hanafi dan Hambali.**

***Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* tidak menganggap salah satu daripadanya adalah lebih baik dari yang lain, akan tetapi kesemuanya adalah baik sebagai jambatan yang menghubungkan umat Islam kepada hukum-hukum fiqh yang terkandung dalam al-Qur'an dan al-Sunnah.**

**Jika dalam sesuatu persoalan terserlah**

**pendapat dalam salah satu mazhab lantaran kekuatan dalil dan hujahnya, maka ia menjadi pilihan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Pemilihan ini dilakukan bukan kerana memandang rendah kepada pendapat mazhab yang lain mahu pun mencela para tokohnya, tetapi semata-mata kerana meletakkan al-Qur'an dan al-Sunnah di tangga yang teratas.**

**Penjelasan:**

Demikian kedudukan pertengahan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* antara (1) mereka yang mewajibkan seseorang itu mengikuti salah satu daripada mazhab yang empat dengan (2) mereka yang mengharamkan seseorang daripada mengikuti mana-mana mazhab yang empat.

'Abd Allah bin 'Abd al-Aziz bin Baz *rahimahullah* (1420H) pernah ditanya: "Ada yang mengatakan bahawa mengikuti mazhab yang empat adalah termasuk perbuatan bid'ah. Bagaimana pendapat anda dalam hal itu?" Beliau menjawab:

Perkataan seperti itu secara umum adalah salah, tidak boleh kita berkata seperti itu. Yang benar adalah, di dalam mazhab yang empat itu terdapat banyak kebaikan dan petunjuk kerana mereka (para imam mazhab) adalah da'i-da'i dan ulama'-ulama' yang terkenal, iaitu Imam Abu Hanifah, al-Syafi'e, Malik dan Ahmad bin Hanbal. Yang salah adalah fanatik dan mengikuti mereka dengan taqlid buta, kerana mereka juga adalah manusia biasa. Setiap mereka memiliki beberapa pendapat yang salah dalam pelbagai masalah.

Jadi yang wajib bagi pengikut mereka adalah bertaqwa

kepada Allah, tidak fanatik dan mengambil kebenaran yang didukung oleh dalil-dalil yang kuat. Maka apabila seorang alim salah dalam ijtihad, maka janganlah menganggap bahawa kesalahan ini bukan sebuah kesalahan hanya kerana orang alim itu adalah imam mazhab mereka. Jangan, (sebab) kebenaran lebih (utama) dari semua itu. Oleh kerana itu, pengikut-pengikut Imam Abu Hanifah, Malik, al-Syafi'e dan Ahmad serta pengikut-pengikut ulama' lainnya, harus mengambil kebenaran yang diperkuat oleh dalil-dalil, tidak fanatik kepada (individu tertentu seumpama) Zaid, Amru dan lain-lain.

Pengikut-pengikut Abu Hanifah tidak boleh fanatik kepada Imam Abu Hanifah dan demikian pula dengan pengikut imam-imam lainnya. Mereka harus taqwa, mengambil kebenaran dan berijtihad di dalamnya dari mana pun datangnya, agar hujah dan dalil kebenaran tersebut dapat dihadapakan. Maka apabila apa yang dikatakan oleh Imam Abu Hanifah benar dan sesuai dengan dalil yang ada, maka dia mengambil pendapat tersebut. Pada waktu yang lain, jika apa yang dikatakan oleh Imam Ahmad bin Hanbal tentang sesuatu masalah benar dan sesuai dengan dalil yang ada, maka dia harus mengambil pendapat itu, demikian seterusnya dengan pendapat imam-imam yang lain.<sup>69</sup>

Ibn Rajab al-Hanbali *rahimahullah* (795H) berkata:

Daripada keterangan-keterangan para imam mazhab ini, adalah menjadi kewajipan apabila seseorang itu menemui suatu perintah daripada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* atau mengetahuinya, untuk menerangkannya kepada sekian

---

<sup>69</sup> Temuramah bersama *Majalah al-Islah*, dikemukakan oleh Abu Abdirrahman al-Thalibi dalam bukunya *Dakwah Salafiyah Dakwah Bijak* (Hujjah Press, Jakarta, 2006), ms. 164-165.

umat, menasihatkan mereka dengan penuh keikhlasan dan memerintahkan mereka untuk mengikutinya walau pun jika ia bertentangan dengan pendapat para imam mazhab atau seseorang lain yang terkemuka.

Ini adalah kerana kedudukan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* adalah yang paling hak untuk dihormati dan ditaati, melebihi dan mengatasi mana-mana pendapat orang atau tokoh lain yang mungkin atas sebab-sebab yang tidak disengajai telah bertentangan dengan perintah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Kerana inilah kita dapati para sahabat dan generasi selepas mereka membantah sesiapa sahaja yang didapati melakukan sesuatu yang bertentangan dengan sunnah yang sahih. Dan adakalanya bantahan ini mereka lakukan dengan amat keras, bukan disebabkan perasaan benci kerana para sahabat itu sememangnya amat menyayangi dan menghormati mereka, akan tetapi pesuruh Allah itu lebih mereka sayangi dan perintahnya lebih tinggi kedudukannya berbanding perintah mana-mana makhluk lain.

Justeru itu apabila terdapat perselisihan antara ajaran Nabi dan ajaran manusia, ajaran Nabi-lah yang lebih berhak ditunaikan dan ditaati. Ini tidaklah bermaksud sebagai menghina kedudukan imam ikutan seseorang itu kerana secara pasti dia akan diampuni atas ketidak-sengajaannya dan silapnya, bahkan si imam tersebut akan lebih rela jika ajarannya itu diketepikan apabila didapati bertentangan dengan ajaran Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih.<sup>70</sup>

---

<sup>70</sup> Dikemukakan oleh Salih al-Fulani dalam kitabnya *Iqaz al-Himan*, ms. 93; dinukil daripada *The Prophet's Prayer Described*, ms. xv oleh al-Albani.

**B: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* memandang bahawa pintu-pintu ijtihad masih terbuka, khususnya berkenaan isu-isu mutakhir dan pintu tersebut boleh dimasuki oleh orang yang menepati syarat-syarat untuk menjadi mujtahid. Justeru *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* memanfaatkan pendapat-pendapat ahli-ahli fiqh mutakhir yang masyhur dikenali berdasarkan keluasan ilmu mereka dan ketepatan ijtihad mereka.**

**Penjelasan:**

Demikian kedudukan pertengahan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* antara (1) mereka yang berpendapat pada masa kini pintu ijtihad sudah ditutup rapat dan tiada lagi mujtahid dengan (2) mereka yang berpendapat pintu ijtihad luas terbuka dan sesiapa sahaja boleh menjadi mujtahid.

Antara isu fiqh mutakhir yang memerlukan perhatian adalah *Fiqh Majmuk* atau *Fiqh Malaysia*, iaitu hukum-hukum fiqh yang khusus bagi suasana umat Islam Malaysia berkenaan hubungan mereka dengan kaum bukan Islam.

**C: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dalam berinteraksi dengan fiqh mengkategorikan manusia kepada beberapa tahap seperti berikut sesuai dengan persekitaran dan kemampuan mereka:**

- 1. Orang yang bertaqlid, iaitu orang yang hanya mengikuti sesuatu pendapat fiqh tanpa mengetahui dalil dan hujah di sebaliknya. Bagi mereka yang sebaiknya adalah mengikuti satu mazhab, iaitu mazhab yang diikuti oleh orang-orang ditempatnya.**
- 2. Orang yang berittiba', iaitu orang yang mengikuti sesuatu pendapat fiqh dengan mengetahui dalil dan hujah di sebaliknya. Bagi mereka boleh memilih-milih antara pendapat mazhab (*talfiq*) dengan syarat sebelum dia memilih pendapat dari sesebuah mazhab, dia mengetahui dalil dan hujahnya.**
- 3. Orang yang berijtihad dan mereka seterusnya terbahagi kepada tiga tahap:**
  - i. Orang yang mengetahui beberapa pendapat fiqh berserta dalil dan hujahnya dalam sesebuah mazhab dan menguatkan salah satu pendapat fiqh di**

dalam mazhab tersebut. (*Mujtahid Musta'dil*).

- ii. Orang yang mengetahui beberapa pendapat fiqh beserta dalil dan hujahnya dalam beberapa mazhab dan menguatkan salah satu pendapat fiqh yang ada di antara mazhab-mazhab tersebut. (*Mujtahid Murajjih*).
- iii. Orang yang mengeluarkan pendapat fiqh yang tersendiri dan mampu mengemukakan dalil dan hujah di sebalik pendapat fiqhnya itu. (*Mujtahid Mustaqil*).

*Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* mengesyorkan agar setiap individu Muslim berusaha sekadar mampu untuk mempertingkatkan dirinya daripada tahap yang pertama kepada tahap yang kedua sebagai tahap yang paling minima.

*Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* memandang bahawa seseorang individu itu boleh berbeza-beza tahapnya dalam persoalan fiqh dalam suasana yang berbeza-beza. Ini semua bergantung kepada kemampuan dirinya dan persekitaran yang

**dihadapinya.**

**Penjelasan:**

Demikian kedudukan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* antara (1) mereka yang mewajibkan taqlid secara mutlak dengan (2) mereka yang mengharamkan taqlid secara mutlak.

Berkata Ibn Taimiyyah:

Pendapat yang dipegang oleh kebanyakan imam ialah ijtihad dibolehkan dalam beberapa sudut dan taqlid dibolehkan dalam beberapa sudut yang lain. Mereka tidak mewajibkan ijtihad ke atas setiap individu dan mereka tidak mengharamkan taqlid. (Pada waktu yang sama) mereka tidak mewajibkan taqlid ke atas setiap individu dan mereka tidak mengharamkan ijtihad.

Ijtihad dibolehkan mengikut kadar kemampuan masing-masing untuk berijtihad dan taqlid dibolehkan bagi sesiapa yang tidak mampu berijtihad. (Timbul persoalan) adakah orang yang mampu berijtihad dibolehkan baginya untuk bertaqlid? Dalam persoalan ini terdapat perbezaan pendapat. Yang benar ia dibolehkan, iaitu pada ketika seseorang tidak mampu berijtihad sama ada kerana dalil-dalil yang dimilikinya sama-sama kuat atau kerana kesuntukan waktu untuk berijtihad atau kerana tidak menemui dalilnya. Dalam suasana keuzuran di atas, gugur baginya kewajipan untuk berijtihad sekadar apa yang menjadi keuzuran baginya dan statusnya beralih kepada apa yang di sebaliknya, iaitu taqlid. Ini sebagaimana orang yang memiliki keuzuran untuk bersuci

kerana ketiadaan air (maka dia bertayamum).

Dan demikianlah juga bagi orang awam, jika dia berkemampuan untuk berijtihad dalam sebahagian masalah, maka dibolehkan baginya untuk berijtihad. Ini kerana ijtihad merupakan sesuatu yang boleh menerima pemecahan dan pembahagian (kepada tahap dan tingkatannya). Maka yang penting ialah mampu atau tidak (untuk berijtihad). Boleh jadi seseorang itu mampu berijtihad di dalam sebahagian masalah akan tetapi tidak mampu di dalam sebahagian masalah yang lain. Akan tetapi kemampuan untuk berijtihad tidak boleh terlepas daripada terlebih dahulu menguasai ilmu yang diperlukan untuk mencapai ijtihad. Ada pun jika dia hanya menguasai satu masalah daripada satu bab (atau topik) maka masih jauh baginya untuk ijtihad dalam (bab tersebut).<sup>71</sup>

---

<sup>71</sup> *Majmu' al-Fatawa*, jld. 20, ms. 202-204.

**D:** *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* mengiktiraf wujudnya perbezaan pendapat dalam sebahagian persoalan fiqh. *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* membahagikan perbezaan pendapat tersebut kepada dua kategori:

1. Perbezaan pendapat yang dibolehkan, iaitu beberapa pendapat fiqh yang muncul dimana pendapat-pendapat tersebut sama-sama kuat dari sudut dalil dan sama-sama benar dari sudut penghujahannya.

Terhadap perbezaan pendapat kategori pertama ini, *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* bersikap terbuka dan menyerahkannya kepada kecenderungan masing-masing dengan syarat pihak yang cenderung kepada satu pendapat fiqh tidak boleh mencela pihak yang cenderung kepada pendapat fiqh yang lain.

2. Perbezaan pendapat yang dilarang, iaitu beberapa pendapat fiqh yang muncul dimana jelas terserlah kekuatan satu pendapat di atas pendapat yang lain. Termasuk juga dalam kategori ini pendapat fiqh yang tidak lahir daripada al-Qur'an dan al-Sunnah serta

**kaedah-kaedah *Ushul al-Fiqh* yang muktabar, tetapi lahir daripada adat turun temurun dan ijthid individu yang tidak layak berijtihad.**

**Terhadap perbezaan pendapat kategori kedua ini, *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* hanya berpegang kepada pendapat fiqh yang jelas kekuatannya. Pada waktu yang sama *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* akan menerangkan kepada orang ramai kelemahan pendapat yang lain sebagai tanggungjawab melaksanakan *amar ma'ruf dan nahi mungkar*.**

**Penjelasan:**

Demikian kedudukan pertengahan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* antara (1) mereka yang terbuka kepada semua pendapat fiqh tanpa membezakan sama ada pendapat-pendapat tersebut memiliki dalil atau hujah dengan (2) mereka yang menutup semua pendapat fiqh kepada satu pendapat pilihan dirinya sahaja.

Sebagai contoh adalah bab kedudukan jari telunjuk ketika duduk tasyahud dalam solat, adakah ia ditegakkan atau digerakkan. Kedua-duanya memiliki dalil daripada hadis yang sahih. Akan tetapi segelintir individu menjadikan bab ini sebagai sumber pencelaan dan pergaduhan semata-mata kerana mereka terdedah kepada satu pendapat daripada pembacaan satu buku. Berkata 'Abd Allah bin 'Abd al-Rahman al-Bassam setelah menghuraikan hadis-

hadis dan pendapat-pendapat dalam bab ini:

Apa yang telah dituturkan mengenai perbezaan pendapat di antara para imam tentang cara meletakkan tangan di atas peha dan berisyarat dengan jari telunjuk, itu adalah masalah *furu'iyah*. Setiap imam berpendapat sesuai dengan hasil ijtihadnya dalam memahami nas-nas yang ada. Orang yang berjihad itu mempunyai dua pahala (jika betul) atau satu pahala (jika silap). Mereka semua, *rahimahullahu ta'ala*, sepakat bahawa itu termasuk keutamaan solat, jika ditinggalkan atau dilakukan, maka tidak membatalkan solat dan tidak boleh berselisih.

Oleh kerana itu saya sarankan kepada para pemuda yang bersungguh-sungguh terhadap kebaikan, ketahuilah bahawa perbezaan pendapat dalam masalah *furu'iyah* tidak boleh menjadi penyebab pertikaian dan pemusuhan di antara mereka. Akan tetapi hendaklah mereka mengkajinya untuk mencapai yang benar. Ada pun saling menyalahkan dan saling memusuhi, ini malah akan menyempitkan Islam itu sendiri. Hanya Allah-lah yang berkuasa memberi petunjuk ke jalan yang benar.<sup>72</sup>

---

<sup>72</sup> *Taudih al-Ahkam min Bulugh al-Maram* (Maktabah al-Asadi, Mekah, 2003), jld. 2, ms. 267. Lebih lanjut berkenaan ciri ini, rujuk buku saya *Mencari Rahmat Allah Di Sebalik Perbezaan Pendapat* terbitan Jahabersa, Johor Bahru.

# **Berkenalan Dengan Ciri-Ciri *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* Dalam Akhlak.**

## **Pengenalan:**

Subjek akhlak sering kali tertinggal daripada perhatian seseorang yang berusaha untuk memperbaiki agamanya. Lazimnya pembaikan hanya ditujukan dalam subjek aqidah dan fiqh, lalu ia berhenti di situ sahaja. Maka kerana itu tidak hairanlah jika kita menemui:

- Ada yang solatnya menepati *Sifat Solat Nabi Dari Takbir Hingga Salam*, tetapi kerja di pejabat menepati sifat orang malas dari jam lapan pagi hingga lima petang.
- Ada yang selepas sembahyang zikirnya dengan suara yang perlahan, tetapi dalam bilik kuliah suaranya paling kuat menyebarkan gosip berkenaan pensyarah dan pelajar.
- Ada yang berdisiplin menjaga waktu ketika berpuasa, iaitu mengakhirkan waktu sahur dan mengawalkan waktu berbuka, tetapi tidak berdisiplin dalam menjaga waktu temujanji.
- Ada yang terang-terangan memberi peringatan tentang kesalahan riba, tetapi sengaja melengahkan pembayaran atau pura-pura lupa, apabila berhutang tanpa riba daripada rakan perniagaannya.

- Ada yang tegas dengan hanya menerima hadis daripada para perawi yang jujur lagi dipercayai, tetapi dia sendiri tidak jujur dan tidak boleh dipercayai apabila berinteraksi dengan orang lain.
- Ada yang bersungguh-sungguh mempelajari ilmu berkaitan al-Sunnah, tetapi tidak tahu sunnah-sunnah Rasulullah apabila menjadi tetamu atau tuan rumah.
- Ada yang mulutnya tidak pernah kering daripada perbincangan sunnah dan bid'ah, tetapi ibubapanya dibiarkan kekeringan di kampung.

Sikap seperti ini perlu diperbetulkan. Subjek akhlak perlu diberi perhatian yang serius, bahkan pada masa kini mungkin kepada tahap yang lebih tinggi berbanding subjek-subjek yang lain. Hakikat ini pernah disentuh oleh al-Albani:

Telah kita ketahui bersama sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* (yang bermaksud) *"Agama adalah nasihat, agama adalah nasihat, agama adalah nasihat!"* Para sahabat bertanya: "Bagi siapa Rasulullah?" Baginda menjawab: *"Bagi Allah, kitab-Nya, Rasul-Nya, para pemimpin kaum muslimin dan kaum muslimin secara umum."*<sup>73</sup>

Kita, kaum muslimin sekarang ini, termasuk "kaum muslimin secara umum" yang wajib bagi setiap pemberi nasihat mengarahkan nasihatnya kepada mereka. Secara lebih khusus,

---

<sup>73</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 55 (*Kitab al-Iman, Bab sebahagian dari agama adalah nasihat*).

kita, *al-Salafiyah*<sup>74</sup> yang mewakili sisi besar dari jumlah kaum muslimun yang sangat banyak. *Al-Salafiyah* merasa bangga kerana Allah telah memuliakan kita dengan memudahkan kita untuk memahami tauhid yang merupakan dasar keselamatan di akhirat dari azab yang abadi. Tauhid ini telah kita pelajari, telah kita fahami dengan baik serta telah kita realisasikan dalam aqidah kita.

Namun kesedihan memenuhi hati saya.....saya merasa bahawa kita tertimpa penyakit *ghurur* (terperdaya) dengan diri sendiri, tatkala kita telah sampai pada aqidah ini dan perkara-perkara yang merupakan hasil dari aqidah yang telah kita ketahui bersama, seperti beramal dengan al-Kitab dan al-Sunnah serta tidak berhukum kepada selain al-Kitab dan Sunnah Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*. Kita telah melaksanakan hal ini yang merupakan kewajipan bagi setiap muslim, iaitu pemahaman yang benar terhadap tauhid dan beramal dengan al-Kitab dan al-Sunnah terkait dengan hukum fiqh dimana umat Islam telah berpecah menjadi beragam mazhab dan telah menempuh jalan yang berbeza-beza seiring berjalannya waktu yang panjang selama bertahun-tahun.

Hanya saja nampaknya, dan inilah yang saya ulang-ulang dalam banyak pengajian, dunia Islam ini lalai dari sisi-sisi yang sangat *urgent* dari ajaran Islam yang kita jadikan pusat pemikiran kita secara umum dan mencakup seluruh sendi kehidupan. Di antara sendi yang *urgent* tersebut adalah akhlak yang mulia dan *istiqamah* dalam perjalanan (menjalankan

---

<sup>74</sup> *Al-Salafiyah* adalah nama lain bagi *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang mengikuti jejak langkah *al-Salaf al-Shalih*.

agama).

Banyak dari kita yang tidak peduli berkenaan sisi ini (akhlak yang mulia) padahal kita semua membaca dalam kitab-kitab Sunnah yang sahih mengenai sabda Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* (yang bermaksud): *"Sesungguhnya seseorang dengan akhlak yang mulia dapat mencapai derajat orang yang berjaga sepanjang malam (kerana solat) dan orang yang kehausan di siang yang panas (kerana berpuasa)."*<sup>75</sup>

---

<sup>75</sup> Kaset *Silsilah al-Huda wa al-Nur*, no: 23, dinukil dengan beberapa suntingan bahasa dari buku *Lerai Pertikaian, Sudahi Pemusuhan: Menyikapi Fenomena Hajr di Indonesia* karya Firanda Ibnu 'Abidin, ms. 239-241. Hadis terakhir di atas darjatnya hasan berdasarkan beberapa jalan periwayatan yang menguatkannya. Rujuk *Silsilah al-Ahadits al-Shahihah*, hadis no: 794.

**A: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* amat memberi penekanan kepada akhlak yang mulia. Ia mencerminkan kesahihan dan kematangan ilmu yang dimiliki oleh seseorang. Ciri-ciri seorang *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dapat dikenali berdasarkan akhlak mulia yang ditampilkannya.**

**Penjelasan:**

Terdapat sekian banyak dalil yang membuktikan bahawa akhlak yang mulia merupakan ciri-ciri seorang *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Di antaranya adalah firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berkenaan ciri-ciri Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

***Dan bahawa sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) mempunyai akhlak yang amat mulia.*** [al-Qalam 68:04]

Seterusnya Allah menyuruh kita meneladani akhlak Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tersebut:

***Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredhaan) Allah dan (balasan baik) Hari Akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).*** [al-Ahzab 33:21]

Antara tujuan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* diutuskan adalah menyempurnakan akhlak yang shalih:

***Sesungguhnya aku diutus tidak lain untuk***

***menyempurnakan akhlak yang shalih.***<sup>76</sup>

Akhlak yang mulia mencerminkan kesempurnaan iman:

***Mukmin yang paling sempurna imannya adalah orang yang paling baik akhlaknya.***<sup>77</sup>

Akhlak yang mulia merupakan ibadah yang paling memberatkan timbangan amal:

***Tiada sesuatu yang lebih memberatkan timbangan (pada Hari Akhirat) berbanding akhlak yang baik.***<sup>78</sup>

Orang yang memiliki akhlak yang mulia menjadi orang yang dicintai oleh Allah:

***Sesungguhnya Allah mencintai sikap lemah lembut dalam segala urusan.***<sup>79</sup> Dalam riwayat yang lain, para sahabat *radhiallahu ‘anhum* pernah bertanya: “***Siapakah orang yang paling dicintai oleh Allah?***” Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* menjawab: “***Orang yang paling baik akhlaknya.***”<sup>80</sup>

---

<sup>76</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih al-Adab al-Mufrad*, hadis no: 273 (*Bab akhlak yang baik*).

<sup>77</sup> **Hasan Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dan dinilai hasan sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi*, hadis no: 1162 (*Kitab al-Radha’, Bab berkenaan hak wanita ke atas suaminya*).

<sup>78</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Abu Daud dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud*, hadis no: 4799 (*Kitab al-Adab, Bab berkenaan akhlak yang baik*).

<sup>79</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya* – hadis no: 2165 (*Kitab al-Salam, Bab larangan mendahului Ahl al-Kitab...*).

<sup>80</sup> **Sanad Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Thabarani dalam *al-Mu’jam al-Ausath*, hadis no: 6380 (*Bab al-Mim, Orang yang bernama Muhammad*) dan dikemukakan oleh al-Haitsami dalam *Majma al-Zawa’id* dan beliau berkata: “Riwayat al-Thabarani dan para perawinya adalah

Orang yang memiliki akhlak yang mulia juga menjadi orang yang dicintai oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan menduduki tempat yang hampir dengan baginda di Hari Akhirat:

*Sesungguhnya orang yang paling aku cintai di antara kalian dan yang paling hampir tempat duduknya dengan aku pada Hari Kiamat adalah orang yang paling baik akhlaknya. Dan sesungguhnya orang yang paling tidak aku sukai dan paling jauh tempat duduknya dari aku pada Hari Kiamat adalah orang yang banyak berbicara, bermulut besar dan sombong.*<sup>81</sup>

Akhlak yang mulia menghiasi seseorang:

*Sesungguhnya tidaklah sikap lemah lembut terdapat pada sesuatu melainkan ia menghiasinya dan tidaklah ia (sikap lemah lembut) tercabut dari sesuatu melainkan ia memburukkannya.*<sup>82</sup>

Akhlak yang mulia merupakan salah satu faktor penentu kejayaan:

*Sesungguhnya Allah Maha Pelembut dan menyukai sikap*

---

perawi yang sahih.” Rujuk *Bughyah al-Ra'id fi Tahqiq Majma' al-Zawa'id wa Manba' al-Fawa'id*, hadis no: 12691. Sebelum itu ia juga dikemukakan oleh al-Dimyathi dalam *al-Matjar al-Rabih* dan beliau berkata: “Riwayat al-Thabarani dengan isnad yang menepati syarat sahih.” Hadis ini juga disahihkan oleh Zakaria bin Ghulam al-Pakistani, pentahqiq kitab *al-Matjar al-Rabih*. Rujuk *Shahih al-Matjar al-Rabih fi Tsawab al-'Amal al-Shalih* (Dar Ibn Hazm, Beirut, 2001), hadis no: 908.

<sup>81</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi*, hadis no: 2018 (*Kitab al-Birr wa al-Solah, Bab berkenaan akhlak mulia*).

<sup>82</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 2594 (*Kitab al-Birr wa al-Solah..., Bab keutamaan bersifat lemah lembut*).

***lemah lembut, Dia memberi terhadap kelembutan apa yang tidak diberi terhadap kekasaran dan tidak memberi apa jua (terhadap sikap yang menyelisih kelembutan).***<sup>83</sup>

Demikian di antara dalil al-Qur'an dan al-Sunnah yang menerangkan tentang keutamaan dan kepentingan akhlak yang mulia. Berdasarkan dalil-dalil ini, ketahuilah bahawa kesahihan dan kematangan ilmu seseorang diukur berdasarkan akhlak dirinya. Kesahihan dan kematangan ilmu tidak diukur dengan jumlah sijil yang dipegang, jumlah kertas kerja seminar yang dibentang atau jumlah hadis yang dihafal, tetapi diukur dengan akhlak yang ditampilkan. Semakin mulia akhlak yang ditampilkan, semakin sah dan matang ilmu yang dimiliki. Dengan itu juga, ketahuilah bahawa kedudukan seseorang sebagai *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dan tahapnya dalam berpegang kepada ciri-ciri *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dikenal dan diukur berdasarkan akhlak yang ditampilkannya dalam kehidupan harian.

---

<sup>83</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 2593 (*Kitab al-Birr wa al-Solah...*, *Bab keutamaan bersifat lemah lembut*).

**B: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* mencintai kerana Allah dan membenci kerana Allah.**

**Penjelasan:**

Cinta dan benci boleh wujud dalam hati seseorang kerana Allah dan kerana selain Allah. Apabila seseorang itu mencintai saudaranya kerana jawatan dan pujian, maka ia adalah cinta kerana selain Allah. Apabila seseorang itu membenci saudaranya kerana dinafikan jawatan dan diberi celaan, maka ia adalah benci kerana selain Allah.

Ada pun cinta kerana Allah, ia adalah perasaan yang wujud dalam hati seseorang terhadap saudaranya yang mentauhidkan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan menerima risalah Islam yang dibawa oleh Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam*. Inilah cinta kerana Allah yang dimaksudkan oleh hadis-hadis berikut:

*Sesiapa yang mencintai kerana Allah, membenci kerana Allah, memberi kerana Allah dan menolak kerana Allah, maka sungguh telah sempurnalah imannya.*<sup>84</sup>

*Tiga perkara, sesiapa yang memilikinya dalam dirinya maka dia akan merasa kemanisan iman: (1) Bahawasanya Allah dan Rasul-Nya lebih dicintainya berbanding selain keduanya, (2) Bahawasanya dia mencintai seseorang, tidaklah dia*

---

<sup>84</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Abu Daud dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud*, hadis no: 4681 (*Kitab al-Sunnah, Bab dalil tentang bertambahnya iman...*).

*mencintai orang itu melainkan kerana Allah dan (3) Bahawasanya dia membenci seandainya dia kembali kepada kekafiran setelah Allah menyelamatkannya, sebagaimana dia membenci untuk dilemparkan dalam neraka.*<sup>85</sup>

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda bahawa Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman pada Hari Akhirat kelak:

*Di manakah orang-orang yang saling mencintai kerana aku? Pada hari ini Aku akan menaungi mereka di bawah naungan-Ku, di hari yang tiada naungan kecuali naungan-Ku.*<sup>86</sup>

Cinta kerana Allah bertambah selari dengan kadar ketaatan saudaranya kepada Allah dan Rasul-Nya. Cinta ini bukan sahaja merupakan gerak hati tetapi dibuktikan dengan ucapan dan perbuatan. Ucapan yang paling minimum bagi membuktikan kecintaan tersebut adalah memberi salam manakala perbuatan yang paling minimum adalah menampakkan wajah yang manis. Semua ini berlaku secara serta merta (*automatic*) apabila sahaja bertemu dengan saudaranya yang beriman kepada Allah dan Rasulullah:

*Tidaklah kalian akan memasuki syurga sehinggalah kalian beriman dan tidaklah kalian beriman sehinggalah kalian saling mencintai. Mahukah aku tunjukkan kepada kalian sesuatu yang jika kalian lakukan nescaya kalian akan saling mencintai? Sebarkanlah salam di antara kalian.*<sup>87</sup>

---

<sup>85</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 6941 (*Kitab al-Ikrah, Bab orang yang memilih untuk dipukul...*).

<sup>86</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 2566 (*Kitab al-Birr wa al-Solah..., Bab keutamaan cinta kerana Allah*).

<sup>87</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 54 (*Kitab al-Iman, Bab menjelaskan bahawa tidak akan masuk syurga...*).

***Janganlah engkau meremehkan sedikit jua daripada perbuatan baik, sekali pun sekadar engkau menampakkan wajah yang manis kepada saudara engkau.***<sup>88</sup>

Hasil daripada cinta kerana Allah adalah sikap *al-Wala'*, iaitu setia, mengunggul, membela, menjaga maruah, menyimpan rahsia, menutup aib, memuliakan, menghormati dan sentiasa akrab di antara sesama umat Islam.

Walaupun bagaimanapun pada masa kini, disebabkan jauhnya umat Islam daripada al-Qur'an dan al-Sunnah serta ciri-ciri *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* berdasarkan manhaj *al-Salaf al-Shalih*, maka ciri-ciri saling mencintai dan *al-Wala'* kerana Allah hendaklah dipraktikkan secara berhati-hati. Ini kerana ada kemungkinan seseorang itu berinteraksi dengan sebaik-baiknya kepada saudaranya berdasarkan cinta kerana Allah, tetapi interaksi tersebut disalah fahami oleh saudara itu sebagai cinta duniawi. Atau seseorang yang berinteraksi dengan sebaik-baiknya kepada kita, lalu kita sangka ia adalah berdasarkan cinta kerana Allah. Akan tetapi yang benar orang tersebut hanya ingin mencari keuntungan duniawi.<sup>89</sup>

Lawan kepada sikap cinta kerana Allah adalah benci kerana

---

<sup>88</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 2626 (*Kitab al-Birr wa al-Solah...*, *Bab disunatkan berwajah manis...*).

<sup>89</sup> Seperti para agen penjual *Multi Level Marketing*, mereka pada awalnya seolah-olah ikhlas ingin bersahabat dengan kita. Setelah persahabatan baik terjamin, barulah mereka membongkar tujuan sebenar mereka bersahabat, iaitu menjual sesuatu produk. Jika kita membeli dan terus membeli, mereka kekal sebagai sahabat karib. Jika kita enggan membeli atau berhenti membeli selepas beberapa ketika, mereka terus ghaib. Ini adalah sikap hipokrit yang tidak sepatutnya menjadi ciri-ciri seseorang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya.

Allah, iaitu perasaan benci yang wujud dalam hati terhadap seseorang yang ingkar kepada Allah dan Rasul-Nya, atau tidak sempurna dalam mentauhidkan Allah dan dalam menerima risalah Islam yang dibawa oleh Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam*. Benci kerana Allah juga bertambah dan berkurang mengikut kadar seseorang itu menyelisihi Allah dan Rasul-Nya. Hasil daripada benci kerana Allah adalah sikap *al-Bara'*, iaitu apa yang kebalikan dari sifat *al-Wala'* yang telah disebut di atas.<sup>90</sup>

Benci kerana Allah berlaku dalam dua keadaan:

#### **Keadaan Pertama:**

Terhadap seorang muslim, dimana sikap cinta dan benci kerana Allah wujud dalam satu waktu yang sama. Contoh yang mudah adalah seorang muslim yang meminum arak. Dia dicintai kerana beriman kepada Allah dan Rasulullah. Akan tetapi pada waktu yang sama perbuatannya meminum arak dibenci kerana ia bertentangan dengan perintah larangan Allah dan Rasulullah. Contoh lain adalah seorang muslim yang melakukan tawaf di kubur si-fulan. Dia dicintai kerana keislamannya, namun dibenci kerana tawaf bid'ah yang dilakukannya.

Dalam kedua-dua contoh di atas, cinta dan benci kerana

---

<sup>90</sup> Pada masa kini sikap *al-Wala'* dan *al-Bara'* ada dipraktikkan di kalangan sebahagian jamaah dan parti politik. Akan tetapi *al-Wala'* hanya mereka terapkan di antara sesama ahli jamaah atau parti manakala *al-Bara'* mereka terapkan ke atas ahli-ahli dari jamaah atau parti yang lain. Ini mereka lakukan sekali pun semua yang menganggotai jamaah-jamaah dan parti-parti tersebut adalah umat Islam. Ini adalah penerapan *al-Wala'* dan *al-Bara'* yang batil, malah menyalahi tujuan asal *al-Wala'* dan *al-Bara'* itu sendiri.

Allah berlaku pada satu waktu yang sama. Kerana Allah, kita membenci kemungkaran yang dilakukannya sehingga kita berusaha untuk menghentikannya. Namun kerana Allah, kita tetap mencintainya sehingga dengan itu kita berusaha untuk menasihatinya dan memberi tunjuk ajar kepadanya dengan cara yang paling baik.

Perkara ini perlu difahami dengan cermat kerana adakalanya seseorang itu membenci secara *total* saudaranya yang muslim, yang melakukan kemungkaran. Kebencian itu pula tidak diikat dengan kadar kemungkaran yang dilakukan. Bahkan mereka membencinya ke tahap mencela dan menghukumnya dengan sesuatu yang jauh lebih dahsyat berbanding tahap kebencian mereka kepada orang-orang kafir. Mereka lebih selesa memberi ucapan *Good Morning* kepada rakan sepejabat yang bukan Islam, namun enggan mengucapkan *Assalamu'alaikum* kepada rakan sepejabat yang muslim. Apabila ditanya kenapa enggan memberi salam, mereka menjawab: "Kami nampak dia memakai seluar pendek ketika bermain tenis!" atau apa-apa lain yang seumpama. Sungguh, ini adalah sikap yang menyelisihi ciri-ciri *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dalam urusan cinta dan benci kerana Allah.

Muhammad bin Shalih al-'Utsaimin berkata:

Jika seorang mukmin bergabung pada dirinya keimanan dan kemaksiatan, maka kita ber*wala'* kepadanya atas keimanan tersebut dan kita juga ber*bara'* ke atasnya atas kemaksiatan tersebut. Hal seperti ini (biasa) berlaku dalam kehidupan kita. Adakalanya anda mengambil ubat yang pahit rasanya. Anda benci (*al-Bara*) memakan ubat tersebut namun pada waktu yang sama anda berkeinginan (*al-Wala*) untuk memakannya dalam

rangka mengubati penyakitmu. Ada sebahagian orang lebih membenci (*al-Bara*) seorang mukmin yang bermaksiat dibandingkan kebenciannya kepada orang kafir. Ini adalah perkara yang aneh dan merupakan kebalikan hakikat.<sup>91</sup>

### **Keadaan Kedua:**

Terhadap seorang bukan Islam dan mereka seterusnya terbahagi kepada dua kategori:

1. Orang bukan Islam yang tidak memusuhi Islam. Mereka mewakili majoriti orang bukan Islam di Malaysia. Maka dianjurkan berinteraksi dengan mereka dalam kebaikan dan keadilan dengan syarat tidak mengkhianati *al-Wala'* di antara sesama umat Islam.
2. Orang bukan Islam yang memusuhi Islam, seperti *Kumpulan Artikel 11* dan pihak-pihak yang ingin masuk campur hal-ehwal umat Islam melalui penubuhan *IFC (Inter Faith Council)*. Maka wajib memusuhi mereka, memutuskan hubungan persahabatan dengan mereka, menyempitkan jalan-jalan mereka dan membongkar niat buruk mereka.

Dalil bagi membezakan antara orang bukan Islam yang memusuhi Islam atau tidak adalah firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

---

<sup>91</sup> *Majmu Fatawa*, jld. 3, ms. 11, soalan no: 382, dinukil dengan beberapa suntingan bahasa dari buku *Lerai Pertikaian, Sudahi Pemusuhan: Menyikapi Fenomena Hajr di Indonesia* karya Firanda Ibnu 'Abidin, ms. 91.

*Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.*

*Sesungguhnya Allah hanyalah melarang kamu daripada menjadikan teman rapat orang-orang yang memerangi kamu kerana agama (kamu), dan mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, serta membantu (orang lain) untuk mengusir kamu. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjadikan mereka teman rapat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim. [al-Mumtahanah 60:8-9]<sup>92</sup>*

---

<sup>92</sup> Lebih lanjut berkenaan *al-Wala'* dan *al-Bara'*, rujuk buku Muhammad bin Sa'id bin Salim al-Qahthani yang berjudul *Min Mafahim 'Aqidah al-Salaf al-Shalih: al-Wala' wa al-Bara' fi al-Islam* yang sudah diterjemah oleh Salafuddin Abu Sayid atas judul *Loyalitas dan Anti-Loyalitas Dalam Islam*; terbitan Era Intermedia, Solo, 2000.

**C: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* mencintai untuk saudaranya apa yang dicintai oleh dirinya sendiri.**

**Penjelasan:**

Ini adalah salah satu ciri akhlak mulia yang dimiliki oleh *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* berdasarkan pesan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

*Tidaklah (sempurna) iman seseorang kalian sehinggalah dia mencintai untuk saudaranya apa yang dia cintai untuk dirinya.*<sup>93</sup>

*Sesiapa yang menyukai agar diselamatkan daripada neraka dan dimasukkan ke dalam syurga, maka hendaklah ketika ajal menemuinya dia dalam keadaan beriman kepada Allah dan Hari Akhirat serta dia memberi kepada manusia apa yang dia suka diberikan kepadanya.*<sup>94</sup>

Maka apabila berinteraksi dengan seseorang muslim, hendaklah kita meletakkan diri kita di tempatnya. Seperti kata pepatah Inggeris: *Put your self in their shoes*. Contohnya:

- Apabila berinteraksi dengan ibubapa kita, letakkanlah diri kita di tempat mereka. Nescaya kita menghendaki agar anak-anak kita berinteraksi dengan cara yang terbaik kepada kita. Maka dengan itu juga, apabila berinteraksi

---

<sup>93</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 13 (*Kitab al-Iman, Bab termasuk sifat iman orang yang mencintai...*).

<sup>94</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 1844 (*Kitab al-Imarah, Bab wajib memenuhi janji taat setia khalifah...*).

dengan ibubapa kita, pilihlah cara yang terbaik.<sup>95</sup>

- Apabila melihat orang lain melakukan sesuatu kesalahan, letakkanlah diri kita ditempatnya. Nescaya kita akan menghargai apabila ada orang yang sudi memaafkan kita serta memberi nasihat dan teguran. Ini kerana tidak ada manusia yang terlepas daripada melakukan kesalahan. Maka dengan itu maafkanlah kesalahan orang lain dan berusaha mencari ruang menasihati dan menegurnya.
- Apabila ingin membetulkan kesalahan orang lain, letakkanlah diri kita di tempatnya. Nescaya kita mengingini agar orang yang membetulkan kita melakukannya dengan cara yang tersembunyi, lemah lembut dan hikmah. Maka dengan itu juga, betulkanlah kesalahan orang lain, sama ada yang melakukan maksiat atau bid'ah, secara tersembunyi, lemah lembut dan hikmah. Jangan menghebohkannya, bersikap keras dan kaku.
- Apabila saudara kita memiliki sesuatu kelebihan seperti ilmu, kedudukan, kemasyhuran atau harta, maka letakkanlah diri kita di tempatnya. Nescaya kita bergembira dan bersyukur atas kelebihan-kelebihan tersebut. Maka dengan itu juga, hendaklah kita turut bergembira dan bersyukur apabila di kalangan saudara kita ada yang diberi atau memiliki sesuatu kelebihan.

Lawan kepada sikap ini ialah dengki. Dengki ialah membenci apa-apa kelebihan yang dimiliki oleh saudara

---

<sup>95</sup> Lebih lanjut rujuk buku saya *Wahai Ibu! Wahai Ayah!* terbitan Jahabersa, Johor Bahru berkenaan tuntutan Islam terhadap anak dalam rangka berinteraksi dengan ibubapa.

kita. Sikap dengki menyebabkan kita merasa hanya diri kita yang layak memiliki kelebihan tersebut dan bukannya saudara kita. Sikap dengki bertolak belakang dari kedua-dua hadis yang dikemukakan di atas. Sikap dengki ialah *dia membenci untuk saudaranya apa yang dia cintai untuk dirinya*. Sikap dengki juga ialah *dia enggan memberi kepada manusia apa yang dia suka diberikan kepadanya*. Oleh itu berhati-hatilah dengan kedengkian kerana ia adalah isyarat kecacatan iman dan faktor penghalang daripada syurga Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Salah satu fenomena dengki yang semakin menular akhir-akhir ini adalah dakwaan sebahagian tokoh atau anak muridnya bahawa merekalah *Ahl al-Sunnah* yang sebenar, yang tulen, yang *original* berbanding tokoh lain. Padahal di antara para tokoh tersebut, setiap daripada mereka berpegang kepada ciri-ciri *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Mungkin dalam segelintir ciri, mereka tersilap, terlepas pandang atau berbeza dari sudut tafsiran dan pengamalan. Namun manusia manakah yang tidak terselamat daripada faktor-faktor tersebut?

Di sebalik persamaan dalam berpegang kepada ciri-ciri *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, wujud satu perbezaan di antara para tokoh tersebut, iaitu perbezaan dari sudut tahap ilmu, kedudukan, harta dan kemasyhuran dengan sebahagian mereka melebihi sebahagian yang lain. Maka atas dasar dengki timbul sikap saling berlumba untuk meraih kelebihan dari sudut yang lain, iaitu siapakah yang lebih benar, tulen dan *original* berbanding dengan yang lain.

Oleh itu saya menasihatkan diri saya dan orang-orang yang telah Allah “pinjamkan” nikmat menjadi *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* agar sentiasa berwaspada terhadap penyakit kedengkian. Janganlah biarkan ia menular dalam diri kita atau kepada orang lain. Selalulah memerhatikan dua hadis di atas sebagai ubat bagi meneutralkan penyakit kedengkian. Bergembira dan bersyukurlah seandainya di kalangan kita ada yang memiliki kelebihan. Pandanglah ia sebagai nikmat yang Allah kurniakan kepada umat Islam, termasuk kepada diri kita sendiri.

- Apabila tergerak di hati kita untuk berburuk sangka atau mencari dan menyebarkan gosip berkenaan orang lain, letakkan diri kita di tempatnya. Nescaya kita benci tindakan sedemikian dilakukan ke atas diri kita tanpa mengira sama ada sangkaan atau gosip tersebut benar atau tidak. Maka dengan itu tahanlah diri daripada berburuk sangka atau mencari dan menyebarkan gosip.

Apabila ada berita tidak baik yang tersebar, semaklah terlebih dahulu. Jika ia adalah dusta, maka wajib kita membela dan membersihkan nama saudara kita yang dianiaya oleh berita tersebut. Jika ia adalah benar, maka wajib kita menasihati saudara kita yang tersilap itu dengan cara yang tersembunyi, lemah lembut dan hikmah.

Lebih-lebih lagi jika ia adalah di kalangan para tokoh *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Janganlah berprasangka buruk, mencari gosip atau menyebarkannya, konon ustaz sekian-sekian telah berkata sekian-sekian. Semaklah terlebih dahulu. Nescaya akan ditemui bahawa apa yang sebenarnya

dimaksudkan oleh ustaz tersebut jauh berbeza dari apa yang disangka atau disebar-sebarkan.

Berburuk sangka dan mencari-cari gosip di kalangan sesama umat Islam adalah sesuatu yang dilarang. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

***Berhati-hatilah kalian terhadap prasangka kerana sesungguhnya ia adalah perkataan yang paling dusta. Dan janganlah saling mencari-cari khabar kesalahan, janganlah saling memata-matai, janganlah saling meninggikan harga untuk menarik perhatian pembeli, janganlah saling mendengki, janganlah saling membenci dan janganlah saling membelakangi. Wahai para hamba Allah! Jadilah kalian bersaudara!***<sup>96</sup>

**D: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* memandang bahawa akhlak yang mulia adalah sesuatu yang tidak berlaku dengan sendiri. Oleh itu *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* berusaha untuk menerapkan akhlak yang mulia melalui pendidikan, penyedaran dan penerapan yang bertahap-tahap dan berulang-ulang.**

---

<sup>96</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 6066 (*Kitab al-Adab, Bab "Wahai orang-orang yang beriman, tinggallah kebanyakan daripada sangkaan"*).

**Penjelasan:**

Demikian kedudukan pertengahan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* antara (1) mereka yang berputus asa untuk membetulkan diri daripada akhlak yang buruk dengan (2) mereka yang memandang akhlak yang mulia adalah seumpama satu pakej yang boleh dimiliki dengan amalan-amalan ritual tertentu.

Akhlak yang mulia lahir daripada hati yang bersih. Ini berdasarkan petunjuk Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

***Ketahuiilah bahawa dalam tubuh badan manusia terdapat seketul daging yang jika ia baik maka baiklah tubuh tersebut seluruhnya dan jika ia rosak maka rosaklah tubuh tersebut seluruhnya. Ketahuiilah bahawa ia adalah hati.***<sup>97</sup>

Kepentingan hati yang bersih disadari ramai, namun tidak kurang pula mereka yang membuat-buat kaedah tersendiri atau meniru kaedah kaum lain untuk membersihkannya. Antara mereka ada yang enggan makan daging, konon ia mengeraskan hati. Ada yang berzikir di atas pokok, konon ia melembutkan hati. Ada yang berzikir secara berirama, konon ia memperindahkan hati. Ada yang berkhalwat di tempat sunyi, konon ia mengosongkan hati dari keburukan. Ada yang mewajibkan bertareqat untuk mempelajari ilmu tasawuf yang kononnya dengan tareqat dan tasawuf, hati akan menjadi sebegitu bersih lagi jernih. Sayang sekali, sering kali kita menemui orang yang menjalankan “latihan-latihan hati” seperti ini memiliki akhlak yang kurang menyenangkan.

*Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* memang memberi perhatian

---

<sup>97</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 52 (*Kitab al-Iman, Bab keutamaan orang yang memelihara agamanya*).

kepada pembersihan hati. Akan tetapi caranya adalah melalui petunjuk Allah dan Rasul-Nya, iaitu:

1. Tinggalkan perbuatan berdosa, seperti melakukan kemungkaran. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

*Sesungguhnya apabila seorang mukmin berbuat dosa, ia akan membentuk sebuah titik hitam di hatinya. Jika dia bertaubat, berhenti dan beristighfar (meminta ampun), maka hatinya akan digilap (dibersihkan titik hitam tersebut). Akan tetapi jika dia menambah-nambah perbuatan dosa, maka akan bertambahlah titik hitam di hatinya. Itulah titik hitam yang dimaksudkan oleh Allah dalam kitab-Nya: “Sebenarnya! Bahkan hati mereka telah diselaputi kekotoran dengan sebab (kemungkaran) yang mereka kerjakan.”<sup>98</sup>*

Salah satu bentuk kemungkaran yang lazim dilakukan oleh orang ramai tanpa menyedarinya ialah melakukan ibadah yang tidak memiliki contohnya sama ada dari sudut masa, tempat atau tatacara daripada sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Ibadah seperti ini masuk dalam kategori bid'ah dan bid'ah masuk dalam kategori perbuatan yang haram. Orang yang sengaja melakukannya, setelah ditegaskan hujah dan dibersihkan kekeliruan, termasuk dalam apa yang disebut sebagai “...menambah-

---

<sup>98</sup> **Hasan:** Dikeluarkan oleh Ibn Majah dan dinilai hasan oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Ibn Majah*, hadis no: 3441 (*Kitab al-Zuhud, Bab berkenaan dosa*). Ayat al-Qur'an yang dimaksudkan adalah dari surah al-Mutaffifin 83:14.

***nambah perbuatan dosa, maka akan bertambahlah titik hitam di hatinya.”***

Antara bukti yang jelas adalah orang-orang yang berzikir dengan kalimah dan tatacara yang tidak ditunjuk oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Sekali pun zikir mereka berjumlah ratusan ribu, hati mereka tetap tidak bersih dan akhlak mereka tetap tidak mulia.

2. Elakkan perkara-perkara yang samar-samar kerana ia akan memberi pengaruh yang negatif kepada hati sehingga lambat laun hati akan cenderung kepada sesuatu yang jelas haram. Atas sebab inilah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* mengaitkan kedudukan hati dengan anjuran mengelakkan perkara yang samar-samar, sebagaimana hadis di atas yang selengkapnya bermaksud:

***Perkara yang halal adalah jelas dan perkara yang haram adalah jelas. Di antara kedua-duanya terdapat perkara yang samar-samar yang tidak diketahui (hukumnya) oleh kebanyakan manusia.***

***Sesiapa yang mengelak perkara yang samar-samar maka dia memelihara agama dan kehormatannya. Dan sesiapa yang jatuh dalam perkara samar-samar maka dia seperti seorang pengembala yang membawa ternakannya sekitar padang yang dilarang, nescaya ia memasukinya.***

***Ketahuilah bahawa bagi setiap raja ada kawasan larangannya. Ketahuilah sesungguhnya kawasan larangan bagi Allah di bumi ini ialah perkara-perkara yang diharamkan-Nya.***

***Ketahuiilah bahawa dalam tubuh badan manusia terdapat seketul daging yang jika ia baik maka baiklah tubuh tersebut seluruhnya dan jika ia rosak maka rosaklah tubuh tersebut seluruhnya. Ketahuiilah bahawa ia adalah hati.***<sup>99</sup>

Antara perkara samar-samar yang patut ditinggalkan ialah ibadah yang tidak diketahui secara pasti sama ada ia adalah sunnah atau bid'ah. Ibadah seperti ini banyak wujud di kalangan masyarakat, maka elakkanlah ia demi menjaga kebersihan hati anda.

3. Tambahkan ilmu pengetahuan, khususnya dengan cara menelaah (*tadabbur*) al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih. Di dalam kedua-dua sumber ini terdapat banyak ayat dan hadis yang melembutkan hati, menyedarkan hati dan memperbaiki apa-apa penyakit hati.
4. Berzikir kepada Allah dengan kalimah dan cara yang diajar oleh Allah dan Rasul-Nya. Kegagalan cara zikir untuk menjaga kebersihan dan kebaikan hati seperti yang saya sebut sebelum ini adalah kerana kalimah yang disebut dan cara ia disebut tidak berasal daripada Allah dan Rasul-Nya.
5. Berdoa kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, antaranya dengan doa berikut agar hati kita tetap berada dalam petunjuk-Nya:

***Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau memesongkan hati kami sesudah Engkau beri petunjuk kepada kami,***

---

<sup>99</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam Shahihnya, hadis no: 52 (*Kitab al-Iman, Bab keutamaan orang yang memelihara agamanya*).

*dan kurniakanlah kepada kami limpah rahmat dari sisiMu; sesungguhnya Engkau jualah Tuhan Yang melimpah-limpah pemberian-Nya. [‘Ali Imran 3:08]*

**E: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah*** memandang bahawa akhlak yang mulia adalah sesuatu yang hidup sehingga adakalanya ia boleh terlepas dari kawalan empunya diri. Oleh itu *Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah* sentiasa mengukur dan membetulkan diri sendiri seandainya akhlak yang mulia terlepas dari diri mereka. Pada waktu yang sama *Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah* juga memaafkan orang lain yang terlepas akhlaknya dan memberi teguran agar ia kembali membetulkannya.

**Penjelasan:**

Sikap membetulkan diri sendiri dan memaafkan orang lain adalah berdasarkan firman Allah *Subhanahu wa Ta‘ala*:

*Dan segeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat) keampunan dari Tuhan kamu, dan (mendapat) Syurga yang seluas segala langit dan bumi yang disediakan bagi orang-orang yang bertaqwa;*

*Iaitu orang-orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah, dan orang-orang yang menahan*

*kemarahannya, dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang. Dan (ingatlah), Allah mengasihi orang-orang yang berbuat perkara-perkara yang baik;*

*Dan juga orang-orang yang apabila melakukan perbuatan keji, atau menganiaya diri sendiri, mereka segera ingat kepada Allah lalu memohon ampun akan dosa mereka - dan sememangnya tidak ada yang mengampunkan dosa-dosa melainkan Allah dan mereka juga tidak meneruskan perbuatan keji yang mereka telah lakukan itu, sedang mereka mengetahui (akan salahnya dan akibatnya).*

*Orang-orang yang demikian sifatnya, balasannya ialah keampunan dari Tuhan mereka dan Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya; dan yang demikian itulah sebaik-baik balasan (bagi) orang-orang yang beramal. [Ali Imran 3:133-136]*

**F: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* mendahului dengan akhlak yang baik ke atas mereka yang memiliki akhlak yang kurang baik.**

**Penjelasan:**

Ciri ini adalah berdasarkan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

*Dan tidaklah sama perbuatan yang baik dan perbuatan yang jahat. Tolaklah (kejahatan yang ditujukan kepadamu) dengan cara yang lebih baik; apabila engkau berlaku demikian maka orang yang menaruh rasa permusuhan terhadapmu,*

*dengan serta merta akan menjadi seolah-olah seorang sahabat karib.* [al-Fussilat 41:34]

**G: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* memandang bahawa akhlak yang mulia adalah antara faktor terpenting dalam menentukan kejayaan usaha dakwah (menyeru manusia ke arah agama Islam) dan *islah* (meningkatkan penghayatan umat Islam terhadap agama Islam). Maka *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* menanggukkan usaha dakwah dan *islah* melainkan terlebih dahulu menerapkan ke atas diri mereka akhlak yang mulia.**

**Penjelasan:**

Ini adalah satu ciri yang amat penting, iaitu menanggukkan usaha dakwah dan *islah* melainkan terlebih dahulu menerapkan ke atas diri masing-masing akhlak yang mulia. Banyak orang, khususnya

di kalangan generasi muda, yang baru berkenalan dengan ciri-ciri *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* secara tergesa-gesa ingin menerapkan apa yang mereka baru ketahui kepada masyarakat. Penerapan yang mereka lakukan lazimnya tidak terpisah dari sifat kasar, kaku dan memaksa. Akhirnya masyarakat menolak apa yang ingin mereka terapkan. Penolakan ini bukan kerana masyarakat membenci al-Qur'an dan al-Sunnah, tetapi membenci akhlak orang-orang yang cuba menerapkan al-Qur'an dan al-Sunnah. Namun secara tidak langsung, kebencian tersebut menyebabkan masyarakat menolak al-Qur'an dan al-Sunnah.

Oleh kerana itu akhlak yang mulia adalah satu kewajipan dalam usaha dakwah dan *islah* sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

***Serulah ke jalan Tuhanmu dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhan-mu Dia-lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dia-lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.***  
[al-Nahl 16:125]

Secara lebih terperinci, orang-orang yang ingin melakukan dakwah dan *islah* perlu terlebih dahulu melengkapkan diri mereka dengan akhlak yang mulia kerana tiga sebab:

1. Akhlak yang mulia merupakan sebahagian daripada sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Meminggirkan bab akhlak bererti mengambil sebahagian sunnah dan meninggalkan sebahagian yang lain. Ini sinonim dengan tindakan *Ahl al-Bid'ah* dan orang-orang yang enggan

mengikuti sunnah, iaitu mengambil sunnah sekadar yang menepati citarasa mereka dan meninggalkan sunnah yang selainnya.

2. Akhlak yang menepati sunnah Rasulullah lebih jelas terserlah kepada orang awam daripada subjek-subjek yang lain. Hakikat ini menyebabkan orang awam yang sebelum ini belum mengenali sunnah baginda berubah kepada ingin mengenali, mempelajari dan mempraktikkannya. Ini tidak terhad kepada bab akhlak sahaja tetapi meluas kepada bab lain seperti aqidah, ibadah, muamalah dan sebagainya.

Justeru akhlak yang mulia adalah daya penarik kepada sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Ia secara tidak langsung menjadi sumber petunjuk yang diseru oleh seseorang, sebagaimana hadis berikut:

***Sesiapa yang menyeru kepada petunjuk maka baginya pahala sepertimana pahala orang-orang yang mengikutinya tanpa dikurangi sedikit jua pahala mereka.***<sup>100</sup>

3. Jika akhlak yang baik menjadi penyebab kepada orang awam untuk mendekati sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, maka demikian juga sebaliknya. Akhlak yang buruk daripada orang-orang yang mendakwa dirinya “pengikut sunnah” akan menyebabkan orang awam menjauhkan diri daripada sunnah, sama ada dalam bab akhlak mahu pun selainnya seperti aqidah, ibadah dan

---

<sup>100</sup> **Sahih:** Sebahagian daripada hadis yang dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya* – hadis no: 2674 (*Kitab al-'Ilm, Bab sesiapa yang membuat sunnah yang baik...*).

muamalah. Ini berlaku bukan kerana mereka membenci sunnah Rasulullah, tetapi benci kepada orang yang menjadi “agen” kepada sunnah Rasulullah.

Betapa ramai orang yang pada asalnya belum mengenali sunnah Rasulullah, berubah menjadi orang yang menjauhinya kerana terkesan dengan akhlak buruk sebahagian para “pengikut sunnah”. Di sini akhlak yang buruk daripada sebahagian para “pengikut sunnah” secara tidak langsung menjadi penyeru kepada kesesatan:

***Sesiapa yang menyeru kepada kesesatan maka ke atasnya dosa sepertimana dosa orang-orang yang mengikutinya tanpa dikurangi sedikit jua dosa mereka.***<sup>101</sup>

al-Albani, dalam salah satu wasiatnya yang terakhir sebelum meninggal dunia pada 22 Oktober 1999, berpesan:

Pertama sekali aku menasihatkan diri aku dan diri kamu agar bertaqwa kepada Allah *Azza wa Jalla*, kemudian apa sahaja yang menjadi bahagian dan cabang dari ketaqwaan kepada Allah *Tabaraka wa Ta'ala* seperti:

Pertama: Hendaklah kamu menuntut ilmu semata-mata kerana ikhlas kepada Allah *Azza wa Jalla* dengan tidak menginginkan di sebalik itu balasan dan ucapan terima kasih, juga tidak menginginkan agar menjadi pemimpin di majlis-majlis ilmu. Tujuan menuntut ilmu hanyalah untuk mencapai darjat yang Allah *Azza wa Jalla* telah khususkan bagi para ulama'. Ini

---

<sup>101</sup> **Sahih:** Sebahagian daripada hadis yang dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya* – hadis no: 2674 (*Kitab al-'Ilm, Bab sesiapa yang membuat sunnah yang baik...*).

sebagaimana firman-Nya (bermaksud): *“Supaya Allah meninggikan derajat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) - beberapa derajat.”* [al-Mujadilah 58:11]

Kedua: Hendaklah menjauhi perkara-perkara yang dapat menggelincirkan kamu, yang sebahagian para penuntut ilmu telah terperosok dan terjatuh padanya. Di antara perkara-perkara itu adalah:

- Mereka cepat dikuasai oleh sifat ujub (kagum pada diri sendiri) dan terpedaya sehingga (ke tahap) ingin menaiki kepala mereka sendiri.
- Mengeluarkan fatwa untuk dirinya dan untuk orang lain sesuai dengan apa yang nampak menurut pandangannya tanpa meminta bantuan (dengan merujuk kepada pendapat-pendapat) para ulama' *al-Salaf* pendahulu umat ini yang telah meninggalkan harta warisan berupa ilmu yang menerangi lagi menyinari dunia keilmuan Islam. ....Meminta bantuan dalam (mengeluarkan pandangan) dengan berpedoman kepada pendapat *al-Salaf* akan sangat membantu kita untuk menghilangkan pelbagai kegelapan dan mengembalikan kita kepada sumber Islam yang murni, iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah yang sah.

Sesuatu yang tidak tertutup bagi kalian ialah bahawasanya aku hidup pada suatu zaman yang mana aku alami padanya dua perkara yang saling bercanggah dan bertolak belakang, (Perkara Pertama): Iaitu pada zaman dimana kaum

muslimin baik para syaikh mahu pun para penuntut ilmu, kaum awam atau pun yang memiliki ilmu, hidup dalam jurang taqlid, bukan sahaja kepada mazhab tetapi bahkan lebih dari itu, bertaqlid pada nenek moyang mereka.

Maka kami dalam upaya menghentikan sikap tersebut, mengajak manusia kepada al-Qur'an dan al-Sunnah. Demikian juga yang terjadi di pelbagai negeri Islam dimana ada beberapa orang tertentu yang mengupayakan seperti apa yang kami upayakan sehingga kami pun hidup bagaikan *ghuraba* yang telah digambarkan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dalam beberapa hadis yang sedia dimaklumi, seperti (maksudnya): *"Sesungguhnya awal permulaan Islam adalah sebagai sesuatu yang asing (ghuraba) dan akan kembali asing sebagaimana permulaannya, maka berbahagialah bagi orang-orang yang asing."*

Dalam sebahagian riwayat, Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda (maksudnya): *"Mereka (al-Ghuraba) adalah orang-orang yang shalih yang jumlahnya sedikit di sekeliling orang yang banyak, yang menderhakai mereka lebih banyak dari yang mentaati mereka."* [Hadis riwayat Ahmad] Dalam riwayat lain, baginda bersabda (maksudnya): *"Mereka orang-orang yang memperbaiki apa yang telah dirosakkan oleh manusia dari sunnahku sepeninggalanku."*

Aku katakan: "Kami telah alami zaman itu lalu kami mulai membangun sebuah pengaruh yang baik bagi dakwah yang dilakukan oleh para *Ghuraba* dengan tujuan mengadakan pembaikan di tengah barisan para pemuda mukmin. Sehingga kami jumpai bahawa para pemuda ber*istiqamah* dalam

kesungguhan di pelbagai negeri Islam, giat dalam berpegang teguh kepada al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tatkala mengetahui kesahihannya.

(Perkara Kedua): Akan tetapi kegembiraan kami terhadap kebangkitan yang kami rasakan pada tahun-tahun terakhir tidak berlangsung lama. Kami dikejutkan dengan terjadinya sikap berbalik dan perubahan yang dahsyat pada diri pemuda-pemuda itu di sebahagian negeri. Sikap tersebut hampir sahaja memusnahkan pengaruh dan buah yang baik sebagai hasil kebangkitan ini. Apa penyebabnya?

Di sinilah letak pelajaran penting, penyebabnya adalah kerana mereka ditimpa oleh perasaan ujub dan terpedaya oleh kejelasan bahawa mereka berada di atas ilmu yang sahih. Perasaan tersebut bukan sahaja di kalangan pemuda muslim, bahkan terhadap para ulama'. Perasaan itu muncul tatkala merasa bahawa mereka memiliki keunggulan dengan lahirnya kebangkitan ini di atas para ulama', ahli ilmu dan para syaikh yang bertebaran di pelbagai belahan dunia Islam.

Mereka tidak mensyukuri nikmat Allah *Azza wa Jalla* yang telah memberikan taufiq dan petunjuk kepada mereka untuk mengenal ilmu yang benar beserta adab-adabnya. Mereka tertipu oleh diri mereka sendiri dan mengira bahawa sesungguhnya mereka telah berada pada status kedudukan dan posisi tertentu. Mereka pun mula mengeluarkan fatwa-fatwa yang tidak matang malah mentah, tidak berdiri di atas sebuah pemahaman yang bersumber dari al-Qur'an dan al-Sunnah. Maka nampaklah dari fatwa-fatwa tersebut pendapat-pendapat yang tidak matang, lalu mereka menganggap bahawa itulah ilmu

yang diambil dari al-Qur'an dan al-Sunnah, maka mereka pun tersesat dengan pendapat-pendapat tersebut dan menyesatkan banyak orang.

Suatu hal yang tidak samar bagi kalian akibat dari semua itu, bahawa muncullah sekelompok orang di beberapa negeri Islam yang secara lantang mengkafirkan setiap jamaah muslimin dengan filsafat-filsafat yang tidak dapat diungkapkan secara mendalam pada kesempatan ini. Apatah lagi tujuan kami pada kesempatan ini hanya untuk menasihati dan mengingatkan para penuntut ilmu dan para pendakwah.

Oleh itu saya menasihati saudara-saudara kami ahli Sunnah dan ahli Hadis yang berada di setiap negeri muslim agar bersabar dalam menuntut ilmu dan hendaklah tidak terpedaya oleh apa yang telah mereka capai berupa ilmu yang dimilikinya. Pada hakikatnya, mereka hanyalah mengikuti jalan dan tidak sekadar bersandar pada pemahaman-pemahaman murni mereka atau apa yang mereka sebut dengan "ijtihad" mereka.

Saya banyak mendengar dari saudara-saudara kami, mereka mengucapkan kalimah itu dengan sangat mudah tanpa memikirkan akibatnya, seperti kalimah: "Saya berijtihad" atau "Saya berpendapat begini" atau "Saya berpendapat begitu". Ketika anda bertanya kepada mereka: "Kalian berijtihad berdasarkan kepada apa sehingga pendapat kalian begini dan begitu? Apakah kamu bersandarkan pada pemahaman al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* serta ijma' para ulama' daripada kalangan sahabat Rasulullah dan yang lainnya? Atau pendapat kamu ini hanya hawa nafsu dan (hasil dari) pemahaman yang cetek dalam menganalisa dan mengambil

dalil?" Inilah realitinya, iaitu berpendapat berdasarkan hawa nafsu, pemahaman yang kerdil dalam menganalisa dan mengambil dalil. Ini semuanya dalam keyakinanku disebabkan kerana perasaan ujub dan terpedaya.

.....Sekali lagi saya menasihati saudara-saudara aku para penuntut ilmu agar menjauhi segala perangai yang tidak Islami seperti perasaan terpedaya oleh apa yang telah diberikan kepada mereka berupa ilmu dan janganlah dikalahkan oleh perasaan ujub terhadap diri sendiri. Sebagai penutup nasihat ini, hendaklah mereka menasihati manusia dengan cara yang terbaik, menghindar daripada penggunaan cara-cara kaku dan keras di dalam berdakwah.

Ini kerana kami berkeyakinan bahawa Allah *Azza wa Jalla* ketika berfirman: *"Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik."* [al-Nahl 16:125], bahawa sesungguhnya Allah *Azza wa Jalla* tidak mengatakan sesuatu (baik di dalam al-Qur'an atau melalui Rasul-Nya) kecuali ia terasa berat oleh jiwa manusia. Oleh itu manusia akan cenderung menyombongkan diri untuk menerimanya kecuali oleh mereka yang dikehendaki Allah.

Maka dari itu, jika dipadukan antara beratnya kebenaran pada jiwa manusia dengan cara dakwah yang kaku lagi keras, hasilnya akan menjadikan manusia semakin jauh dari panggilan dakwah. Padahal kalian mengetahui sabda Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* (yang bermaksud): *"Bahawa di antara kalian ada orang-orang yang membuat manusia lari*

(dari kebenaran). " Baginda mengulanginya sehingga tiga kali.<sup>102</sup>

---

<sup>102</sup> Dinukil secara ringkas dengan beberapa suntingan bahasa dari tulisan *Nasihat Imam Ahlus Sunnah: Syaikh Muhammad Nashiruddin al-Albani* dalam buku *Dakwah Salafiyah Dakwah Bijak* oleh Abu Abdirrahman al-Thalibi, ms. 140-144.

# **Berkenalan Dengan Ciri-Ciri *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* Dalam *Amar Ma'ruf* dan *Nahi Mungkar*.**

## **Pengenalan:**

Menyentuh pelaksanaan *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar*, umat Islam terbahagi kepada dua ekstrim. **Ekstrim pertama** adalah mereka yang menelantarkan pelaksanaan *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar*, sama ada kerana tidak tahu tentangnya, menganggap ia adalah urusan pemerintah semata-mata atau kerana terpengaruh kepada pemikiran hak asasi manusia (*human rights*) yang kini mula mendapat tempat sebagai agama terbaru dunia mutakhir. Pemikiran ini antara lain menerangkan bahawa melakukan yang baik (*ma'ruf*) atau yang buruk (*mungkar*) adalah hak masing-masing individu. Seseorang itu tak perlu campur tangan hak orang lain sama ada untuk menyuruh dia melakukan yang *ma'ruf* atau melarangnya daripada melakukan yang *mungkar*.

Pemikiran seperti ini bertentangan dengan ajaran Islam dan sesiapa sahaja yang memiliki pemikiran yang matang lagi luas. Ini kerana mana-mana individu yang melakukan sesuatu yang *ma'ruf* atau *mungkar* atas dasar haknya yang tersendiri, lambat laun tetap akan memberi kesan kepada orang di sekelilingnya. Lebih merosakkan adalah fitrah manusia yang lebih cenderung kepada

yang *mungkar*, dimana kemungkaran yang dilakukannya secara berseorangan dalam suasana terbuka lambat laun tetap akan memberi kesan negatif kepada orang di sekelilingnya secara khusus dan masyarakat secara umum.

**Ekstrim kedua** adalah mereka yang melaksanakan *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar*, akan tetapi tanpa memerhatikan syarat-syaratnya. Mereka adalah orang-orang Islam yang sayangkan agama dan umatnya serta ingin mengembangkan yang *ma'ruf* dan menyusutkan yang *mungkar* di tengah-tengah masyarakat yang bergelombang dengan pelbagai cabaran luar dan dalam. Akan tetapi semangat mereka mendahului ilmu dan kematangan sehingga usaha mereka melahirkan hasil yang sebaliknya, yang *ma'ruf* tetap pada tahap yang minimum manakala yang *mungkar* tetap kekal atau malah bertambah lagi.

*Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* berada di pertengahan antara dua ekstrim di atas, dimana *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar* dilaksana berdasarkan syarat-syaratnya.

**A:** *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* melaksanakan *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar* kerana ia merupakan pengukur keimanan seseorang, faktor penentu ciri umat yang terbaik dan penjamin kepada kesejahteraan umat keseluruhannya. Melaksanakan *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar* merupakan tanggungjawab semua orang beriman mengikut kadar kemampuan masing-masing.

**Penjelasan:**

Melaksanakan *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar* merupakan ukuran keimanan seseorang:

*Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh yang ma'ruf dan melarang yang mungkar; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.* [al-Taubah 9:71]

Juga berdasarkan sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

*Sesiapa di antara kalian yang melihat kemungkaran, hendaklah dia mengubahnya (mencegah dan menghentikannya) dengan tangannya. Jika dia tidak mampu maka ubahlah dengan lisannya. Jika dia masih tidak mampu (maka ubahlah) dengan hatinya (dengan membencinya), yang sedemikian adalah*

*selemah-lemah iman.*<sup>103</sup>

Sebaliknya melarang yang *ma'ruf* dan menyuruh yang *mungkar* adalah ciri-ciri orang munafik:

***Orang-orang munafik lelaki dan perempuan, setengahnya adalah sama dengan setengahnya yang lain; mereka masing-masing menyuruh yang mungkar dan melarang yang ma'ruf, dan mereka pula menggenggam tangannya (bakhil kedekut). Mereka telah melupakan (tidak menghiraukan perintah) Allah dan Allah juga melupakan (tidak menghiraukan) mereka. Sesungguhnya orang-orang munafik itu, merekalah orang-orang yang fasik. [al-Taubah 9:67]***

Melaksanakan *Amar ma'ruf* dan *nahi mungkar* merupakan faktor penentu ciri umat terbaik, berdasarkan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

***Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh melakukan kebaikan dan melarang daripada melakukan kemungkaran, serta kamu pula beriman kepada Allah. [Ali Imran 3:110]***

Melaksanakan *Amar ma'ruf* dan *nahi mungkar* merupakan penjamin kepada kesejahteraan umat keseluruhannya, berdasarkan hadis:

***Perumpamaan orang yang menegakkan perintah Allah (Amar ma'ruf dan Nahi mungkar termasuk perintah Allah) dan orang yang jatuh ke dalam larangan Allah ialah seperti satu***

---

<sup>103</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 49 (*Kitab al-Iman, Bab menjelaskan bahawa melarang kemungkaran ...*).

*kaum yang mengundi untuk mendapat tempat di dalam sebuah kapal. Sebahagian daripada mereka mendapat tempat di tingkat atas manakala sebahagian lagi pada tingkat bawah. (Ketika dalam pelayaran), apabila orang di tingkat bawah inginkan air, mereka terpaksa pergi meminta kepada orang yang berada pada tingkat atas.*

*Lalu mereka (yang berada di tingkat bawah) berkata: “Jika kita membuat lubang pada tingkat ini nescaya kita tidak perlu lagi meminta daripada orang di atas kita.”*

*Jika (mereka yang berada di tingkat atas) membiarkan mereka (orang di tingkat bawah) melakukan apa yang mereka hendaki (melubangkan kapal), pasti semuanya akan musnah (tenggelam). Sebaliknya jika mereka (yang berada di tingkat atas) menahan dengan tangan mereka (rancangan melubangkan kapal), pasti mereka (yang di tingkat atas) akan selamat dan akan selamat juga semuanya (termasuk di tingkat bawah).<sup>104</sup>*

Pendapat yang masyhur menyatakan pelaksanaan *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar* adalah Fardhu Kifayah, maka jika sebahagian umat Islam telah melaksanakannya, maka baki selainnya tidak lagi bertanggungjawab. Hukum Fardhu Kifayah disandarkan kepada dalil berikut:

*Dan hendaklah (sebahagian) kamu menyeru (berdakwah) kepada kebajikan dan menyuruh yang ma'ruf serta melarang daripada yang mungkar. Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya. [Ali Imran 3:104]*

---

<sup>104</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari di dalam *Shahihnya* – hadis no: 2493 (*Kitab al-Syarikah, Bab bolehkah mengundi untuk mendapatkan bahagian...*).

Sebenarnya wujud perbincangan di kalangan ilmun, adakah ayat tersebut ditujukan kepada sebahagian umat Islam (Fardhu Kifayah) atau kepada semua umat Islam (Fardhu Ain)? Perbincangan tersebut telah dikupas dalam kitab-kitab tafsir, dimana ia dapat diringkaskan seperti berikut:

1. Ayat ini ditujukan kepada sebahagian umat Islam (Fardhu Kifayah) kerana perkataan (منكم) di permulaan ayat berperanan untuk mengecualikan, bermaksud “sebahagian daripada kamu”.
2. Ayat ini ditujukan kepada seluruh umat Islam (Fardhu Ain) kerana perkataan (منكم) di permulaan ayat berperanan untuk menegaskan atau memberi penekanan, bermaksud “hendaklah kamu”.

Antara dua perbincangan ini, dan Allah sahaja yang lebih mengetahuinya, saya cenderung kepada pendapat yang kedua bahawa ia ditujukan kepada semua umat Islam. Sebabnya:

1. Ia selari dengan pelbagai ayat dan hadis yang lain, sebagaimana yang dikemukakan di atas, dimana semuanya ditujukan kepada umat Islam secara umum dan bukannya kepada kumpulan tertentu secara khusus.
2. Ayat 104 surah ‘Ali Imran di atas diakhiri dengan “...***Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.***” Menjadi tuntutan Islam agar semua umatnya mencapai kejayaan. Mustahil Islam hanya mengkehendaki sebahagian umatnya berjaya dan sebahagian lagi gagal. Maka pengakhir ayat menjelaskan siapa yang dimaksudkan pada awal ayat, iaitu semua umat Islam.

3. Berusaha untuk menyampaikan kebaikan, menyuruh kepada yang *ma'ruf* dan melarang daripada yang *mungkar* merupakan usaha semua para sahabat *radhiallahu 'anhum*. Mereka hanya berbeza dari sudut bentuk usaha yang dilakukannya, sesuai dengan kemampuan dan bidang kepakaran masing-masing. Jika usaha ini hanya disandarkan kepada sebahagian orang sepertimana yang berlaku masa kini, maka timbullah tuding menuding, siapa yang patut buat dan siapa yang tidak buat. Akhirnya tiada siapa yang berbuat apa-apa.

Oleh itu pada analisa saya, pendapat yang lebih kuat adalah pelaksanaan *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar* adalah tanggungjawab semua orang beriman mengikut kadar kemampuan masing-masing.

**B: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* mensyaratkan bahawa pelaksanaan *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar* hendaklah terlebih dahulu didasari dengan niat yang ikhlas. *Amar ma'ruf* dan *nahi mungkar* hendaklah dilaksanakan demi menjaga ketulenan agama Allah (Islam) serta kasih sayang kepada umat dan prihatin untuk membetulkan keadaan mereka.**

**Tidak boleh melaksanakan *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar* kerana ingin mempertayakan kehebatan diri, merendah-rendahkan orang dan sebab-sebab lain yang menjauhi keikhlasan.**

**Penjelasan:**

Dalam melaksanakan *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar*, hendaklah seseorang memiliki keikhlasan dan sikap mengambil berat tentang hal-ehwal agama dan umat, seperti ayat berikut:

*Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri (iaitu Nabi Muhammad s.a.w), yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat tamak (inginkan) kebaikan bagi kamu, (dan) dia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang-orang yang beriman. [al-Taubah 9:128]*

**C: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* mensyaratkan bahawa pelaksanaan *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar* hendaklah berdasarkan ilmu yang sahih. Perkara *ma'ruf* yang disuruh hendaklah sesuatu yang benar-benar *ma'ruf* dan perkara *mungkar* yang dilarang hendaklah benar-benar *mungkar* mengikut ukuran al-Qur'an dan al-Sunnah berdasarkan kefahaman para *al-Salaf al-Shalih*. Tidak boleh menyuruh kepada sesuatu yang *ma'ruf* padahal ia adalah *mungkar* dan tidak boleh melarang sesuatu yang**

***mungkar* padahal ia adalah *ma'ruf*.**

**Penjelasan:**

Ini adalah satu ciri atau syarat yang penting dalam melaksanakan *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar*. Ramai yang semangatnya mendahului ilmu sehingga tergesa-gesa melakukan *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar* tanpa memiliki ilmu yang luas berkenaan apa yang *ma'ruf* dan apa yang *mungkar*. Apa yang *ma'ruf* dan apa yang *mungkar* hanya diketahuinya dengan mengikuti pendapat seorang tokoh atau membaca sebuah buku, lalu dengan ilmu yang amat kerdil itu dia mulai menghukum orang yang berbeza dengannya sebagai ahli maksiat atau *Ahl al-Bid'ah*. Perlu diingati bahawa sikap tergesa-gesa, gopoh dan ceroboh dalam menghukum orang yang berbeza dengannya adalah sikap aliran-bid'ah yang berpecah dari *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.

*Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, sebagaimana yang telah dijelaskan beberapa kali sebelum ini, sangat berhati-hati dalam menghukumi sesuatu perbuatan dan sikap berhati-hati ini berganda dalam menghukumi seseorang pembuatnya. Antara sikap berhati-hati itu adalah mengkaji dan menganalisa terlebih dahulu semua dalil, hujah dan pendapat yang ada sebelum menentukan apa yang *ma'ruf* dan apa yang *mungkar*. Termasuk yang dikaji dan dianalisa adalah dalil, hujah dan pendapat pihak yang dipandang berbeza, kerana mungkin apa yang dipandang *mungkar* oleh seseorang adalah *ma'ruf* bagi orang lain dan mungkin apa yang dipandang *ma'ruf* oleh seseorang dipandang *mungkar* oleh orang lain.

Semuanya kembali kepada dalil, hujah dan pendapat yang paling mendekati al-Qur'an dan al-Sunnah yang sah.

**D: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* mensyaratkan bahawa pelaksanaan *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar* hendaklah mengikut prioriti keutamaannya. Dalam suasana jauhnya umat Islam dari agama yang tulen serta banyaknya cabaran yang merosakkan agama dan umat, sama ada dari dalam atau dari luar, maka pelaksanaan *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar* hendaklah disusun mengikut prioriti kepentingannya. Tidak sepatutnya memberi tumpuan kepada isu-isu**

**yang kecil padahal isu-isu besar yang lain terabai atau diambil alih oleh pihak yang menanganinya dengan cara yang tidak selari dengan petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah.**

**Penjelasan:**

Contoh isu besar yang terkini ialah bid'ah pemikiran Islam Liberal, bid'ah pemikiran pluralisme (semua agama adalah sama dan benar), bid'ah pemikiran feminisme (wanita hendaklah menjadi lelaki dan pada waktu yang sama membenci lelaki), bid'ah pemikiran hak asasi manusia (*human rights*: setiap manusia bebas melakukan apa yang dikehendakinya), masalah murtad, penyakit aids, hubungan seks antara pelajar dan anak luar nikah. Isu-isu ini patut diberi prioriti di atas isu lafaz niat, doa qunut Subuh, tahlil dan talqin.

Tidak boleh meremehkan isu-isu di atas dengan alasan generasi *al-Salaf al-Shalih* tidak memberi tumpuan kepadanya. Ini kerana pada zaman mereka tidak ada bid'ah-bid'ah pemikiran seperti di atas mahu pun isu penyakit aids dan seks antara pelajar. Seandainya generasi *al-Salaf al-Shalih* hidup pada zaman kita sekarang ini, pasti mereka akan memberi tumpuan kepada pelbagai isu besar sepertimana yang disebut di atas.

Memberi tumpuan kepada menghidupkan sunnah dan membasmi bid'ah termasuk dalam usaha *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar*. Akan tetapi perlu dibezakan bahawa bid'ah itu sendiri terbahagi kepada dua kategori, iaitu bid'ah pemikiran dan bid'ah amalan. Antara kedua-dua kategori bid'ah ini, bid'ah pemikiran perlu diberi prioriti dalam usaha *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar*

kerana ia lebih mengancam dan lebih berkesan dalam merosakkan Islam dan umatnya. Lebih mengancam kerana ia mencemari asas-asas aqidah Islam itu sendiri (oleh kerana itu ia juga disebut sebagai bid'ah *al-Iqtigadiyyah*) dan lebih merosakkan kerana ia dilancarkan secara bijak dan berkesan oleh orang-orang yang memiliki pengaruh dan kedudukan dalam masyarakat.

Sebaliknya bid'ah kategori kedua, bid'ah amalan hanya merupakan tindakan orang-orang awam yang kurang pengetahuan dalam agama tetapi memiliki keinginan untuk memperbanyakkan ibadah mereka kepada Allah. Orang-orang seperti ini, jika diberi nasihat dan didikan yang berhikmah, akan membetulkan amalan mereka daripada menokok tambah yang bid'ah kepada berpada-pada dengan yang sunnah.

Setakat ini usaha menghidupkan sunnah dan membasmi bid'ah kelihatan banyak tertumpu kepada kategori amalan. Maka prioriti usaha itu perlu diubah kepada menghidupkan sunnah dan membasmi bid'ah dalam kategori pemikiran.

**E: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* mensyaratkan bahawa pelaksanaan *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar* hendaklah dengan memerhatikan kaedah dan akibatnya. Iaitu:**

- Tidak boleh melarang satu perkara yang *mungkar* dengan menggunakan kaedah atau cara yang *mungkar*.
- Tidak boleh menyuruh satu perkara yang *ma'ruf* jika dengannya akan terhilang

**kema'rufan lain yang lebih besar atau dengannya terhasil kemungkaran yang baru.**

- **Tidak boleh melarang satu perkara yang *mungkar* jika dengannya kemungkaran menjadi lebih besar, atau terhasil kemungkaran yang baru, atau dengannya terhalang kema'rufan yang lain.**

**Penjelasan:**

Semua ini adalah berdasarkan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

*Dan janganlah kamu cerca benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah, kerana mereka kelak akan mencerca Allah secara melampaui batas dengan ketiadaan pengetahuan.* [al-An'aam 6:108]

Pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, pernah seorang arab Badwi membuang air kecil di dalam masjid. Para sahabat bergegas melarangnya tetapi Rasulullah melarang mereka dan membiarkan Badwi tersebut menyelesaikan pembuangan air kecilnya. Setelah itu barulah baginda menegur Badwi tersebut dan memberi tunjuk ajar kepadanya.

Dalam peristiwa di atas yang tercatat dalam *Shahih Muslim* (nombor 285), Rasulullah tidak secara terus melarang kemungkaran yang berlaku di hadapan matanya, di dalam masjidnya. Jika kemungkaran tersebut dilarang serta merta, akan berlaku kemungkaran lain yang lebih besar. Badwi tersebut mungkin cuba

melarikan diri dan ini akan menyebabkan air kencingnya bertaburan di sekeliling masjid manakala auratnya akan dilihat oleh orang ramai. Atau badwi tersebut mungkin akan berhenti, menahan dirinya dari membuang air kecil dan ini akan membawa mudarat kepada kesihatannya.

Wawasan yang dimiliki oleh Rasulullah menyebabkan baginda tidak melarang kemungkaran yang dilakukan oleh Badwi tersebut serta merta kerana ia akan melahirkan kemungkaran lain yang lebih besar. Baginda hanya menegur setelah urusannya selesai manakala para sahabat disuruh oleh baginda untuk menyiram air di kawasan terbabit.

Peristiwa di atas, sekali pun kecil, perlu dijadikan iktibar oleh kita semua. Hendaklah pengajarannya dipraktik dan diperluaskan kepada pelbagai senario yang kita hadapi masa kini. Berikut dikemukakan beberapa contoh yang terkini:

- Tidak boleh meletupkan pusat maksiat (disco, pub, rumah urut) dengan alasan ingin melarang kemungkaran yang berlaku di dalamnya. Ini kerana tindakan peletupan tersebut adalah kemungkaran yang lebih besar daripada kemungkaran yang berlaku dalam pusat maksiat tersebut. Malah ia akan mengakibatkan kemungkaran yang baru, iaitu apabila manusia mula memandang serong terhadap umat Islam dan menganggap mereka semua sebagai pengganas (*terrorist*).
- Tidak boleh mencela seorang mujtahid yang tersilap dalam ijtihadnya, sekali pun hasil ijtihadnya dipandang oleh pencela sebagai satu bid'ah. Ini kerana sikap mencela seorang ilmuan dan mujtahid adalah satu bid'ah yang lebih

besar berbanding bid'ah yang terhasil daripada ijtihad yang tersilap itu.

- Tidak boleh menyuruh para jamaah sesudah solat Subuh pada pagi Jumaat untuk membaca surah al-Kahf dengan suruhan yang keras. Suruhan ini menghilangkan *kema'rufan* lain yang lebih besar, iaitu para jamaah tidak lagi selesa untuk menghadiri solat Subuh secara berjamaah di masjid pada masa akan datang. Ia juga boleh menghasilkan *kemungkaran* yang baru, iaitu apabila ahli jamaah masjid berselisih dan berpecah sesama mereka.
- Tidak boleh menghalang satu amalan bid'ah dengan cara yang keras kerana ia tidak akan menghilangkan bid'ah tersebut. Malah ia akan menghasilkan kemungkaran yang lebih besar dimana orang yang melakukan bid'ah semakin menjauhkan diri mereka daripada sunnah, bukan kerana mereka membenci sunnah tetapi kerana membenci orang yang menyampaikan sunnah tersebut secara keras dan memaksa.
- Tidak boleh menentang tindakan mungkar majikan kerja atau pemerintah negara, dengan membuat demonstrasi dan mogok. Tindakan ini dari satu sudut kelihatan untuk melarang kemungkaran. Akan tetapi hasil yang sebenar adalah kemungkaran tetap tidak berubah. Malah terhasil kemungkaran baru yang lebih besar apabila pihak majikan atau pemerintah mengambil tindakan ke atas orang yang membuat demonstrasi dan mogok, seperti memecat atau memenjarakan mereka serta mengambil tindakan pengawasan ke atas orang-orang yang memiliki kesedaran

agama. Pada waktu yang sama *kema'rufan* juga hilang, iaitu apabila tindakan demonstrasi dan mogok tersebut mengganggu kesejahteraan awam.

**F: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* mensyaratkan bahawa pelaksanaan *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar* hendaklah melalui akhlak yang mulia. Memandangkan pada masa kini kurangnya perkara *ma'ruf* dan banyaknya perkara *mungkar* adalah kerana jauhnya umat Islam daripada agama mereka yang tulen, maka hendaklah akhlak mendidik dijadikan kaedah utama untuk melaksanakan *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar*. Seterusnya akhlak mencela, menghukum dan memulau (*boycott*) ditinggalkan kerana ia tidak menghasilkan *kema'rufan* yang diinginkan, sebaliknya mengekal atau menambah lagi kemungkaran.**

**Termasuk dalam akhlak mendidik ialah bijak menyusun strategi agar pelaksanaan *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar* menjadi berwawasan dan menepati sasarannya. Lazimnya akhlak mendidik dalam pelaksanaan *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar* tidak akan menghilangkan perkara *ma'ruf* yang lain atau menghasilkan serta menambah perkara *mungkar* yang baru.**

**Penjelasan:**

Jika dikaji sejarah *al-Salaf al-Shalih*, akan ditemui bahawa mereka bersikap keras dan memulau (*Hajr*) *Ahl al-Bid'ah*. Mereka *rahimahumullah* melaknat *Ahl al-Bid'ah*, mencela mereka, mendoakan keburukan ke atas mereka, enggan bernikah dengan mereka, enggan memakan sembelihan mereka dan menampakkan pemusuhan yang tegar terhadap mereka. *Al-Salaf al-Shalih* juga memulau *Ahl al-Bid'ah*, iaitu tidak memberi salam, tidak saling menegur, tidak duduk bersama, tidak memenuhi undangan dan tidak saling menziarahi. *Al-Salaf al-Shalih* juga tidak mengambil sebarang manfaat daripada hasil-hasil karya *Ahl al-Bid'ah*.

Demikian beberapa contoh sikap keras dan pemulauan yang dilakukan oleh *al-Salaf al-Shalih* terhadap *Ahl al-Bid'ah*. Bersikap keras dan memulau *Ahl al-Bid'ah* adalah manhaj yang disepakati oleh *al-Salaf al-Shalih*. *al-Baghawi rahimahullah* (516H) berkata: "Para sahabat, tabi'in dan para pengikut mereka serta para ilmuan *Ahl al-Sunnah* bersepakat atas memusuhi dan menghindari

*Ahl al-Bid'ah.*<sup>105</sup>

Walaubagaimana manhaj *al-Salaf al-Shalih* ini tidak boleh kita baca dan praktikkan secara zahir dan kaku. Ada beberapa perkara yang perlu diperhatikan terlebih dahulu:

**Pertama:**

Tindakan pemulauan pernah dilakukan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* kepada tiga orang sahabat yang enggan mengikuti ekspedisi jihad tanpa uzur yang dibenarkan oleh syari'at. Pemulauan tersebut benar-benar memberi kesan kepada tiga sahabat tersebut sehingga akhirnya mereka bertaubat. Peristiwa ini dirakam oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

*Dan (Allah menerima pula taubat) tiga orang yang ditanggihkan (penerimaan taubat mereka) hingga apabila bumi yang luas ini (terasa) sempit kepada mereka (kerana mereka dipulaukan), dan hati mereka pula menjadi sempit (kerana menanggung dukacita), serta mereka yakin bahawa tidak ada tempat untuk mereka lari dari (kemurkaan) Allah melainkan (kembali bertaubat) kepada-Nya; kemudian Allah (memberi taufiq serta) menerima taubat mereka supaya mereka kekal bertaubat. Sesungguhnya Allah Dia lah Penerima taubat lagi Maha Mengasihani. [al-Taubah 9:118]*

Walaubagaimana pun, sejauh kajian saya, tindakan memulau hanya dilakukan sekali oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sepanjang usaha dakwah dan *islah* baginda. Ini

---

<sup>105</sup> *Syarh al-Sunnah (tahqiq: Zahir al-Syuwaish & Syu 'aib al-Arna'uth; al-Maktab al-Islami, Beirut, 1403H), jld. 1, ms. 227.*

menunjukkan bahawa memulau bukan sunnah yang terpilih berbanding sunnah bersikap lemah lembut, memaafkan dan mendidik secara bertahap-tahap. Oleh itu bersikap keras dan memulau *Ahl al-Bid'ah* bukanlah sesuatu yang boleh diterapkan secara sesuka hati. Ia adalah pilihan terakhir setelah pelbagai usaha lain menemui kegagalan.

**Kedua:**

Yang dimaksudkan dengan *Ahl al-Bid'ah* bukanlah sesiapa sahaja yang pada zahirnya kelihatan melakukan bid'ah. Akan tetapi *Ahl al-Bid'ah* adalah mereka yang menepati keempat-empat syarat berikut:

1. Pakar dalam membuat bid'ah.
2. Ciri yang menonjol lagi lazim adalah mencipta dan mengamalkan bid'ah dalam kehidupannya.
3. Menzahirkan bid'ah tersebut kepada orang ramai.
4. Bid'ah tersebut adalah sesuatu yang dikenali di kalangan orang awam dan para ilmuan bahawa ia adalah satu bid'ah.<sup>106</sup>

**Ketiga:**

Kesalahan bid'ah memiliki tahap-tahapnya, ada yang ringan, ada yang berat dan ada yang membatalkan keislaman. Jika dikaji seluruh sejarah *al-Salaf al-Shalih*, akan ditemui bahawa mereka tidak menerapkan hukum yang sama ke atas semua

---

<sup>106</sup> Syarat-syarat ini telah saya perincikan dalam bab aqidah.

perbuatan bid'ah dan para pembuatnya. Sebaliknya mereka membeza-bezakan tahap bid'ah dan bertindak berdasarkan tahap tersebut.

Maka ada pun riwayat-riwayat yang menerangkan manhaj *al-Salaf al-Shalih* yang bersikap keras dan memulau *Ahl al-Bid'ah*, ia adalah terhadap bid'ah yang amat berat atau yang membatalkan keislaman pembuatnya.<sup>107</sup>

#### **Keempat:**

Terdapat sejumlah syarat yang perlu dipenuhi terlebih dahulu sebelum seseorang itu boleh bersikap keras dan memulau *Ahl al-Bid'ah*. Ini kerana merupakan dasar Islam yang tidak diperselisihkan bahawa sikap antara sesama muslim adalah saling berlemah lembut dan saling menghubungkan siraturahim. Apabila seseorang itu ingin menyelisihinya dasar ini, dia perlu memiliki hujah yang kuat lagi mantap.

Oleh itu tidak boleh bersikap keras dan memulau *Ahl al-Bid'ah* jika syarat tersebut tidak dipenuhi, apatah lagi jika ia tidak diketahui langsung.<sup>108</sup> Pada masa kini terdapat sebahagian orang

---

<sup>107</sup> Ibrahim bin 'Amir al-Ruhaili telah mengkaji sikap *al-Salaf al-Shalih* terhadap *Ahl al-Bid'ah* dan mendapati sikap keras dan pemulauan tersebut ditujukan kepada *Ahl al-Bid'ah* yang melakukan bid'ah yang amat berat serta yang membatalkan keislaman. Rujuk buku beliau yang berjudul *Mauqif Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah min Ahl al-Ahwa' wa al-Bid'a* yang sudah diterjemahkan oleh Ahmad bin Syamsuddin atas judul *Manhaj Ahli Sunnah Menghadapi Ahli Bid'ah* terbitan Pustaka al-Kautsar, Jakarta, 2002.

<sup>108</sup> Firanda Ibnu 'Abidin memiliki sebuah karya yang amat baik berkenaan rukun dan kaedah memulau, berjudul *Lerai Pertikaian, Sudahi*

yang menyandarkan diri mereka kepada *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang melakukan tindakan permusuhan dan pemulauan secara membata. Mereka memusuhi dan memulau sesiapa sahaja yang mereka nilai sebagai *Ahl al-Bid'ah* tanpa menilai terlebih dahulu secara adil berdasarkan hujah dan dalil.

Tindakan permusuhan dan pemulauan mereka tidak berhenti setakat itu. Mereka juga memusuhi dan memulau mana-mana tokoh *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang tidak mengikuti mereka dalam tindakan permusuhan dan pemulauan tersebut.<sup>109</sup>

Semua ini adalah tindakan permusuhan dan pemulauan yang berdasarkan hawa nafsu dan bukannya ilmu yang diperintahkan oleh Allah dan Rasul-Nya. Ibn Taimiyyah berkata:

Ketahuilah bahawa amalan memulau yang disyari'atkan merupakan amalan yang diperintahkan oleh Allah dan Rasul-Nya. Dan yang namanya ketaatan itu wajib dilaksanakan dengan ikhlas kerana Allah dan sesuai dengan perintah-Nya. Sesiapa yang menerapkan pemulauan kerana hawa nafsunya atau mengamalkan pemulauan yang tidak diperintahkan untuk dilakukan (tidak menepati syarat-syaratnya), maka dia telah

---

*Pemusuhan: Menyikapi Fenomena Hajr di Indonesia* terbitan Pustaka Cahaya Islam, Bogor, 2006.

<sup>109</sup> Di sudut yang lain pula terdapat mereka yang berlebih-lebihan dalam membela sehingga membutakan diri terhadap kesalahan-kesalahan yang jelas dilakukan oleh seseorang individu atau aliran. Mereka mengemukakan kebaikan-kebaikan yang pernah dilakukan dengan harapan kebaikan itu dapat menutupi kesalahan yang dilakukan. Mereka juga cuba menjustifikasikan kesalahan tersebut dengan mengemukakan alasan-alasan yang lemah, yang mereka sendiri sukar untuk menerimanya.

Sememangnya begitulah sikap manusia, ada yang berlebih-lebihan dalam mencela dan ada yang berlebih-lebihan dalam membela. Kemuliaan berada di sisi *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang berada di pertengahan antara mencela dan membela.

keluar dari pemulauan yang disyariatkan. Betapa banyak manusia melakukan apa yang diinginkan oleh hawa nafsunya tetapi mereka menyangka bahawa mereka melakukannya kerana Allah!<sup>110</sup>

Antara syarat permusuhan dan pemulauan adalah memerhatikan terlebih dahulu sama ada ia akan membawa manfaat atau mudarat. Jika syarat ini diperhatikan secara cermat, nescaya akan didapati bahawa memusuhi dan memulau tidak sesuai dilaksanakan pada masa kini. Ini kerana jumlah *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang kecil tidak akan mampu memberi pengaruh kepada umat Islam yang ramai, yang telah bercampur aduk dalam pemikiran mereka antara yang tulen dan bid'ah. Malah amalan memusuhi dan memulau akhirnya akan menyebabkan yang dimusuhi dan dipulau adalah *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.

Oleh kerana itu jumbuh tokoh *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* mutakhir berpendapat memusuhi dan memulau tidak sesuai diamalkan pada masa kini. 'Abd al-Malik bin Ahmad Ramzani al-Jaza'iri berkata: "Para ilmuan seluruhnya pada masa sekarang berkata: *Ahl al-Bid'ah* zaman ini secara umumnya tidak dipulau."<sup>111</sup> Antara ilmuan yang dimaksudkan adalah al-Albani . Beliau pernah ditanya: "Ya syaikh! (Benarkah) anda memandang tidak boleh menerapkan *hajr* (pemulauan) terhadap *Ahl al-Bid'ah*, memusuhi mereka dan tidak berbicara dengan mereka?" Beliau menjawab:

Kami tidak memandang bolehnya penerapan hal tersebut (pemulauan), jika kita sekarang ingin menerapkan manhaj Salaf yang kita warisi dari sebahagian ulama kita (*al-Salaf al-Shalih*) berupa sikap keras terhadap *Ahl al-Bid'ah*,

---

<sup>110</sup> *Majmu' al-Fatawa*, jld. 28, ms. 207.

<sup>111</sup> Dinukil dari buku *Menyikapi Fenomena Hajr di Indonesia* karya Firanda Ibnu 'Abidin, ms. 184.

memulau mereka dan tidak mendengar mereka, maka kita akan kembali ke belakang.

Sebagaimana yang pernah kami katakan, seandainya kita memiliki teman yang bersama kita di atas satu jalan lalu dia menyimpang hingga akhirnya tidak solat, apakah kita memulainya? Kami katakan bahawa kita tidak memulainya. Namun perhatikanlah dia dengan memberi nasihat dan peringatan. Orang yang meninggalkan solat, yang tentu menghairankan kita dengan tindakannya yang meninggalkan solat, apabila kita memulainya bererti kita menjadikan dia semakin sesat.

Yang wajib kita lakukan adalah terus memberikan nasihat dan peringatan kepadanya, bersikap lemah lembut serta halus kepadanya sebagaimana yang pernah dilakukan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* kepada orang Yahudi. Hal yang sama kita lakukan kepada para *Ahl al-Bid'ah*. Kalau kita tinggalkan mereka, kita biarkan begitu sahaja dengan keadaan dan kesesatan mereka, maka siapakah yang akan berusaha memberi hidayah kepada mereka?<sup>112</sup>

Muhammad bin Shalih al-'Utsaimin turut berkata: "Pada masa ini, kebanyakan pelaku maksiat, apabila dipulau akan menyebabkan mereka semakin sombong dan menjadi-jadi dalam kemaksiatan, semakin jauh dari ahli ilmu, sekali gus semakin menjauhkan orang lain dari ahli ilmu. Maka tindakan memulau terhadap mereka adalah tidak berfaedah

---

<sup>112</sup> Kaset *Silsilah al-Huda wa al-Nur*, no: 611, dinukil secara ringkas dengan beberapa suntingan bahasa dari buku *Menyikapi Fenomena Hajr di Indonesia* karya Firanda Ibnu 'Abidin, ms. 88.

bagi mereka, tidak juga bagi selain mereka."<sup>113</sup>

al-Albani pernah ditanya tentang perkataan keras generasi *al-Salaf al-Shalih* dan tindakan mereka yang memulau para *Ahl al-Bid'ah*. Beliau menjawab:

Pendapat saya, dan Allah sahaja yang lebih mengetahui, bahawa perkataan Salaf (yang keras tersebut) berlaku pada zaman keadaan masyarakat yang dipengaruhi dengan manhaj Salaf, iaitu keadaan yang penuh dengan keimanan yang kuat dan ikutan yang benar kepada Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* dan para sahabat *radhiallahu 'anhum*. Masalah ini seumpama masalah seorang muslim yang memutuskan hubungan dengan muslim yang lain dalam rangka mendidik dan memberi pelajaran kepadanya. Ini merupakan sunnah yang sedia dikenali.

Namun yang menjadi keyakinan saya, dan saya seringkali ditanya mengenai masalah ini, bahawa pada zaman kita sekarang tidak sesuai untuk diterapkan tindakan memutuskan hubungan (atau memulau). (Diulangi bahawa pada zaman kita ini tidak sesuai untuk memutuskan hubungan (atau memulau) dengan para *Ahl al-Bid'ah*. Sebab kesannya adalah anda akan tinggal di puncak gunung dan anda menjauhi masyarakat. Ini kerana apabila anda memulau masyarakat, kerana kefasiqan atau kebid'ahan mereka, tidaklah ia memberi pengaruh positif sebagaimana pengaruh yang timbul pada zaman salaf yang mengucapkan kalimah-kalimah keras

---

<sup>113</sup> *Majmu' Fatawa*, jld. 3, ms. 11, soalan no: 382, dinukil dengan beberapa suntingan bahasa dari buku *Menyikapi Fenomena Hajr di Indonesia* karya Firanda Ibnu 'Abidin, ms. 89.

tersebut.<sup>114</sup>

Oleh itu yang terbaik ialah tetap mengutamakan akhlak mulia dalam berdakwah. ‘Abd al-‘Aziz bin Baz menerangkan:

Jika penerapan kaedah memulau (*hajr*) terhadap seseorang mengakibatkan sesuatu yang lebih mungkar daripada perbuatan asalnya, kerana orang tersebut memiliki kedudukan di negara atau di kabilahnya, maka tidak diterapkan pemuluan pada dirinya. Dia disikapi dengan cara yang terbaik dan lemah lembut sehingga tidak mengakibatkan keburukan yang lebih parah atau menimbulkan perkara yang lebih buruk daripada amalan (*bid'ah*)nya.

Dalilnya, Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak menyikapi ketua orang-orang munafik, ‘Abd al-Allah bin Ubay bin Salul, sebagaimana sikap keras baginda kepada Ka'ab bin Malik dan dua sahabatnya (yang tidak keluar berjihad tanpa uzur). Bahkan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersikap lembut kepada ‘Abd al-Allah bin Ubay dan tidak memulainya kerana dia adalah pemimpin kaumnya. Dibimbangi apabila dia dikurung atau dipulau maka akan timbul fitnah bagi kumpulannya di Madinah. Oleh kerana itu Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* bersikap lembut kepadanya sehingga dia mati di atas sifat munafiknya.

Kepada Allah kita memohon keselamatan. Ada keadaan-keadaan lain dimana Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak memulau sejumlah orang, bahkan baginda bersikap lembut kepada mereka sehingga Allah memberi petunjuk kepada mereka. Oleh kerana itu sikap lemah lembut

---

<sup>114</sup> Kaset *Silsilah al-Huda wa al-Nur*, no: 511, dinukil dengan beberapa suntingan bahasa dari buku *Menyikapi Fenomena Hajr di Indonesia* karya Firanda Ibnu ‘Abidin, ms. 82.

dalam dakwah merupakan perkara yang paling penting.<sup>115</sup>

**G: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* mensyaratkan bahawa dalam rangka melaksanakan *nahi mungkar*, tidak boleh berprasangka kepada orang lain mahu pun mencari-cari kesalahan seseorang. Tidak boleh bertindak atas laporan yang tidak dikenali kesahihannya. Tidak boleh mengintip dan memata-matai dalam rumah atau ruang hidup peribadi seseorang. Upaya melarang kemungkaran hanya dibolehkan jika ia berlaku secara jelas, dalam suasana terbuka, tanpa syak, ragu atau dicari-cari.**

**Pengecualian adalah terhadap kemungkaran yang bakal memberi kesan buruk lagi meluas kepada manusia dan harta benda, seperti aktiviti membuat bom atau merancang tindakan menggempar orang**

---

<sup>115</sup> *Majmu' Fatawa wa Maqalat wa Mutanawwi'ah*, jld. 4, ms. 234-235, soalan no: 8, dinukil dengan beberapa suntingan bahasa dari buku *Menyikapi Fenomena Hajr di Indonesia* karya Firanda Ibnu 'Abidin, ms. 80-81.

**ramai (*terrorisme*). Dalam pengecualian ini, tindakan mengintip, bertindak atas laporan, memata-matai dan menyerbu ke dalam rumah atau ruang hidup persendirian dibolehkan. Ini kerana kemaslahatan untuk jumlah orang yang ramai diunggulkan daripada kemaslahatan untuk jumlah orang yang sedikit.**

**Penjelasan:**

Larangan berprasangka dan mencari-cari kesalahan orang lain adalah berdasarkan firman Allah:

***Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang.*** [al-Hujurat 49:12]

Syarat ini juga berdasarkan sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*

***Sesiapa di antara kalian yang melihat kemungkaran, hendaklah dia mengubahnya (mencegah dan menghentikannya) dengan tangannya. Jika dia tidak mampu maka ubahlah dengan lisannya. Jika dia masih tidak mampu (maka ubahlah) dengan hatinya (dengan membencinya), yang sedemikian adalah lemah-lemah iman.***<sup>116</sup>

---

<sup>116</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 49 (*Kitab al-Iman, Bab menjelaskan bahawa melarang kemungkaran ...*).

Jika diperhatikan secara cermat hadis di atas, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menyebut: “**Sesiapa di antara kalian yang melihat kemungkaran...**”. Rasulullah tidak bersabda, umpama: “*Carilah kemungkaran...*” atau “*Jika kalian anggap kemungkaran sedang berlaku...*”. Maka hadis *Shahih Muslim* di atas menjadi bukti bahawa kemungkaran yang hendaklah dilarang atau diubah adalah sesuatu yang berlaku dalam suasana terbuka sehingga kita dapat mengetahui tentangnya secara pasti.

Para ilmuan telah meluaskan maksud “**melihat**” kepada pengetahuan tentang kemungkaran dengan jalan yang pasti samada dengan mata, telinga atau apa-apa sumber maklumat yang lain. Yang penting, sumber maklumat tersebut tidak dicari-cari atau disangka-sangkakan, tetapi wujud secara terus kepada kita kerana ia dilakukan dalam suasana terbuka.

Larangan berprasangka atau mencari-cari kemungkaran yang tertutup juga ditujukan kepada para pemerintah dan wakil-wakilnya. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

***Sesungguhnya seorang penguasa, apabila dia mencari-cari kesalahan rakyatnya, bererti dia merosakkan mereka.***<sup>117</sup>

Di sini ingin dijelaskan bahawa larangan daripada berprasangka atau mencari-cari kemungkaran bukanlah bererti merestui kemungkaran tersebut. Sebagai contoh, jika berlaku kes zina namun jumlah saksi yang ada hanya 2 orang, kita tidak menjatuhkan hukuman ke atas pezina. Ini dilakukan bukan kerana kita merestui jenayah zina tetapi kerana syarat-syarat menjatuhkan

---

<sup>117</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Abu Daud dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud*, hadis no: 4889 (*Kitab al-Adab, Bab larangan dari mengintip*).

hukuman tidak dipenuhi.

Demikianlah juga dalam usaha melaksanakan *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar*. Kita tidak pernah merestui kemungkaran, malah kita berusaha untuk mengelak dan membasmi kemungkaran. Akan tetapi usaha *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar* hendaklah berdasarkan syarat-syaratnya.

Sesuatu yang *ma'ruf* dan *mungkar* tidak diukur berdasarkan pemikiran manusia, tetapi diukur berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih. Jika yang *ma'aruf* dan *mungkar* diukur berdasarkan pemikiran manusia, maka kita tidak jauh berbeza dengan golongan liberal yang berkata: "Sesuatu itu adalah *ma'aruf* jika orang ramai memandangnya *ma'aruf* dan sesuatu itu adalah *mungkar* jika orang ramai memandangnya sebagai *mungkar*."

Justeru marilah sama-sama kita bertanya kepada diri kita, *ma'aruf* dan *mungkar* hendaklah diukur berdasarkan ukuran apa dan siapa? Mengintip adalah *ma'aruf* pada ukuran kita, tetapi adalah *mungkar* pada ukuran Allah dan Rasul-Nya. Menghindari pengintipan adalah *mungkar* pada ukuran kita kerana ia seolah-olah merestui kemungkaran. Akan tetapi ia adalah *ma'aruf* pada ukuran Allah dan Rasul-Nya.

Kenapa ia *ma'aruf*? Jika kita mengkaji dengan lebih mendalam, akan ditemui beberapa hikmah mengapa Allah dan Rasul-Nya melarang kita mengintip dalam rangka melaksanakan *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar*. Saya yakin jika para pembaca meluangkan sedikit masa untuk memikirkannya secara adil, nescaya akan ditemui pelbagai hikmah yang terselindung di sebaliknya.

Salah satu daripadanya adalah, orang yang melakukan kemungkaran secara tersembunyi, melakukan kemungkaran tersebut dengan perasaan malu dan bersalah yang masih tersisa di dalam dirinya. Perasaan malu dan bersalah ini, sekali pun sedikit, masih memungkinkan dia untuk bertaubat jika diberikan teguran dan nasihat yang berhikmah pada ketika yang sesuai. Jika dilakukan pengintipan dan serbuan, perasaan malu dan bersalah akan berubah menjadi keangkuhan dan sifat meronta yang akhirnya menipiskan kemungkinan untuk bertaubat.

Oleh kerana itu dalam sebuah hadisnya, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* berpesan:

***Jauhilah perkara-perkara keji yang telah dilarang oleh Allah, sesiapa yang telah melakukannya, hendaklah dia menutupinya dengan tutupan Allah dan bertaubat kepada Allah. Ini kerana jika sesiapa menampakkan perkara keji (yang dilakukannya) kepada kami, kami akan menjatuhkan hukuman yang telah diperintahkan oleh Allah 'Azza wa Jalla.***<sup>118</sup>

Berbeza jika kemungkaran tersebut berlaku dalam suasana terbuka sehingga kita dapat mengenalinya tanpa berprasangka atau mencari-cari. Orang yang melakukan kemungkaran tersebut tidak memiliki sifat malu dan kemungkarannya itu sendiri akan menjadi contoh ikutan orang lain. Maka dalam kes ini tindakan *nahi mungkar* dilakukan dan hukuman dijatuhkan ke atas mereka dalam

---

<sup>118</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Hakim dalam *al-Mustadrak*, hadis no: 7615 (*Kitab al-Taubah wa al-Inabah, Bab orang yang melakukannya maka hendaklah dia menutupinya dengan tutupan Allah*) dan beliau berkata: "Hadis ini sahih atas syarat kedua-dua syaikh (al-Bukhari dan Muslim) dan mereka tidak mengeluarkannya." Ini dipersetujui oleh al-Zahabi.

suasana terbuka juga (seperti dalam kes jenayah hudud) agar ia menjadi iktibar kepada orang ramai.

Ingin juga dijelaskan bahawa larangan daripada berprasangka atau mencari-cari kemungkaran bukanlah bererti memberi kemenangan kepada pihak *Islam Liberal*. Bezakan bahawa yang ditekankan hanya hukum mengintip ke dalam ruang peribadi seseorang dalam pelaksanaan *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar* manakala pihak *Islam Liberal* menekankan agar seluruh pelaksanaan *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar* dihentikan.

Lebih dari itu larangan mengintip akan membolehkan pihak-pihak berwajib memberi tumpuan yang lebih kepada kemungkaran yang berlaku dalam suasana terbuka. Sama-sama kita ketahui bahawa kemungkaran yang berlaku secara terbuka memberi dampak yang lebih luas dan merbahaya berbanding kemungkaran yang berlaku secara tertutup. Jika kemungkaran yang terbuka dapat dibendung dan dikurangkan, *insya-Allah* ia juga akan mengurangkan kemungkaran yang berlaku secara tertutup. Semua ini akan menyebabkan kekalahan kepada pihak *Islam Liberal*.

Ketiga, larangan mengintip akan membersihkan salah faham kaum bukan Islam terhadap motif dan usaha *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar*. Dengan itu mereka akan memahami, atau setidak-tidaknya bersikap neutral terhadap usaha *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar* yang disyari'atkan oleh agama Islam. Ini sekali lagi menghasilkan kekalahan kepada pihak *Islam Liberal* kerana mereka selama ini memerlukan sokongan kaum bukan Islam untuk mencapai agenda mereka.

**H: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* mensyaratkan bahawa sesuatu kemungkaran yang ditemui berlaku dalam suasana tertutup tidak dihebahkan kepada orang ramai. Kemungkaran tersebut hendaklah dilarang dan pelakunya diberi nasihat dalam suasana yang tertutup.**

**Penjelasan:**

Tidak boleh mengumumkan kemungkaran dan identiti pelakunya sehingga diketahui oleh orang ramai. Tindakan ini dilarang keras oleh Allah dengan ancaman:

*Sesungguhnya orang-orang yang suka dihebahkan (tuduhan atau berita) yang buruk dalam kalangan orang-orang yang beriman, mereka akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya di dunia dan di akhirat; dan (ingatlah) Allah mengetahui (segala perkara) sedang kamu tidak mengetahui (yang demikian).* [al-Nur 24:19]

Pada masa kini, tindakan membawa orang yang didapati melakukan kemungkaran ke mahkamah perlu dikaji semula. Ini kerana tindakan tersebut akan mendedahkan identiti orang yang terbabit dan kemungkaran yang dilakukannya. Sekali pun yang mendedahkannya adalah pihak media, pihak yang diberi amanah melaksanakan *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar* perlu memainkan peranan aktif untuk menutup identiti orang yang terbabit.

**I: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* mensyaratkan bahawa pelaksanaan *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar* hendaklah dengan kesabaran, sabar dalam menantikan hasilnya dan sabar dalam menerima**

**cabaran-cabaran yang bakal timbul. Tidak boleh cepat putus asa atau hilang semangat.**

**Penjelasan:**

Ini sebagaimana pesan Luqman kepada anaknya:

*“Wahai anak kesayanganku, dirikanlah solat, dan suruhlah yang ma’ruf serta laranglah daripada yang mungkar, dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya.”* [Luqman 31:17]

**J: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* memandang bahawa pelaksanaan *amar ma’ruf* dan *nahi mungkar* adalah lebih afdhal dengan kerjasama pemerintah dan wakil-wakilnya kerana ia lebih berkesan dalam menghasilkan kejayaan yang diingini.**

**Penjelasan:**

Ini dapat dipelajari daripada peristiwa Perang Jamal. Pada asalnya A'isyah, al-Zubair dan Thalhah keluar menuju ke Basrah untuk melakukan sesuatu yang *ma'ruf*, iaitu menyatukan umat Islam yang saat itu dalam keadaan hiruk pikuk setelah berlakunya pembunuhan 'Utsman ibn 'Affan *radhiallahu 'anh*. Ibn Hazm *rahimahullah* (456H) menjelaskan:

Dan adapun (pemergian) *Ummul Mukminin* (Aisyah), al-Zubair dan Thalhah *radhiallahu 'anhum* berserta orang-orang yang bersama mereka (ke Basrah), tidaklah mereka sedikit jua bertujuan membatalkan kekhalifahan Ali, mereka tidak mencabar jawatan tersebut, mereka tidak menyebut apa-apa kecacatan yang merendahkan beliau daripada jawatan tersebut, mereka tidak bertujuan mengangkat khalifah baru yang lain dan mereka tidak memperbaharui bai'ah kepada sesiapa yang lain. Ini adalah sesuatu yang tidak dapat diingkari oleh sesiapa jua dengan apa cara jua.

Kebenaran yang sebenar yang tidak memiliki apa-apa permasalahan padanya adalah mereka tidak pergi ke Basrah untuk memerangi Ali atau menentangnya atau mencabut bai'ah daripadanya .....yang benar mereka berangkat ke Basrah tidak lain untuk menutup (daripada berlakunya) perpecahan yang baru dalam Islam disebabkan peristiwa pembunuhan yang zalim ke atas *Amirul Mukminin* Usman *radhiallahu 'anh*.<sup>119</sup>

Namun tindakan mereka yang bersendirian tanpa kerjasama pemimpin, iaitu 'Ali bin Abi Thalib *radhiallahu 'anh* telah diambil kesempatan oleh para musuh untuk melagakan mereka berdua

---

<sup>119</sup> *al-Fishal fi al-Milal wa al-Ahwa' wa al-Nihal (tahqiq: Ahmad Syams al-Din; Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut, 1996), jld. 3, ms. 83.*

sehingga berlakulah Perang Jamal. Sehingga *kema'rufan* yang dihayati bertukar menjadi *kemungkaran*. Ibn Taimiyyah menerangkan:

Sesungguhnya Aisyah tidak diperangi dan tidak pergi untuk berperang. Sesungguhnya beliau pergi hanya untuk kebaikan umat Islam. Beliau menjangkakan pada pemergiannya terdapat kemaslahatan kepada umat Islam. Kemudian sesudah itu jelas baginya bahawa meninggalkan pemergian tersebut adalah lebih tepat. Maka setelah itu apabila sahaja beliau mengingat kembali pemergiannya itu, beliau menangis sehingga membasahi kain tudungnya.<sup>120</sup>

**K: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* memandang bahawa jika *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar* yang hendak dilaksanakan dituju kepada pemerintah itu sendiri mahu pun wakil-wakilnya, maka ia dilaksanakan secara dialog, nasihat dan teguran. Semua ini dilaksanakan dalam suasana tertutup**

---

<sup>120</sup> *Minhaj al-Sunnah*, jld. 4, ms. 316.

**sekali pun kemungkarannya yang mereka lakukan adalah dalam suasana terbuka lagi jelas.**

**Penjelasan:**

Ini merupakan kedudukan pertengahan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* di antara (1) mereka yang enggan menasihati pemerintah secara tertutup sekali pun memiliki peluang dengan (2) mereka yang membangkang pemerintah secara terbuka tanpa berusaha untuk menasihatnya secara tertutup. Dalam sebuah hadis yang dikeluarkan oleh Ahmad:

Shuraih bin 'Ubaid al-Hadhrami dan selainnya berkata: 'Iyadh bin Ghanm (bin Zuhair, salah seorang sahabat Nabi) memukul seorang penjaga gudang. Maka Hisyam bin Hakim (bin Khuwaylid, salah seorang sahabat) menegurnya dengan keras sehingga 'Iyadh menjadi marah. Kemudian 'Iyadh berdiam diri untuk beberapa malam sehinggalah Hisyam bin Hakim datang kepadanya dan meminta maaf kepadanya. Kemudian berkata Hisyam kepada 'Iyadh:

“Tidakkah engkau mendengar bahawa Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* telah bersabda: ***Sesungguhnya manusia yang paling dahsyat seksanya (di Hari Akhirat) adalah yang paling dahsyat menyiksa manusia di dunia ini.***”

'Iyadh bin Ghanm menjawab: “Wahai Hisyam bin Hakim, saya sudah mendengar apa yang engkau dengar dan saya mengetahui apa yang anda mengetahui. Namun apakah engkau tidak mendengar bahawa Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* juga telah bersabda:

*Sesiapa yang ingin menasihati pemerintah dalam sesuatu urusan, janganlah dia melakukannya secara terang-terangan. Akan tetapi hendaklah dia mengambil tangan pemerintah tersebut dan ajaklah (nasihatilah) dia secara tersembunyi. Jika dia (pemerintah) menerima (nasihat) maka itulah yang diharapkan. Jika dia tidak menerima (nasihat) maka sesungguhnya dia (pemberi nasihat) telah melaksanakan tanggungjawabnya.*<sup>121</sup>

Dalam hadis di atas, seorang sahabat, ‘Iyadh bin Ghanm *radhiallahu ‘anh*, yang menjadi wakil khalifah telah melakukan kemungkaran secara terbuka, iaitu dengan memukul seorang penjaga gudang. Kemungkaran beliau telah ditegur secara terbuka oleh seorang sahabat yang lain, Hisyam bin Hakim *radhiallahu ‘anh*. Teguran Hisyam kepada ‘Iyadh adalah benar kerana terdapat hadis Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* yang memberi peringatan kepada orang yang bertindak zalim sesama manusia. Akan tetapi teguran yang dilakukan secara terbuka adalah tidak benar kerana terdapat hadis lain dimana Rasulullah melarang seseorang itu menegur pemerintah, atau dalam kes ini wakilnya, secara terang-terangan.

Pada masa kini di kebanyakan negara Islam, kemungkaran pemerintah dilarang bukan dengan cara nasihat yang tertutup, tetapi

---

<sup>121</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Ahmad dalam *Musnadnya*, hadis no: 15333 (*Musnad al-Makkiyin, Bab daripada hadis Hisyam bin Hakim*) dan berkata Syu‘aib al-Arna’uth dan rakan-rakannya, “Hadis sahih *lighairihi* kecuali sabda baginda: *Sesiapa yang ingin menasihati pemimpin dalam sesuatu urusan...* maka ia adalah hasan *lighairihi*.” Sabda baginda: *Sesiapa yang ingin menasihati pemimpin dalam sesuatu urusan...* sehingga akhir juga dikeluarkan oleh Ibn Abi ‘Ashim dalam *Kitab al-Sunnah* dan sanadnya dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Zhilal al-Jannah fi Takhrij al-Sunnah*, hadis no: 1096.

dengan cara kepartian yang membangkang serta mencela pemerintah secara terbuka.

Melaksanakan *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar* terhadap pemerintah, wakil-wakilnya dan politik pemerintahannya melalui kaedah kepartian hanya menghilangkan *kema'rufan* lain yang lebih besar, iaitu umat Islam berpecah-belah kepada beberapa parti. Disamping itu ia juga menghasilkan beberapa *kemungkaran* lain yang jauh lebih dahsyat, iaitu:

1. Parti yang berbeza saling mengkritik dan mencela di antara satu sama lain padahal setiap parti dipimpin dan dianggotai oleh orang Islam.
2. Kepartian menyebarkan fitnah dan gosip negatif sesama umat dan ia hanya akan melemahkan mandat pemerintah dan akhirnya menimbulkan rusuhan sesama umat dan kerosakan kepada negara. Sejarah pada zaman pemerintahan 'Utsman ibn 'Affan *radhiallahu 'anh* patut dijadikan teladan. Umat terpengaruh secara membuta kepada fitnah dan gosip yang tersebar, **kononnya** politik pemerintahan khalifah 'Utsman memiliki beberapa sisi yang negatif. Lalu mereka merusuh terhadap khalifah dan ini sebenarnya membuka peluang kepada musuh untuk masuk ke rumah 'Utsman dan membunuh beliau. Tindakan merusuh tersebut tidak membawa apa jua yang *ma'ruf*, sebaliknya membuka *kemungkaran* yang amat besar satu demi satu, sebagaimana yang tercatat dalam kitab-kitab sejarah sehingga ke hari ini.

Jika mereka mengambil tindakan yang berbeza, iaitu tidak percaya kepada fitnah dan gosip serta tidak

menyebarkannya, sebaliknya bertemu terus kepada pemerintah dan meminta pencerahan (*clarification*), nescaya catatan sejarah akan berbeza, daripada dipenuhi dengan *kemungkaran* kepada dipenuhi dengan *kema'rufan*.

3. Kepartian membuka jalan bagi yang bukan Islam menindas agama dan umat Islam. Dalam suasana umat Islam yang berpecah secara zahir dan batin kepada beberapa parti, umat bukan Islam bersatu secara batin sekali pun pada zahirnya kelihatan mereka juga berpecah kepada beberapa parti. Persatuan mereka secara batin menyebabkan pelbagai desakan mereka yang menindas agama dan umat Islam berjaya diperolehi.

Tiga *kemungkaran* di atas menjadikan konsep kepartian, sesuatu yang dipandang ramai sebagai *ma'ruf*, sebenarnya adalah *kemungkaran* yang amat dahsyat kepada agama, umat dan negara. Hal ini terbukti dalam sejarah dimana manhaj kepartian tidak berjaya meningkatkan penghayatan Islam dalam politik pemerintahan negara kecuali pada kadar yang amat minimum.

Maka hendaklah setiap umat Islam memiliki wawasan yang luas dalam hal ini. Hendaklah kita beralih dari manhaj kepartian kepada manhaj berdialog, memberi nasihat dan menegur secara tertutup kepada pemerintah. Dengan kesabaran, *insya-Allah* ia lebih berkesan untuk meningkatkan penghayatan Islam dalam politik pemerintahan negara.

**L: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* memandang bahawa puncak bagi *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar* adalah turun ke medan *jihād fi sabilillah* demi menegakkan kalimah Allah dan membasmi fitnah di kalangan manusia. Namun tindakan *jihād fi sabilillah* hendaklah berdasarkan rukun-rukunnya.**

***Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* mengancam aksi-aksi menakutkan orang ramai dan merosakkan harta benda awam (*terrorisme*) yang dilakukan atas slogan *jihād fi sabilillah*. Ia sebenarnya bukan jihat di jalan Allah tetapi jihat yang bertentangan dengan jalan Allah.**

**Penjelasan:**

Demikian kedudukan pertengahan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* antara (1) mereka yang menafikan *jihād fi sabilillah* daripada syari'at Islam dengan (2) mereka yang melaksanakan *jihād fi sabilillah* tanpa memerhatikan rukun-rukunnya.

Setiap ibadah seperti solat, puasa, zakat dan haji memiliki rukun-rukunnya dimana jika rukun tersebut tidak dipenuhi, maka ibadah tersebut menjadi tidak sah. Demikian juga bagi ibadah *jihād fi sabilillah*, ia juga memiliki rukun-rukunnya. Namun ia memiliki

satu perbezaan yang besar dimana jika rukun-rukun tersebut tidak dipenuhi, maka ibadah *jihad* bukan sahaja menjadi tidak sah, bahkan orang yang melakukannya akan diazab oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Rukun-rukun jihad telah digariskan oleh para ilmuan dalam pelbagai kitab-kitab fiqh.<sup>122</sup>

Ada pun aksi menakutkan orang ramai dan merosakkan harta awam (*terrorisme*), maka ia adalah aksi yang dikecam oleh Allah, Rasul-Nya dan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Terdapat banyak fatwa daripada para ulama' masa kini yang mengecam aksi tersebut. Antaranya ialah Majlis Fatwa Arab Saudi yang berbunyi:

Segala puji bagi Allah, tuhan sekalian alam. Segala kemenangan diperuntukkan bagi orang-orang bertaqwa dan permusuhan hanya bagi orang-orang yang zalim. Semoga selawat dan salam serta barakah tercurah kepada makhluk yang paling mulia, iaitu Nabi kita Muhammad, ahli keluarga, para sahabat dan orang-orang yang mengikuti petunjuk baginda hingga akhir zaman.

Sesungguhnya majlis *Hai'ah Kibar al-Ulama'* pada pertemuan ke-32 yang berlangsung di Taif, mulai tarikh 12 hingga 18 Muharram 1409H, membahas khabar tentang terjadinya beberapa kerosakan yang mengorbankan ramai orang yang tidak bersalah, hilangnya harta yang tidak sedikit, hancurnya kemudahan-kemudahan awam di negari-negeri Islam dan sekitarnya. Hal ini dilakukan oleh sekelompok orang yang imannya tipis atau memiliki jiwa yang sakit serta rasa iri hati.

---

<sup>122</sup> *Alhamdulillah*, saya juga telah menyusun buku yang khas dalam subjek ini, berjudul *Apakah Jihad Di Jalan Allah (Buku 1 & 2)* terbitan Jahabersa, Johor Bahru.

Contoh dari kejahatan mereka: Mengebom bangunan-bangunan serta membakar kemudahan-kemudahan awam, menghancurkan jambatan dan barang-barang dagangan serta mengebom dan merampas kapal terbang. Kalau diperhatikan dengan saksama berdasarkan beragam peristiwa yang terjadi di negara-negara yang dekat atau pun yang jauh, bahawasanya Arab Saudi dan negara-negara lainnya, menjadi sasaran bagi semua ini.

Maka majlis Hai'ah Kibar al-Ulama' melihat betapa pentingnya menetapkan hukum atas para pelaku kerosakan tersebut. Baik yang menjadi sasaran dari kerosakan itu tempat-tempat dan kemudahan negara atau pun yang lainnya dengan maksud kejahatan dan menghilangkan rasa aman (*terrorisme*).

Majlis ulama' telah meneliti dengan adil dari apa yang disampaikan oleh para ahli ilmu, bahawasanya syari'at (Islam) yang sempurna ini telah menetapkan wajibnya lima hal yang sangat penting dan mengambil pelbagai tindakan untuk menjaganya. Lima hal tersebut adalah agama, nyawa, kehormatan, akal dan harta.

Majlis ulama' telah memiliki gambaran bahaya-bahaya besar yang akan timbul akibat menzalimi jiwa, kehormatan kaum muslimin dan harta mereka serta akibat yang ditimbulkan oleh para pembuat kerosakan seperti tidak adanya rasa aman dalam satu negara, maraknya kekerasan dan kekacauan, serta ketakutan kaum muslimin atas diri serta harta mereka.

Sungguh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah menjaga bagi manusia agama, diri, jiwa, kehormatan, akal fikiran serta

harta benda mereka dengan batas-batas yang telah disyariatkan-Nya, yang dengannya akan terhasil rasa aman. Hal tersebut telah dijelaskan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam firman-Nya:

*Dengan sebab (kisah pembunuhan kejam) yang demikian itu kami tetapkan atas Bani Israil, bahawasanya sesiapa yang membunuh seorang manusia dengan tiada alasan yang membolehkan membunuh orang itu, atau (kerana) melakukan kerosakan di muka bumi, maka seolah-olah dia telah membunuh manusia semuanya; dan sesiapa yang menjaga keselamatan hidup seorang manusia, maka seolah-olah dia telah menjaga keselamatan hidup manusia semuanya. Dan demi sesungguhnya, telah datang kepada mereka Rasul-rasul kami dengan membawa keterangan yang cukup terang; kemudian sesungguhnya kebanyakan dari mereka sesudah itu sungguh-sungguh menjadi orang-orang yang melampaui batas (melakukan kerosakan) di muka bumi.*

*Hanyasanya balasan orang-orang yang memerangi Allah dan Rasul-Nya serta melakukan bencana kerosakan di muka bumi ialah dengan dibalas bunuh (kalau mereka membunuh sahaja dengan tidak merampas), atau dipalang (kalau mereka membunuh dan merampas), atau dipotong tangan dan kaki mereka bersilang (kalau mereka merampas sahaja), atau dibuang negeri (kalau mereka hanya mengganggu ketenteraman umum). Hukuman yang demikian itu adalah suatu kehinaan di dunia bagi mereka, dan di akhirat kelak mereka beroleh azab seksa yang amat besar.*  
[al-Maidah 5:32-33]

Menegakkan hukum tersebut merupakan jaminan akan tersebarnya rasa aman damai dan tidak akan ada keinginan bagi masing-masing individu untuk melakukan kejahatan atau kezaliman atas kaum muslimin. Jumhur ulama' telah sepakat bahawa hukum *terror* yang dilakukan di satu kota atau tempat lainnya, sama saja sebagaimana firman Allah (di atas): "*melakukan kerosakan di muka bumi*". Dan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah berfirman:

*Dan di antara manusia ada orang yang tutur katanya mengenai hal kehidupan dunia menyebabkan engkau tertarik hati (mendengarnya), dan dia (bersumpah dengan mengatakan bahawa) Allah menjadi saksi atas apa yang ada dalam hatinya, padahal dia adalah orang yang amat keras permusuhannya (kepadamu dan Islam).*

*Kemudian apabila dia pergi (dengan mendapat hajatnya), berusaha dia di bumi untuk melakukan bencana padanya dan membinasakan tanaman-tanaman dan keturunan binatang ternak dan manusia; sedang Allah tidak suka kepada bencana kerosakan. [al-Baqarah 2:204-205]*

*Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya, dan berdoalah kepada-Nya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharapkan (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya. [al-A'raaf 7:56]*

Ibn Katsir *rahimahullah* berkata: "Allah *Subhanahu wa Ta'ala* melarang melakukan kerosakan di muka bumi serta hal-

hal yang boleh menjadikannya rosak setelah Allah memperbaikinya kerana jika semuanya berjalan dengan baik, kemudian terjadi kerosakan, maka hal tersebut akan lebih merbahaya bagi manusia. Oleh kerana itulah Allah melarang hal tersebut.”

al-Qurtubi *rahimahullah* berkata: “Allah *Subhanahu wa Ta’ala* melarang segala bentuk kerosakan baik sedikit atau pun banyak, setelah adanya perbaikan, sedikit atau pun banyak, (hukum ini) berlaku secara umum menurut pendapat yang paling benar ( iaitu ia tidak terhad kepada Bani Israil atau suasana tertentu).”

Berdasarkan hal tersebut, majlis ulama’ secara ijma’ menetapkan:

1. Orang yang telah pasti (secara syari’at) terbukti melakukan suatu bentuk kerosakan di muka bumi, yang membuat suatu kekecohan dengan cara menzalimi jiwa dan harta secara umum atau khusus, seperti meletupkan bangunan orang-orang miskin, masjid, sekolah, hospital, pusat membeli-belah, jambatan, gudang senjata, empangan air, projek-projek awam milik Baitulmal seperti paip minyak, meletupkan pesawat atau merampasnya, dan semisalnya, bahawasanya hukuman yang tepat baginya hanyalah hukuman mati. Ini sesuai dengan dalil-dalil yang telah dikemukakan di atas, bahawasanya halal darah orang yang telah melakukan satu bentuk kerosakan.
2. Bahawasanya sebelum menjatuhkan hukuman seperti yang telah dijelaskan di atas, wajib bagi mahkamah

syariah dan majlis khusus serta mahkamah tinggi meminta bukti tentang perbuatannya tersebut sehingga tidak salah dalam menjatuhkan hukuman dan menumpahkan darah orang yang tidak berdosa.

3. Majlis ulama' berpendapat agar hukuman disebarakan kepada masyarakat umum melalui media massa.

Semoga Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mencurahkan selawat dan salam kepada hamba serta Rasul-Nya: Nabi Muhammad, keluarga dan para sahabatnya.<sup>123</sup>

---

<sup>123</sup> Fatwa ini dikemukakan dalam majalah *Mujamma' Fiqh Islami*, edisi ke-2, ms. 181, no: 148; dinukil dan diringkaskan daripada buku *Fatawa al-Aimmah fi al-Nawazil al-Mudlahimmah* susunan Muhammad bin Husain al-Qahthani (edisi terjemahan oleh Andi Masyudin atas judul *Fatwa-Fatwa Seputar Terorisme*; Pustaka at-Tazkia, Jakarta, 2004), ms. 6-10.

# **Berkenalan Ciri-Ciri**

## ***Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah***

### **Dalam Politik.**

#### **Pengenalan:**

Jika dikaji sejarah umat Islam, akan ditemui salah satu subjek yang menyebabkan umat Islam saling berselisih adalah berkenaan politik. Perselisihan ini bukan sekadar debat dan saling memulau, akan tetapi menyebabkan pengangkatan senjata dan pertumpahan darah.

Sebenarnya Islam sudah meletakkan kaedah politik yang tersendiri. Sebagai agama yang lengkap, Islam tidak lupa akan isu politik dan kepimpinan. Hanya saja di kalangan umat Islam ada di antara mereka yang tidak sampai ilmu berkenaan hukum politik Islam, atau mereka salah faham terhadapnya, atau mereka mentakwilkannya atas sebab-sebab tertentu.

*Insyaa-Allah* dalam bab ini saya akan terangkan ciri-ciri *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dalam hukum politik. Sebelum mengkaji bab ini, saya meminta para pembaca melakukan beberapa perkara terlebih dahulu:

#### **Pertama:**

Bebaskan minda anda daripada sokongan kepada parti sekian-sekian. Bungkuskan ia dan letak ke tepi. Kajilah bab ini

dengan minda yang baru, tulen lagi adil. Antara musibah terbesar yang melanda umat Islam ialah mereka mengambil hukum politik daripada kaum bukan Islam dan menjadikannya sebagai aqidah mereka. Pada waktu yang sama mereka meninggalkan hukum politik yang diturunkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Antara sebab utama mereka meninggalkan hukum politik Islam adalah kerana mereka tidak tahu bahawa Islam memiliki hukum politik yang tersendiri. Atas dasar tidak tahu ini, sebahagian mereka mengambil hukum politik bukan Islam dan berkata: “Ini adalah urusan *ijtihadiah*.” Alasan ini adalah tidak benar kerana para ilmuan Islam telah menetapkan bahawa tidak ada ijtihad dalam urusan yang sudah ada nas yang jelas.

Sebahagian lagi berhujah dengan kaedah *Ushul al-Fiqh*: “Jika suatu perkara adalah wajib, maka wajib jugalah perkara-perkara yang menghantar kepada kewajipan tersebut.” Maka oleh kerana memiliki negara Islam adalah wajib, maka wajib jugalah kita melibatkan diri dalam politik agar dapat mencapai penubuhan negara Islam. Alasan ini benar tetapi tidak tepat. Ini kerana untuk merealisasikan kaedah *Ushul al-Fiqh* tersebut, kenapakah digunakan hukum politik kaum bukan Islam dan meninggalkan hukum politik Islam? Kenapakah menggunakan cara bukan Islam untuk menubuhkan negara Islam? Cara yang benar untuk merealisasikan kaedah *Ushul al-Fiqh* tersebut adalah, oleh kerana memiliki negara Islam adalah wajib, maka wajib jugalah kita menggunakan hukum politik Islam agar dapat mencapai penubuhan negara Islam.

Kewajipan menggunakan hukum politik Islam menjadi bertambah wajib jika kita merujuk kepada firman Allah yang

bermaksud: ***“Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah, maka mereka itulah orang-orang kafir.”*** [al-Maidah 5:44] Ini adalah sepotong ayat yang amat masyhur di kalangan sesiapa yang berusaha untuk menubuhkan negara Islam. Hanya sahaja perlu diterangkan bahawa perkataan ***“hukum”*** dalam ayat di atas tidak terhad kepada hukum jenayah sahaja, akan tetapi meliputi semua hukum Islam dalam bab tauhid, ibadah, akhlak, muamalat, perang, politik dan kepimpinan. Justeru merujuk kepada hukum politik dan kepimpinan, siapakah yang sebenarnya tidak menghukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah?

Secara lebih terperinci, hukum politik bukan Islam memiliki dua aspek yang perlu kita tinjau secara mendalam:

1. **Aspek demokrasi**, iaitu kuasa kepada rakyat untuk memilih pemimpin dan menentukan manhaj kepimpinan. Ini jelas menyalahi syari‘at Islam. Dalam hukum politik Islam, pemimpin dipilih dan diangkat oleh sekumpulan orang yang baik agamanya, cemerlang pemikirannya dan berilmu dalam urusan agama dan selainnya (*Ahl al-Hal wa al-‘Aqdi*). Manhaj kepimpinan pula ditentukan oleh syari‘at Islam. Kedua-dua perkara ini tidak boleh diserahkan kepada rakyat kerana:

***Dan jika engkau menurut kebanyakan orang yang ada di muka bumi, nescaya mereka akan menyesatkanmu dari jalan Allah; tiadalah yang mereka turut melainkan sangkaan semata-mata, dan mereka tidak lain hanyalah berdusta.*** [al-An’aam 6:116]

Oleh itu hukum asal bagi demokrasi adalah haram.

Walaupun pun, memandangkan Malaysia mengamalkan demokrasi dan sistem pilihanraya sementara kita – umat Islam – tidak mampu untuk menukarnya, kita terpaksa ikut serta dalam berparti dan mengundi. Jika kita meninggalkannya, kaum bukan Islam akan mengambil alih kepimpinan negara. Ini juga sesuatu yang haram untuk kita biarkan ia berlaku:

***Dan Allah tidak sekali-kali akan memberi jalan kepada orang-orang kafir untuk membinasakan orang-orang yang beriman.*** [al-Nisa 4:141]

Di sini kita berhadapan dengan dua perkara yang dilarang, namun kita terpaksa mengamalkan salah satu daripada larangan tersebut, iaitu yang paling kurang kemudaratannya (*The lesser of two evils*).

2. **Aspek kepartian**, iaitu menubuhkan beberapa parti dengan setiap satu daripadanya memiliki beberapa manifesto (manifesto) yang tertentu. Dengan beberapa parti ini, umat Islam berpecah kepada beberapa kelompok atau jamaah, masing-masing jamaah menyokong partinya dan menganggap partinyalah yang paling Islamik, paling benar. Sekali lagi ini adalah haram. Firman Allah:

***Dan janganlah kamu termasuk orang-orang yang menyekutukan Allah, iaitu orang-orang yang memecah-belahkan agama mereka dan mereka menjadi beberapa golongan. Tiap-tiap golongan merasa bangga dengan apa yang ada pada golongan mereka.*** [al-Rum 30:31-32]

Dalam suasana kita – umat Islam – terpaksa ikut serta

dalam hukum politik bukan Islam sebagaimana yang dijelaskan dalam aspek pertama di atas, tidaklah bererti kita juga boleh berpecah kepada beberapa parti politik. Kita wajib bersatu dengan sebuah parti, menjadi satu jamaah, iaitu keseluruhan umat Islam.

Lebih khusus adalah suasana wujudnya kaum bukan Islam di Malaysia. Kita tidak boleh berpecah manakala mereka pula bersatu. Kita tidak boleh berpecah sehingga membentuk jumlah undi yang minoriti manakala kaum bukan Islam bersatu untuk membentuk jumlah undi yang majoriti.

Demikian dua aspek paling penting dalam hukum politik bukan Islam yang bertentangan dengan hukum politik Islam. Disebabkan faktor keterpaksaan, kita umat Islam terpaksa menceburinya. Namun ini tidaklah bererti kita menceburinya secara *total* sehingga mengabaikan hukum politik Islam. Yang tepat adalah kita tetap berpegang kepada hukum politik Islam, hanya dalam beberapa aspek tertentu kita terpaksa mengikuti hukum politik bukan Islam, semata-mata atas dasar keterpaksaan.

Sebagai perbandingan perhatikan firman, Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

***Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, darah, daging babi dan binatang yang disembelih tidak kerana Allah. Maka sesiapa terpaksa (memakannya) sedangkan dia tidak menginginya dan tidak melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu, maka tidaklah ia berdosa), sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.*** [al-Nahl 16:115]

Dalam ayat di atas Allah menerangkan hukum makanan di dalam Islam. Kita hendaklah mematuhiya kecuali dalam suasana terpaksa. Jika kita terpaksa memakannya, ini dilakukan bukan secara berselera, “tambah dua tiga pinggan” dan mempelawa orang lain, akan tetapi secara: “...*sedangkan dia tidak menginginya dan tidak melampaui batas...*”.

Oleh itu berdasarkan hukum yang Allah turunkan, faktor keterpaksaan membolehkan kita melakukan sesuatu yang dilarang, akan tetapi kebolehan tersebut bukanlah secara *total* tetapi hanya sekadar perlu dan mencukupi.

**Kedua:**

Jika anda telah melompat terus ke bab ini, saya minta anda mengkaji secara cermat bab pertama tentang ciri-ciri *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dalam mengambil sumber agama. Ini kerana sebahagian umat Islam ada yang mengetahui ayat-ayat al-Qur'an dan hadis-hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dalam bab ini, akan tetapi mereka mentakwilkannya dengan takwilan yang pelik lagi tertolak.

**Ketiga:**

Tujuan saya dalam menerangkan ciri-ciri *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dalam politik tidak lain semata-mata untuk menyampaikan ilmu. Bukanlah menjadi tujuan saya untuk membela atau mencela mana-mana parti politik atau ahlinya. Jika ada mana-mana kenyataan saya yang kelihatan seolah-olah membela atau mencela sesuatu parti atau ahlinya, ia berlaku secara kebetulan. Ini

kerana dalam menyusun bab ini, saya cuba sedaya mampu untuk membumikannya dengan suasana di Malaysia agar para pembaca dapat memahaminya secara tepat. Perbincangan teori sahaja tidak akan bermanfaat melainkan ia dikaitkan dengan realiti. Dalam rangka ingin membumikannya dengan suasana di Malaysia, tidak dapat tidak sebahagian kenyataan saya ada yang kelihatan seolah-olah menyentuh secara terus sesuatu parti atau ahlinya. Ini adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan.

Atas dasar yang sama, saya juga berlepas diri seandainya penulisan ini digunakan oleh pihak-pihak tertentu demi kepentingan partinya.

**Keempat:**

Sebelum ini apabila saya berbincang dengan orang lain dalam bab fiqh politik, perbincangan lazimnya akan bertukar menjadi “panas”, beremosi dan diakhiri dengan muka yang masam. Saya yakin para pembaca sekalian pernah menemui reaksi yang sebegini, tanpa mengira sama ada perbincangan tersebut berlaku dalam bentuk bersemuka, melalui talifon, pesanan ringkas (SMS) atau forum-forum di internet. Saya harap reaksi yang seumpama tidak berlaku apabila para pembaca yang budiman sekalian mengkaji bab ini. Saya bersangka baik, bahawa reaksi tersebut lahir tidak lain kerana keinginan yang kuat untuk meningkatkan penghayatan Islam dalam kepimpinan negara. Akan tetapi reaksi tersebut bertolak belakang daripada sifat matang dan ilmiah yang sepatutnya menjadi asas umat Islam apabila berhadapan dengan pelbagai cabaran. Jika urusan kepimpinan negara tidak Islamik, janganlah kita juga bersikap tidak Islamik dalam menghadapinya.

**A: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* memandang bahawa politik dan kepimpinan adalah penting demi memelihara urusan dan tujuan agama. Akan tetapi jika kepimpinan yang menepati syarat belum wujud, usaha memelihara urusan dan tujuan agama diteruskan oleh para ilmun sekadar yang mampu.**

**Penjelasan:**

Demikian kedudukan pertengahan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* di antara (1) mereka yang berkata politik dan kepimpinan atau tidak memiliki tempat dalam agama dan (2) mereka yang berkata urusan agama ditangguhkan sehinggalah umat memiliki politik dan pemimpin yang memenuhi syarat. Syarat yang dimaksudkan akan diterangkan selanjutnya dalam **Ciri B** dan **C**, *insya-Allah*.

Dalil bahawa urusan kepimpinan atau politik adalah salah satu daripada dasar agama adalah firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

*Allah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal shalih dari kalangan kamu (wahai umat Muhammad) bahawa Dia akan menjadikan mereka khalifah-khalifah yang memegang kuasa pemerintahan di bumi, sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka khalifah-khalifah yang berkuasa.*

*Dan Dia akan menguatkan dan mengembangkan agama mereka (Islam) yang telah diredhai-Nya untuk mereka dan Dia*

*juga akan menggantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan (dari ancaman musuh). Mereka terus beribadat kepada-Ku dengan tidak mempersekutukan sesuatu yang lain dengan-Ku. Dan (ingatlah) sesiapa yang kafir ingkar sesudah itu, maka mereka itulah orang-orang yang derhaka.* [al-Nur 24:55]

Jika tidak ada pemimpin yang menepati syarat, maka ia tidaklah bererti urusan dan tujuan agama dibiarkan terbengkalai. Usaha tetap diteruskan sehinggalah tercapainya politik dan kepimpinan yang menepati syarat.

Di sini terdapat beberapa soalan yang lazim timbul:

#### **Persoalan Pertama:**

Saya pernah ditanya sebelum ini, apakah dalil wajibnya mendirikan negara Islam? Malah ada juga yang bertanya, wujudkah konsep bernegara dalam Islam? Ini kerana tidak satu jua ayat al-Qur'an atau hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang dapat dijadikan dalil sebuah negara Islam.

Soalan di atas dapat dijelaskan seperti berikut. Para ahli ushul telah menggariskan bahawa tujuan syari'at Islam adalah untuk memelihara kemaslahatan dan mengelak kemudaratan terhadap perkara-perkara yang dapat dibahagikan kepada tiga kategori:

1. *al-Daruriyyat*: iaitu perkara-perkara yang membentuk dasar yang amat penting bagi manusia. Perkara tersebut adalah agama, jiwa, keturunan, akal, maruah dan harta.
2. *al-Hajiyat*: iaitu perkara-perkara yang memudahkan

kehidupan manusia, tanpanya manusia akan menghadapi kesukaran.

3. *al-Tahsiniyyat*: iaitu perkara-perkara yang menjadi pelengkap dan hiasan kepada kehidupan manusia.

Tumpuan kita ditujukan kepada kategori pertama: *al-Daruriyyat*. Berdasarkan pelbagai dalil al-Qur'an dan al-Sunnah, usaha untuk memelihara kemaslahatan dan mengelak kemudaratan terhadap agama, jiwa, keturunan, akal, maruah dan harta adalah wajib. Atas dasar kewajipan ini, mewujudkan satu cara atau sistem agar pemeliharaan terhadap *al-Daruriyyat* adalah wajib juga. Di sinilah letaknya kewajipan mewujudkan konsep sebuah negara agar perkara-perkara *al-Daruriyyat* dapat dipelihara dengan terancang dan terarah. Namun negara sahaja tidak cukup. Ia wajib merupakan sebuah negara Islam agar perkara-perkara *al-Daruriyyat* dapat dipelihara berdasarkan syari'at Islam dan bukan selainnya.

Ringkasnya konsep bernegara dan negara Islam memang tidak disentuh secara terus oleh al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih. Akan tetapi berdasarkan beberapa kaedah *Ushul al-Fiqh*, konsep bernegara dan mendirikan negara Islam adalah wajib agar tujuan-tujuan Islam dapat dicapai dan dibumikan secara optimum.

#### **Persoalan Kedua:**

Seterusnya timbul persoalan, apakah negara Islam hanya satu atau boleh berbilang jumlahnya? Dalam persoalan ini umat Islam terbahagi kepada tiga aliran:

#### **Aliran Pertama:**

Persoalan ini tidak ada kaitan dengan Islam kerana konsep

negara Islam tidak wujud. Pendapat aliran ini telah dibantah dalam **Persoalan Pertama** di atas.

**Aliran Kedua:**

Hanya boleh ada satu negara Islam dengan satu pemimpin. Pendapat ini seterusnya dimiliki oleh dua aliran:

- **Aliran Syi'ah.** Mereka berpendapat hanya boleh ada satu pemimpin dan satu negara. Pemimpin yang mereka maksudkan adalah imam-imam mereka.
- **Aliran sebahagian umat Islam.** Mereka berpendapat hanya ada satu pemimpin dan satu negara berdasarkan konsep Negara Islam Madinah dan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sebagai pemimpinnya.

Pendapat ini perlu dinilai semula kerana Madinah bukanlah sebuah negara yang bersempadan dan Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam* bukanlah seorang Khalifah, Sultan, Raja, Perdana Menteri atau Presiden.

Baginda adalah seorang Rasul yang dilantik oleh Allah dan bukan oleh rakyat. Baginda memiliki *authority* untuk menggubal syari'at Islam manakala seorang Khalifah, Sultan, Raja, Perdana Menteri atau Presiden hanya berperanan melaksanakan syari'at tersebut.

Baginda adalah seorang Rasul yang wajib ditaati oleh umat Islam sekali pun selepas kewafatannya, berbeza dengan seorang pemimpin negara, dia ditaati hanya pada masa hidupnya.

Oleh itu kepimpinan Rasulullah *shallallahu 'alaihi*

*wasallam* adalah suatu sistem *al-Nubuwwah* dan bukannya suatu sistem Khalifah, Sultan, Raja, Perdana Menteri atau Presiden.

**Aliran Ketiga:**

Boleh ada beberapa negara dengan setiap negara memiliki satu pemimpin. Ini kerana konsep negara dan pemimpin adalah untuk memelihara urusan dan tujuan agama. Negara dan pemimpin hanyalah alat manakala memelihara urusan dan tujuan agama adalah objektifnya. Maka dibolehkan memiliki beberapa alat asalkan objektif yang satu tercapai.

Dalilnya adalah hadis sama yang lazim dijadikan dalil untuk menegakkan kepimpinan:

***Apabila ada tiga orang yang keluar bermusafir, hendaklah mereka menjadikan salah seorang daripada mereka sebagai pemimpin.***<sup>124</sup>

Jika ada satu kumpulan yang bermusafir dari Madinah ke selatan, maka hendaklah mereka mengangkat di kalangan mereka seorang pemimpin. Namun jika pada waktu yang sama ada satu kumpulan lain yang bermusafir dan Madinah ke utara dan satu kumpulan lain ke timur, hendaklah setiap dari kumpulan tersebut mengangkat di kalangan mereka seorang pemimpin. Justeru setiap kumpulan yang bermusafir perlu mengangkat satu pemimpin di kalangan mereka hingga akhirnya jika ada beberapa kumpulan yang

---

<sup>124</sup> **Hasan Sahih:** Dikeluarkan oleh Abu Daud dalam *Sunannya* dan dinilai hasan sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud*, hadis no: 2608 (*Kitab al-Jihad, Bab berkenaan satu kaum yang bermusafir...*).

bermusafir, setiap dari mereka mengangkat satu pemimpin.

Demikian bagi persoalan satu atau lebih negara. Negara hanyalah sebuah alat demi memelihara urusan dan tujuan agama. Jika manusia, atas sebab peradaban, geografi dan sebagainya, merasakan perlu ada lebih dari satu negara, maka hukumnya adalah harus asalkan objektif memelihara urusan dan tujuan agama dapat dicapai. Hanya bagi setiap negara dibolehkan satu pemimpin sahaja. Hadis-hadis berkenaan satu pemimpin bagi setiap negara akan dikemukakan selanjutnya dalam bab ini, *insya-Allah*.

Sejauh kajian saya, dengan membandingkan kepada realiti umat Islam di dunia masa kini, aliran yang ketiga adalah yang paling tepat. Dibolehkan umat Islam memiliki beberapa negara dengan setiap negara memiliki seorang pemimpin. Konsep beberapa negara tidak akan memecah-belahkan umat Islam. Kita di Malaysia tetap berjamaah dengan umat Islam di Sudan, Bangladesh mahu pun di Australia. Negara hanyalah sempadan-sempadan yang dilukis di atas peta manakala agama Islam yang dipegang oleh umat Islam tidak akan dipisahkan oleh sempadan-sempadan tersebut.

Dalam erti kata lain, negara dan pemimpin bukanlah salah satu Rukun Islam, ia hanyalah alat demi memelihara urusan dan tujuan agama bagi umat Islam di lokasi masing-masing. Pemimpin pula adalah pengurus alat tersebut. Pada waktu yang sama para pemimpin bagi setiap negara hendaklah saling bertemu dan bekerja sama agar urusan dan tujuan agama bagi seluruh umat Islam tercapai, baik di negara masing-masing mahu pun di muka bumi ini.

### **Persoalan Ketiga:**

Pemimpin dan negara Islam, dakwah dan *islah* adalah dua perkara yang amat penting dan saling berkait. Namun di antara kedua-duanya, apakah:

1. Yang pertama diusahakan adalah pemimpin dan negara Islam **kemudian** baru diusahakan dakwah dan *islah*, atau:
2. Yang pertama diusahakan adalah dakwah dan *islah* **kemudian** baru diusahakan pemimpin dan negara Islam?

Jawapannya adalah yang kedua, iaitu diusahakan dakwah dan *islah* **kemudian** baru diusahakan pemimpin dan negara Islam. Ini sebagaimana sirah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Selain itu perhatikan semula ayat 55 surah al-Nur yang dikemukakan di atas, dimana Allah telah menjanjikan kepada umat Islam yang **beriman dan beramal shalih** pemimpin-pemimpin yang sifat mereka memelihara kemaslahatan agama dan umat. Maka hendaklah dipertingkatkan usaha dakwah dan *islah* agar masyarakat menjadi orang yang imannya teguh kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* manakala amal shalih mereka menepati sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Jika dua syarat ini dipenuhi, Allah, dengan cara yang layak bagi diri-Nya, akan ***menjadikan mereka khalifah-khalifah yang memegang kuasa pemerintahan di bumi.***

Dalam ayat yang lain Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menyatakan:

***Katakanlah: "Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan! Engkaulah yang memberi kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang***

*mencabut kuasa pemerintahan dari sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkaulah juga yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang menghina sesiapa yang Engkau kehendaki. Dalam kekuasaan Engkaulah sahaja adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.” [‘Ali Imran 3:26]*

*Sunnatullah* ini berlaku kepada umat yang terdahulu. Perhatikan ayat berikut:

*Dan demi sesungguhnya! Kami telah memberi kepada Nabi Musa Kitab Taurat, maka janganlah engkau ragu-ragu menyambut dan menerimanya; dan Kami jadikan Kitab Taurat itu hidayah penunjuk bagi kaum Bani Israil. Dan Kami jadikan dari kalangan mereka beberapa pemimpin, yang membimbing kaum masing-masing kepada hukum agama Kami, selama mereka bersikap sabar (dalam mentaati ajaran Musa) serta mereka tetap yakin akan ayat-ayat keterangan Kami. [al-Sajdah 32:23-24]*

Apabila kaum Bani Israil bersabar menjalankan perintah Allah dan meninggalkan larangan-Nya, membenarkan para Rasul-Nya dan mengikut petunjuk yang dibawa oleh para Rasul mereka dan apa yang terkandung dalam kitab Taurat, maka Allah, dengan cara yang layak bagi diri-Nya, menjadikan di antara mereka (kaum Bani Israil) pemimpin yang turut memberi petunjuk kepada kebenaran.

*Sunnatullah* ini bertolak belakang dengan kaedah pelbagai parti yang diambil dari hukum politik bukan Islam. Setiap parti meletakkan isu kepimpinan sebagai tujuan pertama. Kaedah pelbagai parti menyebabkan sesuatu parti bertungkus-lumus untuk

meramaikan ahlinya berbanding parti yang lain, demi memenangi pilihanraya. Ahli-ahli didaftar masuk tanpa mengira sama ada mereka ahli sunnah atau ahli bid'ah, ahli ilmu atau ahli hawa nafsu, mentauhidkan Allah atau mentauhidkan pokok-pokok keramat, ikhlas kerana Islam atau ikhlas kerana selain Islam, amanah atau khianat, ikhlas atau munafik, dan begitulah sebagainya.

Banyak usaha dicurahkan ke arah menjaga kedudukan parti dan jumlah ahlinya, amat sedikit ke arah dakwah dan *islah*. Apabila ditegur, jawapan yang lazim adalah: "Prioriti yang pertama adalah menang pilihanraya. Bila sudah menang, baru kita uruskan bab dakwah dan *islah*". Atau ringkasnya: "Menang dulu, yang lain kemudian." Ini adalah manhaj yang salah, paling kurang kerana tiga sebab:

1. Manhaj yang benar adalah dakwah dan *islah*, kemudian baru diikuti dengan bab kepimpinan.
2. Jika sebuah parti yang bermanhaj sedemikian berjaya mengambil alih tampuk kepimpinan negara, kepimpinan mereka tidaklah lebih baik daripada parti yang mereka bangkang sebelum itu. Ini kerana ahli-ahli yang bercampur aduk sifat mereka dalam parti yang baru mengambil-alih akan bertindak sebagaimana parti yang dibangkang sebelum itu. Malah mungkin sahaja ahli yang khianat lagi zalim akan dapat mengatasi ahli yang jujur lagi adil sehingga ciri kepimpinan parti akan dipenuhi dengan sifat khianat dan zalim.
3. Janji "Menang dulu, yang lain kemudian" amat diragui kerana sebuah parti yang telah memenangi pilihanraya, tumpuannya tetap akan dituju kepada menjaga kedudukan

parti dan memelihara jumlah ahli agar kemenangan dapat dikekalkan pada pilihanraya akan datang. Maka ahli-ahli yang bercampur aduk sifatnya akan tetap bersama parti tanpa dibuang atau diubah.

Oleh itu prioriti umat Islam masa kini adalah dakwah dan *islah* kepada tauhid yang murni dan amalan yang menepati sunnah. Jika ini dapat dipenuhi, maka Allah *Subhanahu wa Ta'ala* akan membantu dan memudahkan jalan bagi kita memiliki kepimpinan yang memenuhi syarat. Bahkan amat mudah bagi Allah untuk mewujudkan pemimpin sedemikian dengan cara yang tidak kita duga!

***Sesungguhnya keadaan kekuasaan-Nya apabila Dia menghendaki adanya sesuatu, hanyalah Dia berfirman: “Jadilah engkau!”, Maka ia terus menjadi. [Yasin 36:82]***

**B: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* mensyaratkan seorang pemimpin itu hendaklah muslim, lelaki, berilmu, amanah, adil dan memberi perhatian kepada nasib umat.**

**Penjelasan:**

Jika dikaji keseluruhan al-Qur'an dan al-Sunnah, tidak terdapat petunjuk yang jelas tentang bagaimana melantik seorang pemimpin. Hanya aliran Syi'ah yang berpendapat pemimpin umat Islam setelah kewafatan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* telah ditunjuk oleh al-Qur'an dan al-Sunnah.<sup>125</sup> Bagi *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, yang penting bukanlah perlantikan pemimpin tetapi syarat-syarat pemimpin dan bagaimana dia memimpin. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut.

Syarat muslim adalah berdasarkan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

***Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu.*** [al-Nisa 4:59]

Firman Allah "*dari kalangan kamu*" dikembalikan kepada permulaan ayat, iaitu "***Wahai orang-orang yang beriman...***". Ini menunjukkan bahawa para *Ulil Amri*, iaitu para

---

<sup>125</sup> Dalil-dalil mereka yang paling masyhur lagi utama telah saya kemuka dan tolak dalam buku *Jawapan Ahl al-Sunnah Kepada Syi'ah al-Rafidhah (Buku 1, 2 dan 3) Dalam Persoalan Khalifah* terbitan Jahabersa, Johor Bahru.

pemimpin hendaklah terdiri daripada orang muslim.

Syarat lelaki adalah berdasarkan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

***Kaum lelaki adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan.*** [al-Nisa 4:34]

Sebahagian pihak berhujah, bahawa ayat di atas hanya benar dalam konteks kekeluargaan di dalam rumah. Ia tidak benar dalam konteks kepimpinan negara. Oleh itu wanita boleh memegang jawatan pemimpin negara. Hujah ini dapat ditolak dengan dua cara:

#### **Pertama:**

Dalam surah al-Isra', Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

***Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka "Uff", dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).*** [al-Isra' 17:23]

Dalam ayat di atas, Allah melarang kita berkata "*Uff*" kepada ibubapa kita. Namun apakah dengan itu bererti kita boleh

memukul mereka, berjalan di hadapan mereka dan apa-apa lagi tindakan yang biadap? Sudah tentu tidak. Larangan di atas bererti kita tidak boleh bertindak biadap kepada ibubapa, sekali pun sekecil perkataan “*Uff*”. Apa-apa perkataan dan tindakan biadap lain yang lebih besar dari “*Uff*” sudah tentu tidak dibolehkan juga. Dalam erti kata lain, jika kita dilarang sekadar berkata “*Uff*”, sudah tentu kita juga dilarang berkata-kata atau berbuat sesuatu yang lebih besar dari “*Uff*”.

Demikian juga kedudukan hukum kepimpinan wanita dalam ayat 34 surah al-Nisa’. Keseluruhan ayat tersebut sememangnya berbicara dalam konteks kekeluargaan. Akan tetapi bukannya institusi keluarga adalah sebuah “negara kecil”, sehingga apa yang disyari’atkan dalam institusi keluarga berlaku juga secara umum kepada institusi negara? Oleh itu jika Allah tidak memberi jawatan kepimpinan kepada wanita dalam konteks kekeluargaan, sudah tentu jawatan tersebut juga tidak diberi dalam konteks yang lebih besar, seperti kepimpinan negara.

**Kedua:**

Marilah kita rujuk kepada keseluruhan ayat 34 surah al-Nisa’:

*Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan.*

*Dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka.*

*Maka perempuan-perempuan yang soleh itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemeliharaan Allah dan pertolonganNya.*

*Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukullah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar. [al-Nisa' 4:34]*

Jika dikatakan ayat 34 surah al-Nisa' hanya terbatas dalam konteks kekeluargaan, apakah dengan itu seorang isteri yang menjadi pemimpin negara, apabila balik ke rumah dia pula menjadi yang dipimpin oleh suaminya? Lebih buruk, seandainya isteri tersebut berlaku derhaka (*nusyuz*) kepada suaminya, apakah dia, sebagai seorang Perdana Menteri atau Presiden, akan dihukum oleh suaminya yang berstatus rakyat? Ini adalah satu kepincangan yang tidak mungkin berlaku dalam syari'at agung yang diturunkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Melainkan ia adalah takwilan pemikiran manusia yang sememangnya tidak terlepas dari pelbagai bentuk kepincangan.

Justeru yang benar pemimpin hendaklah daripada jenis lelaki.

Syarat berilmu adalah berdasarkan doa Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* kepada Ka'ab bin 'Ujrah *radhiallahu*

'anh agar umat Islam tidak dipimpin oleh orang yang bodoh:

***“Aku memohon perlindungan Allah bagimu daripada pemimpin yang bodoh.” (Ka’ab) berkata: “Apa yang dimaksudkan dengan pemimpin yang bodoh?” Rasulullah menjawab: “Para pemimpin yang datang sesudahku yang tidak memimpin kepada petunjuk (al-Qur’an) dan tidak melaksanakan pemerintahannya berdasarkan sunnahku.”***<sup>126</sup>

Di sini timbul perbincangan apakah perlu seorang pemimpin terdiri daripada orang yang tinggi ilmu agamanya atau mencapai taraf mujtahid? Pada saya memadai dengan berilmu pada tahap yang sederhana. Namun hendaklah membentuk sebuah majlis syura yang dianggotai oleh orang-orang yang pakar dalam jurusan tafsir, hadis, fiqh, ekonomi, peperangan dan sebagainya. Aturcara seperti ini disebut oleh Allah *Subhanahu wa Ta’ala* kepada Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* dalam firman-Nya:

***Dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakallah kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasihi orang-orang yang bertawakal kepadaNya. [‘Ali Imran 3:159]***

Syarat amanah dan adil adalah berdasarkan firman Allah *Subhanahu wa Ta’ala*:

***Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya***

---

<sup>126</sup> **Sanad Kuat:** Dikeluarkan oleh Ahmad dan sanadnya dinilai *qawiy* oleh Syu’aib al-Arna’uth dan rakan-rakan dalam semakan mereka ke atas *Musnad Ahmad*, hadis no: 14441 (*Baki Musnad al-Muktsirin, Musnad Jabir bin ‘Abd Allah*).

*menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.* [al-Nisa' 4:58]

Syarat memberi perhatian kepada nasib umat adalah berdasarkan banyak hadis, salah satu daripadanya:

*Sebaik-baik pemimpin kalian adalah mereka yang kalian cintai dan mereka mencintai kalian serta mereka mendoakan kalian dan kalian mendoakan mereka. Seburuk-buruk pemimpin adalah yang kalian benci kepada mereka dan mereka benci kepada kalian serta kalian mengutuk mereka dan mereka mengutuk kalian.*<sup>127</sup>

Selain itu terdapat juga perbincangan, apakah pemimpin wajib daripada bangsa Quraisy? Perbincangan ini timbul daripada beberapa hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dalam persoalan ini, antaranya:

*Urusan kepimpinan berada di tangan Quraisy sekali pun hanya terdapat dua orang manusia.*<sup>128</sup>

Perbincangan ini dapat dirumuskan kepada dua pandangan:

1. Urusan kepimpinan hanya boleh dipegang oleh bangsa Quraisy, berdasarkan zahir hadis.

---

<sup>127</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 1855 (*Kitab al-Imarah, Bab para imam yang baik dan buruk*).

<sup>128</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 1820 (*Kitab al-Imarah, Bab manusia mengikuti orang Quraisy dan ...*).

2. Urusan kepimpinan hendaklah dipegang oleh bangsa yang paling berpengaruh dan mampu memberi pengaruh, berdasarkan tujuan hadis. Untuk menjadi pemimpin yang berjaya, hendaklah seseorang itu memiliki pengaruh di kalangan masyarakat dan mampu memberi pengaruh kepada masyarakat. Pada zaman Rasulullah, bangsa yang menepati ciri ini adalah Quraisy. Akan tetapi dengan peredaran zaman dan peluasan Islam, tentu sahaja bangsa yang menepati ciri tersebut adalah berbeza, di lokasi yang berbeza.

**C: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* mensyaratkan seorang pemimpin itu memiliki manhaj kepimpinan yang meletakkan syari'at Islam di tangga yang teratas dalam keyakinan dan pelaksanaan. Pemimpin yang tidak mampu melaksanakannya dimaafkan manakala pemimpin yang mampu tetapi enggan melaksanakannya, maka dia mungkin fasiq atau zalim atau kafir.**

**Penjelasan:**

Meletakkan syari'at Islam, iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah di tangga yang teratas telah dikupas dalam bab pertama, berkenaan ciri-ciri *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dalam mengambil sumber agama. Pemimpin yang tidak mampu melaksanakannya dimaafkan kerana Islam tidak menghukum seseorang yang tidak mampu melaksanakan sesuatu perintah larangan daripada syari'at Islam.

Dalam pengecualian ini terdapat satu contoh daripada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, dimana Najasyi, seorang Raja di negeri Etophia, tidak melaksanakan syari'at Islam dalam kepimpinannya disebabkan penentangan daripada rakyat dan pihak istana. Ketidakkampuan beliau diketahui oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Baginda tidak menghukum beliau sebagai fasiq, zalim atau kafir, sebaliknya menghukum beliau sebagai seorang hamba yang shalih. Berkata Jabir *radhiallahu 'anh*:

***Berkata Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam ketika mendengar khabar kematian Najasyi: "Pada hari ini seorang lelaki yang shalih telah meninggal dunia. Maka berdirilah dan bersolatlah untuk saudara kamu: Ashama."***<sup>129</sup>

Berkenaan peristiwa ini Ibn Taimiyyah berkata:

Meski pun Najasyi seorang raja Nasrani, kaumnya tidak mahu tunduk kepadanya untuk masuk Islam. Yang ikut sertanya untuk masuk Islam hanya segelintir orang. Oleh kerana itu ketika beliau meninggal dunia, tidak seorang jua yang mensolatkan (jenazah)nya. Maka Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* mensolatkannya di Madinah dan orang-orang Islam turut keluar bersama membentuk saf-saf untuk mensolatkannya (di Madinah). Apabila mereka mengkhabarkan tentang kematian beliau pada hari kematiannya, baginda bersabda: "*Sesungguhnya saudara kamu yang shalih daripada Habsyah (Etophia) telah meninggal dunia*".

Padahal banyak daripada syari'at Islam, atau kebanyakan daripadanya, tidak satu jua yang dilaksanakan olehnya. Beliau tidak berhijrah, berjihad, melaksanakan Haji ke

---

<sup>129</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 3877 (*Kitab al-Manaqib, Bab kematian Najasyi*).

Baitullah, bahkan diriwayatkan beliau juga tidak mendirikan solat lima kali sehari, tidak berpuasa pada bulan Ramadhan dan tidak mengeluarkan zakat yang disyari'atkan. Semua ini kerana (amalan-amalan tersebut) akan menzahirkan (status Islamnya) kepada kaumnya dan mereka akan mengingkarinya. Dan beliau tidak mungkin untuk berselisih dengan mereka. Kita mengetahui secara pasti bahawa tidak mungkin baginya untuk menerapkan hukum al-Qur'an di kalangan mereka (rakyatnya).....

..... (Selain itu) banyak juga orang yang menjadi qadhi dan imam (pada zaman pemerintahan) Islam dan (pada zaman penjajahan) Tartar, yang adil dan ingin memutuskan sesuatu perkara secara adil (yakni berdasarkan syari'at Islam), akan tetapi itu tidak mungkin bagi mereka. Bahkan ada orang yang menghalangi mereka dan sesungguhnya Allah tidak membebaskan satu jiwa melainkan menurut kemampuannya. 'Umar bin 'Abd al-'Aziz juga dimusuhi dan dihukum kerana sebahagian perkara yang dia tegakkan secara adil. Bahkan ada yang mengatakan, dia diracun kerana pengadilan tersebut.

Najasyi dan orang-orang lain yang semisal keadaannya dengan beliau adalah orang-orang yang berbahagia di dalam syurga, meski pun mereka tidak melaksanakan syari'at Islam (pada zaman kepimpinan mereka). Ini kerana memang mereka tidak mampu melaksanakannya. Mereka sekadar memutuskan sesuatu perkara mengikut apa yang mereka mampu laksanakan.<sup>130</sup>

Malaysia termasuk dalam kategori negara yang tidak mampu untuk dilaksanakan syari'at Islam oleh para pemimpinnya. Ini kerana Malaysia adalah sebuah negara berbilang agama, dimana

---

<sup>130</sup> *Majmu' al-Fatawa*, jld. 19, ms. 218-219.

jumlah rakyat yang beragama Islam tidak mencapai jumlah minima dua pertiga (66%) bagi membolehkan undang-undang persekutuan diubah ke arah meletakkan syari'at Islam di tangga yang teratas. Suasana ini diburukkan lagi dengan keadaan umat Islam yang berpecah kepada beberapa parti politik, dimana perpecahan ini mengecilkan lagi peratusan kita berbanding kaum-kaum bukan Islam yang bersidang di parlimen.

Maka kita sebenarnya memiliki dua cabaran yang tidak mampu diubah:

- **Pertama** adalah cabaran menukar sistem parlimen, iaitu sistem yang menetapkan jumlah minimum dua pertiga (66%) sebelum sesuatu undang-undang persekutuan boleh ditukar.
- **Kedua** adalah cabaran untuk mencapai jumlah minimum dua pertiga (66%) dimana jumlah umat Islam di Malaysia masih belum mencapai tahap tersebut. Saya dikhabarkan bahawa umat Islam hanya mewakili 54% daripada jumlah rakyat Malaysia.<sup>131</sup>

Kedua-dua cabaran di atas adalah sesuatu yang tidak mampu untuk kita hadapi pada masa kini. Akan tetapi pada masa yang akan datang, cabaran kedua nampaknya lebih cerah berbanding cabaran pertama. Caranya:

1. Hendaklah kita mengislahkan umat Islam agar berjamaah di bawah satu parti. Berpecah-pecah kepada beberapa parti dengan setiap satu daripadanya mendakwa akan menegakkan syari'at Islam adalah satu pendustaan di siang hari.
2. Menggiatkan usaha dakwah agar lebih ramai kaum bukan

---

<sup>131</sup>

Harap dapat betulkan saya jika peratusan ini adalah tidak tepat.

Islam yang akan memeluk Islam, atau sekurang-kurangnya setuju dengan keadilan syari'at Islam. Dengan cara ini kita akan dapat mencapai jumlah minima 66% untuk mengubah undang-undang persekutuan ke arah meletakkan syari'at Islam di tangga yang teratas.

Seterusnya, pemimpin yang mampu tetapi enggan melaksanakannya, maka dia mungkin fasiq atau zalim atau kafir. Ini berdasarkan tiga firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

*Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah, maka mereka itulah orang-orang yang fasiq.* [al-Maidah 5:47]

*Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan Allah, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.* [al-Maidah 5:45]

*Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah, maka mereka itulah orang-orang kafir.* [al-Maidah 5:44]

Antara kemukjizatan al-Qur'an al-Karim adalah, apabila ia menggunakan tiga istilah yang berbeza, bererti ia merujuk kepada tiga kes yang berbeza. Ketiga-tiga ayat di atas merujuk kepada tiga kes yang berbeza, dimana faktor pembezanya adalah antara keyakinan dan pelaksanaan. Secara terperinci:

- **Fasiq:** Pemimpin yang meyakini keunggulan syari'at Islam dan melaksanakannya dalam kepimpinannya, akan tetapi dalam pelaksanaannya terdapat beberapa perkara yang tidak selari dengan tuntutan syari'at.
- **Zalim:** Pemimpin yang meyakini keunggulan syari'at Islam, akan tetapi tidak melaksanakannya dalam kepimpinannya kerana terikut dengan hawa nafsu dan

sebagainya

- **Kafir:** Pemimpin yang tidak meyakini keunggulan syari'at Islam lalu mendudukkannya di tangga ke bawah berbanding syari'at buatan manusia dan melaksanakan syari'at buatan manusia dalam kepimpinannya.

Oleh kerana kesukaran untuk membezakan antara sifat fasiq dan zalim dari sudut pelaksanaannya, kebanyakan kitab tafsir meletakkan sifat fasiq dan zalim dalam kategori yang sama. Sebelum mengakhiri penjelasan ini, ingin saya tarik perhatian para pembaca kepada tiga ayat di atas (al-Maidah ayat 47,45,44). Perhatikan bahawa ia dimulai dengan firman Allah **“Dan sesiapa yang...”**, bererti ia merujuk kepada semua individu muslim tanpa terhad kepada para pemimpin sahaja. Oleh itu jangan sekadar menunjuk ayat-ayat tersebut kepada para pemimpin, sebaliknya tujukanlah ia kepada diri kita sendiri: Apakah kita bebas dari sifat fasiq, zalim dan kafir? Apakah keyakinan dan pelaksanaan kita dalam urusan politik dan kepimpinan selari dengan apa yang diturunkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* atau sebaliknya?

Dalam erti kata lain, ayat 47, 45 dan 44 surah al-Maidah tidak sahaja merujuk kepada sikap pemimpin dalam memimpin tetapi juga sikap rakyat terhadap pemimpin. Sepertimana yang saya sebut di permulaan bab ini, **“hukum”** yang dimaksudkan dalam tiga ayat tersebut tidak terhad kepada hukum jenayah, tetapi umum meliputi semua hukum Islam seperti tauhid, ibadah, akhlak, muamalat, perang, politik dan kepimpinan.

**D: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* menetapkan kesetiaan dan ketaatan kepada pemimpin. Namun jika pemimpin bersifat fasiq atau zalim, kesetiaan diteruskan manakala ketaatan ditarik dalam perkara yang melibatkan kefasiqan dan kezaliman.**

**Penjelasan:**

Demikian sikap pertengahan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* antara (1) mereka yang tetap setia dan taat kepada pemimpin yang fasiq atau zalim dengan (2) mereka yang tidak setia dan tidak taat kepada pemimpin yang fasiq atau zalim.

Tidak boleh mentaati pemimpin dalam kefasiqan dan kezalimannya, seperti mentaati apa-apa perintah larangan yang menyelisihi syari'at Islam. Dalam hal ini Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

***Diwajibkan mendengar dan taat (kepada pemimpin) ke atas setiap muslim sama ada dalam hal yang dia suka atau benci selagi mana dia tidak diperintah untuk melakukan maksiat. Jika dia diperintah melakukan maksiat maka tiada wajib mendengar dan tidak wajib taat.***<sup>132</sup>

Lebih buruk adalah sikap membenar serta membantu kefasiqan dan kezaliman pemimpin tersebut, sebagaimana yang diperingatkan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

***Sesungguhnya akan ada sesudah aku para pemimpin,***

---

<sup>132</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 7144 (*Kitab al-Ahkam, Bab dengar dan taat kepada imam ...*).

*sesiapa yang membenarkan pendustaan mereka dan membantu kezaliman mereka maka dia bukan dari golongan aku dan aku bukan dari golongan dia serta dia tidak akan mendatangi aku (pada Hari Akhirat nanti) di Telaga Haudh.*

*Dan sesiapa yang tidak membenarkan pendustaan mereka dan tidak membantu kezaliman mereka, maka dia dari golongan aku dan aku dari golongan dia serta dia akan mendatangi aku (pada Hari Akhirat nanti) di Telaga Haudh.*<sup>133</sup>

Walaubagaimana pun kesetiaan tetap diberi dan diteruskan kepada pemimpin yang bersifat fasiq dan zalim, sebagaimana sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

*Sesiapa yang melihat sesuatu yang dibencinya pada pemimpinnya, maka hendaklah dia bersabar kerana tidaklah seseorang itu memisahkan dirinya dari jamaah walau sejengkal lalu dia mati, melainkan dia mati dalam keadaan jahiliyah.*<sup>134</sup>

*Ketahuiilah! Sesiapa yang dipimpin oleh seorang pemimpin lalu dia melihat sesuatu kemaksiatan kepada Allah (yang dilakukan oleh pemimpin itu), maka bencilah kemaksiatan kepada Allah tersebut. Akan tetapi jangan menarik ketaatannya (kepada pemimpin itu).*<sup>135</sup>

Kedua-dua fenomena yang dirujuk oleh hadis-hadis di atas

---

<sup>133</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Nasai dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Nasai*, hadis no: 4218 (*Kitab al-Bai'ah, Bab ancaman bagi orang yang membantu pemimpin atas kezaliman*).

<sup>134</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 7143 (*Kitab al-Ahkam, Bab dengar dan taat kepada imam ...*).

<sup>135</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 1855-2 (*Kitab al-Imarah, Bab para imam yang baik dan buruk*).

benar-benar berlaku sekarang ini, iaitu di antara (1) mereka yang tetap setia dan taat kepada pemimpin yang fasiq atau zalim dengan (2) mereka yang tidak setia dan tidak taat kepada pemimpin yang fasiq atau zalim. Kita mengetahui segolongan daripada mereka yang menjadi “penjilat” yang membenarkan apa jua yang dilakukan oleh pemimpin. Pada waktu yang sama wujud segolongan lain yang menjadi pembangkang sehingga menyalahkan apa jua yang dilakukan oleh pemimpin.

Sesungguhnya kemuliaan berada pada golongan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang berada di pertengahan antara dua golongan yang *ghuluw* (ekstrim) di atas. *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* tetap setia kepada pemimpin tanpa mengira sama ada mereka melakukan sesuatu yang selari atau menyelisihi syari'at Islam. Yang dibezakan hanya dari sudut ketaatan, dimana ia diberi dalam urusan yang selari dengan syari'at, ditarik dalam urusan yang menyelisihi syari'at.

Selain itu dalam urusan yang menyelisihi syari'at, *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* berusaha mencari ruang untuk menasihati dan menegur pemimpin. Ini dilakukan dalam suasana tertutup dan mesra tanpa menghina mereka. Ini berdasarkan petunjuk-petunjuk Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

1. Seseorang bertanya kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*: “Apakah sebaik-baik jihad?” Baginda menjawab:

**“Perkataan yang benar kepada pemimpin yang zalim.”<sup>136</sup>**

2. ‘Iyadh bin Ghanm *radhiallahu ‘anh* berkata, Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

***Sesiapa yang ingin menasihati pemerintah dalam sesuatu urusan, janganlah dia melakukannya secara terang-terangan. Akan tetapi hendaklah dia mengambil tangan pemerintah tersebut dan ajaklah (nasihatilah) dia secara tersembunyi. Jika dia (pemerintah) menerima (nasihat) maka itulah yang diharap-harapkan. Jika dia tidak menerima (nasihat) maka sesungguhnya dia (pemberi nasihat) telah melaksanakan tanggungjawabnya.***<sup>137</sup>

Dalam hadis lain baginda bersabda:

***Tiga perkara yang menyucikan hati seorang mukmin dari sifat khianat: (1) amal yang ikhlas, (2) nasihat kepada pemimpin dan (3) berpegang kepada jamaah (umat Islam), kerana sesungguhnya doa (sesama umat Islam***

---

<sup>136</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Nasai dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Nasai*, hadis no: 4220 (*Kitab al-Bai‘ah, Bab keutamaan orang yang berkata benar kepada imam yang zalim*).

<sup>137</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Ahmad dalam *Musnadnya*, hadis no: 15333 (*Musnad al-Makkiyin, Bab daripada hadis Hisyam bin Hakim*) dan berkata Syu‘aib al-Arna’uth dan rakan-rakannya, “Hadis sahih *lighairihi* kecuali sabda baginda: ***Sesiapa yang ingin menasihati pemimpin dalam sesuatu urusan...*** maka ia adalah hasan *lighairihi*.” Sabda baginda: ***Sesiapa yang ingin menasihati pemimpin dalam sesuatu urusan...*** sehingga akhir juga dikeluarkan oleh Ibn Abi ‘Ashim dalam *Kitab al-Sunnah* dan sanadnya dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Zhilal al-Jannah fi Takhrij al-Sunnah*, hadis no: 1096.

*dalam satu jamaah) meliputi semua mereka.*<sup>138</sup>

Dalam hadis lain baginda bersabda:

*Sesungguhnya Allah meredhai bagi kalian tiga perkara dan membenci bagi kalian tiga perkara. Allah meredhai (1) kalian menyembah-Nya dan tidak menyekutukan-Nya dengan apa jua, (2) kalian semua berpegang kepada tali Allah dan tidak berpecah-belah dan (3) kalian menasihati orang yang Allah angkat memimpin urusan kalian.*

*Dan Allah membenci (1) kalian menyebarkan gosip, (2) membazir harta dan (3) banyak bertanya (soalan yang tidak berfaedah).*<sup>139</sup>

Kedua-dua hadis di atas menerangkan kepentingan dan keutamaan menasihati pemimpin. Nasihat adalah satu tindakan memberi teguran dan menerangkan apa yang baik dalam suasana tertutup lagi mesra sebagaimana hadis ‘Iyadh bin Ghanm di atas.

3. Ziyad bin Kusaib al-‘Adawi berkata, saya bersama Abi Bakrah (*radhiallahu 'anh*) di bawah mimbar Ibn ‘Amir yang saat itu sedang memberi khutbah. Dia memakai pakaian yang sangat nipis. Lalu Abi Bilal berkata: “Lihatlah pemimpin kami itu, dia memakai pakaian orang

---

<sup>138</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Ahmad dan dinilai *sahih lighairihi* oleh Syu‘aib al-Arna’uth dan rakan-rakan dalam semakan mereka ke atas *Musnad Ahmad*, hadis no: 16738 (*Awal musnad al-Madaniyyin, Hadits Jabir bin Mut‘im*).

<sup>139</sup> **Sanad Sahih:** Dikeluarkan oleh Ahmad dan sanadnya dinilai sahih oleh Syu‘aib al-Arna’uth dan rakan-rakan dalam semakan mereka ke atas *Musnad Ahmad*, hadis no: 8334 (*Baki al-Musnad al-Sabiq*).

fasiq!” Abi Bakrah menjawab:

***Diamlah kamu! Aku mendengar Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda: “Sesiapa yang menghina pemimpin Allah di bumi maka Allah akan menghينanya (di Hari Akhirat).”***<sup>140</sup>

Berdasarkan petunjuk-petunjuk ini juga, hendaklah orang-orang yang mendalam lagi luas ilmu agamanya memainkan peranan dalam politik. Jika mereka ditawarkan apa-apa jawatan oleh pemimpin, seperti jawatan mufti, hendaklah mereka mengambalnya. Ini adalah penting agar mereka dapat memainkan peranan untuk menasihati pemimpin. Terlebih penting, agar jawatan tersebut tidak diambil oleh orang lain yang rendah lagi sempit ilmu agamanya atau memiliki sesuatu kepentingan duniawi di sebaliknya.

Pada waktu yang sama, orang ramai tidak boleh berprasangka buruk kepada para ulama' yang mengambil jawatan tertentu yang ditawarkan oleh pemimpin. Tidak boleh beranggapan kononnya para ulama' tersebut adalah “penjilat” pemimpin. Sebaliknya hendaklah berdoa agar para ulama' tersebut dapat memberi nasihat yang baik kepada pemimpin dan pemimpin bersikap terbuka untuk mendengar nasihat mereka.

Sekali lagi, di sini terdapat perbezaan yang besar antara hukum politik Islam dengan hukum politik bukan Islam. Politik bukan Islam berteraskan sistem parti pembangkang dimana apabila Parti A yang memimpin dinilai oleh rakyat bersifat fasiq atau zalim, didirikan Parti B untuk pembangkang dan cuba merebut jawatan

---

<sup>140</sup> **Hasan:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dan dinilai hasan oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi*, hadis no: 2224 (*Kitab al-Fitan, Bab berkenaan para khalifah*).

pemimpin. Katakan Parti B memenangi pilihanraya dan menjadi parti yang memimpin. Fitrah manusia akan menyebabkan lambat laun akan ada sesuatu ciri yang dinilai fasiq dan zalim oleh rakyat terhadap Parti B. Maka akan didirikan pula Parti C untuk membangkang dan merebut jawatan pemimpin. Demikianlah seterusnya sebagaimana yang dapat disaksikan di pelbagai belahan negara Islam yang melaksanakan hukum politik bukan Islam. Sekian banyak parti yang timbul dan tenggelam, tidak ada kebaikan dalam kepimpinan negara melainkan bertambahnya kemudharatan sesama rakyat, seolah-olah adanya bantuan syaitan di sebaliknya.

Ada pun dalam politik Islam, merujuk kepada kesumpama di atas, tidak boleh menarik kesetiaan dari Parti A dan mendirikan Parti B. Sebaliknya hendaklah tetap setia kepada Parti A dan berusaha untuk menasihati kefasiqan dan kezaliman mereka. Hendaklah usaha memberi nasihat dilakukan dengan sabar tanpa ada batas waktu maksima yang tertentu. Dengan cara ini, umat Islam tetap bersatu kepada Parti A tanpa berpecah belah kepada Parti B, C dan seterusnya. Apabila kita bersatu, bantuan Allah bersama kita sehingga pemimpin yang pada awalnya dinilai fasiq dan zalim akan diubah-Nya menjadi shalih dan adil.

Antara bersatu dan berpecah belah, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* telah mengingatkan:

***Sesungguhnya tangan Allah bersama al-Jama'ah dan sesungguhnya Syaitan berlari bersama orang yang memecah-***

*belahkan al-Jama'ah.*<sup>141</sup>

Pernakah ahli-ahli parti-parti yang bertanding terfikir, dimanakah bantuan Allah selama ini dalam perjuangan mereka? Kenapakah seolah-olah ada syaitan yang melaga-lagakan dan menghalang perjuangan?

**E: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* mensyaratkan jika kekafiran berlaku dalam sesebuah negara, maka diperhatikan terlebih dahulu dua keadaan:**

- 1. Apakah kekafiran itu berpunca dari faktor selain pemimpin, atau**
- 2. Apakah kekafiran itu berpunca dari pemimpin.**

---

<sup>141</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Ibn Hibban dan dinilai sahih oleh Syu'aib al-Arna'uth dalam semakannya ke atas *Shahih Ibn Hibban*, hadis no: 4577 (*Kitab al-Siyar, Bab mentaati para imam*).

**Seterusnya:**

- 1. Jika kekafiran berpunca dari faktor selain pemimpin, maka hendaklah dipertingkatkan usaha bersama pemimpin untuk mengurangi dan menukar kekafiran tersebut.**
- 2. Namun jika kekafiran berpunca dari pemimpin itu sendiri, hendaklah dipertingkatkan usaha untuk menasihati pemimpin. Jika telah berlalu satu batas waktu tertentu dan nasihat tidak mengurangi atau mengubah kekafiran pemimpin tersebut, dibolehkan menarik kesetiaan dan berusaha untuk menukar pemimpin. Akan tetapi ini hendaklah dilakukan tanpa menyebabkan timbul kemudaratan yang lain seperti peperangan dan pertumpahan darah.**

**Penjelasan:**

Sikap *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* terhadap kekafiran berbeza daripada kefasiqan dan kezaliman berdasarkan hadis berikut daripada 'Ubadah bin al-Shamit *radhiallahu 'anh*, dimana beliau berkata:

*Sesungguhnya kami memberi janji taat setia (kepada para pemimpin) untuk dengar dan taat sama ada pada ketika lapang atau tertekan, sama ada pada ketika sukar atau senang,*

*sekali pun seseorang lain diberi keutamaan di atas kami. Dan tidak merebut jawatan kepimpinan daripada orang yang layak, kecuali apabila melihat kekafiran yang nyata dimana kami memiliki bukti di sisi Allah.*<sup>142</sup>

Dalam sebuah hadis lain, para sahabat *radhiallahu 'anhum* bertanya berkenaan pemimpin membenci dan mengutuk rakyatnya:

*“Wahai Rasulullah! Apakah boleh kami menggulingkan mereka dengan pedang?” Baginda menjawab: “Tidak, selagi mereka mendirikan solat di tengah kalian. Jika kalian melihat pada pemimpin kalian sesuatu yang kalian benci, maka bencilah perbuatan tersebut akan tetapi janganlah menarik ketaatan (daripada pemimpin tersebut).”*<sup>143</sup>

Berdasarkan dua hadis di atas, terdapat beberapa poin penting yang perlu digariskan:

#### **Pertama:**

Disyaratkan bahawa kekafiran tersebut adalah sesuatu yang benar-benar berlaku dan bukannya sekadar gosip atau percakapan orang ramai. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menekankan: *“... kecuali apabila melihat kekafiran...”* menunjukkan kekafiran tersebut kita ketahui dari sumber yang pasti.

#### **Kedua:**

---

<sup>142</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 7056 (*Kitab al-Fitan, Bab sabda Nabi...*).

<sup>143</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 1855 (*Kitab al-Imarah, Bab para imam yang baik dan buruk*).

Hendaklah apa yang kita anggap sebagai “*kekafiran*” merupakan sesuatu yang memiliki dalil yang nyata daripada al-Qur’an dan al-Sunnah bahawa ia termasuk dalam kategori kafir. Ini sebagaimana sabda Rasulullah: “...*kekafiran yang nyata dimana kami memiliki bukti di sisi Allah.*” Mudah kata, di Hari Pembalasan kelak, kita akan ditanya dan diminta bukti-buktinya kenapa menghukum seseorang pemimpin itu sebagai kafir.

**Ketiga:**

Lanjutan daripada poin pertama dan kedua di atas, hendaklah dibezakan sama ada kekafiran yang berlaku dalam sesebuah negara: apakah ia berpunca dari faktor selain pemimpin atau pemimpin itu sendiri.

Contoh kekafiran yang berpunca dari faktor selain pemimpin ialah:

- Negara-negara Islam yang sebelum ini dijajah oleh kuasa Barat. Sehingga ke hari ini, sekali pun sudah merdeka, pemimpinnya masih tidak dapat melaksanakan syari’at Islam kerana majoriti rakyatnya yang terpengaruh dengan syari’at bukan Islam yang dipaksa oleh penjajah satu masa lalu.
- Pemimpin yang terikat dengan undang-undang persekutuan yang ditinggalkan oleh penjajah dan dia tidak memiliki majoriti yang cukup untuk mengubahnya.
- Negara tersebut dalam suasana yang amat fakir sehingga memerlukan bantuan dari negara Barat yang melarang pelaksanaan syari’at Islam sebelum bantuan dihulurkan.

Dalam kes-kes seperti ini, kekafiran yang berlaku dalam negara tersebut tidak berpunca dari pemimpinnya, tetapi berpunca dari beberapa faktor yang tidak mampu diubah oleh pemimpin itu sendiri. Maka pemimpinnya tidak masuk dalam kategori kafir yang dimaksudkan oleh hadis di atas.

Muhammad Khair Haikal, ketika mengupas persoalan apakah memerangi pemimpin yang kafir adalah satu bentuk *Jihad fi Sabilillah?*, menjelaskan:

Kita dapat melihat pengertian nas tersebut (*Shahih al-Bukhari*, hadis no: 7056), bahawa hukum mengangkat senjata memang khusus dalam konteks negara yang sebelumnya memerintah berdasarkan syari'at Islam, kemudian mulai mengalami perubahan sehingga memerintah tidak berdasarkan syari'at Islam lalu muncullah kekafiran yang nyata di sana.

...Berangkat dari sini, maka fakta negara Islam pada zaman kita sekarang, yang di dalamnya memang memperlihatkan kekafiran yang nyata ketika generasi pada zaman ini belum pernah menyaksikan negara tersebut memerintah berdasarkan Islam kemudian di sana muncul kekafiran yang nyata, maka nas-nas yang membolehkan upaya merebut kekuasaan kerana adanya kekafiran yang nyata tidak relevan untuk konteks tersebut.<sup>144</sup>

Ada pun kekafiran yang berpunca dari pemimpin, maka contohnya:

---

<sup>144</sup> *al-Jihad wa al-Qital fi al-Siyasah al-Syar'iyah* (edisi terjemahan oleh A. Fakhri atas judul *Jihad dan Perang Menurut Syariat Islam*; Pustaka Thariqul Izzah, Bogor, 2003), jld. 1, ms. 128-130.

- Sebuah negara yang melaksanakan syari'at Islam, lalu pemimpinnya dalam keadaan sadar lagi mengetahui memansuhkan pelaksanaan tersebut dan menukarnya dengan sesuatu yang lain.
- Seorang pemimpin yang asalnya muslim, kemudian secara sadar, mengetahui dan terang-terang melakukan sesuatu yang boleh menyebabkan dia murtad seperti menghina al-Qur'an, mencela Rasulullah, enggan solat, melarang rakyatnya yang muslim untuk solat dan sebagainya.

Dalam kes-kes seperti di atas, peluang terakhir diberikan kepada pemimpin tersebut dengan nasihat dan teguran. Jika dia tetap berkeras dengan kekafirannya, maka dibolehkan melakukan sesuatu usaha untuk menukar kepemimpinan negara, sekali pun ke tahap mengangkat senjata. Akan tetapi dengan syarat usaha penukaran tersebut tidak menghasilkan kemudaratan yang lebih buruk daripada kemudaratan yang diakibatkan oleh pemimpin yang kafir. 'Abd al-Rahman bin Mu'alla al-Luwaihiq menasihatkan:

Jika nampak kekafiran yang nyata pada diri pemimpin dan dikuatkan dengan bukti-bukti keterangan yang nyata, maka wajib memerangnya. Akan tetapi hal ini tidak berlaku bagi individu-individu dari umat di setiap wilayah sehingga mereka harus bangkit secara persendirian untuk melakukan perlawanan. Sebab jika mereka melakukan hal itu, tentu mereka terlalu mudah untuk ditumpas dan dibasmi, bahkan menjadi sebab merebaknya kekacauan dan huru-hara.

Akan tetapi jika salah seorang tokoh yang ditaati dan dia memiliki anggota yang cukup banyak, yang aktif melaksanakan *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar* serta didukung

oleh kaum muslimin secara keseluruhan, dibolehkan dia maju melakukan perlawanan dan penyerangan berdasarkan syarat-syarat yang sudah disebutkan di atas, (yaitu) dengan tetap memerhatikan kemaslahatan, mempertimbangkan kesan dan hasilnya, membandingkan apa yang dapat dicapai dan apa yang dapat ditolak.

Oleh kerana itu urusan penyerangan terhadap pemimpin yang kafir wajib diserahkan kepada *Ahl al-Hal wa al-'Aqdi* kerana hal ini bukan sekadar sikap yang berhubungan dengan emosi atau tindakan yang dapat dilakukan secara sepiantas lalu sahaja sehingga kekuasaan berada di tangan rakyat. Ini merupakan masalah yang sangat penting dan besar, ia wajib berada di tangan *Ahl al-Hal wa al-'Aqdi*. Mereka wajib bersatu sehingga tidak mampu dilawan oleh orang-orang yang batil. Al-Juwaini berkata: Jika ada yang bertanya, lalu siapakah yang akan menggantikannya? Dapat kami jawab, hak mencabut dan mengangkat pemimpin ada di tangan *Ahl al-Hal wa al-'Aqdi*.

Seruan dalam hadis: *"kecuali apabila melihat kekafiran yang nyata"* begitu juga dengan hadis: *"Tidak, selagi mereka mendirikan solat di tengah kalian"*, ia ditujukan kepada umat secara keseluruhan yang diwakili oleh *Ahl al-Hal wa al-'Aqdi*. Ada pun individu-individu yang terbatas dari umat dan mereka yang hidup di beberapa kelompok masyarakat yang tidak memiliki makna-makna Islam atau yang di dalamnya tidak mampu dibezakan antara iman dan kafir, apa lagi jika jumlah mereka hanya terbatas, maka mereka dituntut untuk bergabung dalam dakwah kepada Allah demi kebaikan umat dan seruan kepada kebaikan dengan mempertimbangkan

kebenaran serta pelaksanaan *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar*.<sup>145</sup>

**F: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* mensyaratkan tidak boleh ada dua atau lebih pemimpin dalam satu masa bagi sesebuah wilayah, sama ada mereka dalam keadaan memimpin atau bertanding untuk menjadi pemimpin.**

**Penjelasan:**

Ini adalah berdasarkan petunjuk-petunjuk Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

*Sesiapa yang datang kepada kalian, sedangkan kalian telah bersepakat ke atas seseorang sebagai pemimpin, lalu orang tersebut ingin memecahkan kesepakatan kalian atau memecah-belahkan kesatuan kalian, maka bunuhlah dia.*<sup>146</sup>

*Jika dua khalifah terpilih dan diberi janji taat setia, maka*

---

<sup>145</sup> *al-Ghuluw fi al-Din fi Hayat al-Muslimin al-Mu'shirah* (edisi terjemahan oleh Kathur Suhardi atas judul: *Ghuluw: Bernalu Dalam Berislam*; Darul Falah, Jakarta, 2003), ms. 355-356.

<sup>146</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 1852 (*Kitab al-Imarah, Bab hukum orang yang memecahkan urusan umat Islam...*).

*bunuhlah orang yang kedua daripadanya.*<sup>147</sup>

*Sesiapa yang telah memberi janji taat setia kepada seorang pemimpin, maka hendaklah dia tetap setia kepadanya secara zahir dan batin, serta mentaatinya semampu mungkin. Jika datang seseorang lain untuk menyaingi kepimpinannya, maka bunuhlah orang itu.*<sup>148</sup>

Sekali lagi, hadis-hadis di atas menerangkan ciri-ciri hukum politik Islam. Ia jauh berbeza dengan hukum politik bukan Islam yang membolehkan seseorang pemimpin itu dicabar jawatannya melalui pilihanraya yang ditandingi oleh sekian parti-parti politik.

Dalam permasalahan ini kita juga dapat belajar daripada pengalaman yang dihadapi oleh umat Islam pada zaman awal, sesudah kewafatan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Apabila *Amirul Mukminin* 'Ali bin Abi Thalib *radhiallahu 'anh* dibunuh, umat Islam berpecah kepada dua kelompok, satu kelompok cenderung mengangkat Hasan bin 'Ali *radhiallahu 'anhuma* sebagai pemimpin manakala kelompok yang kedua cenderung mengangkat Muawiyah bin Abi Sufyan *radhiallahu 'anh* sebagai pemimpin. Sekali pun hadis-hadis di atas jelas melarang wujudnya dua pemimpin, mereka pada masa itu diselubungi kekeliruan sehingga tidak mampu untuk menerapkan petunjuk hadis-hadis tersebut secara tepat.

Akan tetapi Hasan bin 'Ali, sebagai seorang yang berilmu

---

<sup>147</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 1853 (*Kitab al-Imarah, Bab apabila dibai'ah dua khalifah*).

<sup>148</sup> **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 1844 (*Kitab al-Imarah, Bab wajib memenuhi janji taat setia khalifah...*).

lagi berwawasan, memahami dengan tepat petunjuk yang diberi oleh datuknya (Rasulullah). Demi kesatuan umat Islam dan kesejahteraan suasana, beliau menyerahkan jawatan pemimpin kepada Muawiyah dan memberi janji taat setia kepadanya.

Hasan bin ‘Ali dan Muawiyah bin Abi Sufyan adalah dua orang sahabat yang mulia. Akan tetapi di antara kedua-duanya, Hasan lebih mulia kerana kedudukan beliau sebagai cucu Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Akan tetapi beliau tidak menggunakan kemuliaan tersebut untuk kepentingan dirinya sendiri, sebaliknya digunakan untuk kemaslahatan umat Islam. Maka oleh kerana itulah beliau menyerahkan jawatan pemimpin kepada Muawiyah.

Kita, umat Islam masa kini, dapat belajar dan mencontohi pengalaman yang dialami oleh mereka. Hukum politik bukan Islam yang melibatkan beberapa parti bertanding untuk merebut jawatan kepimpinan jelas bercanggah dengan hukum politik Islam. Akan tetapi ini tidaklah bermakna umat Islam saling bunuh-membunuh di antara parti. Sebaliknya hendaklah semua parti Islam bergabung menjadi satu parti, di bawah satu kepimpinan. Sama-sama kita bertanya kepada diri sendiri, apakah kita memperjuangkan kemenangan Islam atau kemenangan parti?

**G: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* menetapkan bahawa ciri-ciri kepimpinan yang disenaraikan di atas tetap sah sepanjang masa.**

**Penjelasan:**

Sekali pun petunjuk Allah dan Rasul-Nya, yakni dalil-dalil al-Qur'an dan hadis-hadis yang sahih berkenaan hukum politik Islam adalah jelas, sebahagian umat Islam tidak beramal dengannya. Mereka memiliki hujah-hujah yang tersendiri dan ia dapat dihimpun menjadi tiga bentuk:

**Bentuk Pertama: *Nasikh dan Mansukh*.**

Mereka berhujah, bahawa dalil-dalil yang dikemukakan dalam bab ini semuanya telah dibatalkan oleh dalil-dalil lain, seperti kewajipan *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar* ('Ali Imran 3:104), kewajipan memerangi golongan yang membuat kezaliman (al-Hujurat 49:09) dan larangan kepada umat Islam untuk bekerjasama dengan orang yang zalim (al-Baqarah 2:124 dan al-Maidah 5:02). Ayat-ayat yang dimaksudkan adalah:

*Dan hendaklah (sebahagian) kamu menyeru (berdakwah) kepada kebajikan dan menyuruh yang ma'ruf serta melarang daripada yang mungkar. Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.* [Ali Imran 3:104]

*Jika salah satunya berlaku zalim terhadap yang lain, maka lawanlah puak yang zalim itu sehingga ia kembali*

*mematuhi perintah Allah.* [al-Hujurat 49:09]

*Allah berfirman: “Janjiku ini tidak bukan untuk orang-orang yang zalim.”* [al-Baqarah 2:124]

*Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya).* [al-Maidah 5:02]

Para ilmuan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* menjawab, bahawa dalil-dalil yang dimaksudkan bersifat umum, manakala dalil-dalil untuk urusan kepimpinan bersifat khusus. Maka dalil-dalil yang khusus terkecuali daripada dalil-dalil yang umum. Mudahnya, umat Islam diperintahkan untuk menyelisih kezaliman dan melarang kemungkaran kecuai jika ia berkaitan dengan urusan kepimpinan, dimana umat Islam diperintahkan untuk tetap setia kepada pemimpin yang zalim dan melarang kemungkaran mereka melalui nasihat yang hikmah dan tertutup.<sup>149</sup>

---

<sup>149</sup> Penjelasan yang lebih terperinci akan hujah-hujah bentuk pertama ini dan jawapan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* terhadapnya telah diberi oleh:

1. ‘Abd al-Rahman bin Mu‘alla al-Luwaihiq dalam bukunya *al-Ghuluw fi al-Din fi Hayat al-Muslimin al-Mu’shirah* (edisi terjemahan oleh Kathur Suhardi atas judul: *Ghuluw: Bernalu Dalam Berislam*; Darul Falah, Jakarta, 2003).
2. Muhammad Khair Haikal dalam bukunya *al-Jihad wa al-Qital fi al-Siyasah al-Syar‘iyyah* (edisi terjemahan oleh A. Fakhri atas judul *Jihad dan Perang Menurut Syariat Islam*; Pustaka Thariqul Izzah, Bogor, 2003), jld. 1, ms. 116-117.

### **Bentuk Kedua: Takwil.**

Mereka berhujah, dalil-dalil tersebut adalah tidak sah untuk diamalkan kepada pemimpin sesebuah negara yang dilantik melalui proses demokrasi. Ia hanya sah untuk khalifah seluruh umat Islam yang dilantik melalui salah satu dari tiga cara berikut:

- Khalifah yang dilantik oleh *Ahl al-Hal wa al-'Aqdi*, seperti perlantikan Abu Bakar al-Shiddiq *radhiallahu 'anh*.
- Khalifah yang diwasiatkan oleh pemimpin yang sebelumnya, seperti perlantikan 'Umar bin al-Khaththab yang diwasiatkan oleh Abu Bakar al-Shiddiq *radhiallahu 'anhuma*.
- Khalifah yang diserahkan jawatan kepimpinan oleh pemimpin lain, seperti tindakan Hasan bin 'Ali yang menyerahkan jawatan kepimpinan kepada Muawiyah bin Abi Sufyan *radhiallahu 'anhuma*.

Selain itu mereka juga berhujah, bahawa alasan dilarang menyelisih pemimpin yang fasiq dan zalim adalah untuk mengelakkan pertumpahan darah. Ada pun dalam sistem pelbagai parti, pertumpahan darah tidak berlaku. Oleh itu boleh mengamalkan sistem pelbagai parti untuk menyelisih dan menurunkan pemimpin yang fasiq dan zalim.

Hujah-hujah ini dapat dijawab seperti berikut:

1. Jika diperhatikan semua dalil-dalil yang mewajibkan kesetiaan kepada pemimpin yang zalim, tidak satu jua daripadanya yang mensyaratkan cara pemimpin itu dilantik. Semuanya menyebut pemimpin secara umum, bererti ia ditujukan kepada semua pemimpin yang mengurus hal-

ehwal umat Islam dan negara tanpa membezakan cara mereka dilantik.

2. Jika ditakwil bahawa dalil-dalil dalam urusan kepimpinan hanya sah untuk khalifah seluruh umat Islam, pihak yang enggan melaksanakan syari'at Islam dalam kepimpinan negara juga boleh menggunakan hujah yang sama. Mereka akan berkata: "Pelaksanaan syari'at Islam hanya merupakan kewajipan khalifah seluruh umat Islam, ia bukan kewajipan pemimpin sesebuah negara yang dilantik melalui proses demokrasi." Alasan ini sudah tentu tertolak, maka tertolak juga mereka yang mentakwil pada awalnya.
3. Benar, bahawa sebab di sebalik larangan menyelisih pemimpin yang fasiq dan zalim adalah untuk mengelakkan pertumpahan darah. Akan tetapi ia bukanlah satu-satunya sebab. Terdapat banyak sebab lain, seperti perpecahan di kalangan umat Islam, rosaknya sifat *al-Wala' wa al-Bara'*, saling berburuk sangka di antara umat Islam, saling fitnah memfitnah di antara umat Islam dan peluang untuk kaum bukan Islam untuk merebut hak orang Islam.<sup>150</sup>

### **Bentuk Ketiga: Sejarah.**

Mereka juga berhujah dengan beberapa peristiwa sejarah dimana generasi *al-Salaf al-Shalih* turut menarik kesetiaan daripada

---

<sup>150</sup> Abu Nashr Muhammad bin 'Abd Allah telah menyenaraikan 45 keburukan di sebalik hukum politik bukan Islam kepada agama dan umat. Sila rujuk bukunya *Tanwir al-Zhulumat bi Kasyfi Mafasid wa Syubhat al-Intikhabat* (edisi terjemahan oleh Ahmad Yuswaji & Arif Mufid atas judul *Menggugat Pemilu dan Demokrasi*; Darul Hadits, Jakarta 2004).

pemimpin yang fasiq dan zalim, bahkan ada yang ke tahap mengangkat senjata. Maka tindakan tersebut menunjukkan dalam bab ini tidak terdapat kesepakatan di antara generasi *al-Salaf al-Shalih*, serta boleh mengikuti tindakan sebahagian daripada *al-Salaf al-Shalih* yang menarik kesetiaan daripada pemimpin yang fasiq dan zalim.

Hujah ini dijawab, bahawa peristiwa tersebut benar-benar berlaku di kalangan sebahagian generasi *al-Salaf al-Shalih*. Ibn Taimiyyah menerangkan bahawa ia berlaku di kalangan mereka kerana sebab-sebab berikut:

1. Dalil-dalil dalam urusan kepimpinan tidak sampai kepada mereka.
2. Dalil-dalil tersebut mereka anggap tidak sah.
3. Dalil-dalil tersebut mereka anggap telah dibatalkan.
4. Dalil-dalil tersebut mereka takwilkan, dan ini merupakan sebab yang utama.<sup>151</sup>

Namun setelah melihat hasil kerosakan yang lebih besar berbanding kerosakan yang dilakukan oleh pemimpin yang fasiq dan zalim, generasi *al-Salaf al-Shalih* yang berijtihad untuk menyelisih pemimpin yang fasiq dan zalim menyedari kesilapan mereka. Ini kerana mustahil dalam petunjuk Allah dan Rasul-Nya terdapat sesuatu yang menambah kerosakan kepada agama dan umat, melainkan ia telah mereka salah fahami. Akhirnya mereka, *rahimahumullah*, kembali kepada petunjuk Allah dan Rasul-Nya tanpa sebarang penakwilan atau alasan yang lain. ‘Abd al-Rahman

---

<sup>151</sup> *Minhaj al-Sunnah al-Nabawiyah fi Naqd Kalam al-Syi'ah wa al-Qadariyyah*, jld. 4, ms. 538.

bin Mu‘alla al-Luwaihiq menjelaskan:

Kesalahan ini (menyelisihi pemimpin yang fasiq dan zalim) juga pernah terjadi kepada sebahagian golongan Salaf tetapi kesalahan golongan Salaf itu bukan alasan bagi tindakan golongan sesudah mereka sehingga mereka boleh melakukan tindakan yang sama. Husain bin ‘Ali *radhiallahu ‘anh* dan penduduk al-Hurrah serta para penghafal al-Qur‘an yang memerangi al-Hajjaj, masing-masing di antara mereka keluar kerana rasa marah demi agama disebabkan oleh kezaliman para pemimpin dan kerana (para pemimpin) meninggalkan sunnah Nabawiyyah. Mereka memang menuntut kebenaran, hanya saja keliru tentang apa yang mereka lakukan dan kesalahan mereka itu nampak jelas sehingga mereka pun sama sekali tidak dipuji setelah peperangan selesai.

Masalah ijtihad dan takwil merupakan masalah yang sangat luas, pelakunya boleh melakukan penakwilan yang akibatnya dia boleh meyakini sesuatu yang tadinya haram hingga menjadi halal, bahkan mereka boleh meyakini kewajipan memerangi orang yang semestinya tidak boleh diperangi sama sekali (iaitu para pemimpin). Meski pun tingkatan keilmuan dan darjat agama mereka sudah diketahui, namun tetap saja, mereka tidak boleh meninggalkan al-Sunnah dan petunjuk yang jelas hanya kerana mengikuti takwil tersendiri.<sup>152</sup>

Ada pun hujah tidak terdapat kesepakatan di kalangan generasi *al-Salaf* dalam sikap terhadap pemimpin yang fasiq dan zalim, ia dijawab bahawa ketiadaan itu hanya berlaku pada masa

---

<sup>152</sup> *al-Ghuluw fi al-Din*, ms. 360-361 dan beliau menyandarkan kata-kata di atas kepada Ibn Taimiyyah.

awal. Iaitu ketika tidak sampai kepada sebahagian generasi *al-Salaf al-Shalih* dalil-dalil yang dimaksudkan, atau ketika mereka menganggapnya tidak sah, atau ketika mereka menganggapnya telah dibatalkan atau ketika mereka mentakwilkannya. Namun apabila jelas kepada mereka berkenaan empat faktor tersebut, ditambah dengan kesan kerosakan yang lebih besar akibat daripada tindakan mereka menyelisih pemimpin yang fasiq dan zalim, mereka kembali bersatu dan bersepakat untuk mengikuti dalil-dalil tersebut. Ia selanjutnya menjadi kesepakatan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, tidak ada yang menyelisihinya di kemudian hari kecuali aliran selain *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.

## **Berkenalan Dengan Ciri-Ciri *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* Dalam Berinteraksi Dengan Kaum Bukan Islam.**

### **Pengenalan:**

Dalam kitab-kitab fiqh terdapat kupasan tentang hukum *Ahl al-Dzimmi*, iaitu kaum bukan Islam yang hidup di bawah perjanjian dengan umat Islam. Mereka (kaum bukan Islam) membayar jizyah kepada umat Islam dan umat Islam pula menjanjikan keselamatan bagi mereka.

Akan tetapi kita di Malaysia memiliki beberapa keistimewaan yang menyebabkan hukum-hukum *Ahl al-Dzimmi* tidak boleh diterapkan. Antaranya, kaum bukan Islam tidak membayar jizyah kepada umat Islam. Selain itu keselamatan Malaysia dijaga oleh seluruh rakyatnya, termasuk kaum bukan Islam. Sekali pun majoriti yang menganggotai tentera dan polis adalah kaum Melayu yang beragama Islam, kita tidak boleh nafikan kewujudan anggota yang bukan beragama Islam.

Sejauh kajian saya, suasana masyarakat majmuk di Malaysia adalah sesuatu yang belum dikupas secara terperinci oleh para ilmuan Islam. Namun hal ini tidak boleh dijadikan alasan untuk membiarkan subjek ini dalam satu ruang yang vakum. Jika dirujuk kepada al-Qur'an dan al-Sunnah, akan ditemui beberapa ciri yang dapat membentuk dasar kita dalam berinteraksi dengan kaum bukan Islam.

**A: *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* membahagikan kaum bukan Islam kepada dua kategori:**

- 1. Kaum bukan Islam yang bersikap neutral terhadap Islam dan umatnya,**
- 2. Kaum bukan Islam yang bersikap memusuhi Islam dan umatnya.**

Terhadap kaum bukan Islam kategori pertama, dibolehkan untuk berinteraksi dengan mereka secara baik (*ma'ruf*) dan adil. Akan tetapi bagi kaum bukan Islam kategori kedua, tidak dibolehkan berinteraksi dengan mereka melainkan dengan ketegasan.

**Penjelasan:**

Pembahagian ini adalah berdasarkan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

*Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan*

*berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.*

*Sesungguhnya Allah hanyalah melarang kamu daripada menjadikan teman rapat orang-orang yang memerangi kamu kerana agama (kamu), dan mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, serta membantu (orang lain) untuk mengusir kamu. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjadikan mereka teman rapat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim. [al-Mumtahanah 60:8-9]*

Jika dikaji keseluruhan ayat-ayat al-Qur'an dan sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, akan ditemui sebahagian dalil yang menyuruh kita berbuat baik dan adil kepada kaum bukan Islam dan sebahagian lagi yang menyuruh kita bersikap tegas kepada mereka. Pada zahirnya kelihatan dalil-dalil ini seolah-olah bercanggah antara satu sama lain. Akan tetapi ayat 8 dan 9 surah al-Mumtahanah di atas menutup percanggahan di atas dengan membahagikan kaum bukan Islam kepada dua kategori.

Pada pengamatan saya, kaum bukan Islam di Malaysia secara majoriti duduk dalam kategori pertama. Oleh itu boleh, malah patut kita berinteraksi dengan mereka dalam kebaikan dan keadilan seperti mengucapkan "Selamat Pagi", duduk semeja minum kopi dan ziarah-menziarah. Terdapat dua manfaat besar dalam interaksi ini:

1. Kita dapat membuka ruang untuk mendakwahkan Islam kepada mereka.

2. Kita dapat belajar beberapa ilmu yang mereka miliki dan meneladani apa-apa sikap mereka yang baik, yang tidak bertentangan dengan Islam. Jika dirujuk kepada sirah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, baginda juga mengambil manfaat daripada kelebihan yang dimiliki oleh kaum bukan Islam.

Namun dalam berinteraksi dengan mereka, terdapat beberapa perkara penting yang perlu diperhatikan:

**Pertama:**

Tidak boleh beranggapan bahawa agama mereka adalah sama atau setaraf dengan agama Islam. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

*Dia-lah (Allah) yang telah mengutus Rasul-Nya (Muhammad) dengan membawa hidayah petunjuk dan agama yang benar (Islam), supaya Dia memenangkannya dan meninggikannya atas segala bawaan agama yang lain; dan cukuplah Allah menjadi Saksi (tentang kebenaran apa yang dibawa oleh Rasul-Nya itu).* [al-Fath 48:28]

**Kedua:**

Tidak boleh mengutamakan kaum bukan Islam dan membelakangkan umat Islam. Tidak boleh mengambil mereka sebagai *Wali*, iaitu pelindung, sahabat akrab dan tempat ditujukan kesetiaan. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

*Janganlah orang-orang yang beriman mengambil orang-orang kafir menjadi wali dengan meninggalkan orang-orang*

*yang beriman. Dan sesiapa yang melakukan (larangan) yang demikian maka tiadalah dia (mendapat perlindungan) dari Allah dalam sesuatu apapun, kecuali jika kamu hendak menjaga diri daripada sesuatu bahaya yang ditakuti dari pihak mereka (yang kafir itu). Dan Allah perintahkan supaya kamu beringat-ingat terhadap kekuasaan diri-Nya (menyiksa kamu). Dan kepada Allah jualah tempat kembali. [‘Ali Imran 3:28]*

Pengecualian diberikan kepada seseorang yang terpaksa, seperti orang yang pergi belajar ke negara bukan Islam dimana dia terpaksa meminta perlindungan daripada pihak polis negara tersebut dari sesuatu bahaya. Atau sebuah negara Islam yang diserang oleh negara yang lain, tiada negara Islam yang membantunya sehingga dia terpaksa meminta bantuan negara lain yang bukan Islam. Kes-kes terpaksa seperti ini dibolehkan, sebagaimana firman Allah di atas yang bermaksud: “...*kecuali jika kamu hendak menjaga diri daripada sesuatu bahaya yang ditakuti dari pihak mereka.*”

Lebih lanjut rujuk semula ke bab aqidah berkenaan ciri-ciri *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dalam cinta dan benci kerana Allah serta konsep *al-Wala' wa al-Bara'*.

### **Ketiga:**

Dalam rangka berinteraksi dengan kaum bukan Islam dalam kebaikan dan keadilan, tidak boleh sehingga ke tahap menyekutukan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Ayat berikut membezakan dua perkara ini:

*Dan jika mereka berdua (ibubapa yang bukan Islam)*

*mendesakmu supaya engkau mempersekutukan dengan-Ku sesuatu yang engkau - dengan fikiran sihatmu - tidak mengetahui sungguh adanya maka janganlah engkau taat kepada mereka; dan bergaullah dengan mereka di dunia dengan cara yang baik (ma'ruf).* [Luqman 31:15]

Ayat di atas sekali pun membicarakan hubungan antara anak yang muslim dengan ibubapanya yang bukan Islam, pengajaran yang dapat diambil daripadanya dapat diperluaskan kepada hukum interaksi antara kita dengan kaum bukan Islam.

Oleh itu tidak boleh turut serta meraikan upacara-upacara ibadah kaum bukan Islam, seperti turut pergi ke gereja untuk meraikan Hari Krismas, ke kuil untuk meraikan Hari Deepavali serta Tahun Baru Cina dan sebagainya. Walaubagaimana pun timbul perbincangan, apakah boleh mengucapkan “Selamat” kepada hari-hari perayaan keagamaan kaum bukan Islam dan menziarahi mereka pada hari-hari tersebut? Perbincangan ini membuahkan dua pandangan:

1. Tidak boleh mengucapkan “Selamat” dan menziarahi mereka melainkan dalam suasana terpaksa.
2. Tidak boleh mengucapkan “Selamat” dan menziarahi mereka kecuali atas strategi dakwah, iaitu agar hubungan tetap terjalin dengan kaum bukan Islam demi memudahkan usaha-usaha dakwah pada kemudian hari.

Apabila berhadapan dengan kaum bukan Islam kategori kedua, hendaklah kita tetap berlaku adil. Tidak boleh menjadikan permusuhan yang ditonjolkan oleh sebahagian kaum bukan Islam

sebagai hujah untuk mendudukkan keseluruhan kaum bukan Islam dalam kategori kedua. Sebagai contoh, tidak boleh memusuhi seluruh rakyat Amerika kerana tindakan pemimpin mereka yang memusuhi Islam dan umatnya. Sebagaimana yang kita sedia ketahui, majoriti rakyat Amerika memiliki pandangan yang neutral terhadap Islam dan tidak setuju dengan tindak-tanduk pemimpin mereka. Mereka tidak termasuk dalam apa yang disebut sebagai “..., *serta membantu (orang lain) untuk mengusir kamu.*” [al-Mumtahanah 60:09]

Sebahagian rakyat Amerika ada yang memusuhi Islam dan umatnya, akan tetapi permusuhan tersebut lebih kepada salah faham dan kegagalan kita sendiri untuk menampilkan imej yang sebenar tentang Islam.

Oleh itu hendaklah bersikap adil sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

***Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.*** [al-Maidah 5:08]

## **Penutup.**

Jika para pembaca telah mengkaji ciri-ciri *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* sejak dari permulaan buku ini, akan ditemui satu ciri yang amat terserlah, iaitu kedudukan pertengahan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* di antara pelbagai pemikiran dan perbuatan. Di antara pemikiran dan perbuatan tersebut ada yang bersifat berlebihan dan ada pula yang bersifat meremehkan. *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* berada di pertengahan dan mereka menerangkan kepada kedua-dua pihak apa yang benar dan apa yang salah. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menerangkan ciri-ciri ini dalam firman-Nya:

*Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu.* [al-Baqarah 2:143]

Sebuah lagi ciri *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, sebagaimana istilahnya, adalah berjamaah. Berjamaah di sini bukan bermaksud berbilang jamaah dengan setiap satu darinya mendakwa merekalah *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang terbaik, paling benar dan paling tulen. Akan tetapi ia adalah satu jamaah yang berdiri di atas ciri-ciri yang telah disebut dalam buku ini. Dalam rangka berjamaah, *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* menerima perbezaan

pendapat selagi mana ia tidak terkeluar dari ciri-ciri yang disebut dalam buku ini. Jika ditemui individu atau kumpulan yang terkeluar dari ciri-ciri tersebut, *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* berusaha untuk menarik kembali mereka dengan penjelasan yang hikmah dan bertahap-tahap.

*Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* berusaha sedaya upaya untuk mengelakkan perpecahan, sama ada di antara sesama mereka secara khusus atau sesama umat Islam secara umum, kerana ia adalah sesuatu yang dilarang oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Untuk memelihara persatuan dan mengelak perpecahan, *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* memerhatikan paling kurang empat faktor berikut:

**Pertama: Mengingati nikmat Islam yang Allah kurniakan.**

Satu masa lalu kita semua hidup dalam suasana jahiliyah dan berpecah-pecah, lalu Allah memberi kepada kita nikmat Islam dan dengan nikmat itu Allah menyatu-padukan hati kita. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

*Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan (satu masa dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara. [‘Ali Imran 3:103]*

Apabila umat lupa akan nikmat Islam yang Allah kurniakan, maka berlakulah sikap angkuh, sombong serta sikap membela puak (jamaah atau aliran) tersendiri. Sikap-sikap ini

menyebabkan umat Islam saling berpecah dan bermusuhan sebagaimana yang dapat dilihat pada hari ini. Maka hendaklah kita semua kembali mengingati nikmat Islam yang Allah kurniakan kepada kita dengan cara bersyukur, rendah diri dan benci kepada perpecahan berpuak-puak. Dengan ingatan ini Allah *Subhanahu wa Ta'ala* akan menyatukan hati kita.

*Dan (Dia lah) yang menyatu-padukan di antara hati mereka (orang-orang yang beriman itu). Kalaulah engkau membelanjakan segala (harta benda) yang ada di bumi, nescaya engkau tidak dapat juga menyatu-padukan di antara hati mereka, akan tetapi Allah telah menyatu-padukan di antara (hati) mereka. Sesungguhnya Dia Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. [al-Anfal 8:63]*

#### **Kedua: Berpegang kepada keseluruhan ajaran Islam.**

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

*Dan di antara orang-orang yang berkata: “Bahawa kami ini orang-orang Nasrani”, Kami juga telah mengambil perjanjian setia mereka, maka mereka juga melupakan (meninggalkan) sebahagian dari apa yang diperingatkan mereka dengannya, lalu Kami tanamkan perasaan permusuhan dan kebencian di antara mereka, sampai ke Hari Kiamat; dan Allah akan memberitahu mereka dengan apa yang telah mereka kerjakan. [al-Maidah 5:14]*

Dalam ayat di atas, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menerangkan sikap kaum Nasrani yang memungkiri perjanjian mereka kepada Allah. Mereka berpegang kepada sebahagian dan memungkiri sebahagian yang lain. Sikap ini akhirnya menyebabkan

berlakunya permusuhan dan kebencian di antara mereka sehingga akhirnya mereka berpecah kepada beberapa aliran sebagaimana yang nampak pada hari ini.

Kita umat Islam juga telah membuat perjanjian dengan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Perjanjian kita adalah bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan Muhammad adalah pesuruh Allah. Dengan perjanjian ini kita bersaksi bahawa hanya Allah yang layak menurunkan satu agama kepada kita, iaitu Islam. Agama itu pula diturunkan-Nya secara lengkap dan sempurna melalui pesuruh-Nya: Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam*.

Apabila umat Islam mula meninggalkan perjanjian ini, iaitu dengan berpegang kepada sebahagian ajaran Islam, mengabaikan sebahagian yang lain dan membuat-buat ajaran tersendiri, maka berlakulah perpecahan dengan sikap permusuhan dan kebencian di antara satu sama lain. Perhatikan pecahan-pecahan umat Islam yang wujud sepanjang sejarah hingga ke saat ini. Tidaklah setiap dari pecahan itu wujud melainkan mereka memiliki ciri-ciri berpegang kepada sebahagian ajaran Islam, mengabaikan sebahagian yang lain dan mencipta sesuatu yang baru ke dalam Islam.

Oleh itu untuk kita bersatu, hendaklah kita berpegang kepada keseluruhan agama Islam yang tulen. Janganlah kita berpecah-pecahan, berkelompok-kelompok, berjamaah-jamaah dan berparti-parti. Sebaliknya hendaklah kita bersatu sebagai *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, berjamaah di atas keseluruhan agama Islam.

**Ketiga: Menjauhi sikap dengki antara satu sama lain.**

Kedengikian memainkan peranan penting dalam memecah-

belahkan umat Islam sebagaimana yang disebut oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam firman-Nya:

***Dan tiadalah umat tiap-tiap Rasul berpecah belah (dalam menjalankan agama Allah) melainkan setelah sampai kepada mereka ajaran-ajaran yang memberi mereka mengetahui (apa yang benar dan apa yang salah); berlakunya (perselisihan yang demikian) semata-mata kerana dengki sesama sendiri.*** [al-Syura 42:14]

Kedengkian adalah membenci sesuatu kelebihan yang dimiliki oleh saudaranya, sebagaimana yang telah dijelaskan dalam bab akhlak. Sebegitu besar peranan kedengkian sebagai faktor utama perpecahan sehingga Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mengajar kita doa untuk membersihkan kedengkian tersebut:

***Wahai Tuhan Kami! Ampunkanlah dosa kami dan dosa saudara-saudara kami yang mendahului kami dalam iman, dan janganlah Engkau jadikan dalam hati perasaan dengki dan dendam terhadap orang-orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau Amat Melimpah Belas kasihan dan Rahmat.*** [al-Hasyr 59:10]

Punca kedengkian dan cara-cara mengubatnya telah dijelaskan dalam bab akhlak *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.

#### **Keempat: Berwaspada terhadap hasutan syaitan.**

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

***Dan katakanlah kepada hamba-hamba-Ku (yang beriman), supaya mereka berkata dengan kata-kata yang amat baik; sesungguhnya Syaitan itu sentiasa menghasut di antara***

***mereka (yang beriman); sesungguhnya Syaitan itu adalah musuh yang amat nyata bagi manusia. [al-Isra' 17:53]***

Sebagai musuh utama umat Islam, syaitan memiliki pelbagai strategi untuk memecah-belahkan umat Islam. Antara strateginya ialah menghasut sesama umat Islam dengan sangkaan buruk dan gosip yang dusta. Sehingga akhirnya umat Islam saling berpecah dan bermusuhan semata-mata kerana prasangka dan gosip yang dusta. Merupakan satu hakikat yang tidak dapat dinafikan bahawa kebanyakan daripada perpecahan yang berlaku di kalangan umat Islam masa kita adalah kerana berburuk sangka dan mempercayai gosip yang dusta.

Maka hendaklah kita berwaspada dengan strategi hasutan syaitan ini. Hendaklah kita saling berkata-kata yang baik, iaitu berbaik sangka dan tidak mencari atau menyebarkan berita kecuai yang baik. Berkata-kata yang baik akan saling mententeramkan hati sehingga dengan itu kita saling mencintai dan berjamaah kerana Allah.

Lain-Lain Buku oleh Hafiz Firdaus Abdullah

Marilah Mendirikan Sembahyang  
Jahabersa 2000

Pedoman-Pedoman Bermazhab Dalam Islam  
Edisi Pertama: Jahabersa 2000  
Edisi Baru: Jahabersa 2004, juga edisi e-book di [www.al-firdaus.com](http://www.al-firdaus.com)

Panduan Ibadah Dalam Musafir Penerbangan  
Jahabersa 2000, juga edisi e-book di [www.al-firdaus.com](http://www.al-firdaus.com)

Solat Tarawikh: Satu Perbahasan Ke Atas Fatwa Yang  
Menetapkannya kepada 20 Rakaat.  
Jahabersa 2000

20 Hujah Golongan Anti Hadis dan Jawapannya  
Jahabersa 2002 & 2005, juga edisi e-book di [www.al-firdaus.com](http://www.al-firdaus.com)

Kaedah Memahami Hadis-Hadis Yang Saling Bercanggah.  
Jahabersa 2002, juga edisi e-book di [www.al-firdaus.com](http://www.al-firdaus.com)

Kaedah Memahami Hadis-Hadis Musykil  
Jahabersa 2003, juga edisi e-book di [www.al-firdaus.com](http://www.al-firdaus.com)

Pembongkaran Jenayah Ilmiah Buku Salafiyah Wahabiyah: 73  
Penilaian Semula Ke Atas Penilaian Zamihan Mat Zin al-Ghari  
Jahabersa 2003

Apakah Jihad Di Jalan Allah ?  
Buku 1: Definisi, Kepentingan dan Kemuliaan Jihad  
Jahabersa 2003  
Buku 2: Hukum dan Syarat-Syaratnya  
Jahabersa 2004

Jawapan Ahl al-Sunnah kepada Syi'ah al-Rafidhah dalam

Persoalan Khalifah.

Siri Pertama: Definisi Syi'ah al-Rafidhah, Sejarah Kelahiran Syi'ah al-Rafidhah dan 5 Strategi Asas Syi'ah al-Rafidhah Dalam Berhujah.  
Jahabersa 2004, juga edisi e-book di [www.al-firdaus.com](http://www.al-firdaus.com)

Siri Kedua: Jawapan Ahl al-Sunnah kepada ayat-ayat al-Qur'an yang dijadikan hujah oleh Syi'ah dalam persoalan khalifah.  
Jahabersa 2004, juga edisi e-book di [www.al-firdaus.com](http://www.al-firdaus.com)

Siri Ketiga: Jawapan Ahl al-Sunnah kepada hadis-hadis Rasulullah yang dijadikan hujah oleh Syi'ah dalam persoalan khalifah.  
Jahabersa 2005

Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah

Buku 1

Jahabersa 2004

Buku 2

Jahabersa 2005

Buku 3

Jahabersa 2005

Buku 4

Jahabersa 2006

Buku 5

Jahabersa 2007

Menelan Air Liur Tidak Membatalkan Puasa (Himpunan Risalah Berkenaan Puasa dan Permasalahannya)

Jahabersa 2005, juga edisi e-book di [www.al-firdaus.com](http://www.al-firdaus.com)

Marilah Berkenalan Dengan al-Qur'an

Jahabersa 2005, juga edisi e-book di [www.al-firdaus.com](http://www.al-firdaus.com)

Edisi terjemahan Inggeris: Let's Get Acquainted With Al-

Qur'an (Jahabersa 2007)

Wahai Ibu! Wahai Ayah!  
Jahabersa 2006

11 Perkara Yang Mencemari Kemurnian Tauhid  
Jahabersa 2006

Mencari Rahmat Allah Di Sebalik Perbezaan Pendapat  
Jahabersa 2006, juga edisi e-book di [www.al-firdaus.com](http://www.al-firdaus.com)

7 Tipu Daya Syaitan Ke Atas Umat Islam  
Jahabersa 2007

Penulis anda, Hafiz Firdaus bin Abdullah lahir di Kuala Lumpur pada tahun 1971 dan mendapat pendidikan rendah dan menengah di St. John's Institution, Bukit Nanas, Kuala Lumpur. Pada tahun 1989 beliau menyertai Penerbangan Malaysia (Malaysia Airlines) sebagai seorang juruterbang.

Sejak awal beliau memiliki minat yang besar dalam ilmu-ilmu agama. Kerjayanya sebagai juruterbang memberi banyak kelebihan (advantage) bagi beliau untuk memahami agama dari perspektif yang lebih luas. Pada waktu yang sama beliau juga dapat menimba ilmu daripada pelbagai tokoh dan sumber di serata dunia.

Hafiz Firdaus mula menulis sejak tahun 1999. Manhaj beliau ialah mengkaji sesuatu topik daripada sumber khazanah ilmu tokoh-tokoh terdahulu lalu menyusun dan menyampaikannya dalam bentuk yang mudah lagi relevan dengan isu-isu terkini.

Alhamdulillah buku-buku Hafiz Firdaus mendapat sambutan yang baik di Malaysia dan negara-negara jiran. Buku-buku beliau dalam versi e-book boleh dilawat di: [www.al-firdaus.com](http://www.al-firdaus.com) dan [www.hafizfirdaus.com](http://www.hafizfirdaus.com)

Ringkasnya, sesiapa jua yang memiliki manhaj mengkaji dan menganalisa dalam berinteraksi dengan ilmu-ilmu agama akan mendapati buku-buku Hafiz Firdaus sebagai sumber kajian dan analisa yang sesuai untuk mereka.